



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 16)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2006	
<u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B. 27	(Halaman 16)
Maksud B. 28	(Halaman 54)
USUL-USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2006	
<u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P. 27	(Halaman 16)
Maksud P. 28	(Halaman 54)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 15)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) - UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) - MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) - UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) - UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhoramt Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) - UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) - UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) - UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA

8. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) - MIC
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) - UMNO
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO

10. Yang Berhormat Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) - MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) - UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. Yang Berhormat Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP

49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) - UMNO
85. Yang Berhormat Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO

86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) - UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) - UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) - UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) - UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) - UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) - UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) - UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) - UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) - UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) - UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) - DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) - UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) - DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) - UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) - UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. Yang Berhormat Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO

- | | | |
|------|---|--|
| 123. | “ | Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA |
| 124. | “ | Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA |
| 125. | “ | Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS |

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Hajah Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 22 November 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan adakah kerajaan akan mengambil langkah-langkah bagi memperkenalkan akta/undang-undang berkaitan perlindungan data peribadi pengguna bagi mengekang penjualan data-data peribadi tersebut oleh syarikat teknologi maklumat (IT) kepada individu atau syarikat yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang berusaha untuk menggubal undang-undang perlindungan yang berkaitan dengan data peribadi bagi melindungi data peribadi pengguna, di samping bagi meningkatkan kepercayaan, keyakinan pengguna dalam transaksi elektronik.

Undangan ini akan mengawal pengutipan, penyimpanan, pemprosesan dan penggunaan data peribadi dengan adanya perundangan tersebut, adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana syarikat termasuk mana-mana syarikat teknologi (IT) yang menyimpan data peribadi untuk menyebarkan dan menjual data peribadi individu kepada pihak ketiga tanpa kebenaran individu berkenaan.

Draf Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi (PDP) sedang dimuktamadkan oleh Jabatan Peguam Negara dan dijadualkan akan dibentangkan dalam sesi Parlimen pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu pemegang lesen individu di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dikehendaki mengambil langkah-langkah bagi memastikan pekerja, ejen, perunding atau mana-mana pihak ketiga yang terlibat dalam urusan atau mempunyai akses data peribadi pelanggan tidak menggunakan data tersebut tanpa kebenaran pelanggan berkenaan, terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kemudahan yang diperolehi pada waktu ini dalam soal kita berada di dunia teknologi maklumat ini adalah sangat baik dan harus dimanfaatkan oleh rakyat sebaik-baik mungkin secara positif. Tapi pada akhir-akhir ini dilihat bahawa nikmat yang ada ini telah disalahgunakan oleh sesetengah pihak untuk tujuan-tujuan tertentu, memburuk-burukkan individu tertentu, membuat fitnah dan sebagainya, tapi malangnya tidak ada akta-akta yang dimaksudkan tadi untuk menahan dan sebagainya.

Jadi, saya difahamkan kerajaan sedang dalam proses menggubal dan dalam peringkat akhir dan diharapkan senario yang ada ini dapat dimasukkan sekali dalam akta ini nanti supaya membolehkan diri kita rasa terlindung, rasa kita tidak tergugat sebab keadaan ini membawa ketidakselesaan kepada orang ramai. Saya dapat kadang-kadang SMS, fitnah, macam pagi tadi pun terima SMS yang bukan-bukan atau pun kadangkala ada orang

datang ke rumah kita yang kita tak tahu siapa. Sebenarnya data peribadi ini ada di syarikat-syarikat yang memberikan sewenang-wenangnya kepada pihak-pihak tertentu. Jadi, saya takut, ini disalah guna dan membawa ketidaktertenteraman kepada rakyat. Jadi, oleh kerana itu, perkara ini harus diberikan perhatian. Bersetuju tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ini perlu diaktakan secepat mungkin?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tetapi suka juga saya jelaskan di sini, walaupun Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi ini masih lagi belum dimuktamadkan bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara, ingin saya jelaskan, di bawah Akta Multimedia dan Komunikasi 1998, juga memperuntukkan di bawah Seksyen 211 dan 233 yang mana tidak membenarkan individu-individu menggunakan alat-alat telekomunikasi untuk menyebarkan maklumat fitnah, lucah dan sebagainya. Jika terdapat mana-mana pihak menggunakan kemudahan-kemudahan seperti SMS ini, untuk menyebar fitnah dan juga maklumat-maklumat lucah, tindakan denda boleh diambil yang mana denda maksimum sebanyak RM50,000 atau denda setahun penjara boleh dikenakan kepada mana-mana pihak.

Di samping itu, untuk lebih mengetatkan lagi supaya tidak ada mana-mana pihak menggunakan SMS ini untuk tujuan memfitnah dan sebagainya, kerajaan juga telah meminta supaya kementerian ini mendaftarkan telefon *prepaid* yang mana pada hari ini tengah dilakukan dalam *pilot project* di dua buah negeri iaitu di Melaka dan juga di Pulau Pinang dan hasil daripada *pilot project* ini akan dianalisis pada hujung tahun ini pada bulan dua belas, sebelum kita lakukan pendaftaran *prepaid* ini ke seluruh negeri pada tahun hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sama ada Menteri-Menteri mengadakan satu mogok beramai-ramai, sekarang nampaknya dua blok semuanya kosong. Tak tahu kenapa ada berlaku, saya rasa apabila ada dua blok, semua kosong, ini adalah serius, bukan tanya apa, ini *public interest, public interest ... [Disampuk]* dan soalan saya ialah kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa atau Setiausaha Parlimen, bahawa kita dalam peringkat terakhir mengenai penggubalan *Data Protection Act* kita dengar dekat sepuluh tahun. Dalam Parlimen sesi ke 9, lebih kurang sepuluh tahun, kita sudah dengar, bahawa *Data Protection Act* dalam proses penggubalan, dalam proses terakhir, saya ada beberapa kali dalam sesi Parlimen ke 9, tanya perkara ini. Kenapa kita ada *Computer Crime Act, Multimedia Communication Act*, ada *Digital Signature Act*, tetapi *Data Protection Act* yang begitu fundamental, kita perlu sepuluh tahun, mungkin negara dalam dunia yang ambil masa yang begitu lama. Kenapa mahu sepuluh tahun mengenai *Data Protection Act* yang begitu penting untuk memberi perlindungan, maklumat-maklumat kepada semua rakyat, individu khususnya dalam masa IT ini, kenapa, bolehkah kita dapat satu penjelasan. Sepuluh tahun untuk *Data Protection Act* ini? Sangat malu!

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, tak perlu marah-marah. Suka saya jelaskan kepada Yang Berhormat Ipoh Timor untuk menggubal satu rang undang-undang ini bukan satu perkara yang mudah. Sebagai contoh, pada peringkat awal kita juga, pada tahun ini, kementerian ini akan menggubal satu akta, bawa Parlimen Akta Suruhanjaya Air dan Perkhidmatan Negara. Kita menyasarkan untuk dibawa ke Dewan ini pada bulan 12, pada sesi yang ini, tapi Yang Berhormat Ipoh Timor sendiri kata, kita minta NGO, kita minta *select committee* kita minta macam-macam, ini semua melambat-lambatkan lagi urusan sesuatu rang undang-undang itu di bawa ke Parlimen.

Begitu juga soalnya, apabila kita nak bubar satu dasar iaitu rang undang-undang PDP - Perlindungan data Peribadi ini, kita juga nak dengar pandangan-pandangan daripada NGO, kita juga nak buat *comparison* berbanding dengan negara-negara lain yang ada akta-akta ini, supaya kita memiliki akta yang boleh merangkumi semua pihak berhubung dengan perkara ini Terima kasih.

2. **Datuk Haji Rosli bin Mat Hasan [Dungun]** minta Menteri Kewangan menyatakan keuntungan/kerugian syarikat MISC dalam perniagaan pengangkutan kontena dan

pengangkutan minyak setakat tahun 2004 dan benarkah dakwaan bahawa MISC akan melupuskan perniagaan pengangkutan kontena.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, keuntungan sebelum cukai bagi perniagaan pengangkutan minyak yang dikendalikan oleh syarikat MISC meningkat tahun demi tahun, iaitu pada sebanyak RM153 juta untuk tahun kewangan 31 Mac, 2002, pada sebanyak RM1,227 juta bagi tahun kewangan 31 Mac 2005. Jumlah keuntungan sebelum cukai dicatat di bawah perniagaan pengangkutan minyak untuk tempoh tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002 hingga 31 Mac 2005 ialah sebanyak RM2,551 juta. Peratusan sumbangan pengangkutan minyak daripada jumlah keuntungan syarikat meningkat dengan ketaranya iaitu kepada RM44.6% untuk tahun berakhir 31 Mac 2005 berbanding dengan 15.6% untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2003, berikutan pengambilan alih syarikat "*American Eagle Tankers Limited*" pada bulan Julai 2003.

Tuan Yang di-Pertua, MISC tidak berhasrat untuk menjual atau pun melupuskan perniagaan pengangkutan kontena tetapi sedang menimbang untuk bergabung dengan syarikat-syarikat perkapalan lain untuk mengembangkan operasi perniagaannya.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita merakamkan tahniah kepada MISC dan hari ini kita pun dapat laporan yang lebih kurang tapi agak *figures* berbeza yang dikeluarkan oleh MISC sendiri iaitu pencapaian pada suku tahun sebanyak RM662 juta dan telah naik sebanyak 14.6% berbanding dengan pencapaian tahun lepas dengan *turn over* nya melebihi daripada 2 bilion. Jadi saya nak tahu, apakah keuntungan yang dicatat oleh MISC ini, yang membanggakan kita dari segi keseluruhannya adakah keuntungan ini berasaskan kepada penjualan aset-aset tankers, yang mana kita tahu bahawa MISC sebelum ini banyak menjual tankers pesisiran pantai kerana tidak mahu bertanding dengan usahawan tempatan dan kalau ianya benar berapa peratuskah keuntungan daripada jualan tankers ini yang sepatutnya bukan merupakan suatu keuntungan yang *real*. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pendapatan yang bertambah begitu mendadak oleh MISC oleh kerana operasinya yang bertambah daripada dahulunya hanya LNG, dia bergantung penuh kepada pengangkutan LNG tetapi sekarang oleh kerana mereka telah membeli American Eagle Tankers ini, maka mereka boleh terlibat dengan pengangkutan minyak. Sebab itulah pertambahan ketara, bukan kerana jualan aset yang ada, itu sebenarnya baik untuk MISC kerana *maintenance cost* adalah tinggi, sebab itu ia jual tankers di pesisiran itu. Maka sebab itulah pertambahan ketara bukan kerana penjualan aset yang ada. Itu sebenarnya baik untuk MISC kerana *maintenance cost* nya adalah tinggi. Sebab itu dia jual *tanker-tanker* yang pesisiran itu Tuan Yang di-Pertua.

3. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan menyatakan bilakah kemungkinan Akademi Seni Kebangsaan akan dinaikkan taraf menjadi Kolej Universiti dan model universiti luar negara manakah yang digunakan untuk memantapkan kurikulumnya.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas usaha gigih Yang Berhormat bagi Gerik. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWA) sedang berusaha menaikkan taraf Akademi Seni Kebangsaan kepada Akademi Seni dan Warisan Negara, nama singkatnya ASWARA yang bertaraf universiti melalui suatu akta khas yang akan dibentangkan di Parlimen. Beberapa buah universiti luar negara yang terbukti keunggulannya dalam bidang seni persembahan seperti *Middlesex University, United Kingdom, Western Australian Academy Performing Arts, Edith Cowan University, Korean National University of the Arts*, Institut Kesenian Jakarta dan *London Film School* dijadikan model dan panduan untuk memantapkan kurikulum muzik, teater, tari, penulisan, filem dan pengajian warisan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak semuanya, kita mengalu-alukan kewujudan ASWARA, namanya pun sedap dan kita

mengharapkan ia melahirkan graduan-graduan ataupun pemegang diploma, sijil yang berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah di peringkat daerah ataupun Parlimen di mana kita dapati bahawa tidak ada keseimbangan di antara kegiatan sukan – belia dan sukan kerana adanya Pejabat Belia dan Sukan di daerah atau di kawasan Parlimen tetapi tidak ada Pegawai Seni dan Budaya dan pejabatnya di peringkat daerah. Adakah rancangan kementerian untuk mewujudkan pegawai-pegawai di peringkat daerah, malah di sekolah sekali pun kita dapati bahawa keseimbangan itu tidak ada kegiatan sukan dengan kegiatan kesenian yang cukup penting. Apakah perancangan kementerian dalam hal menyeimbangkan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum di peringkat daerah ini. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Memang sebelum kementerian ini dipecahkan daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan maka sebelum ini lebih mementingkan bidang pelancongan. Selepas perpisahan iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan daripada Pelancongan maka kita mulalah menengok apa kekurangan bukan sahaja di pusat, tetapi di setiap negeri dan juga di daerah-daerah yang tertentu, maka kementerian saya sekarang akan minta lebih iaitu sumber tenaga daripada agensi-agensi kerajaan tertentu untuk meningkatkan supaya kita boleh menyempurnakan iaitu bidang tugas kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu masa dahulu, saya kira Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita telah mengumumkan akan mengadakan ataupun bercadang untuk mengadakan sekolah seni di Sarawak dan juga di Johor Bahru. Setakat manakah kementerian terlibat dalam melaksanakan *syllabus* ataupun isi kandungan bagi sekolah seni ini nanti. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kementerian saya dan juga hasrat kerajaan untuk membudayakan iaitu kesenian dan budaya di peringkat sekolah maka bidang tugas ini di bawah Kementerian Pelajaran dan ini akan ditunaikan oleh Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

4 **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menghantar para pegawainya ke Rusia untuk menilai semula pengiktirafan yang diberi kepada lima universiti perubatannya, dan apakah keputusannya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, lima buah institusi perubatan di Rusia yang telah diiktiraf kelayakan oleh Kerajaan Malaysia ialah:

- (i) Moscow State Medical Academic;
- (ii) Russian State Medical University;
- (iii) Neth Noveright State Medical Academic;
- (iv) Wokerat State Medical Academic; dan
- (v) Cruz State Medical University.

Setakat ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) belum menghantar Panel Penilaian untuk menilai semula kelayakan perubatan di lima buah institusi tersebut. Namun begitu, pemantauan terhadap kualiti pendidikan terus dibuat dari semasa ke semasa melalui lawatan rasmi pegawai JPA ke institusi berkenaan serta mendapat maklum balas daripada Kedutaan Malaysia dan juga wakil JPA di sana.

Di samping itu, penjelasan tentang sesuatu isu juga diperolehi secara terus daripada institusi atau Kedutaan Rusia di Kuala Lumpur. Lawatan penilaian semula hanya akan dibuat sekiranya maklum balas-maklum balas yang diterima itu menghendaki kita berbuat demikian. Terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang jawapan. Soalan tambahan saya ialah tentang minta izin *service conditions*. Dahulu saya pun ada ambil bahagian

sebagai Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan. Hakikatnya Kementerian Kesihatan sudah membina bina banyak hospital baru termasuk Selayang, Sungai Buluh, Serdang, Pandan/Ampang dan juga Johor Bahru.

Masalahnya kita pun semua sedar dan tahu, tidak cukup doktor, jururawat dan juga staf *paramedical* dan juga kalau dikira pendapatan memang tidak boleh berbanding dengan sektor swasta. Tetapi bolehkah tidak Jabatan Perdana Menteri atau JPA ambil perhatian tentang minta izin *paid study leave* dan juga bagaimana boleh menggalakkan pakar perubatan tiap-tiap lima tahun belajar cara baru di negara lain seperti Australia, United Kingdom dan United States dan juga buat *research*. Mungkin lepas lima tahun bagi dia *paid leave* untuk membuat *research* selama tiga bulan. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memanglah kita sentiasa mengambil berat tentang pegawai-pegawai atau pelajar-pelajar yang kita hantar ke luar negeri dalam bidang perubatan. Sebab itulah walaupun kita memerlukan banyak doktor di hospital-hospital yang ada sekarang tetapi kita tidak boleh memberi alasan itu untuk meringankan pengiktirafan kita kepada universiti-universiti yang berkenaan kerana kita tidak boleh memperjudikan kemampuan doktor yang berkhidmat di hospital-hospital demi untuk kepentingan rakyat kita.

Sebenarnya apa yang dimaklumkan, yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan peluang-peluang doktor dan juga pelajar-pelajar untuk mengikuti kursus-kursus dalam bidang-bidang tertentu, *specialist* memang kita bagi. Umpamanya pelajar-pelajar perubatan di luar negara yang telah menamatkan kursus mereka, mereka boleh melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang-bidang pakar tertentu dengan mereka diminta memaklumkan kepada JPA. Kita tidak pernah menahan ini.

Selain daripada itu juga, kadang-kadang ada juga *student* atau pelajar yang mengikuti bidang perubatan di luar negeri atas pinjaman dalam bentuk pinjaman JPA, apabila mereka balik ke negara kita, mereka ini berkhidmat di hospital-hospital kerajaan. Pinjaman mereka itu, kita akan ubah kepada biasiswa dengan syarat mereka ini berkhidmat selama 10 tahun di hospital-hospital yang ada.

Saya rasa peluang-peluang yang kita bagi dalam bidang ini saya rasa setakat ini sudah mencukupi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat beritahu dalam menghantar pegawai-pegawai ini ke beberapa buah negara selain daripada Rusia apakah kelayakan-kelayakan mereka dan siapa mereka di mana masyarakat dapat ketahui siapakah pegawai-pegawai ini dan juga dalam menaja studen ke Rusia, adakah kerajaan menggalakkan mereka pergi ke sana dan tawaran *scholarship* adakah diberi kepada mereka untuk mempelajari *medical studies* di sana.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Berkenaan dengan pegawai-pegawai atau ini terpulanglah kepada jabatan masing-masing. JPA, kita tidak mempunyai sesuatu syarat yang tertentu. Kalau sekiranya jabatan-jabatan masing-masing berkehendakkan pegawai-pegawai untuk melanjutkan pelajaran, kalau sekiranya kita rasa kursus-kursus yang dipohon itu adalah kritikal maka kita akan membenarkan.

Berkenaan dengan syarat-syarat kemasukan ke universiti bukan sahaja di Rusia, kita memang sudah ada syarat-syarat yang tertentu. Kalau universiti-universiti itu diiktiraf oleh JPA dan juga oleh Majlis Perubatan Malaysia, kita benarkanlah. Kalau universiti-universiti itu tidak diiktiraf maka kita tidak boleh mengiktirafkannya. Terima kasih.

5. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Kesihatan menyatakan cara yang digunakan oleh kementerian untuk mengawal dan menghapuskan sisa-sisa klinikal di hospital-hospital kerajaan dan klinik-klinik swasta di Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Datuk Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, sisa-sisa klinikal yang dihasilkan daripada aktiviti rawatan pesakit adalah dikategorikan sebagai sisa-sisa berbahaya dan ianya hendaklah diuruskan dan dilupuskan

dengan kaedah sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 1989 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Sisa-sisa klinikal yang terhasil daripada klinik-klinik swasta dan hospital-hospital kerajaan termasuk hospital-hospital di Sarawak dikutip dan lupuskan melalui loji penunuan sisa-sisa klinikal atau *incinerator*. Sekian, terima kasih.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih. Saya ingin bertanya, kalau kita dengar jawapan memang begitu elok, begitu baik. Tetapi apakah penguatkuasaan terhadap sama ada sisa-sisa ini dibuang dengan cara yang dikehendaki. Oleh kerana hanya Tuhan sahaja yang mengetahui apa yang keluar dari klinik-klinik swasta lebih-lebih lagi di pedalaman. *Only God knows* dengan izin *no body knows*. *Only God knows what comes out of the clinic*. Jadi, apakah bentuk penguatkuasaan (*enforcement*) supaya menentukan sisa-sisa ini dihapuskan dengan cara yang dikehendaki.

Datuk Lee Kah Choon: Kementerian Kesihatan memang mengambil berat berkaitan dengan aspek ini dan kita sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar kerana mereka adalah penguat kuasa berkaitan dengan pelupusan ini. Tetapi bagi hospital-hospital kerajaan kita memang bagi tugas ini kepada Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. iaitu satu syarikat khidmat sokongan hospital kita dan mereka akan memberi macam beg plastik, bekas pembuangan sisa-sisa dan sebagainya dan mereka akan kutip dan mereka akan hantar ke *incinerator* yang saya katakan tadi. Sekian, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya dimaklumkan bahawa di Sarawak, di klinik-klinik swasta tidak dirangkum oleh kontrak Faber Medi-Serve, cuma hospital-hospital swasta sahaja yang dirangkum oleh perkhidmatan Faber Medi-Serve. Jadi, apakah yang terjadi kepada sisa-sisa klinikal ini daripada klinik-klinik swasta yang kecil ini? Ini kerana ia tidak dirangkum di dalam perkhidmatan Faber Medi-serve.

Yang kedua, di manakah *incinerator* yang digunakan untuk melupuskan buangan klinikal ini? Adakah ia dibawa *incinerator* dari Mambong ataupun di tempat-tempat yang lain? Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Memang saya bersetujulah bahawa pada masa sekarang ini pelupusan sisa-sisa klinikal ini adalah di hospital kerajaan dan di klinik-klinik kerajaan adalah dijalankan oleh Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. Tetapi bagi klinik-klinik swasta memang kita tidak ada peraturan berkaitan dengan perkara ini.

Bagi *incinerator* yang kita ada di Sarawak, kita memang ada beberapa *incinerator* yang dijaga dan dikendalikan oleh syarikat konsesi iaitu ada di Sibu, Miri, Kapit, Daro, Limbang dan sebagainya. Kita memang ada *incinerator* di sana yang dikendalikan oleh syarikat konsesi. Sekian.

6. **Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan berapakah jumlah pegawai yang ada sekarang mengikut pecahan mengikut daerah di Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, MARDI, MADA dan FAMA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang ada jumlah pegawai yang ada sekarang mengikut pecahan daerah bagi jabatan dan agensi berkaitan adalah seperti berikut:

Jabatan	Pegawai	Jumlah	Jumlah Keseluruhan
Pertanian	▪ Pengurusan dan Profesional	90	763
	▪ Sokongan	673	
Perikanan	▪ Pengurusan dan Profesional	9	687
	▪ Sokongan	678	
Perkhidmatan Haiwan	▪ Pengurusan dan Profesional	206	2,111
	▪ Sokongan	1,905	
MARDI	▪ Pengurusan dan Profesional	530	3,036
	▪ Sokongan	2,506	
LKIM	▪ Pengurusan dan Profesional	130	1,389
	▪ Sokongan	1,259	
FAMA	▪ Pengurusan dan Profesional	-	621
	▪ Sokongan	621	
MADA	▪ Pengurusan dan Profesional	59	1,249
	▪ Sokongan	1,190	
LPP	▪ Pengurusan dan Profesional	191	5,985
	▪ Sokongan	5,794	

Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kementerian Pertanian - terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tetapi mengikut soalan saya ialah nyatakan berapa jumlah pegawai yang ada sekarang mengikut pecahan, mengikut daerah. Ini kerana setahu saya di Kubang Pasu misalnya, ada pegawai pertanian di luar MADA dan ada pegawai pertanian di dalam MADA. Pegawai LPP lebih kurang - Kodiang ada lima orang, Sanglang ada lima orang, Kepan ada lima orang, Kepala Batas ada lima orang, Jitra ada lima orang, Tunjang ada lima orang. *[Disampuk]* Ya, banyak! Masalahnya banyak. Di Jerai ada, *[Disampuk]* Batang Buluh ada, empat, lima orang, banyaklah.

Jadi, terlalu banyak. Langkawi misalnya ada pegawai – Pertanian ada, FAMA ada. Jadi, adakah pemantauan dibuat supaya mereka ini bekerja dengan tulus ikhlas dan juga takkanlah mereka tidak boleh mencetuskan – ada di bahu, mencetuskan pelbagai pertanian di kawasan masing-masing. Ini kerana saya tahu, itu tidak termasuk JPS yang dulunya di bawah Kementerian Pertanian dan juga Bank Pertanian, ramai pegawai. Yang Berhormat, saya mintalah pihak Kementerian Pertanian – siapakah yang menjalankan pemantauan ini dan takkanlah mereka tidak boleh mencetuskan pembangunan yang berlaku di kawasan masing-masing.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang saya baca tadi Yang Berhormat memanglah jumlah pegawai mengikut daerah. Jadi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu memang betul dan sebenarnya memang peranan pegawai-pegawai ini adalah untuk mencetuskan idea-idea, membimbing petani, penternak, nelayan.

Jadi, *[Disampuk]* only God knows! *[Ketawa]* Yang Berhormat, memandangkan mereka ini manusia, manusia biasa, memang pemantauan dijalankan dari masa ke semasa sebab di kementerian pun kita ada satu bahagian dinamakan Pengurusan Sumber Manusia. Pemantauan dijalankan juga melalui pegawai turun padang dan mengadakan

perbincangan secara berkala supaya diadakan *feedback* atau maklum balas daripada peringkat akar umbi.

Walau bagaimanapun, terima kasih Yang Berhormat sebab sentiasa mengingatkan semula kepada Kementerian dari segi kelemahan-kelemahan yang ada dan insya-Allah, setiap kali kita akan cuba mengatasinya.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan jawapan dan soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Langkawi ini kerana saya juga mengalami masalah yang sama. Saya dapati KADA dan juga LPP yang ada 5,000 orang kakitangan ini sudah jadi satu *trend*, pergi kerja itu ialah dapat gaji. Pergi kerja itu maknanya masuk opis dan duduk di pejabat sedangkan dia pegawai pertanian. Maknanya, gajinya dibayar kerana dia pergi ke opis.

Kerja pegawai pertanian sebenarnya ialah untuk turun ke padang. Tetapi untuk turun ke padang mesti ada *mileage* dan mesti ada elaun. Jadi, tidak ada *mileage*, tidak ada elaun, kerja dia datang, buka fail, baca surat khabar, duduk, pukul 4 balik, pukul 8 masuk. So, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian sebab *attitude* ini sudah jadi satu *trend* dalam pegawai pertanian. Datang kerja, gaji mereka sebenarnya tidak salah mereka juga – gaji habis untuk potongan kereta, potongan rumah dan lain-lain, jadi tinggal RM200 sahaja, jadi dia datang kerja sahajalah.

Untuk keluar tidak ada *mileage*. Macam di KADA suatu ketika, oleh sebab tidak ada *mileage* maka kerja di luarnya tidak ada sebab *mileage* tidak ada. Jadi, kerja sebenarnya mesti bayar *mileage*. So, ini masalah yang sebenarnya berlaku. Apakah tindakan Kementerian untuk buang sifat dan *trend* seperti ini berlaku di Kementerian Pertanian?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti di mana digulung masa dasar dan juga masa peringkat jawatankuasa, memang banyak lagi yang harus kita lakukan. Jadi, pemantauan memang diadakan dan untuk makluman mesyuarat demi mesyuarat memang diadakan, tetapi seperti dikatakan ramai daripada kawan-kawan di Dewan yang mulia ini, seharusnya dilihat semula *delivery system*, satu ialah sikap pegawai dan juga termasuk sikap petani, nelayan dan penternak sebab sekarang ini kadang-kadang kita telah dapat merubah sikap petani, nelayan dan penternak, tetapi kalau sikap pegawai tidak berubah juga tidak akan mencapai sasaran.

Jadi, terima kasih. Semua ini kita akan ambil maklum. Terima kasih.

7. **Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengenai jumlah bilangan pendatang asing tanpa izin (PATI) dari negara Pakistan yang telah diberi kebenaran untuk tinggal di negara ini dan nyatakan negeri yang menjadi tumpuan mereka mengikut status pekerjaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kuala Krai, saya suka menyatakan kerajaan tidak pernah membenarkan pendatang tanpa izin (PATI), dari mana-mana negara untuk tinggal di negara ini termasuk dari negara Pakistan.

Pendatang tanpa izin atau PATI adalah istilah yang digunakan untuk warganegara asing yang masuk ke negara ini secara haram. Oleh itu tidak timbul isu kerajaan membenarkan mereka tinggal di negara ini. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Kita lihat rata-rata ramai warga dari Pakistan ini. Soalan saya, berapakah pekerja Pakistan yang masuk secara sah dan untuk bekerja di negara ini dalam bidang dan sektor mana? Yang kedua, yang datang secara sah ini, berapa ramai pula yang telah ditangkap? Terima kasih.

Seorang Ahli: Ada yang ditangkap?

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: : Ada.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Oktober tahun 2005 terdapat 10,739 orang pekerja asing dari negara Pakistan bekerja di Malaysia. Dan, sektor yang melibatkan pekerja Pakistan adalah seperti berikut:

- (i) pembantu rumah;
- (ii) sektor pembinaan;
- (iii) sektor pembuatan;
- (iv) sektor perkhidmatan;
- (v) sektor perladangan; dan
- (vi) sektor pertanian.

Sebenarnya pekerja Pakistan telah dibenarkan masuk bekerja di negara ini sejak 10 tahun yang lalu. Soalan tambahan yang berikut, perangkaan Jabatan Imigresen menunjukkan sehingga 30 September tahun ini, seramai 852 orang pendatang tanpa izin dari negara Pakistan telah ditahan. Daripada jumlah tersebut, seramai 479 orang telah pun didakwa, dan daripada jumlah tersebut 50 orang warganegara Pakistan yang datang secara haram telah dipenjarakan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan Tuan Yang di-Pertua sihat sejahtera begitu juga kawan-kawan semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, kita baca surat khabar hari ini ada warganegara asing yang datang ke Malaysia tetapi hilang. Daripada China, daripada Pakistan, daripada negara-negara lain. Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kalau kita campur semua yang hilang itu banyak mana? Dan, apakah tindakan-tindakan dan macam mana dia orang ini boleh menyesuaikan diri dalam masyarakat kita yang berbeza cara hidup, tutur kata dan sebagainya?

Jadi apakah tindakan tegas yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan yang datang secara sah, tetapi hilang ataupun tidak keluar daripada Malaysia ini? Bagaimanakah kita hendak memonitor mereka supaya kita tidak akan menanggung beban sosial dan sebagainya di masa akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tidak mempunyai bilangan yang terkini tentang warga asing yang masuk dan tidak keluar. Namun begitu, bagi mengatasi masalah pendatang tanpa izin yang datang ke negara ini dan tidak kembali ke negara asal, kerajaan dari masa ke semasa melalui Jabatan Imigresen dan agensi-agensi yang berkaitan mengadakan operasi berterusan. Sehingga kini kita telah menjalankan sebanyak 2,356 operasi sepanjang tahun ini bagi menentukan warga asing yang tidak dikehendaki ditangkap dan diusir. Terima kasih.

8. **Datuk Ronald Kiandee [Beluran]** minta Perdana Menteri menyatakan bentuk khidmat nasihat dan kepakaran yang akan disumbangkan oleh sepuluh Ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) dalam menentukan strategi ekonomi negara menjelang fasa kedua Wawasan 2020. Sejauh mana inisiatif yang sama telah diambil ke atas pakar-pakar ekonomi tempatan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini sudah kali ketiga dijawab di dalam Dewan ini. Akhir sekali ialah pada 24 hari bulan yang lepas telah dijawab dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha ke arah mencapai Wawasan 2020, negara membangun dan terbuka seperti Malaysia perlu sentiasa peka kepada perkembangan dan trend terbaru dalam bidang ekonomi dunia. Perkembangan negara tidak lagi bergantung

kepada aktiviti dalaman sahaja, malah semakin dipengaruhi oleh pelbagai peristiwa di luar negara seperti kepesatan ekonomi negara maju, perkembangan sains dan teknologi, kedudukan sistem kewangan dunia, perkembangan perdagangan antarabangsa dan sebagainya.

Oleh itu, selain daripada menjalankan analisis dan kajian tersendiri, eloklah sekiranya Malaysia mendapat pandangan dan pendapat tokoh-tokoh dan penganalisa ekonomi di dunia terkemuka yang bekerja secara langsung dan tidak langsung dalam bidang-bidang tertentu. Dengan pengalaman dan pengetahuan mereka yang mendalam, bukan hanya dalam hal-hal ekonomi amnya, tetapi juga tentang tahap kemampuan negara pesat yang membangun seperti negara China dan juga India, Malaysia dapat menambah kepada stor pengetahuan negara dan menggunakan untuk mengatur langkah yang ditetapkan bagi menghadapi masa-masa yang mencabar.

Ahli Panel Penasihat antarabangsa terdiri daripada tokoh-tokoh dan pakar-pakar ternama dalam bidang ekonomi, pembangunan, sosial serta kewangan. Rumusan mesyuarat termasuk penganalisa trend global terutamanya perkembangan di negara-negara yang terkini sedang pesat membangun seperti negara China dan juga negara India.

Bagi pakar-pakar ekonomi tempatan mempunyai pelbagai platform lain untuk menyumbangkan kepakaran mereka kepada usaha pembangunan Malaysia seperti forum-forum Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan juga di Unit Perancang Ekonomi dan lain-lain.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya merujuk satu komen yang dibuat oleh Profesor Jeffrey E. Garten, salah seorang daripada panel ini dari Sekolah Pengurusan Universiti Yale, Amerika Syarikat yang berkata bahawa beliau mengakui tidak tahu banyak mengenai Malaysia ketika tiba di sini. Tentulah komen pakar yang begini kita bandingkan dengan kepakaran-kepakaran daripada pakar-pakar ekonomi yang ada di negara kita akan lebih mengetahui Malaysia dan lebih memberi sumbangan yang berkesan untuk membangunkan ekonomi negara.

Saya ingin tahu, apakah kaedah penilaian pemilihan terhadap panel-panel antarabangsa ini dan adakah kerajaan bercadang untuk menggilirkan panel-panel antarabangsa agar lebih banyak idea ekonomi yang boleh disumbangkan oleh mereka kepada pembangunan negara. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat sudah jawab soalan saya tadi iaitu memanglah kita selama ini kebanyakan daripada pakar-pakar ekonomi di luar negara, mereka tidak tahu tentang kedudukan Malaysia, tentang perkembangan ekonomi di negara kita dan sebagainya. Mereka ini kita bawa ke negara kita ialah pertama sekali untuk mendapat pandangan dan juga nasihat seperti yang saya sebutkan tadi. Selain itu mereka ini juga menjadi sebagai duta kita untuk memperkenalkan negara kita kepada pelabur-pelabur di negara masing-masing dan juga di sektor-sektor yang tertentu.

Untuk menjawab soalan tadi berkenaan dengan sama ada mereka ini secara giliran kerana kita belum lagi buat apa-apa keputusan kerana ini adalah di peringkat permulaan. Ini bergantung kepada keputusan-keputusan atau hasil yang akan kita capai dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kerana setelah diadakan pakar-pakar ini, berapa kos yang telah dikeluarkan oleh negara dan bagaimana kita hendak menilai tentang keberkesanan kita mengadakan panel-panel penasihat yang begitu nampak gayanya canggih untuk kita bersaing di dunia yang mencabar ini? Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Sebenarnya kosnya yang paling minimum sekali iaitu kerajaan hanya menanggung tambang, penginapan dan juga sedikit sebanyak perbelanjaan yang diperlukan oleh mereka semasa di sini dan kosnya untuk tiga tahun ialah RM2.6 million iaitu lebih kurang RM1 juta setahun. Jadi berkenaan dengan sama ada berkesan atau tidak, ini seperti saya kata tadi adalah peringkat permulaan dan perjumpaan kita pun kali pertama pada 14 hingga 16 Ogos yang lepas. Jadi kita tengoklah dalam masa setahun, dua lagi

bagaimana keadaannya. Sekiranya tidak ada juga perubahan, mungkin kita akan kaji semula. Terima kasih.

9. **Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian bercadang untuk menjalankan kajian kesesuaian baja organik untuk tanaman padi di negeri Sabah. Sekiranya ada, bolehkah kajian tersebut dilaksanakan di kawasan Parlimen Papar sebagai "Pilot Project"; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai perancangan untuk membantu nelayan bagi melaksanakan aktiviti peningkatan ekonomi khususnya ketika musim tengkujuh dan ombak besar yang membahayakan keselamatan nelayan. Sekiranya ada, bolehkah dinyatakan program tersebut dan berapakah peruntukan yang disediakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MARDI di bawah projek IRPA, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menjalankan beberapa kajian penggunaan baja organik. Sebahagian hasil kajian oleh MARDI ini seperti baja organik berasaskan *zeolight* telah dikomersialkan dengan perjanjian pelesenan teknologi di antara MARDI dan syarikat swasta. Dalam hubungan ini, syarikat swasta berkenaan telah menjalankan kajian kesesuaian penggunaan baja organik di beberapa kawasan. Antaranya IADP Seberang Perak, IADP Kemasin Semarak dan di Kota Belud, Sabah. Walau bagaimanapun, terima kasih atas tawaran Yang Berhormat. Jika ada peluang dan ruang lagi, kementerian akan juga membuat kajian di Papar.
- (b) Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan tidak mempunyai aktiviti untuk meningkatkan aktiviti ekonomi nelayan secara khusus untuk musim tengkujuh dan ombak besar. Walau bagaimanapun, untuk membantu meningkatkan ekonomi nelayan, kementerian melalui LKIM mempunyai program-program berterusan seperti Program KUNITA yang ditumpukan kepada isteri-isteri nelayan dalam pembuatan kraf tangan, pemprosesan makanan dan perkhidmatan seperti perniagaan dan kedua, program belia di mana kaum belia nelayan diberi kursus peningkatan kemahiran dengan penubuhan Pusat Giat MARA, LKIM iaitu kerjasama LKIM dengan MARA. Program yang dilaksanakan melibatkan bidang penyejukbekuan, membaiki kulit bot, mekanik am, kimpalan, membaiki motosikal dan membaiki kereta. Sejumlah RM1 juta diperuntukkan untuk program di atas bagi tahun ini.

Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, sebenarnya saya telah mengemukakan soalan mengenai adakah kementerian bercadang untuk menukar atau menggantikan baja kimia dengan penggunaan baja organik dan jawapan yang saya terima daripada kementerian mengatakan bahawa tidak ada cadangan daripada kementerian untuk melakukan ataupun menggantikan penggunaan baja yang ada sekarang dengan penggunaan baja organik.

Jadi, soalan saya, adakah pihak kementerian sedar bahawa penggunaan baja kimia bukan sahaja merosakkan struktur tanah tetapi juga menyebabkan tanaman yang

dihasilkan dengan penggunaan baja tersebut agak berkurangan jika dibandingkan dengan penggunaan baja organik. Jadi mengapakah pihak kementerian tidak melakukan tindakan-tindakan yang drastik apabila menyedari bahawa penggunaan baja kimia lebih merosakkan daripada membawa kebaikan. Jadi itu sahaja.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti jawapannya, begitulah, tetapi insya-Allah saya rasa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ada pelbagai lagi program untuk kita membuat beberapa kajian mengenai baja organik dan Yang Berhormat sedia maklum kalau kita hendak mengubahkan sebab ini berbalik kepada dasar. Jadi beberapa langkah mesti diambil terlebih dahulu untuk kita dapat membawa perubahan yang drastik seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat.

Kita cukup yakin bahawa insya-Allah kementerian melalui penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan dan banyak saranan yang telah kami terima semasa perbincangan bahawa kita insya-Allah akan menjurus kepada menggunakan bahan-bahan organik. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan, Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, perubahan yang drastik demi untuk kepentingan petani perlu dilakukan tidak kira bila masa [*Tepuk*] dan saya rasa cara-cara yang kita jalankan dari segi kegunaan baja-baja adalah *outdated* pada saya. Dan adakah setiausaha Parlimen tahu bahawa *zeolight* ini yang saya difahamkan diimport dari Indonesia dan tidak berkesan sangat bila saya tengok data-data yang saya dapat daripada Seberang Perak. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat atas saranan itu.

10. **Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Perdana Menteri menyatakan jenis biasiswa yang diurus dan dikendalikan oleh JPA selain daripada Biasiswa JPA dalam dan luar negeri. Apakah status terkini pemberian Biasiswa Khazanah yang telah diluluskan di dalam Bajet 2005.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, program-program yang ditaja oleh JPA adalah seperti berikut:

Yang pertama, Program Pra Perkhidmatan Lulusan SPM iaitu:

- (i) Program Ijazah Luar Negara;
- (ii) Biasiswa Pelajaran bagi IPTA dan IPTS Dalam Negara; dan
- (iii) Program Dasar Pandang Ke Timor.

Yang kedua, Program Latihan Dalam Perkhidmatan. Program ini disediakan untuk pegawai-pegawai dalam perkhidmatan bagi menjamin proses pembelajaran berterusan. Antara biasiswa yang ditawarkan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan adalah seperti berikut:

Yang pertama ialah tajaan Kerajaan Malaysia;

- (a) Kursus Jangka Panjang;
 - (i) Hadiah Latihan Persekutuan iaitu untuk Ph.D, Masters dan Perubatan;
 - (ii) Hadiah Latihan Sarjana Sains Sosial Kepolisian untuk Anggota Polis;
 - (iii) Hadiah Latihan di bawah Tabung Sains dan Teknologi;
 - (iv) Latihan Tenaga Pengajar Teknik dan Vokasional;
 - (v) Pinjaman Boleh Ubah;
 - (vi) Separa Biasiswa Kepada Pasangan;

- (vii) Biasiswa Komanwel Malaysia;
- (viii) Biasiswa Program Kerjasama Teknikal Malaysia; dan
- (ix) Program Skim Latihan Akademik Bumiputera.
- (b) Kursus Jangka Sederhana iaitu:
 - (i) latihan bersangkutan British Malaysian Chamber of Commerce;
 - (ii) Kursus Jangka Pendek iaitu Latihan Sangkutan di Jerman;
 - (iii) Advanced Management Program untuk Jawatan Utama dalam Sektor Awam iaitu JUSA di Amerika Syarikat dan juga di United Kingdom;
 - (iv) Kursus Executive Management Seminar di Jepun;
 - (v) Program Pembangunan Eksekutif di Kyote, Korea.

Yang kedua ialah Tajaan Badan Asing:

- (i) Biasiswa Komanwel, United Kingdom;
- (ii) British Surveillance di United Kingdom;
- (iii) Biasiswa Islamic Development Bank;
- (iv) Program Friendship;
- (v) JAICA Colombo; dan
- (vi) Korean International Cooperation Agency;

Biasiswa Khazanah yang telah diluluskan dalam Bajet 2005 sedang di bawah perhatian Khazanah Berhad iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya telah mendengar jawapan yang panjang lebar. Nampaknya masyarakat umum kurang faham dan kurang tahu apa kriteria yang digunakan dan termasuk juga jenis biasiswa yang dibenarkan yang mereka boleh mohon. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk memaparkan kesemua maklumat ini kepada orang umum melalui pengiklanan atau melalui laman *web*?

Soalan mengenai Biasiswa Khazanah pula telah pernah diberi jawapan bertulis dalam Dewan ini bahawa akan dilaksanakan pada tahun ini. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kenapa tidak ianya melibatkan JPA sedangkan JPA yang lebih tahu dari segi guna tenaga dalam pentadbiran awam. Saya hendak tanya kenapa dan apa rasionalnya atau kalau dengan cara itu mungkin pertanian boleh adakan Biasiswa Pertanian, diagihkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kenapa begitu? Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi berkenaan dengan maklumat mengenai jenis biasiswa, kelayakan dan sebagainya bolehlah kita mendapat daripada laman web JPA bila-bila masa. Setengah-setengahnya daripada kementerian-kementerian yang terlibatlah bagi kursus-kursus yang ditawarkan kepada pegawai-pegawai dan juga kepada pensyarah dan sebagainya. Jadi berkenaan dengan biasiswa Khazanah ini, biasiswa ini dibawa ialah untuk menaja 100 orang pelajar cemerlang. Pelajar cemerlang dalam bidang masing-masing di universiti terkemuka di peringkat antarabangsa.

Buat masa sekarang status program ini telah dibentang dalam mesyuarat EXCO Khazanah pada awal September yang lepas, iaitu pengesahan dan kertas cadangan untuk pengesahan Lembaga Pengarah Khazanah sedang dikaji dan insya-Allah akhir tahun ini akan dilaksanakan kepada pelajar-pelajar yang berjaya. Berkenaan dengan perkara ini,

saya tidak ada maklumat berkenaan itu mungkin kita tidak tahu, mungkin sumbangan ini daripada peruntukan, daripada yang tidak sama dengan JPA kerana mungkin ini adalah peruntukan tambahan yang diadakan oleh kementerian-kementerian ataupun pihak-pihak swasta bagi menaja pelajar-pelajar ini.

Jadi kalau semua JPA maknanya kita punya, buat sementara ini kita belum lagilah bercadang untuk menyelaraskan semua ini. Tetapi sekiranya benda ini dibagi kepada JPA, kita akan mengendalikan, ini tidak ada masalah kerana Khazanah pun kerajaan juga, JPA pun kerajaan juga. Jadi dua poket yang sama, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Saya setuju bahawa kita perlu adakan banyak biasiswa untuk orang-orang yang celik, dan bolehkah Yang Berhormat terangkan jumlah peruntukan atau jumlah wang yang dibelanjakan untuk pelbagai jenis kursus dan biasiswa ini. Kalau tidak boleh, kita hantar secara bertulis, kalau boleh. Yang pertama.

Yang kedua, adakah Jabatan Perdana Menteri memantau setakat mana kita berjaya di dalam menghulurkan biasiswa ini? Kerana kebanyakan negara termasuklah UK dan sebagainya, mereka memang mengikuti, mengekori dan sebagainya *follow-up*, menyusul kepada apa yang terjadi dengan penerima biasiswa dan saya berharaplah Yang Berhormat dapat mengumpulkan data-data untuk mengetahui setakat mana kita berjaya di dalam pemberian biasiswa ini, dan bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan, kerana Menteri Parlimen tidak begitu berminat dengan biasiswa. Kita mesti memberi pendidikan kepadanya.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Jadi berkenaan dengan itu saya akan jawab, bagi soalan yang pertama itu saya akan menjawab secara bertulis kerana itu spesifik, saya tidak ada perkara itu pada saya sekarang ini.

Berkenaan dengan pemantauan memanglah kita setakat ini memanglah bagus hasil dia, kerana kebanyakan dalam Dewan ini pun banyak juga hasil daripada biasiswa yang dikeluarkan oleh kerajaan sama ada JPA, sama ada daripada MARA dan sebagainya. Jadi banyaklah sudah kita hasilkan profesional dan juga ahli akademik di negara kita. Hasil daripada biasiswa yang dikeluarkan oleh kerajaan mengikut kementerian-kementerian masing-masing. Berkenaan dengan masalah, satu sahaja iaitu masalah untuk mendapat balik bayaran, maknanya bayar balik pinjaman yang telah kita bagi, kalau sudah pinjam, kena bayar balik. Maknanya masih banyak lagi yang kita tengok. Baru-baru ini MARA pun menghadapi masalah untuk kutip balik duit-duit yang kita bagi membiayai pelajar-pelajar ini. Itulah di antara masalah-masalah. Namun demikian ada juga masalah-masalah yang lain seperti universiti yang satu ketika kita iktiraf, tiba-tiba apabila sampai satu tahap, universiti itu tidak boleh diiktiraf lagi kerana standard universiti telah turun dan sebagainya. Inilah masalah-masalah yang kita hadapi sekarang ini. Walau bagaimanapun, masalah-masalah ini insya-Allah kita akan dapat selesaikan hasil daripada pegawai-pegawai yang ada di JPA dan juga di agensi-agensi yang terlibat, terima kasih.

11. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memansuhkan pengharaman terhadap urus niaga ringgit di luar negara (*offshore*) dan sila jelaskan rasional jawapan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, objektif utama dasar, kadar pertukaran mata wang asing adalah masih tertumpu kepada menggalakkan kadar pertukaran mata wang asing yang stabil bagi menyokong kegiatan ekonomi. Dalam pada itu, sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, suasana kadar pertukaran mata wang asing yang stabil berbanding rakan dagang utama adalah penting untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Sehubungan dengan itu, dasar tidak mengantarabangsakan ringgit akan dikekalkan bagi melindungi ringgit daripada serangan spekulatif, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Pada pandangan saya pengharaman ini timbul kerana aktiviti penyangak mata wang antarabangsa yang mengambil kesempatan dari perubahan sifat mata wang yang asal itu sebagai *medium of exchange*, dengan izin kepada menjadi

satu produk berniaga atau komoditi. Akan tetapi pengharaman ini juga telah menimbulkan masalah kepada institusi kewangan negara untuk menjalankan urusan niaga mereka kerana sebagai syarat untuk Malaysia menjadi sebuah *International Financial Center* yang berjaya, mereka perlu diberikan kebenaran untuk mengurus niaga ringgit di pasaran antarabangsa. Tindakan ini juga telah menyebabkan pelaburan asing atau FDI juga turun. Ini telah timbul satu persepsi di kalangan pelabur asing bahawa mereka boleh bawa masuk duit dalam negara, tetapi tidak boleh bawa keluar. Jadi soalan saya, adakah kerajaan mempunyai langkah lain selain daripada mengharamkan sepenuhnya *offshore trading of ringgit* ini untuk mengawal aktiviti penyangak mata wang asing ini, supaya Malaysia tidak ketinggalan dalam sistem IFC - *International Financial Center* ini, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, walaupun memang dasar kita, dasar Kerajaan Malaysia, kita tidak mengantarabangsakan ringgit ini, tetapi dalam hal urusan keluar masuk kewangan ke negara kita, memang ada banyak kelonggaran Tuan Yang di-Pertua, sama ada kepada residen ataupun dengan izin, *non-resident*, syarikat-syarikat luar dan syarikat-syarikat dalaman, memang ada peraturannya yang amat longgar, yang amat memberi banyak kebebasan kepada *flow* keluar masuk kewangan ini, terdapat dalam buku ini, buku kecil ini *Foreign Exchange Administration* ataupun di dalam *web site* Bank Negara, memang ada. Jadi, saya ingat, saya hendak baca memang banyak.

Saya ingat sesiapa yang berminat boleh ambil buku ini dan baca dan saya ingat boleh faham, bukan susah. Selain daripada itu, sebenarnya Singapore pun pada satu masa memang dia ada sekatan selama dua dekad - ada sekatan, tetapi sekarang baru Singapore buka Thailand dan Indonesia masih lagi menyekat mengantarabangsakan nilai wang mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini. Ada satu Usul daripada Menteri, silakan Yang Berhormat.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.12 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG WARISAN KEBANGSAAN 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memberikan peruntukan bagi pengekalan dan perlindungan warisan kebangsaan, warisan semula jadi, warisan yang ketara dan warisan budaya tak ketara, warisan budaya bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang sehubungan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kesepuluh]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.27 [Jadual] –

Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2006] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya. Ahli Yang Berhormat semalam hanya ada seorang sahaja yang hendak berucap semasa mesyuarat ditangguhkan mengenai Kerja Raya, kalau hendak sambung.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita semua mahu ucap?

Tuan Pengerusi: Banyak lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penting sekali, kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

11.12 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, pada masa pengguguran perbahasan bajet 18 Oktober, apabila Yang Berhormat Menteri menggugul dalam satu pertanyaan saya, minta penjelasan mengenai konsesi-konsesi kepada Lebuhraya Utara-Selatan dan semua *concession* mengenai tol yang mana ada dilaporkan bahawa dalam 20 tahun ini, kerajaan dipaksa untuk membayar ganti rugi RM38 bilion secara tunai atau bentuk-bentuk yang lain. Sama ada pengecualian cukai dan faedah dan memanjangkan tempoh untuk tol, perlu membayar RM38 bilion, masa itu saya ada tanya mengenai sama ada kerajaan boleh mengumumkan semua butiran

mengenai *concession*, mengenai *renegotiation* dengan *concession* lebuhraya-lebuhraya dan masa itu Yang Berhormat Menteri ada memberi satu jaminan bahawa beliau akan, saya baca dalam *Hansard*, “Saya ada membentangkan ini dahulu kepada Jemaah Menteri di mana saya minta Jemaah Menteri membenarkan untuk dibentang dalam Parlimen”, ialah bahawa mengenai butiran-butiran *concession* supaya kita tahu kenapa apa terma-terma, apa isi kandungan *concession* yang mana kerajaan sudah bersetuju dengan syarikat-syarikat *concession*, dan memberi beban yang begitu berat kepada bukan satu generasi, tetapi kepada tiga, empat generasi.

Selalu *concession* ini dipanjangkan. Tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa maklumat. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti boleh memberi satu jawapan sama ada, yang pertama Yang Berhormat Menteri ada menunaikan janjinya akan bawa perkara ini kepada Kabinet supaya semua *concession* diumumkan dan dikeluarkan Akta Rahsia Rasmi dan tidak ada sebab kenapa *concession privatization* di bawah *Official Secret Act*? Oleh kerana keselamatan negara tidak terlibat. Inilah kepentingan orang ramai.

Kedua, apa keputusan Kabinet dan kalau Kabinet sudah bersetuju dan patut bersetuju oleh kerana Perdana Menteri baru kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata dia mahu terbuka, satu *accountable* kerajaan, kenapa sampai sekarang tidak diumumkan?

Ketiga, kita tahu bahawa masa satu tahun dahulu, Dewan ini sangat hangat mengenai projek-projek yang gagal. Sebenarnya pada Mei ini kita dapati bahawa ada lebih daripada 215 projek pembangunan yang boleh disifatkan oleh Yang Berhormat Menteri sebagai *problematic* ialah masalah. Projek-projek yang bermasalah ialah 10 dianggap sebagai *major project*, empat hospital, empat jalan federal, satu jambatan, satu universiti dan daripada 215 projek ini yang menghadapi masalah ada 43 projek tidak dihabiskan, ambil lebih daripada 3 bulan untuk ikut jadual, pun ada projek-projek 83 tidak *complete* dan *contract accounts not close* untuk tahun 89. Apa keadaan sekarang, sudah enam bulan apa keadaan sekarang?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Kita boleh ingat bahawa tahun lalu dalam perbincangan bajet pun Parlimen begitu hangat mengenai projek-projek gagal semacam hospital di Johor Bahru, Sultan Ismail dan adalah seruan mengenai MRR2. Nanti Yang Berhormat bagi Kepong akan bincang dan ada seruan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional kepada Yang Berhormat Menteri untuk letak jawatan, masa itu begitu hangat tetapi adalah jaminan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa masalah hospital akan diselesaikan selewat-lewatnya Januari tahun ini. Sekarang kita akan masuk tahun lagi satu tahun. Nampaknya semua sudah lupa. Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang satu tahun dahulu begitu hangat pun sudah lupa, sudah sejuk. Saya tidak tahu adakah nampaknya satu minggu ini dua tiga hari suasana sudah tukar. Ahli-ahli Parlimen tidak berani lagi, tidak lantang lagi, menteri-menteri seorang lagi bertanggungjawab mengenai Parlimen nampaknya lari daripada tanggungjawab mereka daripada Parlimen. Kosong pagi ini kosong sekarang. Adakah mereka boikot selain daripada Yang Berhormat daripada menjaga Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini mana satu ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini kalau menteri yang bertanggungjawab mengenai Kerja Raya boleh boikot dan semua menteri lain boleh boikot kenapa kalau mereka boleh boikot lebih baik semua ada *reshuffle* sudah terlalu lewat ada Kabinet *reshuffle*. Masa ini untuk *reshuffle* apa guna? Boikot kekosongan di Parlimen kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terkeluar dari butiran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, teguran oleh kerana Menteri Kerja Raya tidak ada di sini, dia kosong. Lain pun kosong. Semua kosong. Apa guna ini Kabinet yang kosong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, tidak akan tinggalkan Ipoh Timor seoranglah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya bukan menteri. Tinggalkan saya tidak guna, saya bukan menteri.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Boleh bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You* bukan menteri apa guna.

Dato' S. Veerasingam: Saya bagi tahu mengapa mereka tidak hadir, saya hendak beritahu. Mereka ada menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Besar. Jadi menteri-menteri perlu hadir untuk beri penerangan tentang kementerian mereka. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Sorry*, apa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mesyuarat apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masyarakat dengan Menteri-menteri Besar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mesyuarat apa? Semua menteri bermesyuarat dengan semua menteri-menteri Besar. Apa guna? Buang masa. Kalau satu menteri dua menteri apa semua menteri dengan semua Menteri-menteri Besar. Apa guna?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini mustahak, ini tanggungjawab. Saya mahu tahu sekarang apa kedudukan hospital itu, MRR2 pun. Mengenai projek *management consultant*. Tahun lalu pun kita dengar berpuluh-puluh bilion ringgit yang dibagi kepada projek *management consultant* dan projek-projek mereka gagal dan apabila tahun lalu kita bincang mengenai projek gagal sangat hebat tetapi apabila dengar ini melalui projek *management consultant* semua diam, Barisan Nasional's MP semua diam. Adakah projek *management consultant* adalah satu imuniti daripada *scrutiny* dalam Parlimen? Kita tahu projek *management consultant* selalu UMNO *company*. Syarikat UMNO, projek *management consultant*, itulah kalau kita mahu *accountability*, kita tidak mahu campur aduk politik dengan ekonomi. Kalau syarikat-syarikat UMNO sebab itu kita takut untuk periksa dan siasat bagaimana kita boleh dapat satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Johor Bahru.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, boleh.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentuh sedikit tentang soal katakan bahawa ahli-ahli Barisan Nasional tidak ada susulan atau hilang semangat tentang soal isu-isu projek terbengkalai dan sebagainya. Sebenarnya hari Ahad yang lepas saya buat kenyataan di Johor Bahru tentang apa telah dilakukan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Mungkin Yang Berhormat dari Ipoh Timor tidak terbaca tetapi saya ada menyatakan sebenarnya bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara akan bermesyuarat pada awal Disember apabila tamat sesi sidang kita ini, untuk buat susulan kepada projek MRR2 dengan laporan daripada JKR.

Saya hendak memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara memang bekerja seberapa kuat yang boleh untuk melihat dan mengkaji semua projek yang bermasalah antaranya projek MRR2 yang mana kita akan mendapat taklimat daripada pihak JKR dan pada hari Sabtu yang berikutnya kita akan melawat ke projek Hospital Pandan. Bukan dalam kawasan saya tetapi di luar kawasan saya dan sebab itu kita akan meneruskan kerja-kerja sebagai sebuah Jawatankuasa Parlimen. Jadi ini hanya hendak menerangkan bahawa sungguhpun Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini dipengerusikan oleh saya sendiri sebagai seorang Ahli Barisan Nasional, kita tidak heboh tetapi kita buat kerja. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih. Saya baca, saya tidak tahu kenyataan Yang Berhormat itu tetapi itulah PAC. Ini kita satu sebab kenapa Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dalam Dewan ini tidak ambil perhatian perkara ini dan membenarkan satu tahun lepas tanpa apa-apa *follow up* dan itulah mustahak. Ini tidak elak tanggungjawab mereka supaya adalah pun tugas untuk terus

untuk memantau perkara ini dan PAC saya tahu bahawa hari Sabtu mahu pergi melawat tetapi begitu lambat. PAC sini pun salah sungguhpun Timbalan Pengerusi daripada Yang Berhormat Kepong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti. Saya akan bagi peluang. Kenapa satu tahun. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri sudah jamin awal tahun ini akan siapkan dan saya rasa PAC perlu kerja yang lebih kuat tetapi tidak cukup kuat tidak cukup *impressive*. Sampai sekarang laporan PAC, mana laporan daripada PAC?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti. PAC perlu laporkan kepada Dewan bukan laporkan kepada surat khabar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pengerusi PAC perlu mengambil perhatian supaya laporan PAC dibentangkan dalam Dewan ini dan mungkin ada satu perbahasan dan memberi sokongan supaya perbahasan diadakan. Pengerusi PAC bukan *responsible* kepada *press* tetapi kepada Parlimen ini. Inilah silap.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Boleh saya terangkan

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya boleh.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: kesilapan yang dikatakan kesilapan. Saya rasa bahawa mengikut *Standing Order* Dewan ini bahawa sebenarnya kita tidak boleh menunjukkan segala-galanya kepada akhbar. Kita kena melaporkan kepada Dewan dari segi peranan dan tanggungjawab PAC. Saya rasa Ketua Pembangkang pun tahu bahawa kita ada sekatan, bahawa kita tidak boleh menunjukkan kepada akhbar bukti-bukti yang disampaikan kepada kami. Tetapi alhamdulillah, pihak akhbar memberi perhatian kepada mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan dalam sidang akhbar itu kita menerangkan secara kasar apa yang telah diputuskan oleh PAC.

Sebenarnya saya pun teringat bahawa bila timbul adanya pihak hendak buat kenyataan hendak mendakwa PAC akibat daripada usaha kita untuk mengkaji masalah projek pembinaan OPV. Yang saya terbaca komen daripada Ketua Pembangkang bukan dia menyokong kita, dia kata, "*You will be interesting to watch* sama ada boleh disaman atau tidak PAC". Kalau dia seorang Ahli Parlimen yang begitu bersemangat tentang kedudukan Parlimen dia patut mempertahankan PAC, apa yang PAC buat. Jangan kata, "*you will be interesting to watch what happens when...*" sama ada PSC-NDSB hendak saman PAC di atas kenyataan yang kita buat di dalam akhbar dan kalau rakan-rakan saya dalam PAC pun sedar bahawa sebenarnya dalam media kita terhad untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang dibentangkan dalam PAC. Tetapi saya bersetuju bahawa mestilah laporan PAC itu dibentangkan dalam Dewan tetapi bukan saya yang menulis laporan. Bukan *committee* yang menulis laporan tetapi kita dibantu oleh pegawai-pegawai daripada Parlimen dan setakat hari ini saya hendak menyatakan bahawa ia terbantut dan tidak begitu efisien kerana memang tidak cukup pegawai. Baru hari ini, barulah tahun ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir cukuplah. Sudah jam 11.30.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Sikit sahaja, sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Baru hari kita mendapat PAC mendapat pejabat. Baru mendapat kakitangan dan pegawai bagi membantu PAC. Itu usaha kita sendiri. Daripada Barisan Nasional. Saya sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional. Jadi kita hendak memperkukuhkan PAC dan kalau hendak diserahkan hanya kepada Ahli-ahli Parlimen untuk menjalankan kerja-kerja PAC tanpa bantuan dan sokongan dari segi pegawai dan

kakitangan ataupun tanpa pejabat saya rasa apa yang telah kita lakukan selama ini patut dipuji dan tidak dicemuh. Alhamdulillah kita sudah dapat bilik kita sendiri, pejabat kita sendiri dan dapat pegawai-pegawai kita sendiri. Insya-Allah kita lebih berkesan selepas ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, kita mahu perbetulkan bahawa apabila perkara itu yang disebutkan berlaku apabila ada syarikat-syarikat yang mahu saman Yang Berhormat sebagai Pengerusi PAC oleh kerana kenyataan beliau mengenai Naval Shipyard saya mungkin ada kata "*interesting to see*" tetapi saya ada kata pun saya sokong 100%

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tidak keluar dalam kenyataan itu. Ha.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: .. tidak keluar, bukan salah saya.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tetapi cakaplah pada saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pendirian saya ialah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya betulkan. Oleh kerana ini sudah timbul maka saya perlu perbetulkan dan pendirian saya masa itu pendirian saya sekarang ialah sokong 100% semua usaha PAC lebih aktif

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti. Lebih aktif lebih *vibrant* dan saya bersetuju kalau *strictly*, kalau ikut peraturan mesyuarat Yang Berhormat Pengerusi pun kenyataan-kenyataan dalam surat khabar pun tidak wajar tetapi saya setuju perkara patut didedahkan, saya setuju. Dan kalau ada apa-apa tindakan undang-undang saya 100% menyokong Yang Berhormat Pengerusi tetapi "*it is interesting to watch nonetheless*" sama ada perkara ini boleh berlaku. Inilah mustahak dan kedua saya rasa apa yang penting ialah PAC perlulah lebih aktif. Saya setuju bahawa apabila dibandingkan dengan PAC yang dahulu adalah lebih aktif adalah lebih bergiat tetapi tidak cukup. Kita mahu *first world Parliament*. Kalau kita mahu *first world Parliament* kita mahu *high standard*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya akan gulung. Kita mahu *high standard*. Kita tidak mahu *low standard*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulunglah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Semacam Yang Berhormat Menteri tidak datang pun tak apa, Timbalan Menteri tak apa. Ini *low standard*. Kenapa kita *satisfied the second best*. *We must satisfied with the best*. Menteri mesti datang. Kita mesti

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timor bagi kita jalanlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi Yang Berhormat BBC Chairman dia *happy with the second best, the third best*. Kalau begitu kita tidak boleh ada *first world Parliament*. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hey, apa hey, tak bagi saya peluangkah, Tuan Pengerusi. Ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dia perasanlah Tuan Pengerusi, (BN) Barisan Nasional lebih peka tentang perkara-perkara rakyat lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukupkah? Apalah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepatutnya perbincangan bagi kementerian ini ditutup pada malam tadi. Yang Berhormat saya bersetuju tetapi sekarang saya ingin memberi peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana masa, jadi saya tidak dapat memberi peluang kepada semua.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sudah buang masalah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, tak apa, saya cuba seberapa yang boleh saya bagi tetapi setiap Ahli saya hanya, mintalah membenarkan lima minit. Yang Berhormat bagi Serdang, sila.

11.31 pagi.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, Butiran 60000 – Naiktaraf Jalanraya dan Laluan. Tuan Pengerusi, laluan 3215, Jalan Persekutuan telah diisytiharkan dan diwartakan pada 1996. Sepuluh tahun yang lalu, laluan Jalan Persekutuan ini masih tidak berubah, Jalan Persekutuan ini ialah *substandard* tidak ikuti piawaian JKR. Pada tahun 2003 saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri ialah kementerian sedar kesesakan lalu lintas yang berlaku di Jalan Persekutuan laluan 3215. Dicadangkan bahawa juru perunding telah pun dilantik untuk jalan berkenaan, reka bentuk dijangka siap menjelang akhir tahun 2003.

Selepas itu tahun 2004, pernah saya bangkitkan semula, sama juga tidak ada apa-apa jawapan. Walaupun dikatakan juru perunding sudah siap reka bentuknya pada hujung tahun 2003. Pada tahun 2004, masih tidak ada apa-apa hasil. Tuan Pengerusi, laluan 3215 ini sepanjang 9.4km, disambung antara Lebuhraya LDP hingga ke Lebuhraya Sungai Besi. Jalan ini memang *substandard* dan sebahagian besarnya tidak ada lampu jalan dan tiada tanda papan yang diikuti. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam jawapan pada tahun ini, beliau pernah mengatakan, semua Jalan Persekutuan dan negeri direka bentuk mengikut piawaian jalan raya yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia. Arahan-arahan teknik, jalan dan piawaian serta garis panduan yang diperlukan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Apa sebabnya jalan ini tidak dinaikkan taraf? Sepuluh tahun yang lalu begitu sesak, muka jalan tak rata, tanda-tanda papan tidak diikuti. Di mana kementerian turut sedar, begitu teruk keadaan itu. Sampai kini kesesakan lalu lintas begitu nyata tetapi tindakan masih belum ada. Saya minta pihak kementerian, apa sebabnya, bilakah Jalan Persekutuan laluan 3215 ini dapat dinaikkan taraf demi kepentingan perkembangan sosioekonomi di kawasan tersebut.

Satu lagi Tuan Pengerusi iaitu jalan utama Serdang Raya di bawah jalan negeri. Jalan ini juga memang penuh sesak. Satu audit keselamatan yang dijalankan oleh ibu pejabat JKR pada tahun 2002, jalan ini telah dikenal pasti bahaya dan tidak selamat pada tahun 2002. Sehingga kini walaupun kesedaran sedemikian tetapi tindakan kementerian tidak ada lagi untuk mengatasinya sepanjang 5 km. Daripada lebuhraya laluan 3215 Jalan Persekutuan hingga laluan 217 Jalan Persekutuan di antaranya. Tetapi itu begitu pentingnya untuk sambungkan kedua-dua laluan Persekutuan tapi dengan adanya audit keselamatan yang begitu nyata, yang teruk sekali.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, kes kemalangan berlaku setiap tahun seperti 2002 - 239 kes. Pada tahun 2003 - 163 kes, tahun 2004 - 100 kes mengikut laporan polis. Artinya jalan negeri ini tidak selamat, begitu teruk kes berlaku kemalangan, apa sebabnya? Tidak ada langkah untuk atasinya, ini seolah-olahnya dianaktirikan kawasan Parlimen Serdang. Saya minta bilakah jalan utama Serdang Raya dibuat sebagai jalan negeri ini dinaikkan taraf untuk atasi kesesakan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, cukup.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Gulung, saya gulungkan. Satu lagi Tuan Pengerusi, Jalan Reko, Kajang. Sepanjang Jalan Reko ini, ia juga dalam laporan polis tahun 2003, sebanyak 95 kes kemalangan. Pada Julai 2004 juga melibatkan lebih banyak, dengan 137 kes. Jalan Reko artinya tidak ikuti piawaian JKR, maka saya minta untuk menaikkan taraf Jalan Reko, Kajang ini kerana Jalan Reko ini merupakan satu jalan utama antara bandar Kajang ke Bandar Baru Bangi. Ini juga satu masalah besar yang dihadapi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Baik, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

11.36 pagi.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi Butiran 00500 - Jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang. Ini merupakan jalan ataupun *express highway* kedua selepas jalan melalui Jeli dan juga Gerik. Setelah beberapa pakej jalan ini telah disiapkan dari Simpang Pulai ke Gua Musang, kita dapati jalan ini amat maju dan digunakan oleh kedua-dua negeri iaitu dari Perak dan negeri Kelantan dan lain-lain negeri di sebelah utara dan barat. Saya yakin bahawa jalan ini merupakan jalan penghubung utama dari sebelah utara ataupun barat ke negeri Kelantan dan juga negeri Terengganu.

Jalan ini memakan kos yang lebih kurang RM1.2 bilion, yang mana merangkumi lapan pakej bagi projek tersebut. Saya dapati mungkin oleh sebab kos yang besar dan juga bahawa laluan jalan ini melalui jalan kawasan berbukit, sudah pasti kosnya tinggi. Selain daripada itu, kita kena lihat dari segi keselamatan jalan raya, di mana saya dapati reka bentuk jalan berkenaan tidak mengambil kira *pre-mix shoulder* ataupun bahu jalan '*pre-mix*', yang sekarang ini hanya dibuat bahu jalan tanah yang mana saya pasti oleh sebab *alignment* ataupun juga jajaran yang bengkok-bengkok sudah pasti membahayakan pengguna laluan jalan raya tersebut.

Saya mencadangkan di sini supaya kerajaan ataupun JKR memastikan *premix shoulder* dibuat bagi laluan tersebut untuk mengelakkan ataupun untuk mengurangkan kemalangan jalan raya terutamanya bagi motosikal yang melalui jalan tersebut.

Bagi Butiran 70000 - Memperelok Jalan-jalan. Saya pasti setiap tahun Jabatan Kerja Raya membelanjakan peruntukan yang agak besar untuk memperelokkan jalan-jalan yang difikirkan berbahaya. Saya pasti kadar kemalangan di negara kita ini antara yang tertinggi di dunia. Salah satu faktor yang menyebabkan kemalangan adalah disebabkan oleh keadaan jalan raya yang tidak sempurna ataupun geometri jalan raya yang mengakibatkan berlakunya kemalangan, khususnya pada jalan-jalan negeri dan juga jalan Persekutuan.

Daripada kenyataan Menteri Kerja Raya beberapa hari lepas, didapati kemalangan semasa musim perayaan lepas, di mana jalan lebuhraya ataupun *highway* lebih tinggi berlaku kemalangan berbanding dengan jalan negeri dan juga Jalan Persekutuan. Ini agak terbaliklah daripada angka-angka ataupun statistik yang saya dapati sebelum ini, di mana kadar kemalangan di lebuhraya adalah rendah berbanding dengan jalan negeri, jalan perbandaran dan juga Jalan Persekutuan. Saya ingin bertanya kepada menteri, apakah statistik ini betul ataupun apakah yang mengakibatkan berlakunya kemalangan yang tinggi di jalan ataupun lebuhraya sebagaimana kenyataan yang dibuat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Bagi kemalangan pada musim perayaan yang lepas kita tengok bahawa kadar kemalangan agak tinggi sebagaimana tahun-tahun lepas dan kadar kematian dianggarkan lebih kurang 15 hingga 20 orang setiap hari semasa musim perayaan. Saya memohon kepada kementerian supaya mengambil tindakan yang sebaiknya untuk memperelokkan kawasan-kawasan kemalangan ini supaya kita hendak tengok setiap tahun ataupun menjelang musim perayaan akan datang supaya kadar kemalangan ini turun dan tidak lagi menjadi satu angka yang besar kepada kematian di dalam negara kita. Jadi, Tuan Pengerusi, saya turut menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

11.41 pagi.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, memberi peluang kepada saya pada pagi ini. Saya ingin menyentuh mengenai dengan P27 iaitu 08250 - Kajian Perlindungan/Pembaikan Cerun-cerun; 08260 - Naiktaraf dan Pemulihan Jalan; 08280 - Pembinaan Jalan-jalan (I) dan 08800 - Pembinaan Jalan-jalan (II).

Terima kasih kerana memberi perhatian kepada Sabah, khusus rangkaian-rangkaian jalan raya di Sabah, yang mana sekarang ini kita lihat banyak jalan-jalan raya yang telah pun dibina oleh Jabatan Kerja Raya. Tahniah. Sebagaimana yang kita hendakkan supaya jalan-jalan raya ini akan ditambah lagi di seluruh Sabah iaitu rangkaian-rangkaian jalan raya di mana pembangunan tanah sedang pesat dibangunkan masa kini.

Saya percaya hala tuju Ketua Menteri Sabah pada tahun 2015 akan menjadi sebuah negeri yang termaju di Malaysia ini dan saya pasti dengan rangkaian-rangkaian jalan raya yang akan dibina ini akan membantu negeri Sabah.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan cerun-cerun yang sedang diperbaiki sekarang iaitu Jalan Moyog - Tambunan, yang saya rasa pembinaan lembap iaitu telah mengambil masa begitu panjang sekali untuk menyiapkannya. Sebab kenapa saya lihat semua cerun yang dibuat ini adalah tidak bermutu dari segi penyelenggaraan dan juga pembinaan. Saya juga melihat Jalan Moyog - Tambunan ini tidak begitu mesra alam. Banyak bukit-bukit ataupun pokok yang telah ditebang dan ini akan menjejaskan lagi geologi tanah tersebut. Baru-baru ini dengan hujan turun dan lebat, kita dapati jalan-jalan raya ini telah pun menghadapi masalah yang besar iaitu tanah-tanah runtuh di sepanjang jalan.

Selain daripada itu, sepanjang jalan tersebut, saya mengambil perhatian kementerian supaya melihat dari segi piawaian yang telah disediakan untuk melihat jalan-jalan raya ataupun rangkaian jalan raya ini dibuat dengan sebaik mungkin supaya pengguna-pengguna jalan raya ataupun penghuni-penghuni tinggal di pinggir-pinggir jalan raya ini terjamin dari segi keselamatan mereka.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan jalan raya iaitu Ranau - Tambunan, yang saya lihat sampai sekarang belum ada lagi yang dapat diperbaiki, khususnya cerun-cerun yang rosak, yang kemungkinan besar akan runtuh dan ini akan menjejaskan laluan lalu lintas yang menggunakan jalan raya Keningau -Tambunan, Tambunan - Ranau dan Ranau - Sandakan.

Yang ini telah juga menjejaskan dari segi pergerakan lori-lori besar ataupun lori-lori tangki yang mengangkut sawit dari pedalaman ke Sandakan. Ini telah saya sentuh tahun lalu dan saya ingin mengambil perhatian kementerian supaya akan memberikan satu penekanan terhadap jalan-jalan tersebut. Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Jalan Sepulut Salong yang sekarang ini di bawah jagaan JKR untuk dinaikkan taraf, sebab di bahagian pedalaman ini pergerakan lalu lintas begitu kerap sekali. Kita juga melihat bahawa perjalanan ke persempadanan kita ini memerlukan jalan-jalan yang baik supaya dapat kita menggunakan dengan baik, khusus kepada tentera-tentera kita yang sentiasa bergerak untuk menjaga kawasan-kawasan kita di persempadanan.

Selain daripada itu Ansip Dalip, Sook - Sinua dan Magatang - Trans Pegalan walau macam mana pun Sook - Sinua dan Magatang saya difahamkan bahawa pembinaan jalan raya tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan saya mengharapkan agar jalan-jalan raya ini dapat disiapkan dalam masa RMK-9 ini.

Satu lagi yang saya inginkan sebelum saya menutup ini mengenai dengan kontraktor-kontraktor yang diberi konsesi-konsesi untuk membuat jalan-jalan raya tersebut.

Saya mengambil perhatian Kementerian Kerja Raya supaya memberi perhatian dan memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor kelas A kepada negeri Sabah dan kalau boleh ini kontraktor-kontraktor daripada Semenanjung ataupun dari Sarawak adakan *joint venture* dengan kontraktor-kontraktor daripada Sabah supaya ini adalah satu keadilan itu daripada segi pembangunan, pengalaman dan kemahiran dapat kita integrasikan, dapat kita serasikan dan saya pasti yang ini akan dapat lagi memberi satu kesan yang baik terhadap negara kita iaitu dalam segi pembinaan yang mana saya difahamkan konsesi jalan raya di antara Sepulut ke Kalabakan diberikan kepada kontraktor daripada Semenanjung. Bukan saya katakan bahawa ini adalah prejudis ataupun kita marah dengan kontraktor daripada sini tetapi saya pasti kerja-kerja seumpama ini terus diberikan kepada kontraktor-kontraktor daripada Sabah terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup. Baik Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan maksud Pembangunan 27, Butiran 02500 iaitu baik pulih laluan persekutuan. Jadi laluan atau jalan yang saya maksud ini ialah laluan 8, terutamanya daripada Padang Tengku hingga ke Gua Musang. Di situ terdapat ada dua bukit yang sangat berbahaya dan saya memohonlah JKR supaya dapat membesarkan laluan ini kerana di situlah tempat yang banyak berlaku kemalangan terutamanya pada musim hujan dan laluan itu licin. Lebih-lebih lagi sekarang ini rasa saya banyak kereta yang menuju ke Kelantan terutamanya dalam seminggu atau dua ini, jadi jalan-jalan itu menjadi jalan utama sekarang dan rasa saya perlu diperbaiki segera.

Yang keduanya mengenai Butiran 02800 iaitu memperbaiki, mengganti dan menaik taraf jalan dan jambatan. Ada lagi satu jalan iaitu jalan alternatif di antara Jerantut ke Kuala Lipis melalui Kuala Tembeling, Mela dan Kerambit. Jalan ini juga kini telah menjadi jalan utama bagi penduduk-penduduk atau pengguna-pengguna jalan daripada sebelah selatan tengah iaitu yang melalui Temerloh kalau daripada Johor dan sebagainya melalui Temerloh untuk ke Kelantan. Jadi jalan ini memanglah jalan yang sangat sempit dan sekarang mungkin ada kerja-kerja membesarkannya tetapi tidak serata. Jalan ini seperti yang saya katakan ada yang besar dan ada yang kecil. Jadi ini sangat berbahaya kepada pengguna jalan raya kerana bila tempat yang jalannya telah dilebarkan dan dibesarkan mereka mungkin laju sedikit tiba-tiba sempit balik.

Terdapat juga dua bukit yang berbahaya yang cerunnya lebih kurang 10 peratus dan jalannya sangat sempit dan di situ juga banyak berlaku kemalangan sama ada yang dilaporkan kepada polis ataupun yang tidak dilaporkan. Jadi saya memohon kepada JKR untuk melebar dan membaiki kedua-dua jalan ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, halaman 367 – 050000, halaman 368 - 070000, saya akan bangkitkan cepat beberapa perkara mengenai pertamanya bangunan MATRADE, yang kedua mengenai MRR2, yang ketiga mengenai Hospital Temerloh dan yang keempat mengenai itu bayaran pampasan tol dan juga projek penswastan jalan Tuan Pengerusi.

Yang pertamanya mengenai bangunan MATRADE. Semalam pihak Kementerian MITI sudah mengatakan jumlah belanja kos yang terakhir sebanyak RM257 juta untuk bangunan MATRADE di Jalan Duta yang asalnya sebanyak RM167 juta sahaja dan akan dijangka siap 23 Mac 2006.

Ini bermakna kelewatan lebih tujuh tahun dan setakat ini pihak JKR - Menteri Kerja Raya sudah menuntut sebanyak RM80 juta daripada kontraktor syarikat Perangsang International Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat kumpulan hartanah Selangor dan pada 26 Oktober tahun lepas, Perangsang International Sdn. Bhd. sudah dijual kepada orang lain dengan harga RM2 dan untuk mengemaskinikan kumpulan hartanah Selangor. Difahamkan bahawa pada 27 Oktober 2004, Menteri besar Selangor sudah mengatakan bahawa satu Jawatankuasa Timbang Tara (*arbitration*) telah ditubuhkan untuk memastikan siapa yang mesti bertanggungjawab untuk membayar denda kelewatan projek bangunan MATRADE tujuh tahun itu.

RM80 juta saya hendak itu pihak kementerian dapat menjawab siapa yang akan membayar balik denda ini dan seterusnya mengenai pakej 2A iaitu MRR2, jejambat Kepong. Tuan Pengerusi, yang penting sekali kita hendak tahu daripada pihak kementerian berapa bilangan konsultan yang sudah dilantikkan untuk projek reka bentuk dan keretakan-keretakan projek ini sejak ia bermula tahun 1999 dan kemudian itu konsultan yang terakhir dilantik, Halcrow Group, konsultan British itu sudah dilantik pada 12 Ogos 2004 dan kemudian konsultan itu Halcrow sudah pada 26 Januari tahun ini mencadangkan supaya kerja mencegah air diadakan dengan seberapa segera untuk jejambat Kepong itu tetapi kerja ini belum dibuat dan yang penting sekali kita hendak tahun kos yang akhir sekali yang akan dikenakan dan juga bilakah kerja untuk memperbaiki itu MRR2 ini akan diadakan dan saya hendak mengetahui jadual yang akan diadakan oleh pihak kementerian untuk memperbaiki MRR2 ini.

Seterusnya mengenai Hospital Temerloh. Memang ada berlakunya kelemahan-kelemahan di dalam pembinaan Hospital Temerloh dan saya masih ingat di dalam PAC pun

pihak itu JKR hendak itu menyerahkan bahagian-bahagian relevan untuk spesifikasi Hospital Temerloh dan sebagainya tetapi saya belum nampak lagi apakah penyerahan itu bahagian-bahagian dokumen yang relevan untuk mengetahui mengapa berlakunya kelemahan-kelemahan di dalam pembinaan Hospital Temerlohnya.

Kemudian Tuan Pengerusi saya itu memang hendak melihat penyusunan semula ataupun pengemas kini itu Unit Perancang Ekonomi dan untuk Perbendaharaan dalam pelantikan itu konsultan-konsultan dan ini termasuk JKR.

JKR merupakan satu badan yang penting untuk mengendalikan semua projek-projek itu dengan itu peruntukan tahun depan itu lebih RM6 bilion dan sebagainya. Tuan Pengerusi, boleh berlakunya masalah-masalah dengan projek-projek yang telah saya sebutkan, juga Ipoh Timor sebutkan beberapa projek tergendala, beberapa projek yang menghadapi masalah dan sebagainya disebabkan itu ada kelemahan-kelemahan di JKR sendiri bukan setakat EPU ataupun Perbendaharaan dan mengapa itu misalnya di Kepong itu diarahkan untuk menutup semua bagi lalu lintas di jejambat Kepong itu tetapi beberapa bulan yang kemudian Halcrow mencadangkan kita buka, kita buka. Ini bermakna itu pihak yang bertanggungjawab tidak mengetahui apa yang sedang berlaku dan sebagainya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, mengenai bayaran pampasan tol. Di sini kita dapati ada RM155 juta, RM655 juta untuk bayaran pampasan tol ini, saya hendak mengetahuilahkan apakah itu bayaran pampasan ini kepada PLUS ataupun kepada LDP dan sebagainya. Saya hendak mengetahuilahkan kerana kita perlu bayar dengan begitu banyak tiap-tiap tahun dan akhir sekali mengenai itu...[Disampuk] Siapa yang kacau itu? Ini saya dengar ini, tak ikut peraturan langsungnya - projek penswastan jalan itu, RM325.9 juta. Bila kita menswastakan jalan memang kita kenakan tol, bolehkah kementerian menerangkan berapa jalan dikenakan tol ini untuk menswastakan jalan-jalan, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Gantang.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Ok, terima kasih, Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Butiran 02800. Tuan Pengerusi, saya ingin terus menjurus kepada masalah menaik taraf jalan iaitu jalan laluan 1 dan 74, Jalan Changkat Jering di Parlimen Bukit Gantang dan jalan ini merupakan jalan utama dari tol Changkat Jering ke Taiping. Tuan Pengerusi, sebenarnya pembinaan jalan ini telah bermula pada 7 Mei 2002 dan sepatutnya siap pada 26 Oktober 2005, tetapi jalan ini masih lagi belum siap dan jalan ini merupakan jalan yang begitu sibuk hingga berlaku banyak kemalangan dan korban maut sebenarnya dan saya berpendapat bahawa kontraktor Nasrin MDM Sdn. Bhd. tidak dapat menjalankan kerja membaiki pulih dengan baik dan cekap. Dengan ini saya memohon menteri dan pegawai-pegawai kanan dari kementerian turun untuk melihat keadaan yang sebenarnya dan saya mohon bilakah tarikh jalan laluan 1 dan 74 Changkat Jering ini dapat disiapkan dengan segera. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya untuk membahaskan dalam bajet kerja raya ini. Yang pertama ialah Butiran 12200 dan 12400 iaitu pejabat-pejabat dan bangunan kerajaan. Seperti yang kita tahu bahawa terdapat banyak bangunan baru kerajaan yang dibina oleh kerajaan sama ada melalui kementerian atau jabatan. Saya nak menarik perhatian kepada bangunan-bangunan baru perpustakaan awam di negeri-negeri dan juga daerah. Sepanjang pengalaman saya yang lepas, saya dapati bahawa bangunan-bangunan perpustakaan awam di negeri dan daerah ini tidak disenaraikan dalam senarai bangunan Jabatan Kerja Raya.

Biasanya diberikan nombor oleh Jabatan Kerja Raya tetapi tidak dimasukkan. Yang menimbulkan masalah ialah dari segi penyenggaraan, apabila bangunan-bangunan ini rosak, maka tidak ada pihak yang bertanggungjawab untuk membaiki bangunan tersebut kecuali agensi berkenaan. Ini menyebabkan sebahagian bangunan ini menjadi rosak dan apabila peruntukan pembaikan tidak dapat diperolehi, maka kerugian lebih besar akan dihadapi oleh agensi berkenaan akibat daripada tidak adanya peruntukan tersebut. Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Kerja Raya mengambil perhatian perkara ini dan kalau boleh mencadangkan, memasukkan supaya bangunan-bangunan baru yang

harganya mahal-mahal ini, berjuta-juta ringgit ini didaftarkan sebagai bangunan Jabatan Kerja Raya dan dimasukkan peruntukan khusus bagi penyelenggaraan bangunan tersebut.

Yang kedua ialah saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, saya difahamkan bahawa bangunan baru Jabatan Kerja Raya daerah Maran akan dibina dan tapak telah pun dikenal pasti. Saya ingin bertanya bilakah bangunan tersebut akan didirikan dan berapakah kos peruntukan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan memandangkan Maran bukan daerah yang baru, yang kedua terakhir sebelum Bera, berbanding dengan daerah-daerah lain dan kita ingin melihat supaya Maran juga membangun seperti daerah-daerah yang lain di seluruh negara.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, ialah tentang pembinaan jambatan. Di kawasan saya sebuah jambatan baru telah dibina iaitu Jambatan Chenor Seberang. Kosnya lebih kurang RM120 juta dan jambatan ini telah siap dan digunakan oleh penduduk setempat.

Saya telah mengemukakan perkara ini kepada pihak JKR dan pembangunan daerah di mana jambatan ini masih belum digazet hingga sekarang. Saya bimbang pelbagai insiden boleh berlaku, kemalangan boleh berlaku dan sekiranya jambatan ini tidak digazet, sudah tentulah apabila berlaku kemalangan, maka mangsa-mangsa kemalangan itu tidak akan dapat membuat tuntutan di mana-mana. Saya berharap supaya pihak Kementerian Kerja Raya dapat menyegerakan pewartaan ataupun menggazet jambatan ini.

Yang berikutnya ialah tentang Lebuhraya Pantai Timur. Saya merupakan pengguna tetap lebuhraya ini walaupun sebahagian daripada sahabat saya telah menyentuhnya, saya minta supaya Kementerian Kerja Raya mengambil perhatian serius tentang kualiti jalan ini walaupun baru setahun dibina, siap dibuka tetapi kualitinya amat tidak baik di mana bergelombang dan sebagainya, banyak kerosakan berlaku dan kita harap supaya jabatan atau Kementerian Kerja Raya dapat membaiki pulih kepada jalan ini.

Satu lagi ialah tentang kedudukan Jambatan Sungai Kundang yang telah menurun ataupun serap tanahnya. Saya harap supaya pihak Kementerian Kerja Raya dapat menyegerakan pembaikan ataupun membaiki pulih jambatan ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi ialah cadangan pembesaran jalan-jalan *federal* di negeri Pahang. Pihak kita daerah negeri Pahang telah mencadangkan pelbagai jalan untuk dinaikkan taraf supaya diperbesarkan lagi termasuklah dua jalan utama yang kita telah cadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu yang pertamanya di kawasan saya iaitu Jalan Kampung Awah-Chenor dan yang kedua ialah laluan 10, Temerloh-Bahau.

Saya berharap supaya Kementerian Kerja Raya dapat memberikan perhatian dan dapat meluluskan jalan ini supaya dinaikkan taraf dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Parit.

12.02 tgh.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam peringkat Jawatankuasa ini saya hendak menyebut di bawah Butiran 00700 – Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan serta 02800 – Memperbaiki, Mengganti dan Menaik Taraf Jalan-jalan dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, satu jalan lama yang telah dibina pada tahun 50-an iaitu Jalan Seputeh-Parit. Jalan ini perlu diperbesar dan dinaiktarafkan, Tuan Pengerusi, oleh kerana jalan ini sempit dan ini merupakan laluan utama daripada pekan Parit ke Batu Gajah dan terus ke Ipoh.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Inilah satu-satunya jalan yang digunakan oleh penduduk tempatan sama ada dari Parit dan sekitar kampung di kawasan antara Seputeh dan Parit itu. Perkara kedua ialah jalan yang sama dari Seputeh ke Parit disambung terus dari Parit melalui Jambatan Nordin merentasi Sungai Perak, jalan ke Beruas yang panjangnya kira-kira dalam 30 kilometer.

Jalan ini merupakan juga jalan yang lama dibina dan jalan yang sempit, berliku-liku dan selalu menimbulkan kemalangan jalan raya.

Di samping itu, jalan ini juga digunakan oleh lori-lori yang membawa bahan-bahan muatan yang besar. Oleh kerana itu banyak menimbulkan kemalangan dan kesusahan kepada penduduk-penduduk yang menggunakan jalan itu. Saya berharap pihak kementerian mengambil tindakan untuk menaik taraf jalan ini ataupun membina laluan baru bagi membolehkan jalan yang lebih sempurna diwujudkan daripada simpang Seputeh sampai pekan Parit dan seterusnya ke pekan Beruas. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Krai.

12.05 tgh.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bangun lama dah tapi ini baru boleh. Tapi kalau Tuan Pengerusi bagi pun munasabah, kita markah penuh, empat tengok ini. Semua patut contoh ini. Barisan kita semua penuh markah.

Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada timbalan menteri. Saya kira kalau saya tidak bangun ini nanti rakyat Kuala Krai marah dan saya harap Timbalan Menteri pun jangan marahlah kalau sebut perkara yang sama iaitu mengenai dengan 00600, jalan dari Gua Musang ke Kota Bharu. Yang inilah dahulu pun bila masuk Dewan memang saya *highlight* ini sebab rakyat selalu bila hari raya menjelang baru-baru ini pun dia sebut lagilah, Yang Berhormat. Jadi saya bangun menyebut lagi.

Saya harap timbalan menteri tolonglah, kerana beratus ribu rakyat daripada Kelantan ini bila menjelang hari lebaran ataupun hari cuti, balik berduyun-duyun melalui Gua Musang dan Kuala Lipis. Tadi Yang Berhormat bagi Lipis telah bertanyakan mengenai dengan Jalan Bukit Tujuh. Tuan Pengerusi, Jalan Bukit Tujuh ini ada tiga bukit dan bahu jalan itu telah dibawa ke mahkamah yang menyatakan insidennya berlaku kerana bahu jalannya tidak ada. Jadi kita harap...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, ya. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini hendak bertanya Yang Berhormat bagi Kuala Krai, apakah sekiranya jalan ini dibuat, maka mungkin Kelantan akan boleh diperintah oleh Barisan Nasional ataupun menang dahulu baru buat sebab rakyat juga kena menunjukkan balasan kepada kerajaan. Kalau diberi sahaja tetapi tidak ada balasan, macam berat sebelahlah. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih, saudara Kinabatangan yang selalu simpati dengan Kuala Krai dan dia pun ke Kelantan dia tahu sangat. Saya rasa Pengkalan Pasir menang tidak lama lagi dan semuanya akan berubah dan inilah yang saya suarakan iaitu menjadi satu contoh dari Gua Musang ke Kuala Krai ini kerana dari Kuala Krai, kita sudah menang Parlimen iaitu Yang Berhormat Tengku Razaleigh Hamzah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ini saya sebut kemudian mari ke Kuala Krai saya sendiri...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran bangun pula.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: 100%.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sedikit sahaja.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya. Laku nampaknya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya perhatikan saya terlibat dengan pembinaan Jalan

Kuala Lipis-Gua Musang, Gua Musang-Kuala Krai. Ini sebenarnya dahulu jalan ini dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Setakat ini sudah rosak tidak ada orang kisah pun. Tiba-tiba Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun untuk membela untuk membaiki jalan ini. Apakah ini menunjukkan bahawa kerajaan kita, Barisan Nasional sangat prihatin tentang rakyat?

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, 100% prihatin. Memanglah itu yang kita harapkan dan dengan adanya hari ini tiga, empat orang bangun, saya haraplah sebelum pada Rancangan Malaysia Kesembilan pun jalan ini dapat diperbaiki kerana jalan inilah jalan utama kepada rakyat yang duduk di Kuala Lumpur ini untuk balik ke Kelantan atau Pantai Timur melalui Lipis-Gua Musang. Jalan-jalan yang telah disebut itu adalah benar dan tepat sekali. Ini boleh mengurangkan kemalangan jalan raya kepada beribu-ribu rakyat yang pulang ke kawasan di Pantai Timur.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: *[Bangun]*

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, Yang Berhormat bagi Tanah Merah pula, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Krai, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebagaimana kata Yang Berhormat bagi Kuala Krai tadi bahawa jalan raya dari Gua Musang-Kota Bharu ini diguna oleh rakyat, khususnya daripada negeri Kelantan yang tinggal di luar, contohnya Kuala Lumpur. Apakah jalan ini yang merupakan salah satu laluan masuk daripada Kuala Lumpur ke negeri Kelantan. selain daripada penggunaan secara pengangkutan awam, apakah jalan ini yang juga merupakan jalan penghubung untuk negeri Kelantan mengeluarkan hasil-hasil daripada negeri Kelantan ke Pelabuhan Klang, contohnya.

Di dalam Jawatankuasa MKK (Majlis Kemajuan Negeri Kelantan) yang mencadangkan supaya jalan ini dinaiktarafkan menjadikan satu lebuh raya yang penting untuk negeri Kelantan yang menghubungkan ibu kota ataupun Kuala Lumpur yang mana jangka masa perjalanan dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur boleh disingkatkan daripada enam atau tujuh jam kepada empat jam sahaja. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa jalan ini kerajaan perlu beri perhatian serius untuk menjadi satu realiti supaya lebuh raya ini dapat dibuat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih, Tanah Merah. Tepat sekali, dia pun daripada JKR memanglah apa yang disarankan itu benar dan 100 peratus sokong. Jadi terima kasih kepada Tanah Merah dan saya berharap kepada pihak timbalan menteri ini supaya seperti mana yang saya katakan tadi, sebelum menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat diatasi perbaiki jalan daripada Gua Musang ke Kota Bharu kerana inilah satu-satunya jalan masuk daripada Pantai Timur menuju Pahang dan Kelantan.

Satu perkara lagi iaitu Simpang Pulai ke Gua Musang ini pun harus diperbaiki. Mengenai dengan jalan-jalan seperti naik kuda di situ, kalau kita daripada Kuala Krai ke Lipis, daripada Gua Musang ini jalannya bengkok-bengkok tidak sama, jadi kita harap ini juga dapat diratakan dari segi muka jalan yang begitu melentung, tidak sama.

Saya kira dengan sokongan daripada kawan-kawan ini serta perubahan ini pastinya berlaku kerana seperti mana yang saya tegaskan tadi rakyat akan melihat kerana pilihan raya Parlimen semuanya 100 peratus menang daripada Gua Musang ke Kota Bharu. Ini sekali saya tegaskan kerana rakyat menanti melihat perubahan ini dan saya yakin dan percaya Pengkalan Pasir akan menang dengan cemerlang, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Barat.

12.12 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh mengenai 60000 – Naiktaraf Jalanraya dan Laluan. Apabila sesuatu jalan itu diubahsuai Tuan Pengerusi, ia selalunya membawa kebaikan kepada pengguna-penggunanya. Tetapi ini bukan apa yang terjadi di antara Jalan Ipoh dan Kuala Kangsar yang baru-baru ini telah diubahsuai di mana lima persimpangan lampu

isyarat telah dikurangkan kepada dua persimpangan lampu isyarat dan bila kekurangan lampu isyarat ini dibuat, tidak ada apa-apa *feedback* yang dibuat dari masyarakat yang duduk di sana dalam lingkungan lebih kurang dua kilometer.

Sekarang menyusahkan pada para penghuni-penghuni di sana kerana mengurangkan penggunaan lampu isyarat dari lima ke dua, ini menyusahkan mereka, mereka perlu berjalan jauh untuk buat U-turn dan sebagainya. Juga selepas lampu isyarat ini dibina beberapa faktor yang tidak diambil kira di antaranya adalah dengan izin, saya memetik apa yang dikatakan oleh seorang *engineer* di sana, "*Road safety should ensure safe destination of traffic*," adakah ini dikenal pasti atau telah diambil kira. Saya difahamkan perkara ini tidak dibuat langsung dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Yoke Choy yang ada di jalan Kuala Kangsar itu, selepas pembinaan lampu isyarat yang baru ini tidak memberi ruang kepada pelajar-pelajar untuk keluar dan masuk dari kiri dan kanan atau dari kanan jalan ke kiri jalan.

Selepas lampu isyarat baru ini telah dihapuskan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Yoke Choy beberapa kemalangan telah terjadi. Saya harap Kementerian tidak menunggu untuk beberapa pelajar mati dilanggar oleh beberapa kereta baru akan menyedari bahawa sesuatu yang perlu dibuat. Di antaranya adalah *road crossing* atau *overhead bypass* perlu dibuat dan perkara ini tidak langsung diambil kira hingga sekarang. Walaupun saya sendiri telah menulis satu surat kepada Menteri berkenaan dan telah mendapat jawapan pada 8 Jun 2005 tetapi jawapan ini macam standard *reply* sahaja. Saya harap tindakan akan diambil dan lebih-lebih lagi di jalan-jalan Kuala Kangsar, di mana Taman Sin Lock, tidak ada apa-apa *junction* iaitu dengan izin, no *acceleration* atau *deceleration lane* untuk pihak-pihak keluar atau masuk supaya berwaspada dan trafik-trafik dapat dikontrol.

Selain dari itu Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh mengenai jalan yang sedang diperbaiki di antara Tanjung Malim ke Sungkai. Jalan ini patut disiapkan lebih dari dua tahun dahulu setelah lanjutan masa diberi, dan lanjutan masa telah diberi lagi dan saya difahamkan patut habis pada tahun ini bulan Julai, dan lanjutan masa lagi telah diberi. Apakah kriteria yang digunakan oleh Kementerian untuk memberikan kelanjutan dan kerap-kali apabila saya sendiri menggunakan jalan tersebut ia sangat berbahaya pada waktu malam di mana ada beberapa kesempitan dan blok-blok di mana tidak ada tanda-tanda *warning* yang cukup dan beberapa kemalangan telah terjadi di tempat tersebut.

Akhir sekali Tuan Pengerusi adalah mengenai jalan Lumut ke Ipoh, beberapa cadangan telah dibuat dengan mengadakan satu *highway two lane* dari Lumut ke Ipoh, apakah ini tidak dijadikan. Saya difahamkan DRB telah diberi kontrak tetapi sekarang tidak dilaksanakan. Adakah kerajaan mengkaji atau Kementerian mengkaji supaya ia dapat diberi kepada pihak yang lain yang ingin membuat jalan tersebut? Pada masa sekarang jalan di antara Lumut dan Ipoh di naiktarafkan. Bilakah ia akan disiapkan dan apakah kos dan siapakah kontrak yang terlibat?

Akhir sekali mengenai dengan jalan raya Utara-Selatan. Tuan Pengerusi, kita perlu memberi perhatian, kita perlu memberi arahan kepada semua pihak konsesi supaya mereka mengambil pekerja-pekerja yang tidak keupayaan. Ramai di antara yang diambil 100 peratus adalah orang-orang yang *well-built* dan boleh bekerja di mana-mana tetapi pihak-pihak *handicap* tidak diberi apa-apa kelonggaran supaya mereka dapat bekerja sebagai pemberi tiket di sana. Apakah ini tidak dibuat oleh kerajaan dan Kementerian tersebut. Saya juga ingin menyatakan mengenai *lighting* di beberapa *highway*, masanya sudah tiba di seluruh *highway* di antara Kangar dan Johor Bahru patut ada lampu pada waktu malam, adakah ini akan diambil tindakan dan apakah kerajaan buat mengenai perkara ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sekijang.

12.17 tgh.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak nampakkah Tuan Pengerusi? Lapan kali sudah saya berdiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak buta, Yang Berhormat!
[Ketawa]

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian. Saya hanya ingin menyentuh tentang kepala Butiran 00600 – Jalan-jalan Raya Baru, 00700 - Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan. jalan dan juga 60000 - Naiktaraf Jalanraya dan Laluan.

Seperti mana pada sesi yang lalu, saya juga ada membangkitkan tentang pembinaan jalan raya di antara Segamat ke Tangkak yang mana jalan ini adalah merupakan jalan utama bagi mereka yang datang daripada Segamat, malah daripada Pantai Timor ataupun daripada Kuantan jalan Lebuhraya Kuantan - Segamat menuju ke lebuhraya dan juga daripada Gemas atau Bahau menuju ke Lebuhraya Utara-Selatan. Jadi jalan ini nampaknya mengalami kesesakan yang begitu teruk sekali terutama di musim-musim perayaan di mana kemalangan-kemalangan pun banyak berlaku kerana keadaan jalan raya tersebut yang berkelu-liku dan kecil.

Jadi saya minta sekali lagi supaya kerajaan menimbangkan untuk membina jalan ini kepada empat lorong pergi dan balik. Walaupun ianya saya difahamkan akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Yang Kesembilan tetapi mungkin peruntukannya saya difahamkan akan dikurangkan dan ini tentunya akan mengecilkan pembinaan jalan ini atau mengurangkan kualiti jalan ini dan untuk jangka masa panjang, saya rasa ianya kita perlu memberikan perhatian yang sewajarnya kepada pembinaan jalan ini, dan saya berharap sangat supaya jalan ini dapat dibina dengan segera.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah tentang selain daripada pembinaan jalan daripada Segamat-Tangkak ini kita juga perlu mengambil kira tentang pembinaan ataupun pembesaran jalan daripada Simpang Sagil-Jementah ke Bukit Kepong dan terus ke Labis. Ini untuk memberikan alternatif kepada pengguna-pengguna jalan untuk menuju ke Labis atau ke Segamat supaya menggunakan jalan ini dan dengan pembesaran jalan ini saya percaya akan dapat mengurangkan kesesakan lalu-lintas yang berada di kawasan tersebut.

Perkara ketiga Tuan Pengerusi, saya juga ingin memberitahu pihak kerajaan supaya meluluskan cadangan pembinaan jalan raya, jalan Barat Daya Segamat yang mana jalan ini adalah juga merupakan alternatif bagi mengelakkan kesesakan yang berlaku di bandar Segamat, yang jalan ini saya kira tidak sampai pun 10 kilometer dia punya panjangnya, dan perbelanjaannya saya rasa tidak pun begitu besar. Saya telah pun mengesyorkan ianya dibina dalam Rancangan Malaysia yang Kesembilan, dan saya sangat berharap supaya pembinaan Jalan Barat Daya Segamat ini akan dapat membantu untuk memberikan selain dapat mengelakkan kesesakan di bandar Segamat, juga jalan ini akan dapat menggalakkan pertumbuhan kepada industri-industri dan juga penggunaan kepada kawasan Pelabuhan Darat Segamat yang pada masa ini kurang mendapat sambutan daripada industri di sekitar. Jadi Tuan Pengerusi dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

12.21 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi ternampak juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat saya tidak buta, saya nampak. Kita kena bagi peluang juga kepada orang lain bercakap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak tuduh “buta”, tetapi mungkin tidak terpanchang. Butiran 08250, Butiran 08260 dan 08500. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya sebab banyak

memberi peruntukan di negeri Sabah pada ketika ini. Walau bagaimanapun negeri ini memang tertinggal jauh jika dibandingkan dengan negeri yang lain dari segi pembinaan jalan sebab masih banyak jalan yang belum ada peruntukan dan mudah-mudahan ianya akan dapat dibina menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan. Satu, iaitu contoh dia, jalan simpang sogo-sogo ataupun - jalan ini masih belum ada peruntukan dan telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya harap ianya mendapat perhatian daripada pihak kerajaan.

Perkara yang satu lagi, iaitu apakah kementerian berhasrat untuk menaik taraf Jalan Batu 32, Sandakan sebab jalan ini cuma ada *one way* sahaja sejak kita merdeka sehingga hari ini. Sedangkan beratus-ratus ribu kereta sudah menggunakan jalan ini dan cuma ada satu jalan sahaja, iaitu salah satu bandar yang terbesar di Sandakan, Sabah itulah sahaja negeri dia, bandar dia yang ada jalan empat kembar sehingga kilometer ke 14. Itu sahaja. Selebihnya ia dua hala sahaja satu naik satu turun dan telah mengakibatkan pelbagai kemalangan termasuk meragut nyawa dan sebagainya. Jadi perkara ini harus ditimbang oleh kementerian untuk memastikan bahawa ianya menjadi keutamaan sebab jalan ini juga menghubungkan di antara bandar dan bandar di Sabah seperti Kota Kinabalu dan Sandakan.

Yang selebihnya, seterusnya iaitu saya juga meminta kerajaan supaya memberi peruntukan yang banyak ke arah memperbaiki cerun-cerun yang telah mengakibatkan kemalangan dan telah mengakibatkan jalan terputus iaitu cerun-cerun di antara Kota Kinabalu dan Sandakan. Ini memang tiap-tiap hari ada sahaja tanah runtuh dan sebagainya yang memerlukan peruntukan dan tumpuan ke arah bagaimana kita hendak memastikan bahawa tanah ini tidak runtuh walaupun hujan lebat. Jadi kementerian harus menghantar para pengkaji yang mempunyai kepakaran dalam bidang cerun-cerun, sebab kita tidak mahu apabila cerun ini dibina besok dia runtuh lagi jadi kerajaan kehilangan wang, rakyat pun kerugian dalam soal ini. Jadi saya meminta Timbalan Menteri memastikan bahawa perkara ini dibawa ke pengetahuan kementerian untuk kalau boleh diberi peruntukan yang secukupnya bagi Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang terakhir sekali Tuan Pengerusi iaitu penyeragaman lampu-lampu keselamatan ataupun *traffic light* di seluruh negara. Saya melihat di Bukit Bintang *traffic light* dia amat indah, dia ada notis bila berjalan bila berhenti, tetapi di Kota Kinabalu di Sabah langsung tidak ada. Jadi tidak bolehkah dinaik taraf sebab banyak pengguna jalan kaki ini terperangkap dengan keadaan sebegini, jadi saya memintalah kementerian ini mengkaji bagaimana untuk menyelaraskan, untuk *standardize* kita punya lampu-lampu keselamatan *traffic light* ini di antara negeri dengan negeri. Jangan nampak ada kelainan ataupun ada yang *advance*, ada yang ketinggalan seolah-olah bandar raya ini sebuah bandar raya yang perlu dijaga dan bandar raya yang lain ini biarlah dia tertinggal begitu. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mas.

12.25 tgh.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi laluan kepada saya.

Pertama Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Butiran 08260 mengenai naik taraf jalan. Di kawasan kita di Bukit Mas kita mempunyai satu jalan Persekutuan. Tuan Pengerusi pun tahu yang merentasi negara Brunei Darussalam dan bahagian Limbang khususnya daerah Limbang dan Lawas itu sendiri sehinggalah ke Kota Kinabalu. Jalan ini khususnya di bahagian Limbang terdapat kerosakan yang teruk dan setakat ini tidak diperbaiki dengan sepenuhnya, walaupun separuh daripada jalan ini di bahagian Limbang daripada daerah Lawas khususnya ke sempadan di Merapuk dengan Sabah telah dimasukkan ke dalam program untuk naik taraf, tetapi sehingga masa kini belum

selesai. Jadi sebahagian daripada bandar Lawas itu menuju ke Limbang belum mempunyai peruntukan.

Saya telah dimaklumkan oleh pihak kementerian bahawa kerja-kerja naik taraf akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tetapi apa yang saya inginkan ataupun rakyat memerlukan supaya kepastian bahawa jalan ini, jalan Persekutuan yang ada di bahagian Limbang diperbaiki selewat-lewatnya pada tahun hadapan kerana kita di bahagian Limbang seperti mana yang diketahui berdekatan dengan negara Brunei Darussalam dan juga negeri Sabah. Di kedua-dua tempat, wilayah dan negeri ini mempunyai jalan raya yang begitu baik dan jalan kita juga selalu diguna pakai oleh rakyat bukan sahaja rakyat Malaysia dan rakyat tempatan malah yang datang daripada Brunei, yang mengunjungi selalu ke negeri Sabah melalui daerah Limbang dan Lawas setiap hujung minggu menggunakan kenderaan mereka. Kadang-kadang kita merasa kurang sedap apabila rakyat khususnya daripada negara Brunei, mereka mengatakan jalan kita, jalan Persekutuanlah yang disentuhkan ini, yang di daerah kita berada di dalam keadaan yang kurang baik - selalu. Jadi seolah-olah imej kita, Tuan Pengerusi turun dan oleh itu saya minta supaya kerajaan dapat memperbaiki jalan Persekutuan ini ataupun *highway* yang ada ini.

Kedua Tuan Pengerusi, di sepanjang jalan ini ada dua jambatan yang perlu dibina. Sehingga kini belum dapat peruntukan. Satu ialah di Sungai Terusan yang mana juga saya dimaklumkan melalui jawapan dari pihak kementerian akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Tetapi di sini juga saya memerlukan kepastian dari pihak kementerian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Sila, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi rintihan dan luahan hati rakan-rakan kita Ahli Parlimen daripada Sabah, Sarawak tidak pernah sunyi kedengaran termasuk macam Yang Berhormat Tuan Pengerusi sendiri kawasan Sipitang. Cuma kita berharap agaknya ada dalam pemikiran pihak kerajaan khususnya JKR dan mungkin ini agaknya dipersetujui oleh Yang Berhormat Bukit Mas bahawa jalan-jalan raya di Sabah, Sarawak negeri-negeri yang terbesar komponen yang terbesar dalam negara Malaysia - yang lebih besar. Selain daripada jalan-jalan ini kerana perhubungan manusia menyenangkan hubungan, ia juga sebenarnya akan memberi pulangan ekonomi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap itu, ini ruang Yang Berhormat Bukit Mas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, saya tanya Yang Berhormat bagi Bukit Maslah ini, dia...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Biar dia mengutarakan masalah dia, tempat dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, ia akan membuka pulangan ekonomi, Tuan Pengerusi. Yang saya maksudkan ialah kerana apabila jalan baik, jalan itu selesa, ia akan membuka tanah-tanah di kiri kanan jalan itu dan ini akan memberikan pulangan ekonomi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri pun faham itu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah, ini saya cuma hendak beritahu kepada JKR, bukan sahaja jalan itu kerana perhubungan tetapi jalan itu juga akan membuat pertambahan ekonomi. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Bukit Mas?

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Sri Gading amat prihatin tentang kemunduran di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kawasan kita di utara negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Seperti mana dikatakan ataupun diketahui oleh umum, masalah kita sekarang mungkin ialah mengenai keutamaan. Kalau kita lihat di tempat-tempat lain, jalannya begitu baik dan jambatan-jambatan yang diperlukan pun dilaksanakan.

Tetapi khusus di kawasan Bukit Mas ini, saya kira jalan persekutuan yang ada tidak lengkap kalau tidak dihubungi dengan jambatan-jambatan yang diperlukan kerana ini merupakan *highway* dan bukan sahaja *highway* ini dibina satu tahun dahulu, malah beberapa tahun sudah diguna pakai. Jadi inilah saya rasa mengenai keutamaan. Mungkin kerana kawasan kita yang terjauh sekali dan saya minta supaya apa yang diperlukan oleh kita di kawasan yang jauh ini diadakan kerana jalan dan jambatan ini apabila dilaksanakan bukan sahaja diguna pakai oleh rakyat Malaysia di kawasan ini, malah Tuan Pengerusi sendiri pun saya ingat selalu menggunakan jalan ini apabila turun ke Brunei melawat anggota keluarga di sana kerana mempunyai talian persaudaraan.

Oleh itu saya sebenarnya telah membuat persoalan dan dijawab tetapi kita mahu kepastian. Kita tidak mahu perkara ini tidak dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga di bawa ke Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kalau beginilah keadaannya, memang rakyat kita merasa tidak memuaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat ya.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi iaitu mengenai bangunan ataupun pejabat JKR di daerah Lawas. Beberapa tahun sudah tapak tanah dikenal pasti tetapi bangunan ini tidak dapat direalisasikan oleh kerana ketiadaan peruntukan. Tentulah saya kira, peruntukan yang diperlukan mungkin datangnya juga daripada Kerajaan Persekutuan dan oleh itu saya minta ataupun merayu supaya peruntukan yang diperlukan untuk pejabat JKR...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: ...daerah ini di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan supaya dapat memastikan bangunan yang diperlukan sekarang pihak JKR berada di dalam...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Yang Berhormat, sudah faham itu.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: ...satu bangunan yang sementara sahaja. Jadi saya rasa itu sahaja, saya ucapkan terima kasih. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepatutnya saya sudah tutup, Yang Berhormat, saya sudah tutup. Yang Berhormat Menteri kena mula jawab.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah, tidak apalah, yang tidak berucap nanti boleh mencelah ya. Yang Berhormat Menteri, sila.

12.35 tgh.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya bagi pihak kementerian suka merakamkan ucapan terima kasih kepada seramai 23 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya bagi perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 untuk penggal yang kedua Dewan Rakyat.

Saya akan cuba memberikan penjelasan sebaik mungkin kepada perkara yang dibangkitkan dan mana-mana perkara yang berhubung kait tentang spesifik, insya-Allah kita akan memberikan jawapan yang bertulis. Ahli Yang Berhormat bagi Ledang telah membangkitkan isu lampu isyarat di jajaran jalan Muar *bypass* terdapat 11 lampu isyarat yang berdekatan antara satu sama lain.

Saya suka menyatakan di sini bahawa 3 kawasan telah pun dikenal pasti untuk diwujudkan persimpangan bertingkat dan kita harap dengan 3 persimpangan bertingkat ini masalah *level crossing* yang melibatkan itu akan dapat diselesaikan.

Mengenai cadangan jalan Alor Gajah - Muar, pihak kementerian mengakui bahawa projek berkenaan telah pun mengalami kelewatan dan ianya telah dimulakan pada 9 April 2004 dan sepatutnya siap pada 8 April 2005. Ini disebabkan oleh beberapa masalah seperti pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti. Ingin dimaklumkan bahawa projek ini telah pun dilanjutkan tempoh siap sehingga 30 Disember 2006.

Ada Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan masalah tempat letak kereta yang tidak mencukupi di lebuh raya. Pada dasarnya adalah disebabkan oleh pertambahan kenderaan yang menggunakan lebuh raya terutama apabila musim perayaan. Bagi kawasan rehat yang didapati mengalami tempat letak kereta yang serius, pihak konsesi telah pun diarah untuk menambah lot-lot tempat letak kereta untuk keselesaan pengguna.

Isu mengenai jalan kampung yang tidak mempunyai bahu jalan yang mencukupi suka dijelaskan di sini bahawa....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:pembinaan jalan ini adalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Ledang minta jalan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagi saya selesaikan dahulu. Pembinaan jalan ini adalah tanpa pengambilan balik tanah di mana ruang pembinaan biasanya adalah terhad. Pembinaan bahu jalan hanya akan dilakukan sekiranya ruang mencukupi. Spesifikasi yang digunakan untuk projek jalan kampung ini adalah *spec* JKR bagi kerja-kerja turapan jalan iaitu dengan keluasan di antara 10 hingga 14 kaki.

Sebagaimana yang sedia maklum, amalan pada masa ini bayaran perunding adalah secara terus daripada kontraktor. Mengenai cadangan supaya bayaran perunding dibuat melalui Lembaga Jurutera Malaysia, ingin diberitahu bahawa pada masa ini kajian sedang dijalankan secara terperinci supaya cadangan tersebut dapat dilaksanakan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja, Tentang jalan Muar - Alor Gajah tadi, saya bangkitkan tempoh hari jalan di bahagian Muar ini antara Muar dengan Sungai Rambai tertinggal langsung, sedangkan dari Sungai Rambai menghala ke Melaka nampak ia berjalan baik sedangkan ia satu kontrak, satu *stretch*, seolah-olah yang di kawasan saya ini secara kebetulan di Muar semacam lah dianaktirikan. Sekian, terima kasih. Minta bantuan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa pihak kementerian dan JKR, kita tidak pernah pun menganaktirikan sesiapa termasuklah dalam kawasan pihak pembangkang kerana akhirnya rakyatlah yang menjadi perkara utama yang harus diselesaikan.

Insya-Allah, Yang Berhormat, segala perkara yang Yang Berhormat utarakan itu kita akan mengambil tindakan susulan dan saya tidak ada nampak masalah yang lebih besar yang berhubung kait tentang masalah pengambilan tanah untuk diselesaikan jalan Yang Berhormat dan insya-Allah perkara ini akan dapat di manfaatkan.

Beberapa Ahli Parlimen telah membincangkan mengenai beberapa isu di Lebuh raya Pantai Timor Fasa 1 mengenai tiada tempat berhenti untuk kecemasan. Sebenarnya Lebuh raya LPT ini telah direka bentuk dan dibina dengan lorong kecemasan selebar 3 meter bagi sepanjang lebuh raya sejauh 169 kilometer. Standard lorong kecemasan ini adalah sama seperti Lebuh raya Utara-Selatan tetapi tidak tahulah, agaknya oleh kerana PLUS *highway* ini nampaknya di Sibu sikit, LPT nampak lengang, jadi ia nampak terkecik, tetapi dari segi lebarnya sama.

Mengenai dakwaan LPT sebagai *substandard*, ingin diberitahu bahawa reka bentuk lebuh raya ini adakan setanding dengan Lebuhraya Utara-Selatan. Malahan lebar setiap lorong di LPT adalah 3.75 meter ...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bera bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zain bin Mohamed: ...berbanding Lebuhraya Utara-Selatan 3.6 meter. Jejari lengkung yang terkecil untuk LPT adalah 1,000 meter berbanding dengan Lebuhraya Utara-Selatan 780 meter. Oleh yang demikian, dakwaan LPT sebagai *substandard* adalah tidak benar.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sebut tentang laluan kecemasan, tempat memberhentikan kereta terdapat di lebuh raya LPT. Ini saya tak tahu yang mana satu, adakah bahagian tepi jalan itu dianggap sebagai tempat pemberhentian kecemasan. Kalau diletakkan kereta atau lori di situ, berhenti di tepi-tepi jalan itu, memang terlalu sempit. Saya sendiri pun pernah berhenti untuk memunggah barang keluar, misalnya daripada *boot* kereta, memang terlalu sempit, kereta sampai ke tepi jalan. *It is very dangerous.*

Dato' Ir. Mohd. Zain bin Mohamed: Saya ingat apa yang Yang Berhormat maksudkan ini, *lay-by* sebagai supaya kalau ada kecemasan. Untuk makluman Yang Berhormat, seluruh 168 kilometer ini kalau mengikut *lay-by* ini ia ada lima, dua yang merupakan R&R, yang tiga itu *lay-by* dan jaraknya sejauh, ia punya *spend* dengan izin, *every* 30 kilometer.

Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat telah menimbulkan masalah pembinaan Lebuhraya Kajang-Seremban (KASEH), yang nampaknya tak kasih kepada Yang Berhormat. [Ketawa] Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Kajang-Seremban telah dikategorikan sebagai projek tergendala, berikutan tidak banyak kemajuan dicapai oleh syarikat konsesi sejak perjanjian konsesi di tanda tangani pada tahun 10 Julai 1997. Kegagalan syarikat konsesi terlibat iaitu Kaseh Lebu Raya Sdn. Bhd. untuk menyiapkan projek ini disebabkan oleh masalah kewangan dan pengurusan yang lemah sehingga menjejaskan pelaksanaan projek yang sepatutnya disiapkan pada tahun 2000.

Berikutan kegagalan tersebut, kerajaan berhasrat untuk memulakan proses penamatan konsesi dan seterusnya menawarkan kepada entiti baru untuk meneruskan projek tersebut. Walau bagaimanapun, KASEH telah mengemukakan rayuan kepada kerajaan untuk meneruskan projek berkenaan. Sehubungan itu, kerajaan bersetuju memberikan pertimbangan kepada KASEH untuk meneruskan projek dengan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) penyertaan rakan kongsi yang disenaraikan di Bursa Malaysia sebagai pemegang ekuiti; dan
- (ii) menetapkan 30 September 2005 sebagai tarikh akhir kepada Kaseh Lebuhraya Sdn. Bhd. untuk membuktikan kemampuan kewangan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2005 KASEH secara teknikalnya telah gagal membuktikan kemampuan pembiayaan kewangan mereka bagi meneruskan projek ini. Walaupun begitu, syarikat berkenaan sekali lagi telah merayu supaya kerajaan melanjutkan tempoh pembuktian kewangan mereka iaitu dengan mengambil kira penubuhan syarikat baru, *new co*, di bawah nama Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn. Bhd. atau pun LEKAS dan penglibatan IJM *Cooperation*, IJM sebagai rakan kongsi dalam entiti baru berkenaan. Tertakluk kepada kelulusan daripada kerajaan, LEKAS berhasrat mengambil alih segala obligasi dan liabiliti KASEH untuk melaksanakan projek ini. Pada masa kini, rayuan berkenaan masih lagi dalam pertimbangan kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Hulu Langat

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. LEKAS, satu entiti baru yang akan dikatakan dipertimbangkan untuk mengambil alih. Saya ingin mendapat maklumat adakah IJM yang dibawa masuk bersama-sama LEKAS ini adalah juga merupakan kontraktor yang terlibat sama ketika konsesi ini di bawah kendalian KASEH. Saya difahamkan bahawa KASEH terhutang antara RM50 juta ke RM60 juta, akibat daripada kerja-kerja tanah yang diawarkan kepada IJM.

Berikutnya, Tuan Pengerusi, berapakah kadar bantuan kewangan yang akan dibawa masuk oleh IJM kepada entiti baru ini dan adakah ianya benar-benar akan mampu menyiapkan projek yang tergendala ini secepat mungkin? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Ir. Mohd. Zain bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa *origin letter project* ini dalam situasi ini ia daripada EPU (*Economic Planning Unit*) yang melakukan proses dan segala butiran itu adalah sedang dikaji dan diteliti oleh pihak EPU. Pertama untuk menentukan bahawa segala syarat yang telah pun ditetapkan dengan mewujudkan satu *new co* ini dengan mengambil ia punya liabiliti dan obligasi tentang konsesi yang di tanda tangani itu akan dapat dilaksanakan dengan pemegangan ekuiti baru yang dibuat dalam perjanjian ini sebagai syarat yang ditetapkan.

Butiran itu, Yang Berhormat, tidak ada dalam tangan saya. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana saya jelaskan bahawa proses ini masih lagi di dalam pertimbangan tetapi yang pastinya perkara ini sudah tertangguh begitu lama dan ianya memberi satu tekanan yang cukup kuat. Bukan kepada Yang Berhormat saja, kepada saya juga...

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pontian bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zain bin Mohamed: ...dari Selangor untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, biasanya dari segi konsesi lebuhraya ini, apabila berlaku perubahan, sama ada perubahan pemegang saham ataupun pemilikan ekuiti, terlibat pembayaran pampasan ataupun pembayaran ganti rugi. Dalam penubuhan *new co* ini, daripada KASEH kepada LEKAS, adakah KASEH mengemukakan apa-apa tuntutan pampasan. Kalau ada, berapakah jumlah yang telah kerajaan setuju? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zain bin Mohamed: Saya agak kurang jelas tentang apa yang dimaksudkan dengan tuntutan pampasan tetapi untuk makluman Yang Berhormat...

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Yang Berhormat, maksud saya bila beralih kepada *new co* oleh kerana kegagalan konsesi pertama.

Dato' Ir. Mohd. Zain bin Mohamed: Terima kasih. *New co* yang dimaksudkan itu, secara asas pertimbangan utama, dia mesti mengambil alih dia punya obligasi dan liabiliti. Jadi, kalau apa-apa tuntutan pampasan yang dikemukakan dalam *new* entiti ini maka ia akan diambil alih oleh entiti yang baru ini. Kerajaan telah pun mengeluarkan, dengan izin, *capital expenses*, dengan mengambil alih pampasan *alignment* yang telah pun ditetapkan dan itu akan menyebabkan bahawa sama ada kos tanggungan akan menjadi lebih besar ataupun tidak, ia harus mendapat pertimbangan daripada pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Pengerusi, saya amat bersimpati dengan timbalan menteri, malah saya juga bersimpati dengan menteri juga kerana setiap kali bila ada permasalahan, kita dapati sama ada projek ini ataupun projek sebelum ini, *interchange* atau sebagainya itu, kita dapati bahawa orang lain sebenarnya yang menjadi *originator project*. Ia yang menentukan perkara-perkara penting sehingga timbul kegagalan projek-projek tertentu. Saya rasa, semua Ahli Yang Berhormat mengetahui perkara ini.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kenyataan tadi bahawa EPU yang menentukan banyak perkara penting dan kita pun tahu perkara ini berlaku, sedangkan EPU sepatutnya hanya bertindak sebagai penasihat ataupun memberi pendapat mengenai *macro economic*, bukannya *macro managed* projek-projek tertentu. Jadi, apakah untuk masa-masa hadapan, supaya JKR dan jabatan Yang Berhormat betul-betul *in control of big project*, khususnya. Bagaimanakah cadangan Jabatan untuk mengatasi masalah ini, kerana kalau tidak diatasi maka timbul lagi permasalahan di masa hadapan oleh sebab kuasa-kuasa lain dalam kerajaan. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya fikir Yang Berhormat pun sebagai bukan hanya Ahli Yang Berhormat tetapi seorang peguam yang berjaya dan juga seorang ahli korporat tentu sedia maklum bahawa pihak Perbendaharaan dan juga pihak EPU adalah satu pihak yang melihat keseluruhan pembangunan negara berasaskan kepada *total over view* dan pihak kita ada satu agensi pelaksanaan yang berhubung kait tentang *technical operator*. Selalunya kita dilibatkan untuk memberikan bantuan teknikal untuk merealisasikan sesuatu projek, tetapi *financingnya* datang daripada projek *originator* dan kalau konsep penswastan itu di bawah urus stabil dan kawal selia daripada pihak Jabatan Perdana Menteri di bawah naungan EPU, maka segala keputusan utama adalah diputuskan di peringkat tersebut dan wakil JKR ada, kita bagi *technical advice*. Jadi soal kasih yang sudah tidak kasih ini yang hendak jadi lekas ini pun ia tergolong daripada projek-projek yang sakit dan terbenkakai.

Untuk itu, Ahli Yang Berhormat, maka usaha yang berterusan dijalankan untuk menentukan bahawa projek yang pada masa satu ketika itu adalah satu projek yang *viable* dan dia akan memberikan manfaat yang besar kepada pembangunan di kawasan itu akan dapat direalisasikan mengikut jadual. Kalau pada hari ini sebagai mana Yang Berhormat bagi Hulu Langat sendiri menekankan bahawa kalau suatu masa dan ketika dahulu bahawa daerah itu adalah sebagai satu *sleeping hollow* tetapi kita lihat bahawa di kawasan Kajang dan kalau dikenal pasti dengan Koridor Selatan Pembangunan Selangor ini adalah satu kawasan yang pesat membangun. Jadi tekanan untuk pembangunan berlaku dengan begitu pesat dan sudah tentu tuntutan untuk mewujudkan infrastruktur ini adalah satu perkara yang dituntut. Saya bersetuju bahawa lagi cepat kita selesaikan masalah ini, lebih membawa manfaat dan keuntungan kepada rakyat itu dan kita pun bersyukur bahawa Lebuhraya SILK sudah siap dan ada boleh *relief pressure* sedikit.

Yang Berhormat tekankan kalau susah sangat pun mintalah, bagilah, lebarkanlah jalan-jalan yang berhubung kait dengan jalan yang sedia ada. Tuntutan Yang Berhormat ini kita sedang memperincikan supaya kalau saya tidak hendak bagi jaminan di sini apabila saya bercakap bahawa kita tidak dapat laksanakan, *bottom line*, dengan izin, Tuan Pengerusi, soal sama ada kita ada kemampuan kewangan untuk melaksanakan. Mungkin apabila hendak besar, kita terpaksa hendak ambil balik tanah orang. Apabila hendak ambil balik tanah orang, kita hendak berunding tentang dia punya *compensation*, lepas itu kita hendak tahu dia punya siling berapa. Kalau siling dia *over shot, then we come back to the zero base*. Jadi ini akan menyebabkan banyak kelewatan. Saya suka....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang juga jiran saya di negeri Selangor, Ketua Bahagian Sepang. Saya setuju dengan jawapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal KASEH yang sudah putus kasih dan sekarang soal LEKAS yang digantung tidak bertali. Dua-duanya fasal kasih, Yang Berhormat. Masalah yang timbul akibat daripada kegagalan ini terlalu besar menyebabkan kesesakan di peringkat Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur menyebabkan kemalangan jalan raya, menyebabkan pembangunan yang kita bawa ke Semenyih dan Beranang tidak mendapat sokongan daripada agensi-agensi tertentu.

Saya merayu sekali lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kalau boleh kepada kementerian, kepada kerajaan, bahagian-bahagian yang perlu dilebarkan di jalan Persekutuan lama tidak banyak. Orang kata leher botol atau *bottle neck* ini, tidak banyak, ia melibatkan jarak 5 kilometer atau kurang daripada itu jika dicampurkan keseluruhannya.

Saya percaya bahawa pengambilan tanah tidak juga melibatkan kos dan tuan-tuan punya tanah yang banyak. Jadi saya tidak tahu, sekarang gantung tidak bertali dengan LEKAS ini. Jadi ke tidak jadi, buat ke tidak buat, lekas atau lambat, asyik kita tukar nama sahajalah.

Saya merayulah, sekarang ini kita mulakan usaha untuk mencari peruntukan, untuk mendapatkan peruntukan dan untuk memulakan kajian. Ini kajian pun hendak ambil masa dua tahun, Tuan Pengerusi dan saya tidak sanggup dengan tekanan yang begitu berat dikenakan terhadap pemimpin masyarakat setempat. Saya mohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri beri perhatian sebaik mungkin, beri perhatian sebagus mungkin. Kita ini jiran, dan kalau tidak siap juga saya akan ketuk pintu jiran saya sekali lagi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat, Insya-Allah saya akan minta Bahagian Pembangunan, Kementerian Kerja Raya untuk berunding dengan Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) untuk mengatasi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Puchong telah menyentuh mengenai persimpangan bertingkat Sri Manja ke KESAS-Kinrara Interchange yang telah tertangguh hampir 10 tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini pada asalnya di bawah skop pemaju perumahan, tetapi telah tidak dapat dilaksanakan, oleh itu projek ini telah pun dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk dilaksanakan.

Yang ini Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat boleh bantu semak sama ada dia ini termasuk dalam *development order* yang telah pun dikeluarkan oleh pihak PBT dan kalau ia ada dalam *development order*, kenapa pengecualian dapat dilakukan dalam *development order* yang dikeluarkan oleh pihak PBT kerana kalau itu sebagai satu syaratnya, yang jadi masalah kepada pihak kementerian apabila kita buat jalan raya, orang berlumba-lumba buat pembangunan dan apabila pembangunan dilakukan, *the volume of the traffic increase*, semua *density increase* dan ia akan menyebabkan *pressure* kepada jalan yang sedia ada dan selalunya orang hendak dapat dia punya *value* tinggi dia hendak buat *punch-ins to the main highway*. Walaupun syarat pembangunan telah pun ditetapkan oleh kerajaan tempatan supaya persimpangan bertingkat dapat dilakukan tetapi akhirnya kita lihat banyak perkara yang menyentuh tentang *development order* ini dapat pengecualian dan akhirnya Kerajaan Persekutuan juga terpaksa hendak mengambil alih tanggungjawab ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi telah menyentuh mengenai naik taraf Jalan Kajang-Semenyih-Beranang. Untuk makluman, rancangan ini sebagaimana yang kita sebut akan dimasukkan. Yang Berhormat tadi kata 5 kilometer. Maklumat yang saya dapat bahawa untuk pembesaran ini adalah sejauh 15 kilometer. Jadi 15 kilometer ini, Yang Berhormat tanggunjanya agak tinggi, ya.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Saya rasa saya ingin memperbetulkan fakta itu, sebab saya lalu sekurang-kurangnya 4 atau 6 kali sehari, Tuan Pengerusi. Maklumat itu saya rasa tidak begitu tepat kerana sebahagian besar daripada jalan itu sudah pun ada empat lorong. Cuma ada dua, tiga tempat sahaja yang saya katakan *bottleneck* tadi yang jadi dua lorong. *Bottleneck* inilah yang menyebabkan kesesakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa saya boleh ajak Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke Starfield agaknya untuk sekali lagi menonton *[Ketawa]* tempat yang sesak ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Hulu Langat mungkin dia selalu jam, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Hulu Langat dia kata hendak ajak saya pergi melawat ke Starfiled sekali lagi jadi termasuklah Yang Berhormat Tuan Pengerusi untuk buat lawatan tersebut. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak sambung sebelah petang?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ok, baik.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi: Majlis dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya sila sambung.

2.30 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambung balik apa yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Bera juga telah pun menanyakan walaupun ada lorong *Touch N'Go* digunakan di Lebuhraya LPT tetapi dia punya *reload* tidak diwujudkan. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini satu pusat *reload* telah pun beroperasi di Kuantan dan dua lagi satu di Temerloh dan satu lagi di Karak akan mula beroperasi pada akhir tahun ini. Mengenai kesesakan akibat *upgrading* jalan di Kuala Lumpur-Karak Highway ini adalah satu proses penurapan semula sebagai *road maintenance* dan kita dapat maklum balas bahawa semua kerja ini akan dapat diselesaikan dalam tempoh tujuh bulan lagi. Proses untuk melakukan penurapan semula ini dilakukan setiap lapan tahun sekali.

Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya mengenai LPT. Saya dapati kerap kali pekerja-pekerja atau operasi bagi tol di kawasan *interchange* LPT telah ditukar ganti. Adakah disebabkan kurang kecekapan atau kurang kemahiran atau ada kes-kes tertentu yang menyebabkan pekerja-pekerja operasi tol ini kerap kali ditukar atau ada dalam pengetahuan timbalan menteri kes-kes penyelewengan telah dilakukan oleh pekerja tersebut.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Perkara yang berhubung kait tentang masalah banyak pertukaran pekerja pengutip tol ini saya dimaklumkan bahawa bukan hanya di MTD dengan izin *turn over* dia agak cepat dan juga banyak perkara yang berhubung kait dengan masalah disiplin dan juga kecekapan. Secara khususnya perkara ini tidak menimbulkan masalah yang besar pada pihak konsesi kerana pengurusan kutipan tol berjalan dengan lancar.

Untuk maklumat Yang Berhormat daripada Pontian yang telah pun membangkitkan isu mengenai CIDB. Untuk makluman Yang Berhormat dalam usaha untuk mendapatkan projek-projek luar negara CIDB telah berperanan selaku fasilitator untuk memasarkan perkhidmatan binaan pada *industry players* dengan izin. Sebuah Jawatankuasa yang dipanggil *Malaysian Construction Exporters Committee* telah diwujudkan oleh CIDB dengan keahliannya terdiri daripada pemain-pemain industri negara yang mempunyai kepakaran dalaman dalam penerokaan dan pelaksanaan projek di luar negara.

Melalui jawatankuasa ini pandangan dan panduan telah digariskan untuk dikaji dan dilaksanakan oleh CIDB. Antaranya yang pertama ialah mengenali pasaran peluang-peluang daripada negara-negara yang terlibat. Yang kedua, persekitaran perniagaan di negara yang dikenal pasti. Ketiga, pembiayaan. Keempat, risk yang perlu diteliti. Kelima, kemudahan untuk memasuki pasaran negara yang terlibat.

Lapangan untuk melantik pakar luar untuk menerajui CIDB ini dalam pengeksporan perkhidmatan pembinaan tidak timbul memandangkan kepakaran serta pegawai-pegawai CIDB mempunyai kemampuan dan keupayaan serta pengalaman yang cukup bagi melaksanakan tugas-tugas mereka. Untuk meningkatkan lagi keberkesanan usaha pengeksporan perkhidmatan pembinaan negara, sumber-sumber berkaitan akan ditambah supaya kejayaan yang lebih cemerlang dapat dicapai di masa akan datang.

Mengenai PSDC (*Profesion Service Development Corporation*) untuk eksport tenaga profesional ke luar negara terbantut. CIDB tidak menyuntikkan modal kepada

PSDC dan soalan Yang Berhormat bangkitkan apakah yang menghalangnya dan apakah cara untuk mengatasi perkara di atas. Jawapannya untuk makluman Yang Berhormat, di atas nasihat daripada Jabatan Peguam Negara, CIDB tidak dapat menyuntik modal dalam bentuk ekuiti ke dalam PSDC. Mengikut pandangan Peguam Negara tujuan penubuhan PSDC adalah untuk kemajuan *Multi Disciplinary Professional*. Ia tidak berkaitan dengan memajukan industri pembinaan. Berbeza dengan fungsi CIDB. Sekiranya pihak kerajaan ingin meneruskan cadangan pembelian ekuiti oleh CIDB di dalam PSDC maka Akta 520 CIDB perlu dipinda sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Ya, Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kita melihat dari segi pengalaman UDA, alasan yang diberi kerajaan bahawa UDA terpaksa melalui apa yang kita lihat pada hari ini oleh kerana di pihak yang mentadbir dan mengurus UDA tidak merasa ataupun tidak dapat faedah yang setimpal di atas usaha untuk memajukan UDA. Adakah CIDB yang dilihat hari ini juga sebagai satu Lembaga dan dianggotai oleh kakitangan kerajaan sebagai bekas kakitangan kerajaan juga akan menghadapi nasib yang sama sebab tujuan saya membangkitkan tentang mungkin kerajaan boleh menimbang kemungkinan untuk menyuntik tenaga-tenaga pakar dari luar atas alasan yang tersebut, Yang Berhormat.

Dan yang kedua seandainya - oklah kita faham sekarang bahawa PSDC perlu dipinda akta penubuhannya, begitu juga nasib yang sama ke atas PSDC kalau yang lepas kalau tidak silap saya ia dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah Kerja, saya tidak pasti dah bertukar sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan sama ada orang yang sama masih lagi ataupun struktur dan kaedah yang sama. Walaupun PSDC dianggotai oleh wakil-wakil dari badan-badan profesional tetapi kenapa tidak PSDC itu sendiri diterajui oleh pengamal-pengamal badan-badan profesional dan pihak swasta.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya suka menjelaskan peranan, fungsi dan tanggungjawab berbeza di antara CIDB dan PSDC. Sebagaimana yang kita sedia maklum, CIDB adalah satu badan korporat yang diwujudkan di bawah kawal selia dan urus tadbir Kementerian Kerja Raya ini yang dia punya fungsi dan peranan sebagai termaktub dalam Akta 250 yang Parlimen ini luluskan.

Dia ada tugas spesifik dan *function* dalam membantu perkembangan industri pembinaan negara. Untuk peranan dan tanggung jawab di luar negara ini, dia punya fungsi ini sebagai fasilitator. Dia *facilitate*, dia tidak ada masuk tender ataupun apa-apa, melainkan kalau *arrangement* yang berasaskan kepada G to G, *Government to Government*, baru CIDB. CIDB *is a party to the agreement*, dengan izin. PSDC ini disebut *Professional Service Development Corporation*, ia diwujudkan oleh NEC, *the National Economic Council* yang bila kita menghadapi krisis ekonomi dan dia punya *shareholdernya* adalah Perbendaharaan.

Tetapi ia diletak di bawah Kementerian Kerja Raya kementerian yang bertanggung jawab tentang perjalanan dan operasinya. Fungsi dan tanggungjawab utamanya ialah bagaimana untuk kita menggembelngkan kekuatan profesional yang ada dalam negara ini untuk kita mencebur dan membahagikan perkhidmatan *professional services* kepada luar negara. Jadi, dia kena teroka kepada luar negara. Mungkin boleh berbentuk dari segi *Project Management Consultant (PMC)*, dengan ada dia punya *list of financial*, dengan *list of contractor* untuk memasuki tawaran di luar negara. Itu sebenarnya tuntutan yang harus dilakukan oleh PSDC.

Tetapi oleh kerana berhadapan dengan modal untuk beroperasi, maka usaha ini agak terbantut pada kali ini dan insya-Allah, saya ingat kerajaan tengah betul-betul melihat sebagai satu alternatif bagaimana untuk kita *ride* dalam iklim dan suasana perkembangan ekonomi pada hari ini kerana sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kerajaan tidak boleh terus bergantung dan menyuntik kepada industri pembinaan dalaman negara untuk *pump-prime* ekonomi kita.

Kalau kita sedar bahawa pada satu ketika, terutama dalam tahun 90-an kepada tahun 2000 - yang saya ingat tahun 1993, *construction industry growth* hampir mencecah ke 12%. Pada kali ini, tahun 2004, masih lagi dalam -1.5% dan senario yang akan berlaku untuk dua, tiga tahun yang ke hadapan pun dia punya *growth* dalam 3% hingga 4%. Dan

usaha untuk menyelamatkan lebih kurang 60 ribu kontraktor yang ada sekarang ini, ia tidak boleh terus bergantung kepada pasaran dalaman negara. Dia mesti bergantung kepada pasaran dalam cabaran dunia globalisasi dan liberalisasi.

Saya kira bahawa peranan dan tanggung jawab PSDC ini adalah penting untuk menjadi perintis kepada maju ke hadapan untuk menentukan bahawa ada peluang dalam kita punya *professional services* ini untuk meneroka pasaran di luar negara. Jadi, Yang Berhormat, Insya-Allah kita akan melihat fungsi dan tanggungjawab supaya PSDC ini betul-betul dapat berfungsi dengan peranan sebagaimana dikehendaki di atas niat dan dasar penubuhan tersebut. Yang Berhormat bagi Bagan juga telahpun membangkitkan beberapa perkara.

Untuk makluman Yang Berhormat, sungguhpun Jambatan Pulau Pinang telah disiapkan dan dibuka kepada orang ramai mulai tahun 1985, tempoh konsesi Jambatan Pulau Pinang....

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun sambil mengetuk pembesar suara].*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...dengan syarikat konsesi Penang Bridge Sendirian Berhad (PBSB) hanyalah bermula pada 30 September 1993, sebelum jambatan ini diswastakan. Ia ditadbir oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Sehubungan dengan itu, perjanjian konsesi Jambatan Pulau Pinang ini akan tamat pada 3 Mei 2018 sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagan, Bagan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tajuk yang mana ini?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kepada pengguna-pengguna Jambatan Pulau Pinang, ini bukanlah satu cara yang adil kerana mereka telah membayar tol sejak jambatan itu telah siap dibina iaitu tahun 1985 dan ia tidak diambil kira, tetapi diambil kira selepas ia diberi kepada konsesi swasta. Itu satu *argument* yang mereka tidak puas hati.

Satu soalan berkenaan dengan jambatan ini ialah semasa sebelum ia diswastakan, ekuitinya adalah dipegang oleh Mekar Idaman. Kerajaan Pulau Pinang memang ada mempunyai syer dalam Mekar Idaman mungkin sebanyak 15%. Tetapi selepas Mekar Idaman menjadi mufliis atau gulung tikar, maka syer Kerajaan Pulau Pinang pun telah dihapus sama sekali. Adakah kerajaan akan menimbang supaya ekuiti Kerajaan Pulau Pinang diberi balik syer ini?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, saya tidak ada maklumat apa Yang Berhormat perkatakan ini. Saya akan berusaha untuk memberikan satu jawapan yang lebih spesifik di atas perkara yang spesifik yang telah pun Yang Berhormat bangkitkan tersebut.

Mengenai saranan Yang Berhormat supaya tidak mahu melihat banyak lagi yang menjadi mangsa seperti yang terjadi dalam sekolah kebangsaan Cina yang runtuh dimakan dek anai-anai itu, kerajaan sentiasa mengambil sikap yang prihatin dan pihak JKR pun sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan kepakaran jikalau ada permintaan yang khusus untuk menghantar jurutera kita untuk melihat dan menentukan mengenai keselamatan sekolah-sekolah.

Walaupun ia bukan sekolah bantuan penuh kerajaan, ianya atas bantuan separuh modal ataupun sekolah persendirian dan di mana ada keperluan untuk bantuan kepakaran teknikal ini, saya suka menyatakan di sini, kita bersedia memberikan bantuan dengan syarat Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan itu sama ada terus melalui kementerian ataupun kalau perkara yang *urgent* boleh terus berjumpa kepada jurutera-jurutera daerah. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin kembali kepada jawapan yang telah diberikan Yang Berhormat sebelum kita berehat tadi. Mengenai tadi Yang Berhormat kata jambatan penyambung itu di antara Sri Manja dengan Bandar Kinrara di Puchong itu, bagi saya kalau betul-betul *tribunal order* telah dikeluarkan oleh PBT, di sini ialah MPPJ, dan pemaju tidak menunaikan janji untuk membina jambatan penyambung itu, maka saya ingat ini satu penyelewengan telah berlaku, maka saya ingat kita haruslah mengambil BPR masuk untuk menyiasat ini.

Tetapi yang paling penting bagi saya, sebagai seorang pegawai kerajaan yang bertanggung jawab, jambatan bertingkat ini telah lebih 10 tahun kita cadangkan tetapi hari ini masih belum dibuat. Tadi Yang Berhormat kata dalam Rancangan Malaysia Kesembilan mungkin akan membuat ini, jadi saya merayu kepada Yang Berhormatlah, bila hendak buat itu, beritahulah saya sebagai Ahli Parlimen di sana dan jua memberi satu maklumat yang lebih *detail* sekali kepada orang ramai mengenai jambatan itu.

Saya sudah bangkit lagi tiga isu, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat akan beri jawapan ataupun saya masih boleh tanya nanti?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey, okey, Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau bolehlah, penjelasan mestilah mengenai perkara yang sedang diperkatakan oleh pihak Menteri. Kalau tidak, kalau sejam sebelum itu perkara yang diperkatakan, mungkin Menteri sendiri pun sudah celaru daripada dia punya susunan itu. Kalau dapat perkara yang sedang diperkatakan oleh pihak menteri, ya. Dan tidaklah mengenai perkara-perkara yang sudah lepas. Sudah terlepas tu, lepaslah ya dan boleh dibangkitkan di dalam ruang masa yang lain atas perkara ini. Ya, silakan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini perkara yang spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong. Jalan Persekutuan hadapan Taman Kinrara masih lagi berkeadaan baik dan pihak pemaju perumahan terlibat telah menjalankan kerja-kerja penurapan semula pada persimpangan berkaitan.

Yang kedua, walau bagaimanapun pihak JKR sedang membuat pemeriksaan dan analisa tahap kualiti permukaan jalan negeri di kawasan tersebut dan akan mengambil tindakan susulan hasil daripada analisa terhadap data yang diperolehi di tapak. Mengenai sama ada jejambat itu sepatutnya dimasukkan dalam Perintah Pembangunan yang dikeluarkan oleh pihak PBT yang bertanggungjawab, maklumat itu tidak ada dalam simpanan saya, tetapi sebagai Ahli Parlimen, Yang Berhormat yang mewakili kawasan Puchong, saya percaya dan yakin Yang Berhormat menduduki Jawatankuasa Majlis Tindakan Daerah Petaling yang ada wakil daripada PBT dan saya harap Yang Berhormat akan dapat membuat kepastian sama ada perkara tersebut termaktub ataupun tidak di dalam Perintah Pembangunan di dalam kawasan pembangunan tersebut.

Yang Berhormat bagi Langkawi telah pun membangkitkan tentang Jalan Kuah-Padang Mat Sirat, kelewatan siap pembinaan projek Jalan Kuah-Padang Mat Sirat disebabkan oleh masalah pihak berkuasa tempatan yang masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Setakat ini sejumlah 79 lot daripada 371 lot yang masih dalam proses pengambilan, melibatkan perbelanjaan berjumlah RM52.0 juta. Sebagai makluman proses pengalihan struktur kerajaan dan projek pokok jati telah selesai. Walau bagaimanapun, kontrak bagi projek ini telah diberi tempoh lanjutan masa kedua sehingga 30 September 2006.

Yang kedua ialah projek pesisiran pantai Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah di Porto Malai. Projek ini adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA), difahamkan pihak LADA telah pun mencadangkan projek ini dibawa kepada RMK9 dan anggaran kos projek berjumlah RM41.0 juta.

Yang ketiga ialah projek naik taraf Jalan Alor Setar-Langgar. Projek naik taraf Jalan Persekutuan Alor Setar-Langgar adalah termasuk dalam program naik taraf Jalan Alor Setar-Kuala Nerang-Durian Burung. Projek ini belum dimulakan dan dijangka akan dilaksanakan pada RMK9 tertakluk kepada kelulusan EPU. Setakat ini projek tersebut adalah dalam peringkat reka bentuk terperinci. Masalah-masalah kerja jalan yang begitu lama belum disiapkan sebagainya yang dimaksudkan adalah di bawah projek pembinaan jalan masuk ke hospital baru.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, minta penjelasan berkenaan dengan Jalan Persekutuan. Di Melaka kita ucap terima kasih kepada Kementerian, Jalan Persekutuan daripada Simpang Pulai sampai ke Muar.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, minta laluan ke tak minta laluan ni?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi: Boleh ke?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tak minta izin terus masuk saja, saya pun terperanjat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri dengar kan? Jadi kita ucap terima kasih kepada kementerian, buat dari dua lorong naik empat lorong. Dan hari ini belum siap sepenuhnya tetapi masalah yang dah ada timbul pada hari ini, oleh kerana *alignment* baru, jalan itu agak tinggi menyebabkan kampung-kampung di sepanjang jalan itu mudah sangat banjir, musim hujan sekarang ini dan juga jalan-jalan masuk kampung asal ini tertutup. Oleh yang demikian saya minta kementerian lebih-lebih lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau sudi turun ke Melaka, kita sama-sama dapat melihat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh orang kampung saya dan juga orang kampung timbalan menteri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya bersetujulah, nanti saya berunding dengan Yang Berhormat Jasin bila masa tarikh nak turun, mungkin lepas habis sidang Parlimen ini, lepas itu boleh makan ikan bakar. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Ahli Parlimen Serdang telah pun menanyakan tentang Jalan Persekutuan 3215 dan jalan utama Serdang Raya. Saya telah pun menyemak dengan pihak UPEN negeri telah pun dimasukkan dalam RMK-9 untuk mendapatkan peruntukan. Mengenai jalan Reko Kajang, kementerian akan mengambil maklum dan menyiasat kesesuaian untuk mengkaji ianya dinaiktarafkan.

Semalam Yang Berhormat bagi Santubong telah pun membangkitkan perkara mengenai sumber manusia dan juga mengenai sama ada pihak kementerian terutama JKR mempunyai kepakaran untuk mengambil tanggungjawab di dalam menjalankan reka bentuk walaupun kadang-kadang kita berhadapan dengan satu persekitaran reka bentuk yang baru.

Untuk makluman Yang Berhormat, JKR buat masa ini tidak ada latihan secara khusus untuk jangka panjang kepada jurutera-jurutera JKR secara *attachment*, dia minta kita buat *secondment* kepada industri di luar negara ataupun kepada projek-projek canggih di luar negara. Walau bagaimanapun, JKR ada mengadakan projek-projek tetapi bukan untuk tujuan khusus melatih jurutera. Latihan-latihan jangka pendek seperti pendedahan kepada teknologi dan produk-produk baru di luar negara ada dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kehendak-kehendak kontrak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Santubong, saya suka menyatakan di sini bahawa sekarang ini pihak Jabatan Kerja Raya mempunyai sejumlah 2,000 profesional dan subprofesional dalam 5,000 dan mereka yang sedang menjalankan tugas yang mempunyai ijazah lanjutan kedoktoran dengan kepakaran masing-masing adalah berjumlah 17 dan yang mempunyai ijazah sarjana, *master degree* - 212, yang telah pun mendapat pendaftaran sebagai jurutera profesional seramai 600 orang. Ini membuktikan bahawa memang JKR mempunyai kepakaran untuk mengambil segala bentuk tanggungjawab. Saya ingat atas dasar itulah sekarang ini bahawa segala projek yang berhubung kait tentang *Project Management Consultant (PMC)*, telah pun diserahkan kepada JKR untuk ditadbir urus.

Yang Berhormat Seputeh telah pun membangkitkan perkara yang berhubung kait tentang Besraya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Pilah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kuala Pilah tak ambil pun dalam ... [Ketawa]

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tak, ada nak selit sedikit. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya seronoklah mendengar tentang kepakaran yang cuba hendak dilatih dan hendak dijual ke luar negeri melalui CIDB, PSDC dan sebagainya. Saya cuma nak mengingatkan baliklah pihak kementerian supaya memberi penumpuan, *focusing* kepada menyelesaikan masalah-masalah yang begitu lama tak dapat diselesaikan. Sebagai contoh saya nak sebutkan ialah tentang pembinaan jalan daripada Seremban ke Kuala Pilah ataupun lebih dikenali dengan masalah Bukit Putus.

Memang Yang Berhormat Menteri dan pihak kementerian memang sedia maklum tentang keadaan ini. Saya mengharapkan kepakaran yang ada ini dapat dipergunakan juga sama untuk menyelesaikan masalah yang sudah begitu lama ini. Jadi jangan kepakaran itu hanya tertumpu pada menyelesaikan masalah-masalah luar, tetapi masalah dalaman ini masih lagi belum selesai sehingga kini. Saya penuh harap pihak kementerian akan mengambil perhatian kepada masalah yang saya sebutkan tadi, jalan daripada Seremban ke Kuala Pilah. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Pilah sebenarnya dia terlalu gembira nak mengumumkan bahawa projek dari Seremban-Kuala Pilah telah pun bermula. Jadi saya ingat Bukit Putus dah tak jadi putus lagi dan projek itu sedang dalam proses pelaksanaan dan kelulusan untuk melaksanakannya telah pun diperolehi dan pihak yang bertanggungjawab telah pun memulakan kerja-kerja awal. Jadi saya fikir bahawa itu dah tak jadi satu masalah. Jadi saya ingat Yang Berhormat dalam pilihan raya yang akan datang ini akan jadi lebih mudahlah.

Yang Berhormat Seputeh telah pun membangkitkan perkara yang berhubung kait tentang soal setinggan yang melibatkan jalan, isu setinggan BESRAYA. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah setinggan yang terlibat adalah 239 keluarga. Perjanjian ditandatangani antara BESRAYA dan setinggan dengan kadar RM25 ribu seunit. Tanah yang setinggan ditempatkan adalah kepunyaan KWSP.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengubah polisi definisi kos rendah kawasan bandar ialah RM42 ribu. Jadi perbincangan sedang dibuat antara Lembaga Lebuhraya-BESRAYA-KWSP mengenai kos yang perlu dibayar oleh setinggan. Untuk makluman Yang Berhormat KWSP telah pun menetapkan kos unit flat mereka adalah RM67 ribu. Beberapa *option* sedang dibincangkan untuk mengatasi isu ini. Jadi pihak kementerian sedang meneliti perkara ini dan jawapan yang boleh saya berikan sekarang ini ia belum dapat diselesaikan, dan kita telah menjalankan perundingan dan juga perbincangan dengan pihak-pihak yang terbabit untuk menyelesaikan ini, tetapi komitmen yang telah pun dibuat oleh LLN untuk membayar kos tanggungan kepada sewa *temporary* RM300 sebulan ini masih lagi dijalankan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya sewa bulanan ataupun subsidi sewa bulanan yang diberi oleh LLN kepada mereka telah pun berhenti selama satu tahun. Yang rumah kos rendah itu sepatutnya disiapkan pada tahun 2000, tetapi sekarang sudah sampai 2005, subsidi sewa itu tak ada manakala rumah belum siap dan juga harga jualan dinaikkan dari RM25 ribu ke RM42 ribu.

Saya hanya merayulah bagi pihak setinggan ini, memandangkan pihak BESRAYA ataupun ini kesalahan KWSP yang melantik kontraktor MBSB yang salah, sebagai satu pampasan kepada para setinggan ini, saya hanya merayu supaya apa yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli di antara pihak setinggan dengan BESRAYA itu dipatuhi oleh pihak LLN kerana mereka hanya setinggan, mereka telah sudi berpindah daripada tapak yang asal untuk membuka jalan kepada projek kerajaan, jadi atas kelewatan ini, saya berharap kerajaan bersimpati pada mereka dan mengekalkan harga asal yang termaktub dalam perjanjian jual beli itu. Ini adalah satu rayuan dan saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membantu mereka.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ok, Yang Berhormat saya akan menyemak dokumen yang ditandatangani antara BESRAYA dengan pihak setinggan yang berasaskan kepada satu unit RM25 ribu dan kita akan ambil saranan serta pandangan supaya sejauh

mungkin saya ingat kalau dah *agreement* itu berasaskan kepada RM25 ribu, kenapa nak dialihkan kepada RM42 ribu? Tetapi masalahnya Yang Berhormat KWSP ini dia dah menetapkan yang satu unit itu bukan RM42 ribu, bahkan sampai RM67 ribu. Jadi dia punya defisit melebihi 100 peratus, hampir 120 peratus. Jadi sejauh mana kita nak *subsidize* benda ini, mungkin kalau DAP ada *fund* untuk *subsidize* ini mungkin boleh bantu jugalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya KWSP ini yang harus didenda kerana ini adalah kesalahan mereka siapa suruh mereka melantik kontraktor yang salah? Jadi, saya rasa ada pepatah Melayu "Janji Harus Dikota" ini adalah slogan Barisan Nasional di setiap pilihan raya. Jadi memandangkan prinsip ini saya berharaplah Yang Berhormat boleh membantu para setinggan ini mereka bukan yang kaya-raya supaya perjanjian yang ditetapkan, yang disaksikan oleh pihak kerajaan ini dipatuhilah, ditetapkan.

Kalau harga seunit, harga jualan seunit rumah pangsapuri itu telah pun meningkat ini adalah pasal KWSP, ini adalah kesalahan mereka yang harus dipertanggungjawabkan oleh pihak KWSP dan tidak harus dibebankan pada pihak setinggan. Saya minta Yang Berhormat tolong mereka.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ok, terima kasih Yang Berhormat saya akan memberikan Yang Berhormat maklum balas mengenai perkara ini apabila saya telah pun mendapat kepastian dan juga butiran lanjut dengan pihak LLN dan juga pihak yang berkaitan.

Perkara yang lain Yang Berhormat bangkitkan ialah masalah Lebuhraya untuk makluman Yang Berhormat, Lebuhraya Damansara Ulu Klang ini dia satu lebuhraya yang akan banyak membantu penyuraian trafik dan dia akan dengan izin, *relief the traffic pressure* daripada Jalan Ipoh-Setapak dan ini adalah satu lebuhraya yang kritikal, yang mencantumkan perjalanan daripada Utara-Selatan hingga ke Barat Timor dan kepada *city centre* dengan menghubungkan Kuala Lumpur *Inner Ring Road*, dengan izin, ke *Middle Ring Road* dan dia merupakan satu benda yang kritikal dan kawasan ini *alignment* dia melibatkan kawasan penduduk yang padat dan tentulah akan menimbulkan beberapa masalah. Saya kira bahawa masalah teknikal yang besar bukanlah masalah yang tidak boleh diatasi, tetapi masalah semuanya boleh diatasi.

Untuk makluman Yang Berhormat kajian EIA semua dah selesai, semuanya mendapat kelulusan, tetapi kalau Yang Berhormat menuntut apakah kajian impak sosial terhadap - ini satu perkara yang dengan izin, *it is debatable* kerana ada pro dan kon daripada segi pembangunan. Tetapi untuk penjelasan Yang Berhormat, kalau kita ingin memenuhi matlamat dan cita-cita negara untuk menjadikan Malaysia ini sebagai negara maju pada tahun 2020, dasar pembangunan fizikal negara yang akan memberikan kekuatan kepada Malaysia untuk bersaing dalam cabaran dunia globalisasi dan liberisasi ini, konsep membesarkan bandar memang sedia ada.

Contohnya Kuala Lumpur dia akan menjadi lebih besar dengan konsep *co urbanization*, begitu juga dengan Johor Bharu dia akan jadi lebih besar dengan *co urbanization* dan juga Pulau Pinang, *co urbanization* dan jumlah penduduk yang akan dijangka menghuni di kawasan *co urbanization* Kuala Lumpur ini adalah berjumlah hampir 9.5 juta orang dan apabila 9.5 juta orang dalam tempoh 15 tahun yang ke hadapan tentulah naik taraf infrastruktur akan dapat diadakan dan dianya mesti diadakan, justeru kerana itu segala perkara yang berhubung kait tentang kenaikan taraf infrastruktur untuk menentukan bahawa pembangunan dapat berjalan lancar, ini akan sentiasa mendapat sokongan dan dukungan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah Ahli Yang Berhormat daripada kawasan pembangkang ini, kerana saya ingin juga menyentuh perkara yang berhubung kait tentang Jalan Sri Petaling.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tahu Menteri saya ini Yang Berhormat, saya ingat dia prihatin sikit dengan Yang Berhormat Seputeh ini, dia bagi layanan yang cukup istimewa kepada Yang Berhormat Seputeh ini. Banyak rundingan, permintaan Yang Berhormat kita *a lot of time hours have been spend, quality time*. Yang Berhormat Menteri

saya dan juga Setiausaha Parlimen dengan semua pegawai kanan kerajaan kita bagi masa berunding mengenai ini, Yang Berhormat bawa ini untuk selesai masalah.

Saya pun tidak faham apa Yang Berhormat berasa gundah-gulana dan pihak kementerian bagi jaminan jikalau keretakan rumah itu adalah disebabkan kerja-kerja Copper Dam di bawah *scope of work* yang sedia ada ini maka kita akan bertanggungjawab. Tapi kalau keretakan itu adalah disebabkan dengan izin dia punya *back field* dan juga pembinaan struktur yang dibuat oleh pihak pemilik rumah itu sedikit tanpa spesifikasi dan juga kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan, itu di luar bidang kawalan kementerian.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mungkin saya beralih kepada isu *tube* itu kerana kesannya Yang Berhormat bagi Batu tidak dapat memperjuangkan rakyatnya di Dewan yang mulia ini jadi saya sudi memanjangkan bantuan saya kepadanya.

Sebenarnya beliau juga menghadapi tekanan yang kuat daripada penduduk di Jalan Kasar kerana masalah *tube* ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang *hand book* yang dikeluarkan oleh kerajaan *Environmental Impact Assessment Guideline*. Saya hanya baca tentang objektif EIA.

- (i) *to examine as a lack the best from the project options available;*
- (ii) *to identify an incorporate into the project plan appropriate abatement and medicating measures;*
- (iii) *to predict residual environmental impact;*
- (iv) *to determine the significant of the residue environmental impact predicted; and*
- (v) *to identify the environmental course and benefit of the project to the community.*

Jadi kalau kita lihat tiga objektif yang pertama dalam laporan EIA ini sebenarnya juga yang mengehendaki pihak konsultan ataupun pihak kontraktor untuk pilih *option* pilihan yang baik sekali. Ini juga diulang lagi dari segi *preliminary assessment* sesuatu projek yang ketiga-tiga objektif ini sebenarnya juga dirangkumi dalam ini dan juga dalam garis panduan EIA ini Tuan Pengerusi ia juga telah menetapkan *public participation* adalah sangat penting. Di sini muka surat 11 tentang *principal features of the EIA procedure the public. Some form of public participation in environmental impact assessment is the most reliable way of predicting the impact of a project on people responsible interested and participating public is important in environmental management.*

Kalau kita lihat semua *guideline* dari segi penulisan EIA ini saya rasa projek *tube* dan juga projek KL-Putrajaya di kawasan Sri Petaling semua ini sebenarnya ia semua tidak ikut garis panduan EIA. Saya juga hendak tanya kenapakah selalunya wakil rakyat bila penduduk yang terlibat itu ingin minta EIA pihak LLM enggan beri kepada mereka. Konsultan tidak peduli kepada mereka. Bukankah EIA ini satu public document yang mana harus dipaparkan dan juga dibaca oleh mereka yang terlibat. Kita lihat kedua-dua projek ini pihak konsultan dan juga syarikat kontraktor itu sebenarnya mereka telah pun mengetepikan bantahan dan juga daripada publik. Yang Berhormat.. [Bertanya kepada Yang Berhormat Tanjong] Mambong yang amat *familiar* dengan apa yang saya baca tadi kerana beliau seorang pakar...

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...alam sekitar.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hanya hendak mintalah...

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hanya hendak tanya, okey soalan saya, soalan saya Tuan Pengerusi. Dari segi *tube* berapakah *set back* yang diberikan yang

ditetapkan oleh *highway* itu di bahagian Jalan Kasa yang mana telah menimbulkan begitu banyak reaksi daripada penduduk di sana.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Berapa *set back*.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Hmm....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah banglo...

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...di Jalan Kasar itu adakah ini akan diambil alih oleh pihak kerajaan dan...

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...pampasan diberi kepada mereka kerana tiba-tiba satu *elevator highway* di hadapan rumah mereka. Semua orang pun tidak suka.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi boleh bagi satu penjelasan tentang *tube*....

Tuan Pengerusi: Kalau banglo diambil pampasan akan diberi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ambil alih, ambil alih.

Tuan Pengerusi: Ya, ambil alih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional ini kita tidak pernah jadi perompak. Kita tidak pernah rampas tanah rakyat kita. Kalau kita terpaksa hendak ambil alih tanah, pampasan dibayar mengikut harga pasaran yang telah pun ditetapkan. Tapi apa Yang Berhormat sarankan adalah untuk melihat satu perkara yang lebih spesifik. Kalau Yang Berhormat hendak lebih spesifik saya juga hendak mengajak Yang Berhormat supaya buka minda Yang Berhormat sedikit.

Kita kena tengok daripada segi dengan izin *helicopter overview* kita tentang masalah. Saya dah sebut dalam tempoh 15 tahun yang ke hadapan ini kita ada lebih kurang 9.9 juta penduduk di kawasan Kuala Lumpur *urbanization* ini. Yang Berhormat bayangkanlah berapa banyak kereta hendak lalu. Mungkin pada masa dan ketika itu kita bukan hanya perlukan dua tingkat, kita perlukan tiga tingkat, kita perlukan empat tingkat.

Untuk makluman Yang Berhormat yang saya percaya dan yakin Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa *spec* yang ada di Sri Petaling itu pun memenuhi syarat yang telah pun ditetapkan. Yang Berhormat pun telah pun ditunjukkan gambar, ada di kawasan Pandamaran yang *building then* lebih hampir daripada apa yang di Sri Petaling. Saya juga ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawasanya apa yang berlaku di DUKE dengan *setbacknya* dia memenuhi segala syarat dan piawaian yang telah pun ditetapkan. Tetapi tidak tahulah bila *highway* itu dah nak buat ada orang buat bangunan lepas itu buat bangunan dia ada minimum *setback* dia buat *extension* jadi *setbacknya* jadi tidak memenuhi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ada sedikit lagi. Jadi Yang Berhormat saya ingat cukuplah. Saya tidak bagi lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak jawab Ipoh Timor ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Satu lagi, satu lagi. Yang Berhormat tadi sebenarnya apa yang saya katakan tadi saya tidak membantah pembangunan. Saya tidak

membantah projek lebuh raya tetapi apa yang saya tekankan bila saya baca garis panduan EIA itu adalah tentang *option* projek itu.

Sebenarnya bagi penduduk Jalan Kasa dan juga Sri Petaling mereka juga telah membentangkan *option*. Bila masalah ini berlaku bagi *option* mereka telah buat *route* yang lain dan dibentangkan kepada pihak kerajaan tetapi LLM hanya mengetepikan semua pandangan dan seruan mereka. Sebenarnya bagi DUKE mereka telah mencadangkan supaya menggunakan laluan kereta api di bahagian Sentul sana untuk sampai sana ke Ampang sana. Tapi kenapakah kerajaan tidak menghiraukan pandangan mereka.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mengambil kira pandangan mereka.

Tuan Pengerusi: Ya, biar dia boleh jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Begitu juga di bahagian di Sri Petaling. Kalau tidak mengambil kira pandangan mereka...

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ..jadi kerajaan boleh membeli rumah yang terlibat yang begitu dekat *Elevated Highway* itu. Ini hanyalah satu rayuan daripada penduduk dan mereka bukan ingin membantah projek kerajaan.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey Yang Berhormat. Terima kasihlah Yang Berhormat menzahirkan tidak membantah kepada projek pembangunan. Jadi saya harap dalam perkara ini Yang Berhormat janganlah berusaha sangat untuk mendapatkan *political mileage* dengan *resident association* ini ya.

Yang Berhormat walaupun apa pun masalah Yang Berhormat berhadapan dengan dalam kawasan sebagaimana janji Yang Berhormat Menteri dan saya juga dan juga pegawai-pegawai kita bersedia menerima saranan dan pandangan Yang Berhormat supaya masalah rakyat ini akan dapat kita atasi secara yang lebih khusus.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Puchong timbalan menteri.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat....Puchong cukuplah. Berapa kali hendak cakap.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya ada soalan-soalan yang lebih spesifik bukan yang tidak spesifik itu. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya hendak tanya ialah mengenai Sri Petaling dengan Putrajaya *Elevated Highway*. Saya pernah bangkit kelmarin bahawa adakah kementerian bercadang untuk membina satu jalan masuk keluar di Bandar Putera Permai di mana jumlah rumah ataupun penduduk ataupun keluarga sana dijangka ada lebih dalam 50,000 keluarga dan ini juga akan diperjuangkan oleh bekas Ahli Parlimen Yang Berhormat bagi serdang juga. So, saya harap satu keputusan dibuat bahawa ini adalah sangat penting kerana kalau jalan keluar masuk itu tidak dibina juga akan mengganggu kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertaraf menteri.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: [Ketawa] Saya akan ambil catatan apa yang Yang Berhormat bangkitkan itu dan insya-Allah kita akan cuba menyemaknya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya satu soalan lagi.

Tuan Pengerusi: Teruskan Yang Berhormat, cepat sedikit Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya...saya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya ada satu lagi soalan tentang *setback*....

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: *I think* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *request denied!*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dengan kenyataan Menteri Kerja Raya yang tengah buat kenyataan bahawa kerajaan akan meletakkan *setback* hal lebuhraya tiga meter itu. Adakah LLN mempunyai garis panduan tentang *setback* ini? Kenapakah kita tidak mempunyai undang-undang yang menetapkan bahawa pihak *concessionaire* itu harus ada *setback* dari lebuhraya dan dengan bangunan yang terdekat dan juga rumah.

Tuan Pengerusi: Ya, biar menteri jawab, ada *setback* dibuat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Ya, ada.

Tuan Pengerusi: Boleh jawab?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Berapa? Berapa *setback* dalam garis panduan LLN....

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: *We will give you the detail if you come to the office.*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hah, di mana itu?

Tuan Pengerusi: Sila, sila jawab.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, saya hendak pergi jawapan kepada yang lain ini, jadi Yang Berhormat bagi Seputeh ini kalau ada soalan spesifik, saya jemput datang ke pejabatlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, satu cadangan Tuan Pengerusi, saya hanya menyeru pihak kementerian ... [*Disorak*]

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...mengadakan undang-undang menetapkan *setback* bagi lebuhraya dan juga lebuhraya bertingkat dengan bangunan dan juga rumah yang terdekat. Ini adalah adil kepada penduduk, khususnya di kawasan bandar kerana kita ada projek rumah ini adalah untuk rakyat dan bukan untuk pihak kerajaan.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Okey, terima kasih yang saya hendak...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau ini dianggap sebagai kuota politik kepada saya, saya berterima kasih kepada Barisan Nasional kerana memberi saya modal politik untuk memperjuangkan hak rakyat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya hendak jawab kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah pun mengatakan supaya arahan mengambil kerja-kerja orang kurang upaya untuk pemungut tol. Arahan untuk mengambil orang yang kurang upaya untuk memungut tol adalah satu saranan yang boleh kita terima pakai dan baik. Permintaan serta pandangan ini kita akan sampaikan kepada pihak bertanggungjawab supaya memberi peluang kepada orang yang kurang berupaya untuk kerja sebagai pemungut tol.

Pemasangan lampu di sepanjang lebuhraya, Yang Berhormat, dengan izin, *ideally* kalau boleh memang kita hendak *lighten* kita punya *highways* semua di waktu malam tetapi Yang Berhormat sedia maklum bahawa kos untuk tanggungan dan penyelenggaraan adalah satu kos yang tinggi tetapi mana kawasan-kawasan yang kritikal yang berhubung kait tentang keselamatan lebuhraya, kita akan laksanakan secara berperingkat. Contohnya sekarang ini, di kawasan ELITE - KLIA, semua ia *lighted* dan persimpangan-persimpangan yang berbahaya ia juga *lighted*.

Sekarang ini Yang Berhormat, *lighting* ini ia ada *smart lighting*. *Smart lighting* ini maknanya ia boleh jadi gelap dan terang dalam keadaan-keadaan yang tertentu dan ini boleh membantukan kita meningkatkan supaya lebuhraya itu selamat untuk digunakan.

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: Boleh?

Tuan Pengerusi: Boleh?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Parit telah pun menyebut jalan simpang Seputeh ke Parit dan Parit/Berus. Kementerian mengambil maklum masalah kesempitan jalan dan berliku-liku...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Sambil mengetuk pembesar suara]* Minta laluan.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: ...dan kementerian akan meminta JKR Perak menyasat lebih terperinci dan mengambil tindakan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan Yang Berhormat bagi Pendang.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya ada - Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada lagi jawapan atau tidak sebab saya ada bangkitkan mengenai *traffic light* di Jalan Kuala Kangsar-Ipoh, tidak jawab lagi itu.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Yang itu, saya akan bagi jawapan selepas ini. Mana soalan-soalan yang spesifik yang saya boleh jawab sekarang, saya akan jawab tetapi kalau saya perlukan maklum balas daripada pihak JKR negeri, yang itu saya akan beri jawapan bertulis.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengenai lampu itu, boleh kita kaji untuk menggunakan *solar energy*, saya rasa itu adalah satu perkara yang....

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Ya, itu adalah salah satu *option* yang akan kita kaji, terima kasih Yang Berhormat. Kita akan ambil kajian.

Yang Berhormat bagi Sekijang, telah pun menyarankan agar penaikan taraf Jalan Gemas, Bahau, Jementah, Bukit Kepong, Labis, Jalan Barat Daya Segamat. Untuk makluman Yang Berhormat, jalan-jalan ini adalah dicadangkan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Yang Berhormat bagi Pensiangan juga membangkitkan perkara-perkara tentang Ranau, Tambunan. Untuk makluman, jalan-jalan ini adalah jalan-jalan yang masih dalam peringkat pembinaan dan pembaikan naik taraf ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan juga dan kita akan mencatat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua projek-projek yang telah pun disebut dalam Dewan yang mulia ini, kita telah pun secara khususnya menerima maklum balas daripada pihak-pihak negeri, Unit Pembangunan Ekonomi negeri masing-masing dan di peringkat kementerian kita telah pun mengumpulkan segala maklumat ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah hampir RM65 bilion yang dipohon untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan pihak kementerian telah pun mengenal pasti mengikut *priority* yang akan membantu pertumbuhan ekonomi di kawasan setempat. Semua *list-list* ini akan serahkan kepada pihak EPU untuk mendapat keputusan muktamad untuk dilaksanakan.

Jadi, saya yakin supaya semua masalah Yang Berhormat, macam contoh Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangkitkan ini kita akan ambil makluman dan perkara ini dalam peringkat pelaksanaan. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kenapa kerajaan tidak bersedia untuk menjadikan dokumen konsesi sebagai satu dokumen awam. Jawapan yang boleh saya berikan di sini bahawasanya dokumen ini adalah satu dokumen perjanjian di antara pihak kerajaan dengan pihak konsesi. Syarat serta terma dari satu konsesi dengan konsesi yang lain, ianya adalah berbeza.

Mungkin kalau kita jadikan ia sebagai satu dokumen awam, dan pihak konsesi akan mempertikaikan kenapa konsesi ini mendapat satu-satu *rate* yang ditetapkan. Ini kerana masalah yang berhubung kait tentang pembinaan lebuh raya ini, ia berbeza dari satu tempat dengan satu tempat yang lain dan ia terpulang dengan keadaan rupa bumi dan juga geografi kawasan tersebut.

Sebagai contoh *rate* yang digunakan untuk lebuh raya NPE dengan PLUS dan juga DUKE serta yang lain, ia berbeza kerana kalau di NPE hampir keseluruhan 70% daripada *highway* itu dibuat di atas muka bumi dan kos pengambilan tanah di kawasan Subang Jaya, di kawasan Old Klang Road dengan kawasan yang lain, ia jauh dan berbeza.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah ini sebab kenapa ada perbezaan yang patut diberitahu kepada orang ramai. Saya bersetuju bahawa konsesi ini, yang dibuat antara syarikat berkenaan dengan kerajaan adalah bilateral tetapi bukannya *public interest* lebih mustahak mengatasi kepentingan dua-dua pihak. *Public interest* - *public interest* mengenai *transparency*, mengenai bahawa kepentingan orang ramai adalah dilindungi, bahawa tidak ada korupsi, bahawa masa hadapan dan generasi yang akan datang tidak akan digadaikan.

Bukankah ini *public interest very important* daripada *bilateral interest*. Sungguhpun serta sebab yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tidak, *unacceptable*. Sungguhpun ada perbezaan, ini patut diberitahu dan Yang Berhormat sendiri beritahu beritahu kenapa NPE dan Lebuhaya Utara-Selatan berbeza. Itu kita boleh terima dan kenapa kita tidak rela mengadakan satu *rigid* yang lebih terbuka dan lebih *accountable*.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, saya suka menjelaskan bahawa, dengan izin, *ultimately* kerajaan yang sedia ada ini, kita bertanggungjawab kepada *stakeholder which is the rakyat*.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada apa pun yang hendak disorok ataupun hendak disembunyi. Saya sebutkan di sini, kalau projek penswastan yang dijalankan oleh kerajaan ini tidak *feasible* dan tidak *viable*, tidak ada mana-mana bank yang sanggup hendak membuat tanggungan kepada projek-projek ini. Kita masih lagi bersyukur bahawa semua projek-projek penswastan yang melibatkan *dedicated highway* ini dia *bankable*. Ia boleh mendapat sokongan daripada pihak bank. Itu menandakan bahawa kerajaan ada kredibiliti kerana semua pinjaman yang dibuat oleh mereka ini dia mesti ada dengan ada *debenture*nya adalah *stakeholder* daripada kerajaan. Jadi, kalau itu tidak ada keyakinan maknanya kerajaan tidak ada kredibiliti.

Pihak bank tahu dan sedia maklum segala terma yang ada itu adalah memenuhi syarat-syarat permintaan supaya, dengan izin, dia punya *cash flow* dia, dia punya *income earning* dengan *expenses* dia dengan dia punya itu *meet all the financial requirements*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya boleh faham mengenai *argument* bahawa kerajaan *bankable*. Semua kerajaan *bankable* sehingga *bankrupt*, sehingga muflis termasuk bank.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, termasuk bank sehingga muflis. Itu bukan sebab tetapi apa yang mustahak di sini....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, Yang Berhormat yang ini bagi saya.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, tetapi apa yang mustahak apa mustahak di sini ialah kita boleh faham kenapa sebelum *concession* diadakan, *negotiation* dan lain-lain terma-terma yang khas ada perlu *confidentiality*, kita boleh faham dan kita tidak kata dalam proses itu, itu perlu terbuka, tidak! Sehingga proses dihabiskan, satu *concession* diberi tetapi selepas itu mungkin selepas satu tahun atau dua tahun, itu perlu diumumkan bukan semacam *concession* Lebuh Raya Utara Selatan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Sudah dekat 20 tahun masih rahsia dan untuk 50 tahun akan menjadi rahsia. Bukankah ini *against public interest, against commitment* kerajaan ini untuk terbuka, *transparency* dan *accountability*.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, Yang Berhormat kata semua kerajaan dia punya itu *bankable*. Yang itu saya minta Yang Berhormat semak balik maklumat Yang Berhormat. Kalau kita punya Kerajaan Malaysia mana yang *debenture* yang *diguarantee* oleh Kerajaan Malaysia dia punya *rating is triple A plus rating*, Yang Berhormat. Dan kita tahu banyak projek *infrastructure* dan juga penswastaan, saya tidak hendak sebut negara mana, negara yang hampir dengan kita, sampai sudah 10 tahun, 15 tahun walaupun *the need is there* tetapi oleh kerana dia tidak *bankable*, maka dia tidak boleh dilaksanakan.

Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa dengan wujudnya *highway* ini, ia sebagai *back bone* untuk memajukan ekonomi kita, akhirnya kita maju ke hadapan. Yang Berhormat kata kita ini berahsia sangat. Yang Berhormat sendiri *quote the figure*, RM38 bilion tidak ada satu benda yang rahsia kepada kita RM38 bilion. *Out of this* RM38 bilion yang kita bayar *cash disbursement* dia only RM1.7 bilion. Kenapa kita hendak kena ada kita punya kos tanggungan ketara yang RM38 bilion ini? Kerana kalau mengikut kadar *toll rate* yang ada pada hari ini kita terpaksa bayar lebih tinggi daripada *toll rate* yang sedia ada. Jadi untuk menjadikan supaya *toll rate* ini adalah satu *toll rate* yang tidak memberikan beban kepada rakyat dan juga ianya memenuhi tuntutan pihak yang memberikan pinjaman kepada bank dan juga boleh memberikan konsesi itu untuk beroperasi dari segi kos operasi dan penyelenggaraannya juga dan juga untuk memberikan peluang kepada pihak konsesi ini supaya menambahkan daripada skop yang dahulunya.

Sebagai contoh, kalau dahulu, Yang Berhormat jalannya adalah cuma dengan izin dua *carriage way* sahaja, dua pergi dua balik. Tetapi kali ini Yang Berhormat sendiri tengok kalau jalan daripada utara ke selatan, berapa banyak jalan yang telah pun dinaik taraf menjadi *three ways, three in and three out*. Dan mungkin *in future, we need four way in and four way out* dan Yang Berhormat juga saya minta semak sama ada lihat persimpangan bertingkat. Kalau dahulu persimpangan bertingkat ditetapkan mengikut kepada bandar-bandar yang besar, pada hari ini ada sahaja permintaan untuk mewujudkan persimpangan bertingkat supaya ianya memberikan peluang kepada kawasan itu untuk maju. Ini dia kebaikan yang ada dan untuk makluman Yang Berhormat, *toll rate* yang dikenakan masih lagi yang terendah di dalam *region* ini. Ini yang saya hendak beritahu kepada Yang Berhormatlah.

Saya hendak beralih kepada yang lain. Sebanyak 215 projek bermasalah, Yang Berhormat ada sebut, cuma Yang Berhormat untuk makluman, kedudukan projek bermasalah daripada *figure* Yang Berhormat sebut 215 ini adalah kontrak yang lewat tiga bulan, ada 40 projek, kontrak yang tamat tempoh tetapi belum siap ada 63 projek, kontrak yang belum ditutup dia punya akaun, projek sudah siap tetapi *as far as financial* punya akaun belum tutup, jadi dia pun termasuk daripada itu.

Yang Berhormat sebut tentang Hospital Temerloh, yang ini Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat, tidak apalah saya terus jawab kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Untuk Hospital Temerloh, sijil perakuan siap kerja telah pun dikeluarkan oleh JKR pada 5 Januari 2005. Pada masa ini kerja-kerja pembaikan kecacatan telah pun dibuat. JKR masih memantau kerja-kerja pembaikan dan tempoh tanggungan kecacatan sehingga 5 Januari 2007.

Bilangan *consultant* yang dilantik bagi MRR2, hanya satu perunding yang telah dilantik oleh kerajaan iaitu Perunding Halcrow Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun bagi melaksanakan tugas pembaikan jejambat tersebut Perunding Halcrow telah melantik tiga lagi perunding untuk membantu mereka. Yang ini bukan kerajaan lantik, Halcrow sendiri lantik iaitu pakar struktur Dr. Robert Wollam dari Imperial College dan juga pakar DEF – DEF ini *Delayed Ettringite Formation*, Dr. Cuillin daripada Building Research Establish dan juga pakar analisa *non linear final element analysis* daripada Profesor Decanic, Glasgow University, Scotland. Dan kerja-kerja pembaikan MRR2 ini pihak yang bertanggungjawab iaitu pihak kontraktor yang bertanggungjawab kerana ini merupakan projek *design and build*

dan dia dalam tempoh tanggungan kecacatan telah pun diarah untuk memulakan kerja-kerja pembaikan dan kerajaan tidak mengeluarkan satu sen pun untuk kerja-kerja pembaikan ini.

Yang Berhormat bagi Kepong juga menyebut berapakah lebuhraya yang akan dikenakan tol berdasarkan Butiran kepada PBT 10001 – Jalan Penswastaan. Di bawah peruntukan ini tiga lebuhraya terlibat di mana kos pengambilan balik tanah akan ditanggung oleh kerajaan. Tiga lebuhraya berkenaan ialah Lebuhraya Khusus Kuala Lumpur-Putrajaya, Lebuhraya Senai-Desaru dan Lebuhraya Duta-Ulu Klang.

Yang Berhormat bagi Kepong juga menanyakan bayaran ganti rugi sebanyak RM80 juta akibat kelewatan menyiapkan bangunan MATRADE. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan terakhir yang kita buat, kita akan dapat memenuhi supaya semua kerja pembaikan ini siap dan akan diserahkan pada 23 Mac 2006 dan tuntutan sebanyak RM83 juta terhadap *liquidated and asserted damages* akan dikenakan kepada pihak kontraktor yang bertanggungjawab dan perkara ini dalam proses pelaksanaan daripada pihak peguam kementerian.

Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan tentang pampasan tol sebanyak RM155 juta. Jumlah pampasan RM155 juta merupakan satu anggaran. Pampasan ini dibayar berikutan keputusan kerajaan untuk tidak menaikkan kadar tol atau menurunkan kadar tol untuk beberapa lebuhraya. Antara lebuhraya yang terlibat ialah Lebuhraya Butterworth-Kulim, Damansara-Puchong, Jambatan Pulau Pinang dan Laluan Kedua Malaysia-Singapura.

Jadi Yang Berhormat, saya telah pun memberikan jawapan terhadap apa-apa perkara yang dibangkitkan. Mana-mana jawapan yang mungkin saya tidak sempat ataupun tidak mendapat memberikan butiran secara terperinci...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, Hospital Johor Bahru itu sudah begitu lama yang termasyhur sekali dalam Dewan ini iaitu *fungus*...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya ingat masalah itu sudah selesai sudah lama, Yang Berhormat. Masalah ini, Yang Berhormat kalau *refer* dalam *Hansard*, Yang Berhormat Menteri telah pun memberikan jawapan yang terperinci. *This is* sudah lama *over due*, sudah selesai. Saya pun tidak tahu kenapa Yang Berhormat bangkitkan perkara ini.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun memberikan segala pandangan dan nasihat mengenai perjalanan Kementerian Kerja Raya, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,406,113,00 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,406,113,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,106,100,000 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM5,106,100,000 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

**Maksud B.28 [Jadual] –
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2006] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala bekalan B.28 dan kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas, Yang Berhormat Santubong.

3.41 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyentuh sedikit soalan keselamatan jalan raya iaitu di bawah Butiran 060000 – Pengangkutan Darat. Pada masa sekarang banyak masalah keselamatan jalan raya ini dibincang dalam media, pihak pemimpin atasan kerajaan, bahkan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tetapi pada pandangan saya cara menangani masalah keselamatan jalan raya dipandang satu sudut, satu dimensi sahaja iaitu soalan penguatkuasaan. Jadi kalau kita pandang daripada soalan penguatkuasaan itu soalan undang-undang ia tidak akan mencukupi. Kita mesti melihat masalah keselamatan jalan raya secara *holistic*, secara komprehensif, secara total. Daripada pendidikannya peringkat awal, daripada segi latihannya bukan sahaja kepada pihak pemandu tetapi juga kepada pihak penguat kuasa - polis, pegawai JPJ dan sebagainya. Ketiga daripada segi sistem pelaksanaan itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya pernah menulis surat panjang lebar kepada Kementerian Pengangkutan. Saya tidak tahu sama ada surat saya itu masuk tong sampah ataupun surat saya itu dimasukkan ke dalam mana saya tidak tahu. Tetapi apa yang saya lihat, tidak ada jawapan, tidak ada respons daripada pihak Kementerian Pengangkutan, jadi saya anggap surat saya itu dimasukkan dalam tong sampahlah. Oleh kerana kalau ia dianggap satu kertas yang ada nilai sedikit sekurang-kurangnya ada *acknowledgement* mengatakan surat ini ada diterima.

Saya menyarankan salah satu daripadanya pindaan undang-undang dan yang kedua saya kata undang-undang kalau ada dibuat *don't make the mockery* undang-undang yang dilulus oleh Dewan Parlimen, mesti ianya dikuatkuasakan. Kuatkuasaan ini bukan sahaja peringkat masa kempen. Kalau kita dengar di Semenanjung ini kita dengar kempen di seluruh jalan PLUS itu dan seluruh Jalan Persekutuan kita dengar itu, tetapi kalau di banding berapa panjanglah jalan PLUS ini, berapa panjanglah jalan Persekutuan itu dengan jalan-jalan lain yang dipakai oleh yang membudayakan keselamatan ini, membudayakan keselamatan jalan raya ini.

Beribu kilometer lagi jalan-jalan lain hanya dengan pihak berkuasa sendiri, poliskah, JPJkah adakah tidak penguatkuasaan dibuat. Kalau di Kuching Tuan Pengerusi, saya berani jamin memang tidak ada penguatkuasaan undang-undang. Kalau ada pun tangkap orang *illegal parking* tunggu ada kahwin, tunggu ada kenduri, tunggu ada *festival* macam Gawai, Dayakkah, Tahun Baru Cinakah, Hari Rayakah orang buat macam ini masa itu hendak tangkap orang, tetapi masa lain tidak ada. Jadi keselamatan *related offences* tidak ada diambil tindakan. Hanya hendak membuat sahaja dia punya *figures action* itu *illegal parking* sahajalah yang banyak. Jadi ini nampaknya kita tidak menumpukan kepada apa faktor penguatkuasaan keselamatan jalan raya. Undang-undang itu sendiri kena dikaji semula, lepas itu penguatkuasaan mesti sepanjang masa dan tiap-tiap masa di seluruh tempat, latihan di sekolah-sekolah memandu mesti dibuat.

Pelatih pemandu ini, *lecturers* di sekolah-sekolah memandu ini, di institut memandu ini mereka punya pendapat, pengetahuan, ilmu mereka sudah lapuk, sudah tidak tahu lagi. Tetapi masalahnya, kalau kita terlibat dengan mengajar orang guru-guru ini, *lecturer* ini, tetapi kalau tidak diambil keseluruhannya oleh pihak JPJ sebagai kementerian seluruh negara, ia tidak menjadi. Kalau saya hendak buat perubahan umpamanya, maaflah saya terlibat sedikit dengan kursus sekolah memandu ini, jadi saya tahu kualiti dan standard yang dipunyai oleh pihak ini. Kalau kita hendak buat perubahan yang mungkin 0.00% sahaja, patutnya kementerian membuat inisiatif supaya diupgradekan standard *lecturers*, pengajar pemandu latihan di sekolah-sekolah memandu. Selepas itu soal undang-undang, dan lepas itu sistem lagi. Dalam surat saya, saya sebut semua ini sistem ini, sistem insurans umpamanya.

Ada masuk dalam surat khabar baru-baru dua, tiga hari ini dia kata dia punya tindakan bagi insurans, macam di Amerika umpamanya kalau orang itu tidak melakukan kesalahan di sini dikatakan *non-claim bonus* kalau kita tidak membuat kesalahan beberapa tahun kita dapat *percentage* menurun. Tetapi kalau orang melakukan kesalahan dia akan *stagnant* ke tempat yang dia bayar itu sahaja. Kalau di Amerika dia buat meningkat, *punitive* insurans skim dibuat. Jadi kalau orang itu terlibat dengan kemalangan insurans

skim dia akan meningkat. Dia tidak *stagnant* di situ sahaja, jadi maknanya ia boleh menurun dan juga boleh meningkat, sistem ini di *introduce* di Amerika. Jadi, orang Amerika dia takut soal kemalangan ini kena takut insurans dia akan dinaikkan.

Jadi skim-skim, sistem-sistem dalam negara kita mesti dilihat. Soalan hendak bawa orang masuk orang dalam jail, orang sedikit kesalahan masuk jail, masa ini masuk dalam penjara dan sebagainya ada kata sebat, ada kata macam-macam lagi. Ini tidak mendatangkan kesan yang begitu. Kita lihat undang-undang lain tidak *become ultimately the solution to all the problem*. Umpamanya kalau orang buat dadah, gantung. Tidak akan orang itu menurun mengedar dadah, tidak. Undang-undang itu sahaja tidak mencukupi untuk menangani satu-satu masalah, kita kena menangani masalah ini secara total, secara komprehensif.

Jadi satu lagi yang saya pernah sebut di sini kenapa Malaysia menggunakan fakta, sedikit sahaja Tuan Pengerusi, fakta penilaian kereta dengan kematian sebagai satu kayu pengukur tetapi mengikut kajian yang dibuat pihak-pihak intelektual, pihak universiti, pihak-pihak orang yang berkepakaran di bidang ini dia menggunakan jumlah penduduk. Kerana orang yang mati di jalan raya itu bukan semua pengguna kereta, menjalankan kereta ada juga *passenger*, ada juga orang jalan kaki. Jadi kalau fakta penduduk dengan fakta kematian dan kemalangan itu diguna pakai ia *reflect the population to accident and fatality* dan sebagainya.

Kenapa Malaysia *choose different angle* sementara negara-negara macam Amerika dan Eropah menggunakan fakta *population* dengan kemalangan dan *fatality*. Jadi saya minta penjelasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Arau hendak berucap? Yang Berhormat Arau, ini pengangkutan bukan pertanian ya, pengangkutan.

3.50 ptg.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun tahu ini "pengengakutai" ... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu bahasa mana?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Oleh kerana *by-election* tak lama lagi, bahasa Kelantan.

Saya ingin bercakap atas Pengangkutan Udara - Butiran 050000. Pada hari Ahad yang lepas, kita sudah lihat surat khabar Mingguan Malaysia tentang Penerbangan Malaysia Berhad (MAS), temu duga di antara Mingguan Malaysia dengan Tan Sri Aziz yang mengatakan keadaan MAS sekarang. Pada pagi ini pula, di dalam *New Straits Times* kita dapat tengok juga Perdana Menteri kita mengatakan bagilah MAS peluang untuk mengatasi masalah ini.

Baru-baru ini mengenai Malaysia Airline System, saya pernah bercakap tentang seorang gadis yang kita ambil daripada Kanada sebagai Regional Manager di Bangkok. Saya nak menunjukkan bahawa, adakah pemilihan ini bagus atau tidak dari segi pentadbiran? Oleh kerana saya dapat tahu bahawa gadis ini yang *Regional Manager* kononnya atas satu jawatan yang begitu tinggi, sudah pun hantar kad hari raya kepada orang Thai yang beragama Buddhist, orang India yang ada di Bangkok, oleh kerana dia tak faham yang tradisi dan budaya kita, ini maksud saya pada hari itu dan sekarang saya dapat tahu pula, bahawa kita sudah ada satu pegawai yang bernama Chris Andrews di dalam penerbangan MAS...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ingin menyambung apa yang telah disampaikan dulukah?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: ...tidak, ini yang baru ni..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sambunglah.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Ya, ya, *latest news* ni, dan dilantik sebagai *Senior General Manager Strategy Group* yang posisinya baru direka dan *reportingnya* ialah kepada Pengarah Eksekutif. Saya diberitahu, betul atau tidak dan saya harap kementerian boleh betulkan saya, sekiranya saya salah, beliau diberi gaji yang lebih kurang RM250,000 sahaja sebulan. *[Dewan riuh]*...

Saya percaya pada hari itu, kita pernah dengar MAS kata nak bagi VSS kepada pegawai dan kakitangannya. VSS ni adalah untuk nak cari cara macam mana nak mengatasi masalah-masalah kewangan kita sekarang, padahal yang ini pulak kita ambil orang dan membayar begitu banyak, begitu tinggi.

Tajuk satu lagi, kadangkala kita ada membuat panggilan telefon, nak membuat tempahan tempat duduk di penerbangan MAS, kita diberi tahu bahawa sudah *full*, sudah penuh, maka saya dan rakan-rakan saya terpaksa pergi awal oleh kerana nak dapat, orang kata, "*Wait list*", nak dapat tempat duduk sekiranya ada orang yang tak datang. Apabila saya dah dapat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai, apa nak tanya? Dekat saja, nanti boleh tanya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah Yang Berhormat bagi Arau sedar bahawa kadang-kadang *travel agent-travel agent* yang besar-besar telah *block booking* tempat duduk dalam pesawat. Jadi, dia *block booking*, bila dia *block*, bila kita nak buat *reservation*, tempahan memang dalam skrin tu penuh, tetapi bila kita "*wait list*" macam Yang Berhormat bagi Arau katakan tadi, dapat peluang menaiki penerbangan tersebut..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya Yang Berhormat Arau belum habiskan hujah dia,..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...kosong banyak, jadi Yang Berhormat setuju tak dengan saya, supaya ambil tindakan.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Yang Berhormat Jerai, oleh kerana *block booking* ini, jadi Yang Berhormat pun telah *block* masa saya. *[Dewan riuh]*

Jadi, inilah kejadian-kejadian yang kita mengalami, mungkin ini adalah salah satu kerugiannya. Banyak tempat lagi bila kita dapat tempahan itu, mahu tak mahu Tuan Pengerusi, MAS kena belajar daripada sejarah MAS sendiri mengapa dan kenapa kita sudah pun berjaya, mengapa dan kenapa MAS sekarang sudah menghadapi kerugian yang begitu teruk. Dalam itu pula mengambil konsultan-konsultan...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kubang Kerian bangun.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Mulia Arau menyentuh tentang MAS yang telah *employed* beberapa pakar-pakar asing dengan gaji yang begitu lumayan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa contohnya Syarikat Air Asia dalam masa sepuluh tahun, sebagai contoh, dengan *key player* mereka Tony Fernandez dan Datuk Pahmin Rejab, mampu untuk mengangkat martabat Air Asia. Jadi tidak perlu sebenarnya kepakaran asing, kita ada pakar, tapi apa sebenarnya, *what went wrong*? Jadi saya minta, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Saya sebenarnya setuju sangatlah, oleh kerana saya rasa MAS pun perlu belajar daripada Air Asia, walaupun Air Asia begitu muda kalau dibanding dengan MAS. Kita pun sebagai manusia sentiasa belajar daripada orang-orang yang lebih muda dari kita.

Untuk teruskan, saya dah katakan tadi, tentang MAS telah mengambil orang, sebagai pegawai, sebagai konsultan-konsultan yang dibayar begitu tinggi, beli lagi kapal terbang, yang besar yang nak bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan lain. Jangan

kita jadi, dengan izin dalam bahasa Inggeris, "*One of the joneses*", orang lain beli kita mesti beli. Walau bagaimanapun, saya ingin merakamkan tahniah kepada CEO MAS yang baru, yang saya pasti boleh mengatasi cabaran-cabaran yang beliau akan hadapi. Bagilah beliau peluang untuk membetulkan keadaan sekarang. Saya juga harap semua pentadbiran di dalam pentadbiran MAS akan memberi sokongan sepenuhnya kepada beliau, tetapi biarlah saya akhiri dengan kata-kata dalam bahasa Inggeris, dengan izin Tuan Pengerusi, "*There can only be one captain on any ship*", dari situ biarlah CEO ini betul-betul jadi CEO, jangan orang lain dalam pentadbiran MAS itu kacau, pasal apa, kapten ini mustahak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat, tak pandang sini, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pandang tak dapat.

3.59 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa point ringkas, pertamanya Butiran 050000 - Pengangkutan Udara. Saya ingin secara khusus merujuk kepada Jabatan Pengangkutan Udara atau DCA, Jabatan Penerbangan Awam (JPA) atau dalam bahasa Inggeris DCA. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kemudahan-kemudahan yang ada di DCA ini, misalnya berapakah pesawat-pesawat yang digunakan oleh DCA ini dalam menjalankan tugas-tugasnya.

Saya juga ingin mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan laporan yang saya perolehi, yang mengatakan bahawa dalam pemilihan MCA beberapa bulan yang lalu, terdapat laporan bahawa Menteri Pengangkutan telah menggunakan pesawat-pesawat DCA ini, khususnya *Lear Jet* itu untuk urusan-urusan yang tidak berkaitan dengan DCA tetapi berkaitan dengan pemilihan MCA ketika itu. [Disorak]

Saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri telah menggunakan *Lear Jet* DCA ini beberapa kali dan mengangkut di dalam beberapa penerbangannya orang-orang yang terlibat dalam pertandingan dalaman MCA ini, termasuklah salah seorang tetamunya dalam salah satu penerbangannya ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi, saya ingin mendapat pengesahan tentang berapakah jumlah penerbangan-penerbangan yang terlibat ini dan adakah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bercadang untuk membayar balik kepada kerajaan nilai kos pengangkutan yang digunakan untuk beliau dalam urusan kepartian beliau ini kepada kerajaan...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat bagi Tumpat ada menyentuh tentang penggunaan kapal terbang atau pun helikopter DCA oleh menteri. Sedarkan Yang Berhormat dalam pilihan raya yang baru diadakan tahu lepas, seorang menteri juga didapati, dipapar gambarnya dalam surat khabar menggunakan helikopter Jabatan Bomba untuk pergi sini, sana untuk kempen bagi pihak calon-calon parti beliau. Adakah ini Yang Berhormat sedar dan apakah harus kerajaan lakukan untuk membetulkan keadaan ini?

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tanjong. Kes itu saya tidak sedar, tetapi dalam konteks dan semangat yang sama, jika itu pernah berlaku ia adalah suatu penyalahgunaan, penyelewengan dan sama seperti *Lear Jet* DCA dan juga helikopter Jabatan Bomba itu, ia telah menggunakan alat kerajaan. Misalnya *Lear Jet* itu ialah untuk kegunaan DCA bagi *calibration*, penerbangan jauh dan tinggi rendahnya, pesawat dan sebagainya. Ia ada peralatan-peralatan yang khusus dan peralatan-peralatan yang sensitif dalam pesawat-pesawat tersebut dan kalau Menteri-menteri menggunakannya untuk tujuan-tujuan yang tidak berkaitan dengan tugas-tugas pesawat-pesawat tersebut, ianya adalah sudah tentu suatu penyelewengan dan ianya menarik peluang untuk pesawat itu melakukan tugas rasminya kepada tugas-tugas yang jauh daripada kepentingan negara dan rakyat.

Keduanya, ini juga bermaksud bahawa dalam kes pesawat *Lear Jet* tadi, Menteri Pengangkutan sedar bahawa kemudahan pengangkutan awam berbayar dalam negara ini, dengan izin, *commercial aviation* tidak memadai dan tidak mencukupi. Kalau dahulunya kita boleh terbang, misalnya dalam kes saya ke Kota Bharu dan dari Kota Bharu seawal-

awal pagi dan selewat-lewat malam dan kalau dahulunya dari Kota Baharu boleh terbang bukan sahaja ke Kuala Lumpur, tetapi ke Alor Setar dan lepas itu Pulau Pinang, lepas itu turun ke Ipoh baru sampai ke Kuala Lumpur. Maknanya, pilihan banyak tetapi pilihan-pilihan sekarang untuk penerbangan adalah amat terhad sekali.

Sehinggalah sebagaimana contoh yang saya akui, bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan terpaksa walaupun saya tidak ingin menghukum beliau lagi, sehingga saya mendapat pengesahan Yang Berhormat Timbalan Menteri, menggunakan pesawat-pesawat yang tidak berkaitan dengan penerbangan awam bagi kegunaan beliau itu. Ini saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Keduanya berkaitan dengan 070000 - Kereta Api. Saya senantiasanya membangkitkan, Tuan Pengerusi, hal kereta api ini. Ini adalah tajuk *favourite* saya dalam kes kementerian ini dan soalan saya masih lagi kenapakah pengangkutan kereta api ini masih lagi mengabaikan selama berpuluh-puluh tahun laluannya ke Pantai Timur.

Kenapakah dari segi ini, pengangkutan kereta api ini tidak langsung melihat akan pentingnya laluan ke Pantai Timur yang membawa kepada stesen yang terakhir di Tumpat itu? Kenapakah laluan kereta api ini adalah amat tidak logikal daripada Tumpat turun hingga ke Temerloh, turun terus lagi ke gemas untuk naik balik untuk sampai ke Kuala Lumpur? Adakah kerajaan dan kementerian khususnya tidak mahu memikirkan yang di Pantai Barat ini ada dua trak, ada kereta api laju, ada pelbagai bentuk laluan kereta api dengan kelajuannya yang amat baik, tetapi kenapakah laluan ke Pantai Timur tidak diberikan apa-apa keutamaan sedikit pun?

Saya rujuk pula kepada kereta api juga iaitu subsidi perkhidmatan *train* tidak *economic* RM15 juta. Adakah ini bermakna dalam kes-kes laluan yang tidak *economic* kerajaan membiayai RM15 juta dan dalam kes-kes laluan yang *economic*, yang membawa keuntungan, syarikat swasta yang ambil keuntungan? Maknanya yang rugi kerajaan kena biaya, yang untung swasta yang makan duit itu.

Ini sudah tentu suatu perkiraan yang amat tidak munasabah sekali. Kalau ia diswastakan sepenuhnya, maka tanggungjawab sepenuhnya kepada syarikat swasta dan jika ia tidak diswastakan, maka tanggungan kerajaan adalah bukan sahaja untuk *train* yang tidak *economic*, tetapi untuk seluruh perkhidmatan kereta api. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin.

4.06 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bersama-sama dengan rakan-rakan terus kepada Butiran 020000 – Pengangkutan Laut Semenanjung Malaysia dan juga 050000 - Pengangkutan Udara.

Kita lihat pada hari Tuan Pengerusi, pelabuhan dan juga lapangan terbang adalah tempat-tempat yang strategik bagi negara kita, bagi pengangkutan laut di pelabuhan, pengangkutan udara di lapangan terbang. Tetapi masalah yang kita hadapi pada hari ini kita lihat, di Lapangan Terbang KLIA, semua pekerja di kawasan-kawasan itu lebih daripada 50% adalah buruh asing.

Hari ini kita menghadapi masalah sekuriti di sana, yang mana banyak di antara barang-barang ataupun bagasi-bagasi orang-orang kita ini dicemari, dicuri dan sebagainya. Kita berharap Kementerian Pengangkutan kena mengeluarkan satu dasar yang kuat. Tempat-tempat strategik macam ini, lapangan terbang dan juga pelabuhan kita minta hanya khusus untuk anak-anak tempatan sahaja dan bukan buruh asing.

Pelabuhan, di West Port pada hari, bagaimana yang telah saya sebut pada tahun sudah, sehinggalah Pulau Indah sudah jadi Pulau India. Semua pekerja-pekerja tempatan dibuang kerja, dinafikan hak orang tempatan di West Port dan menggunakan buruh-buruh asing daripada India. Masyarakat India tempatan di Klang itu pun hilang pekerjaan kerana diberi keutamaan kepada buruh-buruh asing dari India di West Port.

Malang bagi kita, saya pun tidak tahu, apa *power*, Tuan Pengerusi West Port kerana banyak rayuan yang telah dibuat oleh syarikat-syarikat tempatan, daripada Kementerian Kewangan, daripada Pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun

memberitahu dia supaya memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan bagi mengendalikan kargo di West port, sampai hari ini dia tidak endah. Lebih mendukacitakan, kita pun tidak tahu bagaimana Kementerian Pengangkutan melihat fasal Lembaga Pelabuhan Klang. Lembaga Pelabuhan Klang satu lembaga yang mengawal selia.

Di situ ada *playersnya*, West Port, North Port. West Port lain syarikat, North Port lain syarikat. Tetapi yang hairan pada kita ini hari ini, bagaimana Tuan Pengerusi West Port boleh duduk dalam Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Klang. Yang North Port, Tuan Pengerusinya tidak duduk dalam. Ini ada banyak yang tidak kena ini. Kita minta kementerian pandang balik.

Berkenaan dengan buruh-buruh asing ini saya berharap kerana kita lihat pada hari ini kadang-kadang pelancong datang ke negara kita melalui KLIA, yang jaga beg, yang jaga itu pekerja daripada Nepal. Cakap Melayu tidak reti cakap Inggeris lagilah jauh, yang ini imej negara kita.

Kalau rakyat tempatan orang Melayu baik, orang India baik, orang Cina baik kalau bahasa Inggeris dan bahasa Melayu insya-Allah mereka akan tahu kecualilah yang cina masuk hilang pelancong itu yang itu memang tidak reti cakap Cina Ipoh lai pun tidak boleh sebut. Kita berharap ini kementerian kena itu...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ipoh mali hah? Satu lagi Tuan Pengerusi ini yang juga *favorite subject* saya, Butiran 03600 - Kerja Pengerukan Kuala-kuala Sungai dan Pelabuhan-pelabuhan Kecil Di Dalam Negara. Malang bagi saya datang daripada Melaka kita mengharap supaya kementerian pengangkutan ini menjalankan kerja-kerja keruk, sungai, pelabuhan-pelabuhan kecil.

Daripada saya cakap dahulu yang dua tiga tahun tidak buat sehingga hari ini Tuan Pengerusi, sehingga hari ini walaupun peruntukan yang besar disediakan untuk kerja-kerja ini dia hanya tertumpu kepada Pelabuhan Klang negeri-negeri lain tidak dihiraukan. Kita esok ataupun lusa Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan di dalam negara kita sedang bersidang di Melaka pada hari ini, dia akan naik bot lalu Sungai Melaka tetapi oleh kerana kuala itu tidak dikorek hanya penyusulan sungai itu separuh jalan sahaja kerana tidak hendak menunjukkan bahawa depan itu kuala dia sudah 'dengkat' bot tidak boleh sampai ke sana kerana kerja-kerja mengorek tidak dibuat.

Oleh demikian kita berharap, kita berharap kementerian pandanglah sedikit kepada pelabuhan-pelabuhan di negeri-negeri yang kecil-kecil ini, janganlah ada tumpu kepada Pelabuhan Klang walaupun pada hari ini kita tahu bahawa Pelabuhan Klang hari ini West Port, North Port di mana ini pun sudah masyhur di seluruh dunia tetapi negeri-negeri lain hendak juga maju pelabuhan dia. Kita berharap kepada pelabuhan-pelabuhan kecil di Muar, Batu Pahat, bukan sahaja Melaka kalau Melaka lebih baik Sungai Rambai, Kuala Linggi itu pelabuhan-pelabuhan kecil kuala sungai dan kita berharap peruntukan ini biarlah rata-rata setiap negeri dapat sedikit peruntukan untuk mengorek pelabuhan dia supaya *barter trade* daripada Indonesia ini dapat itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 40000 Pembesaran Lapangan Terbang. Tahun sudah Timbalan Menteri juga jawab dengan saya berkenaan dengan ini, Lapangan Terbang Batu Berendam Tuan Pengerusi *boeing* tidak boleh turun di sana.

Tahun sudah dia kata sedang ditender, tahun ini wallahualam apa hendak cakap dengan saya lagi, kerja masih lagi macam keadaan lama yang mana kita mengharapkan bagi pihak rakyat negeri Melaka kita menunggu-nunggu lapangan terbang ini dapat dibesarkan kerana negeri Melaka adalah negeri pelancong dan kita berharap hari ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...hospital-hospital swasta yang dekat Melaka sedang laku ini Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah boleh tunggu jawapanlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...supaya pesakit-pesakit daripada Indonesia boleh datang, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat Beluran.

4.13 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih banyak diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Pengangkutan. Saya ingin menyentuh perkara Pengangkutan Darat 06000.

Kita melihat Tuan Pengerusi setiap statistik kemalangan meningkat, JPJ akan keluarkan pendekatan-pendekatan baru untuk mendapatkan lesen memandu. Kalau dahulu kita lihat tidak ada kelas tiga jam perlu dilalui oleh setiap lesen baru, pemohon lesen baru. Kita lihat benda itu telah dijadikan satu peraturan JPJ. Kemudian baru-baru ini apabila Ops Sikap ketika perayaan, Ketua Pengarah JPJ keluarkan lagi peraturan yang sedang dibentuk dalam undang-undang ini mereka yang akan mendapatkan lesen memandu harus melalui proses-proses penilaian yang lebih ketat. Umpamanya mesti ada waktu untuk belajar ketika memandu waktu malam, memandu ketika jalan becak, memandu ketika hujan dan sebagainya.

Ini merupakan pendekatan-pendekatan yang dibuat oleh JPJ untuk mengimbangi data kemalangan yang berlaku di negara kita. Persoalannya adakah pendekatan ini merupakan pendekatan yang akan menyelesaikan masalah kemalangan yang berlaku di negara kita. Kita tahu JPJ mempunyai penguatkuasaan undang-undang yang banyak sekali. Kalau kita lihat satu *statement* yang dibuat oleh Pengarah PIN ini, integrasi, integriti. *Too many laws laying seeds of corruption* dia kata, bererti banyak undang-undang kita ini yang boleh.... boleh [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *Newspaper cutting*lah ini, saya simpan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu bukan nama Yang Berhormatkah?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ada *Newspaper cutting* mungkin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ayah Pin punya orangkah?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tidak, dia kata banyak undang-undang ini boleh mengakibatkan stesen-stesen untuk *corruption* berlaku, kita lihat persepsi rakyat terhadap JPJ ini banyak yang negatif daripada yang positif. PUSPAKOM umpamanya, banyak rungutan masyarakat umum bahawa ianya tidak dilaksanakan secara baik.

Ujian memandu tiga jam, ujian latihan, ujian bertulis yang dilaksanakan oleh JPJ sebagai sebahagian daripada proses untuk mendapatkan lesen kenderaan memandu juga dikatakan tidak telus, ada penyelewengan berlaku di dalam proses pemilihan yang dilaksanakan untuk ujian bertulis. *News Straits Times* pernah mengeluarkan jumlah bayaran yang harus dibayar kepada pihak-pihak di dalam JPJ untuk mendapatkan kelulusan dalam ujian bertulis yang dilaksanakan oleh JPJ. Saya kira Tuan Pengerusi, JPJ harus lebih berhati-hati dalam melaksanakan peraturan-peraturan baru semata-mata untuk menangani masalah kemalangan.

Kadang-kadang kita takut peraturan-peraturan baru ini, ujian-ujian yang lebih ketat yang dilakukan oleh JPJ ini akan menjadi stesen-stesen untuk disalah gunakan oleh pegawai-pegawai di dalam senarai kakitangan JPJ itu sendiri. Persepsi rakyat terhadap JPJ harus *clear*, haruslah jelas dan harus dibaiki tetapi dengan *introduction* undang-undang dan peraturan-peraturan yang lebih ketat, persepsi rakyat akan lebih negatif terhadap JPJ kerana ini seolah-olah boleh disalahgunakan dan boleh menjadi tafsiran sebagai stesen-stesen untuk *corruption*, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Betullah PIN punya Ketua Pengarah PIN banyak undang-undang dia kata boleh melahirkan benih-benih penyalahgunaan dan juga rasuah.

Saya mohon agar kementerian melihat peraturan-peraturan baru ini, *not for the sakes of* menangani masalah kemalangan yang berlaku di dalam negara kita,...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: ...tetapi melihat ianya benar-benar peraturan yang boleh membawa kebaikan kepada pemandu-pemandu baru. Satu perkara kecil, saya *mention* ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kecil ya? Oklah boleh.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya ingin tahu pengangkutan udara, sama ada benar-benar selamatkah naik Air Asia ini. Persepsi orang tidak yakin kalau dibandingkan dengan MAS.

Banyak perkara sama ada ianya mengikut prosedur umpamanya apabila kapal terbang datang sebelum satu penerbangan selepas satu penerbangan yang akan datang. Kalau MAS ia akan mengambil lebih kurang 40 minit hingga 50 minit untuk satu penerbangan selepas satu penerbangan dibuat oleh MAS. Tetapi kalau kita lihat Air Asia ianya kurang daripada 30 minit selepas satu penerbangan baru dibuat pada pesawat yang sama. Adakah ini mengikut prosedur-prosedur yang tertentu, standard prosedur untuk proses seperti ini dan juga sama ada DCA memantau penyelenggaraan dan juga pendekatan penerbangan yang dibuat oleh Air Asia, terima kasih.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup, cukup.

Seorang Ahli: Bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Mambong sila.

Seorang Ahli: Apa Yang Berhormat Mambong.

4.19 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahaskan di bawah Maksud Pembangunan 28. Saya terus menyentuh kepada pengangkutan laut Sarawak, di mana Butiran 09000 yang berkaitan dengan penubuhan pusat *stockpile* kawalan minyak pencemaran, minyak dan bahan kimia.

Tuan Pengerusi satu pusat untuk *stockpile* kawalan pencemaran minyak ini adalah penting kerana pencemaran di marin ataupun di laut adalah disebabkan oleh minyak. Kalau kita lihat setiap tahun minyak terpakai yang dibuang di dalam laut di dunia ini adalah dalam lingkungan 363 juta gelen.

Jumlah ini adalah agak besar. Dari kapal sahaja, 137 juta gelen adalah dibuang selepas kerja penyelenggaraan kapal. Jadi ini menyebabkan pencemaran laut. Bahan-bahan yang lain adalah bahan kimia seperti *mercury*, *dioxine*, *PCB*. *PCB* ialah *Polychlorinated Biphenyls* dan ini menyebabkan ikan yang teracun kena *PCB*. Kalau makan ikan, kita akan terkena *food poisoning*, dengan izin. Dan juga *polycyclic aromatic hydrocarbon*. Semua ini adalah dibuang dari kapal.

Oleh yang demikian, adalah baik jika semua bahan kimia dan juga minyak terpakai disimpan di satu tempat di pelabuhan yang dikatakan pusat *stockpile* kawalan minyak terpakai dan bahan-bahan kimia. Di Sarawak, adakah pusat-pusat ini wujud di semua pelabuhan? Yang saya ingin tanya, mengapa kerana peruntukan ini tidak begitu banyaklah untuk aktiviti-aktiviti ini. Malaysia telah pun menandatangani satu konvensyen antarabangsa yang dinamakan Konvensyen MARPOL yang berkaitan dengan pengawalan pencemaran laut daripada pelbagai kategori kapal. Oleh yang demikian adalah wajar jika di semua pelabuhan di negara ini, bukan sahaja di Sarawak, diwujudkan pusat minyak terpakai.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh, Butiran 30000 yang berkaitan dengan Pembinaan Lapangan Terbang Kuching. Lapangan Terbang Kuching sekarang memang sedang giat dibina. Kerja memang cepat. Tetapi masalahnya adalah trak-trak yang membawa tanah dari luar untuk masuk di kawasan lapangan terbang.

Ada lebih daripada 200 trak. Saya kira setiap hari berjalan, kalau 4 *trip* satu hari, bermakna 800 *trip*. Ini membahayakan kerana trak-trak ini berjalan melalui kawasan saya. Jadi, *accident* telah pun berlaku, sudah banyak *accident* berlaku.

Apakah tindakan yang telah diambil oleh JPJ untuk mengawal trak-trak ini yang begitu banyak? Saya pun telah mendapat banyak aduan dari rakyat di kawasan berkenaan dengan trak-trak ini yang berjalan. Saya diberitahu juga pemandu-pemandu trak ini ramai dari Thailand, dari negara Siam. Jadi, adakah mereka ini mempunyai lesen yang sah untuk memandu trak-trak ini? Mereka ini semacam berlumba di jalan. Sudahlah jalan di Sarawak, *highway* ini, hanya dua laluan sahaja. Jadi mereka pun berlumba-lumba.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 40000 yang berkaitan Pembesaran Lapangan Terbang dan Pembangunan Sistem di Lapangan Terbang khususnya di KLIA. Pada satu ketika, saya ingat 3 atau 4 minggu yang lepas, ada pengusaha-pengusaha yang menjual, jual coklat ke, apa-apa ke, mereka menaik taraf kedai-kedai mereka di situ. Di dalam proses menaik taraf kedai-kedai mereka di situ, mereka menggunakan, saya ingat cat untuk mengecat dinding mereka. Jadi, kita boleh menghidu bau itu kerana cat-cat ini mengandungi yang saya sebut tadi *polycyclic aromatic hydrocarbon* (PAH) dan di KLIA, tempat-tempat itu berdinding, tidak ada udara daripada luar, keluar masuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pontian bangun.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat bagi Pontian, nanti sekejap. Tidak ada udara keluar masuk. Jadi, kita menghidulah. Ha, ini tidak baik kerana PAH boleh mengakibatkan barah. Yang Berhormat bagi Pontian, kawan saya.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, apabila penjual-penjual jam ini mula diberi ruang di Lapangan Terbang Antarabangsa, kalau Yang Berhormat ingat, dalam sesi yang lepas, kita meluluskan rang undang-undang ini untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan di lapangan-lapangan terbang.

Jadi, adakah Yang Berhormat berpendapat dengan memberi lebih banyak ruang untuk tujuan komersial ini, ianya bercanggah dengan matlamat untuk meningkatkan kawalan keselamatan di lapangan terbang. Kita ada pinda, Yang Berhormat, rang undang-undang itu. Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin mengalu-alukan kepimpinan Pemuda Negeri Johor dalam Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]* Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ambil kesempatan Yang Berhormat ya. *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Dia kempen, dia kempenlah, Tuan Pengerusi. Pendapat saya itu memang tidak sepatutnyalah kerajaan ataupun pihak KLIA memberi ruang yang banyak kerana ia tidak mengambil kira keselamatan di dalam KLIA. Tambah lagi, kita mengujud satu hutan dengan spesis-spesis pokok asli di luar itu kerana kita ingin melihatkan pokok-pokok...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Ketawa]* Sedikit sahaja, sekejap sahaja. Kerana kita ingin melihat pokok-pokok di luar itu ada nilai estetik, nilai alam sekitarnya. Jadi, kalau kita memberi banyak lagi itu ruang perniagaan di dalam itu, kita tak boleh lihat lagi di luar itu. Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah! Hujung punya, Sandakan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

4.28 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Lama tidak cakap. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana beri peluang kepada saya untuk berbahas tentang Kementerian Pengangkutan. Saya tidak cakap banyaklah, ya. Kasi *chance* kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi, saya ingin menyentuh tentang Butiran Pengangkutan Udara Sabah.

Sistem jalan raya di Sabah, khususnya di kawasan Sandakan adalah kurang memuaskan sekiranya dibanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Jadi, pengangkutan udara adalah sangat penting dan memang satu cara perjalanan yang digunakan oleh rakyat tempatan dan orang-orang dari negara-negara asing. Lapangan Terbang Baru Tawau telah siap pembinaannya lebih daripada tiga tahun yang lalu. Dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu akan memulakan kerja pembesarnya dalam masa yang singkat.

Bagi Lapangan Terbang Sandakan yang lebih daripada 20 tahun selepas disiapkan, tanpa kerja peningkatan utama dijalankan telah tidak dapat menampung keperluan bilangan penumpang melebihi 500 ribu orang setiap tahun yang kian bertambah. Keadaan bangunan terminal mestilah dinaiktarafkan dengan mendirikan pejabat tiket, bilik *golden lounge* dan sebagainya yang sesuai untuk sebuah lapangan terbang moden.

Jadi adakah rancangan kementerian untuk menaik tarafkan lapangan terbang Sandakan dan bilakah ianya dapat dilaksanakan. Sekian terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sambung sini, sambung sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti, nanti, nanti saya balik sini. Tanah Merah.

4.30 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bercakap atas Butiran 050000 - Pengangkutan Udara. Seperti mana yang kita tahu bahawa kita dikejutkan dengan satu lagi kerugian syarikat yang berkaitan dengan kerajaan. Tadi Yang Berhormat Arau telah pun menyentuh sedikit dan apa yang berlaku di dalam syarikat penerbangan nasional kita iaitu MAS. Mengikut laporan yang kita terima daripada akhbar dan juga media bahawa hari ini MAS kerugian RM280 juta bagi suku tahun pertama 2005 dan dijangka akan lebih lagi untuk enam bulan akan datang mungkin mencecah RM500 juta.

Satu jangkaan yang terakhir untuk *financial* bagi tahun 2005/2006 yang mana kerugian ini kalau tidak dibendung akan mencecah ke angka RM1 bilion, bahawa RM1 bilion ini merupakan satu jumlah wang yang banyak dan wang ini sudah pasti dapat membuat apa sahaja pembangunan di dalam negara dan juga untuk mengemaskinikan lagi Sistem Penerbangan Malaysia.

Tuan Pengerusi, bagi pernyataan kewangan menunjukkan bahawa 40% kos perbelanjaan MAS adalah terletak di bawah perbelanjaan minyak ataupun bahan bakar kepada kapal terbang tersebut, dan yang lain-lainnya adalah *operating system* ataupun *operating cost* bagi mengendalikan syarikat penerbangan tersebut. Seperti yang kita maklum bahawa MAS hari ini banyak menggunakan pakar-pakar, konsultan ataupun perunding daripada luar yang diberi bayaran yang tinggi, yang mendapat kontrak yang tinggi daripada MAS. Ini menunjukkan satu perkara yang tidak baik kerana MAS dalam kerugian, tambahan pula banyak perkara yang melibatkan kos dimasukkan dalam sistem ataupun pengurusan MAS.

Tadi kita ada beberapa contoh daripada staf ataupun staf daripada luar yang diserapkan ke dalam MAS dan dibayar dengan ratusan ribu ringgit. Contoh yang kita dapati dari Kanada tadi, yang mana Yang Berhormat nyatakan, dan ini satu lagi yang terbaru di dalam bidang IT, di dalam *department* IT di mana satu *lady* yang baru sahaja berhenti daripada Citibank Singapore di mana beliau dibayar dengan RM60 ribu sebulan untuk mengawasi IT di MAS. Ini menunjukkan bahawa MAS tidak mementingkan pegawai-pegawai daripada dalam negara kita yang mana sudah pasti ramai rakyat negara kita mampu untuk menerajui MAS sama ada dalam *operating* dia, dalam bidang IT yang mana syarikat penerbangan tambang murah yang dikendalikan oleh orang Malaysia juga dapat memberi keuntungan besar kepada syarikat tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, kita tahu banyak perkara yang dibuat kajian, contohnya kajian berkenaan dengan staf ataupun kakitangan yang dibuat oleh ISR

Singapore yang mana hasil dari kajian terdapat kakitangan yang tidak proaktif di dalam MAS dan mempunyai semangat yang kurang dari segi personel *leadership* dan lain-lain lagi. Ini sudah pasti merugikan MAS dengan membayar gaji yang mahal, dengan membayar banyak kepada kakitangan.

Seperti yang dinyatakan tadi oleh sahabat saya dari Arau bahawa staf yang ramai sebanyak 22,000 lebih kurang ini yang mana di sebelah luar negara pun ada, contohnya *country manager*, *area manager* di sebelah luar negara tidak diberi kepada rakyat Malaysia, bahkan jawatan tersebut diberi kepada rakyat luar yang mana sudah pasti bayaran yang diberi ataupun gaji kepada mereka ini adalah tinggi sehingga ratusan ribu ringgit Malaysia bagi setiap bulan.

Bagi MAS-ITPS iaitu program ataupun IT *operation* di dalam sistem operasi MAS yang mana sebelum ini dikendalikan oleh staf daripada MAS tetapi sekarang ini telah diberi kontrak kepada satu syarikat iaitu IBM sebanyak RM400 juta bagi tempoh 10 tahun di mana RM40 juta dikenakan bayaran kepada syarikat tersebut sebagai *maintenance* tidak termasuk kerja-kerja *upgrading* dan lain-lain lagi. Bahkan sekiranya MAS menggunakan kakitangan dalaman untuk menyelenggarakan komputer tersebut bahkan ia hanya membelanjakan sebanyak RM10 juta sahaja. Apakah ini benar? Dan apakah tindakan kementerian untuk membetulkan balik landasan ataupun membetulkan balik MAS ini supaya tidak membelanjakan duit kepada perkara-perkara yang merugikan MAS.

Yang kedua, dari segi MAS *Catering*, kita tahu *Sky Chef* telah pun mengambil alih daripada MAS *Catering* yang sebelum ini yang telah pun kita tahu bahawa MAS *Catering* membuat keuntungan yang besar ataupun memperoleh keuntungan sebelum ini. Tetapi dengan *joint venture* dengan Lufthansa sebanyak 70% dan 30%, ini menyebabkan syarikat ataupun MAS *Catering* ini telah diambil oleh syarikat lain yang dinamakan *Sky Chef*. Bahkan syarikat ini telah pun menamatkan kontrak yang ditempah daripada negara kita sebagai contoh daripada Cameron Highlands, untuk menempah makanan-makanan yang tertentu dan daripada itu *Sky Chef* ini telah mengimport daripada Australia. Apakah ini benar? Saya minta pihak Kementerian supaya menyemak kembali apa yang berlaku kepada masalah ini.

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Sikit lagi ya. Dan untuk sebagai contoh, sebagai satu penerbangan ke London di mana contohnya *flight* ini separuh penuh, apabila perjanjian dengan *Sky Chef* perlukan satu pembekalan yang penuh kepada makanan bagi penumpang pesawat tersebut. Apakah ini benar? Dan ini sudah pasti merugikan syarikat MAS. Yang lainnya seperti MAS Engineering yang diberi secara kontrak untuk menyelenggarakan pesawat-pesawat kepada General Electric yang mana sebelum ini dibuat oleh MAS sendiri yang sudah pasti kos yang diselenggarakan dengan harga yang tinggi, dan ini juga merugikan MAS.

Saya yakin bahawa ini bukannya, satu kita nak kondem MAS ataupun nak kondem kerajaan, bahkan ini adalah satu perkara yang perlu kita ambil berat, perlu kita sama-sama memperbetulkan syarikat penerbangan nasional kita. Jangan mana kita amat-amat rasa terkilan sekiranya syarikat penerbangan ini akan terus lumpuh, akan terus mengalami kerugian. Saya berharap sangat kepada kementerian supaya mengambil pendekatan untuk mengkaji, untuk menubuhkan jawatankuasa khas, untuk memastikan perkara-perkara yang merugikan di dalam servis, di dalam perkara-perkara perkhidmatan yang berkaitan dengan MAS ini supaya dapat diperbetulkan kembali. Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Lipislah.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon membahaskan Bekalan dan Pembangunan 28, yang pertama sekali Butiran 070000 tentang kereta api. Memang di sebelah pantai Timor daripada negeri Pahang sampai ke Kelantan rasa saya laluan kereta api, landasan kereta apinya memang sehalu sahaja dan biasanya memang tak pernah diambil peduli oleh pihak pentadbiran kereta api, kerana tumpuan banyak diberi kepada sebelah pantai barat dan pada masa yang sama juga banyakkah tanah kereta api ini yang terbiar, yang kadang-kadang boleh digunakan oleh pihak-pihak di sebelah kampung dan sebagainya untuk pembangunan.

Jadi bagaimanapun kadang-kadang pihak pentadbiran kereta api tidak membenarkan tanah mereka dipinjam dan sebagainya untuk, katakan kalau kita nak membuat gelanggang permainan dan sebagainya jadi kita pohon di sini supaya pihak kereta api lebih berlembut dan memberi *social service*, dengan izin supaya pihak kampung-kampung dan sebagainya kalau mereka hendak menggunakan tanah kereta api yang tidak digunakan itu - boleh.

Keduanya, dengan adanya landasan kereta api ada kampung kadang-kadangnya terbelah dua. Jadi ada sekolah yang terletak di sebelah kanan jalan kereta api, tetapi kampungnya banyak di sebelah kiri. Jadi untuk keselamatan pelajar-pelajar dan juga penduduk kampung kadang-kadang ada kita memohon untuk membuat jejambat di atas jalan kereta api, tetapi nampaknya pihak kereta api juga lambat ataupun tidak membenarkan jejambat itu dibina dan menyebabkan projek-projek tergendala dan ini sebenarnya boleh menyebabkan keselamatan penduduk terutamanya pelajar-pelajar sekolah yang menyeberang jalan, menyeberang landasan kereta api itu menjadi tidak terjamin.

Begitu juga kadang-kadang dari aspek pembangunan yang lain contohnya kita nak menyalurkan air bersih, air paip dan sebagainya, ada kalanya kita terpaksa juga melalui, melintasi landasan kereta api ini sama ada di bawah landasan dan sebagainya dan apabila kita memohon pada pihak pentadbiran kereta api selalunya tidak diluluskan. Jadi kita mohonlah pihak pentadbiran kereta api ini lebih berlembut sedikit dari segi penggunaan tanah-tanah di kawasan mereka, sila.

Tuan Pengerusi: Ya, Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat apa pandangan Yang Berhormat kalau kita ubah nama Keretapi Tanah Melayu ini. Kereta api itu pun macam tak berapa kena Yang Berhormat. Sekarang ini orang tak pakai api lagi untuk menggerakkan kereta Yang Berhormat. Mungkin kita namakan train nasional. Kita biasa ambil nama orang Putih dan kita bahasa Malaysiakan. Mungkin itu dapat memberi satu tanggapan yang baru, itu dapat memberi satu nilai *marketing* yang baru, kerana Keretapi Tanah Melayu yang saya tahu kalau dulu begitu sampai sekarang tidak ada perubahan dan lebih kepada isu ataupun aspek "antik". Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, tapi dari segi nama itu saya rasa tidak, saya tak berapa bersetujulah ditukarkan kepada train nasional dan sebagainya, kerana nama Melayu ini rasanya dah tak banyak dah, dah tak banyak dah. Jadi Tanah Melayu itu rasa saya satu-satunya nama Tanah Melayu itu yang tinggalnya pada kereta api, yang lain itu...

Ir. Hasni bin Haji Mohamad [Pontian]: Train Nasional Melayu, tahanlah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Rasa saya kita pulangkanlah kepada pihak kementerian untuk memikirkan nama, tetapi yang pentingnya Tanah Melayu itu janganlah kita buang kerana rasa saya itulah satu-satu yang ada.

Tuan Pengerusi: Maksud tadi pemodenan, tetapi ditukar pada nama.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Pemodenan boleh tukar train ke apa, tapi Tanah Melayu itu mesti dikekalkan Tuan Pengerusi. Jadi berbalik tentang cerita tanah-tanah kereta api tadi, sekali lagi saya mohon pihak kereta api lebih berlembut dan lebih memudahkan pihak kerajaan kalau ada pembangunan yang hendak dibuat di sekitar landasan kereta api.

Yang keduanya dari segi Butiran 00206 – Express Rail Link ke KLIA Sepang. Sekarang ini kalau kita tengok ERL transit ada lima stesen rasa saya daripada Sentral pergi ke Taman Tasek Selatan, Putrajaya, Salak Tinggi dan terus ke KLIA. Tetapi bila saya meneliti, sepatutnya ada satu stesen lagi yang perlu dibuat untuk ERL ini, iaitu di UPM (Universiti Putra Malaysia) kerana bagi saya di situ ramai penduduknya dan kebanyakan mereka kalau ada ERL ataupun ada LRT di kawasan itu makin ramai yang naik jadi *volume* atau jumlah yang boleh menaiki ERL ini banyak dan rasa saya dia boleh memberi

keuntungan kepada ERL, sebab kalau kita lihat sekarang ERL, ini daripada pengamatan sayalah tak ramai. Tak ramai yang menaiki mungkin satu kerana tambangnya mahal.

Keduanya kerana stesen-stesen yang tak betul, walaupun di Putrajaya ada stesen di Taman Tasek Selatan ada stesen, tetapi bagi saya di kawasan UPM itu sendiri melebihi atau lebih daripada 40 ribu penduduk dan kebanyakannya daripada mereka terutama pelajar-pelajar di UPM, mereka boleh menggunakan kemudahan ERL tersebut. Ini kalau kita tengok di luar negara kebanyakan daripada kemudahan awam ini biasanya macam contohnya di Melbourne, dia akan melalui universiti kerana mereka tahu di kawasan itulah yang ramai penduduk contohnya kalau di Monash, semua bas akan melalui Monash stesen kalau di Universiti Swinburne akan ada train atau *commuter train* yang melalui betul-betul di tengah universiti tersebut, dan boleh ini bagi kemudahan kepada penduduk, jadi saya nak mencadangkan di sini supaya satu stesen lagi dibina di Universiti Putra Malaysia.

Yang ketiganya dan ini yang terakhir ialah ini pembesaran landasan terbang dan pembangunan sistem di landasan terbang. Bagi saya dalam kawasan Parlimen Lipis ada satu landasan terbang yang lama, yang dibina oleh pihak British dulu rasa saya di Batu 13, Benta. Sekarang ini landasan ini telah terbiar dan tidak pernah digunakan, yang akhir sekali penggunaannya rasa saya dalam tahun 70-an dan akhir 70-an apabila ada kem polis di sana. Saya membangkitkan kerana rasa saya lapangan terbang ini merupakan lapangan terbang ataupun landasan terbang yang strategik kerana dia terletak betul-betul di tengah-tengah Semenanjung Malaysia.

Kedudukannya adalah di tengah-tengah semenanjung Malaysia dan kalau ada keperluan strategik dari segi pertahanan dan keselamatan rasa saya landasan ini boleh digunakan. Saya sekali lagi memohon pihak kementerian memikirkan perkara ini dan pihak pegawai-pegawai di Kementerian Pengangkutan boleh melawat ke tempat tersebut dan melihat bagaimana strategiknya kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tanjong.

4.02 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh tentang Butiran 020200 - Kawalan Industri Pengangkutan Laut Semenanjung Malaysia. Saya ingin menyentuh Tuan Pengerusi berkenaan dengan perkhidmatan feri di negeri Pulau Pinang di mana isu ini pernah dibahasakan melalui satu usul di bawah Peraturan 18 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bagan berhubung dengan kenaikan tambang feri di negeri Pulau Pinang.

Baru-baru ini, Penang Port Sdn. Bhd. telah mengemukakan kenyataan-kenyataan yang tidak memberi kesenangan kepada Kerajaan Negeri ataupun penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang di mana Penang Port Sdn. Bhd. Telah menyuarakan bahawa mereka sememangnya tidak ingin meneruskan ataupun mempertingkatkan lagi perkhidmatan feri di antara Butterworth dan Pengkalan Weld Pulau Pinang ini jika pengguna-pengguna tidak rela untuk menerima kenaikan tambang perkhidmatan feri pada masa hadapan dan Penang Port Sdn. Bhd. akan juga menggugurkan rancangan mereka untuk mempertingkatkan perkhidmatan feri yang sudah banyak kali diumumkan iaitu untuk membuat pelaburan dalam membeli beberapa buah kapal-kapal yang cepat atau *speed boats* untuk kegunaan penumpang-penumpang. Di samping feri-feri yang sedia akan dikhususkan untuk mengangkut kenderaan-kenderaan dari Butterworth ke Pulau Pinang dan sebaliknya.

Berita ini amat mengecewakan sebab seperti mana yang kita hujahkan, Penang Port Sdn. Bhd. adalah dipertanggungjawabkan bukan sahaja untuk membeli perkhidmatan feri tetapi juga menguruskan operasi pelaburan Pulau Pinang yang setakat ini menghasilkan keuntungan berjuta-juta ringgit setiap tahun dan perkhidmatan feri ini dilihat sebagai satu perkhidmatan sosial kepada rakyat Pulau Pinang dan rakyat Malaysia.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong, terima kasih Tuan Pengerusi. Pegawai yang mengeluarkan pengumuman yang *speed boat* ini akan ditangguhkan ialah CEO PPSB. Siapa yang lebih berkuasa kerana Menteri pengangkutan dalam Dewan ini dan dalam surat khabar telah mengumumkan bahawa projek *express boat* akan diimplementasikan tidak lama lagi dan segala butir-butir dan juga berkenaan dengan sebut harga *speed boat* dan pangkalan-pangkalan-pangkalan pun sudah diumumkan. Tetapi sekarang CEO kata tidak mahu dijalankan. Siapa yang lebih kuasa?

CEO atau Menteri Pengangkutan? Atau kata-kata Menteri Pengangkutan tidak boleh dikotakan sama sekali.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Kadangkala kita tahu bahawa namanya Menteri amat besar tapi ada kalanya pemegang-pemegang jawatan yang lebih rendah mempunyai kuasa yang lebih banyak berbanding dengan Menteri-Menteri khususnya dari MCA dan Gerakan.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Ketawa]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Nampaknya Pengarah Urusan ini Dato' Ahmad Ibnihajar adalah seorang *political appointee* dari UMNO bahagian Tanjong. Rasanya Menteri pun tidak dapat menentang kenyataan oleh seorang pegawai yang rendah iaitu Pengarah Urusan Penang Port Sdn. Bhd.

Saya berharap perkara ini dapat diambil berat oleh kementerian dan mengarahkan Penang Port Sdn. Bhd. untuk mengetahui kedudukan mereka untuk memberi perkhidmatan bukan sahaja memberi perkhidmatan ataupun berminat untuk perkhidmatan yang dapat mengaut keuntungan kepada Penang Port Sdn. Bhd. tetapi juga sebagai satu pakej membekalkan perkhidmatan sosial kepada rakyat negeri Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, saya juga bimbang dengan arah tuju Penang Port Sdn. Bhd dengan kenyataan sedemikian sebab Penang Port Sdn. Bhd memang berhasrat untuk disenaraikan di Bursa Kuala Lumpur tidak lama lagi dan *exercise* untuk senarai diri dalam bursa saham pegangan *Ministry of* Kewangan dalam PPSB (Penang Port Sdn. Bhd.) ini akan kurang ekuitinya dari 100% kepada 51% sahaja. Jadi saya berharap dengan *down grading* ataupun ekuiti yang kurang ini pihak kerajaan juga masih dapat mengawal selia dan memberi arahan-arahan terhadap prestasi ataupun arah tuju Penang Port Sdn. Bhd dan bukan semata-mata melihatnya sebagai satu entiti komersial dan cuma ingin mengambil berat tentang urusan-urusan dapat mengaut keuntungan tetapi mengabaikan tanggungjawab sosial mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang Butiran 060000 pengangkutan darat di mana isu ini saya nampak satu isu yang wujudnya *unethical practices* di dalam industri *automobile* yang membabitkan isu kenderaan potong iaitu kereta potong kereta yang disambung-sambungkan selepas kemalangan ataupun selepas *dicondemn* oleh syarikat-syarikat insurans. Tetapi anehnya walaupun kereta-kereta ini telah pun dihapuskan atau *condemn* oleh syarikat insurans nampaknya dalam jalan raya pada masa kini dianggarkan ada 50,000 kereta potong yang masih berada di jalan raya yang menimbulkan soal sama ada memangnya kereta potong ini tidak selamat digunakan dan juga apabila dikesan oleh PUSPAKOM memang tidak boleh digunakan lagi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa salah satu punca syarikat insurans menjual sijil pendaftaran kereta yang dikategorikan *total loss* kepada *workshop*. Ini satu punca yang mengakibatkan banyak kereta yang dipotong dan disambungkan dan dijual di pasaran ini. Adakah kerajaan mengambil tindakan yang sepatutnya khususnya Bank Negara dan Kementerian Pengangkutan memantau kenderaan potong ini di jalan raya yang mungkin boleh mengakibatkan kemalangan yang dahsyat.

Saya mencadangkan di sini bahawa adakah Yang Berhormat Tanjong bersetuju satu jawatankuasa yang merangkumi Bank Negara dan juga Kementerian Pengangkutan bahawa satu jawatankuasa memantau bahawa semua kereta yang dikategorikan *total loss* harus di senarai hitamkan dan tidak boleh berjalan di jalan raya. Ini adalah satu cara untuk membanteras kereta potong yang digunakan di jalan raya. Adakah Yang Berhormat Tanjong setuju.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang yang memang memberikan satu cadangan yang bijak. Saya nampak muslimat-muslimat oleh *players* dalam sektor ini yang membabitkan insurans, pinjaman bank, *workshop*, *car dealers* mungkin JPJ, PUSPAKOM, pihak polis yang menyebabkan masalah kereta potong ini tidak dapat dihapuskan.

Dan nasib baik baru-baru ini, sejak tahun lalu ada satu peraturan yang baru yang mewajibkan kereta-kereta yang ingin dijual beli, yang *second hand* perlulah dihantar ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer atau PUSPAKOM untuk menilai *road-worthiness* setiap kenderaan yang sudah pun diguna pakai dan oleh sebab pemeriksaan oleh PUSPAKOM dalam tahun yang lepas, 2,800 kereta potong dikesan dan dalam enam bulan tahun ini sahaja, 2,200 lebih kereta potong dikesan oleh PUSPAKOM yang juga menganggar bahawa dalam jalan raya Malaysia pada hari ini ada 50,000 kereta potong yang menjejaskan industri automobil ini sehingga RM100 juta.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ya, bukan sahaja masalah kereta terpakai sahaja ada wujud, saya juga ada menerima aduan kereta baru Proton Wira, Gen-2, anehnya kereta yang baru keluar dari *workshop* didapati adalah kereta potong. Inilah masalah yang kita hadapi pada masa kini dan saya berharap kementerian dapatlah melaksanakan satu peraturan yang mewajibkan semua kenderaan persendirian yang sudah digunakan bagi satu tempoh tertentu menjalani pemeriksaan di PUSPAKOM supaya masalah kereta potong ini dapat ditangani dan diatasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Puchong ya, sila.

5.02 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan dalam Butiran P.28 dan B.28 iaitu Kementerian Pengangkutan. Dalam Butiran 00200 iaitu Kajian Peningkatan Infrastruktur Sedia Ada dan juga Laluan Komuter dan juga Butiran 100300 – Kempen Keselamatan Jalan Raya dan akhir sekali ialah mengenai Butiran 060500 iaitu mengenai Penguatkuasaan Undang-undang.

Seperti mana yang kita sedia maklum, kesesakan jalan raya di Lembah Klang ataupun di kawasan-kawasan berdekatan Kuala Lumpur ini memang menjadi satu masalah yang utama, masalah yang kita sering hadapi sekarang ini dan tambahan pula dengan kelemahan-kelemahan sistem pengangkutan awam kita yang pada masa ini telah menyebabkan kesesakan jalan raya ini telah menjadi satu masalah yang orang kata, telah *immune* di kawasan-kawasan Lembah Klang ini.

Tuan Pengerusi, saya melihat masalah ini dapat diselesaikan ataupun diminimumkan kalau kita betul-betul memberi satu kajian atau satu perlaksanaan dasar yang lebih berkesan pada masa-masa yang akan datang. Saya tidak faham, walaupun dalam bandar Kuala Lumpur dan juga kawasan-kawasan berdekatan kita ada komuter, kita ada LRT, kita ada *monorail*, ada juga STAR dan sebagainya tetapi masalah sistem pengangkutan masih tidak dapat diperbaiki, kesesakan masih berlaku terutama selepas hujan di Kuala Lumpur. Saya pun tidak tahu mengapa selepas hujan, kesesakan bertambah dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa kajian-kajian laluan untuk sistem pengangkutan ini kita mesti buat satu *revamp*, dengan izin, demi untuk mengurangkan kesesakan di jalan raya di Kuala Lumpur. Sebagai contoh, lihat dengan apa yang berlaku sekarang ini laluan kajian LRT dan *monorail* sekarang ini dan laluan yang kita ada sekarang ini ialah mengenai di sebelah Barat kalau kita ada sampai ke Kelana Jaya melalui tempat-tempat tertentu, tetapi kawasan yang kepadatan penduduknya ramai seperti SS2, Damansara dan Taman Tun tidak ada kemudahan komuter. Saya pun tidak tahu apakah tujuan dan juga matlamat semasa kita membina LRT itu.

Di sebelah Timor pula di kawasan Pandan, Ampang dan seterusnya, ini juga ada memberi masalah yang tertentu. Ini bermakna laluan komuter ini memang tidak menuju ataupun memenuhi matlamatnya untuk mengurangkan ataupun memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk menggunakan komuter ini ataupun pengangkutan awam ini untuk mengurangkan kesesakan di bandar raya Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan berdekatan. Saya berharap dengan ada peruntukan untuk kajian dan peningkatan infrastruktur sedia ada ataupun laluan komuter ini, saya berharap kementerian membuat satu kajian yang betul-betul untuk mengurangkan laluan ataupun kesesakan di Kuala Lumpur ini.

Kawasan-kawasan pembangunan yang pesat sekarang ini seperti di kawasan saya Puchong, kawasan yang dekat dengan USJ, Subang Jaya dan ini adalah satu kawasan yang pertumbuhan yang baru untuk masa hadapan dan saya berharap satu kajian yang mendalam dibuat dan saya haraplah dalam masa yang terdekat ini memberikan satu kemudahan ataupun satu pembinaan LRT dan seterusnya ke kawasan-kawasan tertentu yang saya nyatakan di sini. Sebagai contoh, saya mencadangkan kepada kementerian melihat *feasibility study* yang saya harap dilakukan di mana satu perhubungan LRT dari Bukit Jalil ke kawasan Puchong dan ini dapat mengurangkan banyak kesesakan kalau kemudahan dapat diadakan di Puchong dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya. Ini adalah satu cadangan saya yang ingin kemukakan kepada kementerian dan saya harap ini akan dapat satu jawapan yang lebih positif daripada kementerian.

Yang kedua juga mengenai kajian laluan dengan penggunaan bas, teksi dan sebagainya. Kita mesti kaji dengan lebih mendalam, pakailah apa sistem yang ada. Sebagai contoh, baru-baru saya ada di Los Angeles, saya tengok sistemnya sangat bagus. *Pooling* sistemnya kalau satu *highway*, ia *dedicated* satu jalan atau lane itu khasnya untuk penumpang atau bas yang mempunyai penumpang yang lebih daripada 3 orang. Ini bermakna ini satu untuk *ease off* laluan trafik yang menggunakan lebuh raya ataupun jalan-jalan tertentu di sesuatu kawasan itu supaya lebih ramai itu ada *car pool lane*. Kita mesti kaji sistem di Singapura dan seterusnya mungkin di Melbourne ataupun di Sydney. Saya ingat mesti untuk satu...

Tuan Pengerusi: Ada lagi tajuk lain Yang Berhormat? Ada tajuk lain lagi?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ada, ada tajuk lain, ada satu lagi.

Tuan Pengerusi: Ini pasal lalu lintas sahaja sudah dekat 7 minit.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Itu yang saya harapkan mengenai sistem pengangkutan.

Yang kedua ialah mengenai pengangkutan darat iaitu penguat kuasa undang-undang. Saya difahamkan sekarang di LPKP, kita sekarang ada *hotline*, di belakang kenderaan sebagai *awareness* dan seterusnya, tetapi bilakah JPJ akan ada satu *hotline*? Kerana saya difahamkan kebanyakan penguatkuasaan ataupun skop penguatkuasaan undang-undang di bawah JPJ lebih luas daripada LPKP dan saya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta penjelasan sedikit Tuan Pengerusi, kalau boleh?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh, cepat, cepat!

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tertarik sebab pelekat itu yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Larut dahulu semasa beliau menjadi Pengerusi Lembaga Pelesenan. Sekarang ini pelekat itu Lembaga Pelesenan. Boleh atau tidak kita cadangkan kerajaan supaya dilekat nama tauke bas itu, tauke kenderaan itu supaya apabila kita ada belakang itu kita boleh *call* dia punya *owner*, "*that your bus driver is driving very fast.*"

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya sangat setuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Mengenai dengan *hotline* JPJ dengan LPKP ini, saya difahamkan LPKP ini bersedia untuk bekerjasama dengan JPJ sebagai *distandize* satu *hotline*. Jadi apa-apa berlaku kita boleh *call hotline* ini, kita boleh mengurangkan ataupun menyelesaikan masalah ini. Itu saya harap mendapat satu jawapan daripada kementerian.

Yang *last* sekali Tuan Pengerusi, ia mengenai kempen keselamatan jalan raya. Seperti yang kita sedia maklum, setiap hari di jalan raya kita ini mempunyai banyak kemalangan demi kemalangan, di mana banyak nyawa telah dikorbankan. Saya hendak tahu apakah keberkesanan kempen untuk menyelamatkan jiwa rakyat kita ini. Sebab saya difahamkan bahawa dahulu kalau sesuatu kementerian di bawah satu Menteri yang baru atau Menteri yang lain, mereka ada kempen yang lain ataupun strategi yang lain. Saya

hendak faham apakah kempen seterusnya untuk mengurangkan kemalangan dan juga mengurangkan kehilangan jiwa rakyat kita di masa-masa depan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

5.11 ptg.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh mengenai Pengangkutan Udara Sarawak. Butiran 100600 – Bayaran balik hutang kumpulan Wang Penerbangan Awam (DCA).

Saya mengambil kesempatan ini, Tuan Pengerusi untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kementerian kerana sudah menyelesaikan lapangan terbang baru ataupun sudah menyiapkan lapangan terbang baru Limbang di Bukit Mas, yang kini sudah pun diguna pakai oleh kedua-dua jenis kapal terbang iaitu jenis *Fokker* dan juga *Twin Otter*. Di lain-lain kawasan di Bukit Mas seperti Bario, Ba Kelalan dan Lawas masih menggunakan *Twin Otter* sahaja, sedangkan pengangkutan ini sangat penting dan diperlukan rakyat.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, kapal terbang jenis *Twin Otter* ini kebanyakannya sudah pun lama dan uzur dan kekhawatiran, kita tidak mahu kejadian seperti yang telah berlaku terhadap helikopter-helikopter, saya ingat ada lima kemalangan helikopter. Daripada lima kemalangan ini, tiga berlaku di kawasan Bukit Mas dahulu. Kita tidak mahu kemalangan seperti ini berlaku terhadap apa jua jenis kapal terbang kita. Oleh itu, saya minta supaya perkara ini diambil perhatian iaitu mengenai kapal terbang jenis *Twin Otter* yang diguna pakai di kawasan Bukit Mas, khususnya.

Seterusnya, Butiran 11100 – Pembesaran, Menaiktaraf Lapangan Terbang Bintulu & Padang Terbang Bario/Long Akah - ataupun menaik taraf lapangan terbang yang sedia ada ini.

Saya tidak melihat dalam peruntukan ini iaitu peruntukan untuk satu lagi lapangan terbang yang sudah pun diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, iaitu Lapangan Terbang Pak Dalih, tidak pun tercatat di bawah peruntukan yang disediakan. Tuan Pengerusi, projek ini telah pun diluluskan dan pelaksanaannya sedang pun ditunggu-tunggu ataupun dinantikan oleh rakyat. Saya tidak pasti sama ada projek ini akan terus dilaksanakan kerana saya sendiri ada dimaklumkan mengenai cadangan baru ataupun alternatif kepada projek ini. Saya ingin tahu sama ada projek ini akan diteruskan oleh pihak kementerian.

Perkara yang selanjutnya disebabkan seperti mana yang saya katakan tadi lapangan terbang di Bario, Ba Kelalan dan Lawas ini mengharap sangat dengan kapal terbang *Twin Otter* untuk membawa *passenger*, kargo dan lain-lain. Saya merasakan keperluan untuk memperluaskan ataupun *extension* bagi lapangan terbang tersebut tadi untuk diperluaskan. Ia amat perlu. Oleh itu, saya menyeru di sini agar Lapangan Terbang Bario, Ba Kelalan ini diperluaskan dan Lapangan Terbang di Lawas. Ini kerana Lawas ini sebuah daerah yang mengharapkan penerbangan *Twin Otter* yang tidak mencukupi, saya rasa perlu diadakan satu lapangan terbang yang baru untuk daerah Lawas.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pengangkutan, di daerah Lawas kita memerlukan pejabat JPJ dan perkara ini sebenarnya sudah pun dipersetujui tetapi sehingga kini pejabat ini belum diadakan. Jadi, bilakah pejabat baru ini akan diadakan di daerah Lawas. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Putatan. Dalam dua tiga minit, ya.

5.16 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya rasa di sini gelap sedikit, tidak nampak. Minta dibuat – supaya kami nampak berdiri, Tuan Pengerusi. Terima kasih juga..

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Menteri – Yang Berhormat bagi Seputeh diam-diam dahulu. *[Ketawa]*

Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana bersama-sama kita serta pegawai-pegawai Kementerian Pengangkutan. Saya ingin menyentuh soal pembangunan dan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa dan Bangunan, Tuan Pengerusi. Secara kebetulan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu adalah di kawasan saya dan ini apa yang hendak saya cakap pada hari ini di Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi adalah daripada rakyat. Ini saya mencadang untuk mewujudkan butiran yang spesifik bagi cadangan...

Tuan Pengerusi: Tidak apa teruskan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...pembangunan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Ini kerana kontraktor yang telah ataupun yang belum dilantik telah pun memasuki ke kawasan lapangan terbang tersebut dan sudah pun membina *site office* dan sebagainya dan telah pun mengurus, membersihkan kawasan, *site* bangunan sudah dibuat. Cadangan permohonan ini, Tuan Pengerusi, telah pun diumumkan oleh Ketua Menteri Sabah di muka depan media-media, malangnya tidak ada dalam butiran dalam Bajet 2006. Itu saya tidak tahu.

Ini macam juga MAS, tiada sistem, kementerian pun tiada sistem juga. Jadi ini saya cadangkan supaya diadakan, diwujudkan butiran yang spesifik. Tuan Pengerusi, kenapa saya timbulkan soal pembesaran bangunan yang baru ini kerana dua-dua kontraktor yang besar ini adalah bukan berasal dari negeri Sabah, jadi bagaimana pula kontraktor yang anak-anak Sabah ini. Diberi peluang atau tidak? Ini kerana *phase* yang kedua ini, pembesaran bangunan terminal yang kedua, saya difahamkan ini belum juga di *'award'*lah, diberi tetapi kontraktor telah masuk kawasan ini. Saya minta kepastian daripada kementerian...

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, minta gulung.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ada lagi Tuan Pengerusi, ini kepentingan rakyat ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya ingat itu sahaja.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soal dengan pemilikan tanah bagi Butiran 44000 – Bayaran Pemberimilikan Tanah Untuk Tapak Lapangan Terbang.

Soal tanah ini, Tuan Pengerusi, tanah kepunyaan Jabatan Penerbangan dibenarkan setinggan-setinggan untuk mendirikan rumah-rumah, membangunkan infrastruktur di kawasan Lapangan Terbang di Kota Kinabalu dan adalah berjumlah kurang lebih 1000 penduduk di sana, 1000 rumah. Soal sekarang, masalah wakil rakyat di sana sekarang, Tuan Pengerusi, adalah memindah setinggan-setinggan ini ke tempat yang boleh menangani masalah setinggan.

Jadi ini saya mengharapkan jabatan penerbangan ini berhati-hati di masa akan datang supaya tanah-tanah mereka itu tidak dibenarkan didirikan oleh setinggan-setinggan ini, ini menjadi masalah bagi penduduk-penduduk tempatan.

Pada minggu depan kita adakan berdialog dengan penduduk-penduduk di situ untuk meminda supaya memberi peluang untuk pembangunan ataupun pembangunan pembesaran landasan lapangan tersebut. Tuan Pengerusi saya ingin juga menyentuh bagi Butiran 050000 - Pengangkutan Udara. Pada minggu yang lalu Tuan Pengerusi saya telah membuat aduan, semasa penerbangan saya dari Kuala Lumpur ke KK melalui Labuan yang mana pada 13.11.2005 melalui MH2617 pada pukul 5.35 petang saya duduk di tempat 1A, saya tinggal saya punya bahan buku bacaan dan saya telah minta petugas ataupun *stewardess* masa penerbangan saya MH2636 pada 16 November minggu lalu. Saya minta

barang yang *lost item* tetapi dukacitanya setiap pesawat tidak membawa barang kehilangan bahan-bahan bacaan ataupun kaca mata di dalam pesawat semasa penerbangan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini telah berlaku beberapa kali kaca mata saya hilang di Laos, tinggal sana saya buat laporan. Yang Berhormat Seputeh ini penting, amat penting.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Hah pandai! *[Ketawa]* Saya diarah, saya di nasihatkan untuk membuat aduan kepada satu kaunter di lapangan terbang pihak aduan. Jadi ini *make inconvenience for the passengers*. Apa salahnya kalau barang itu dibawa bersama-sama di dalam setiap pesawat. Itu saya punya cadanganlah Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jerai.

5.23 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tidak mahu bercakap panjang, saya cakap pendek sahaja. Pertama Butiran 050000 - Pengangkutan Udara.

Tuan Pengerusi: 5 minit boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya, ya ini cepat ini tak kelam kabut. Lagi satu projek pelabuhan, penswastan dan satu lagi Tuan Pengerusi berkenaan dengan lapangan terbang, pembesaran.

Pertama Tuan Pengerusi, MAS bukan maknanya kita menegur kita tidak setuju ataupun kita merasakan bahawa pengurusan MAS itu lemah tetapi MAS perlu mengambil iktibar, iktibar bahawa berbilion ringgit sudah di *write-off* oleh kerajaan satu ketika dahulu untuk meletakkan MAS balik di landasan yang tidak merugikan supaya senang, mudah untuk mereka, tetapi mungkin disebabkan oleh kegagalan dan saya tidak boleh terima kalau alasan minyak semata-mata. Dahulu Tuan Pengerusi kalau kita baca sejarah ini kita tengok...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta sedikit penjelasan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau alasan bahan minyak ini kita bagi contoh, kita ambil contoh Singapore Airlines (SIA) yang terdekat, dia pun pakai minyak juga. Kalau kita tengok contoh tambang dia bagi, saya bagi contoh Yang Berhormat satu sahaja, kalau tidak betul ini tidak betul, kalau betul, betul.

Kalau pergi ke London – kelas ekonomi, RM1,800 pakej termasuk hotel, SIA, Ringgi Malaysia (RM), saya cakap Ringgit Malaysia ini tidak cakap duit lain. MAS RM2,800 tidak termasuk hotel, minyak serupa, minyak yang sama, cuma beli tempat lain-lainlah. Ini saya tidak mahu membanding dengan *Cathay Pacific* yang Yang Berhormat dok pergi Hong Kong selalu kan atau Kanada, Yang Berhormatlah, saya tidak. *[Ketawa]* Jadi di mana kelemahan dan silapnya? Kalau di Jepun kepala dia yang jaga ini undur dah secara terhormat. Jadi apakah Yang Berhormat setuju sebagai sebuah syarikat gergasi, kerajaan *national carrier* dengan izinnya mereka ini perlu berundur dengan secara terhormat dan kita

minta kerajaan atau pemegang terbesar syarikat ini, waima PNB sekali pun meletakkan orang-orang mereka supaya ada *accountability*, rasa tanggungjawab sebab dia jadi *share holder*. Sedangkan orang yang ada pada hari ini, lembaga pengarah Yang Berhormat bukan merupakan pemegang saham. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Siapa yang bercakap itu? [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...tentang kedudukan ini? Yang Berhormat setuju atau tidak kita desak supaya imej MAS sebagai penerbangan negara akan terus terpancar, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pandangan yang cukup baik tetapi kata saya naik *Cathay Pacific* pergi Hong Kong itu tidak betul itu Tuan Pengerusi, hendak kena betul. [Ketawa] Saya dok main kot Yan-Kuala Lumpur sahaja. Tuan Pengerusi, saya melihat penswastan ini kerana tidak ada kawalan walaupun Kementerian Kewangan ada *golden share* menyebabkan kegagalan.

Kita tengok banyak dan saya sokong ada yang untung tetapi banyak kita tengok Perwaja swasta - *write-off* bilion, bagi dekat orang lingkup, MAS swasta - *write-off*, lingkup. Jadi mana hendak boleh tahan *write-off* berbilion, Tuan Pengerusi, yang ini duit rakyat. Kita meminta supaya orang yang bertanggungjawab itu bertanggungjawab dan saya hendak mencadangkan supaya Ahli-ahli Parlimen ini diletak di tiap-tiap...

Beberapa Ahli: [Bersorak] [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...kecuali parti pembangkang diletak supaya menjadi pengawasan, supaya dia boleh lapor kepada Dewan Rakyat tolong menteri supaya menteri tidak kena di Dewan Rakyat, ini cadangan saya supaya ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita tidak boleh bubuh Yang Berhormat Seputeh pasal cakap banyak, cot... cet..., cot... cet..., cot... cet... ini tidak boleh bubuh Yang Berhormat bagi Seputeh. Jadi kita tengok macam Tan Sri Aziz, dahulu bila MAS di bawah pentadbiran kerajaan tidak rugi.

Saya mencadangkan orang-orang berpengalaman macam Tan Sri Abdul Aziz ini, ini diletak sebagai *Chairman* MAS. Tidak payah kita pi lantik Christ Andrew dengan gaji RM250 ribu. Saya kira dengan hari Tuan Pengerusi RM8,166 satu hari. Ini apa ini? Saya berharap Tuan Pengerusi supaya pekerja-pekerja kalau MAS rugi kira hendak buang pekerja, kesianlah dekat depa. Pekerja dengan pengurusan dia kena baik-baik. Ini saya baca ini orang tua ini 70 lebih tahun, orang berpengalaman berbaik-baik di antara pekerja dengan tauke barulah elok. Ini kadang-kadang asal sahaja (sa-sa) naik jadi CEO lalu pun macam lalu kita pun naik takut sampai begitu, jadi hubungan tidak ada Tuan Pengerusi. Jadi MAS tolong perbetulkan.

Saya minta kerajaan supaya kaji balik penswastan ini, kalau dok swasta lagi, dok swasta lagi lama-lama Tuan Pengerusi bila sudah sakit serah pada kerajaan, kerajaan terpaksa ambil duit rakyat, jadi yang inilah yang saya berasa sedih kerana masih ada rakyat yang perlukan dibela. Begitu juga Tuan Pengerusi dengan kita *West Port*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Haiya, Yang Berhormat Seputeh tolonglah wa botaimel lu kacau suami dengan izin Tuan Pengerusi. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ya teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Haiya, ya Tuan Pengerusi. Bila dia kacau Tuan Pengerusi, ganggu saya punya idea. Tuan Pengerusi, pelabuhan kita tengok macam *West Port* ini swasta juga, bercanggah dengan akta penswastan yang dipersetujui, rosak habis sistem dia kononnya hendak jadi konsep payung. apa payung Tuan Pengerusi, di payung pula dengan orang kerja itu semua.

Syarikat-syarikat yang dahulu dok buat kerja, bumiputera ini dok buat kerja habis lingkup, yang depa tahu *advertise*, nanti keluarlah Pengerusi *West Port* dalam surat khabar mengucapkan itu dan ini. Keuntungan satu hal Tuan Pengerusi, tetapi matlamat yang kita buat penswastan itu untuk mendapat nikmat kepada rakyat pekerja negara ini pun penting Tuan Pengerusi. Apa ertinya kita dok kata orang kita tidak mahu buat kerja, orang Malaysia tidak mahu bekerja, malas bekerja kerana orang Malaysia tidak diberi peluang Tuan Pengerusi, kita dok bawa masuk orang luar, sampai orang luar la-ini sudah keras kepala. Dia kata "tanpa kami masakan Malaysia boleh maju membangun pada hari ini." Kerana kita mengatakan bangsa kita sendiri malas, sedangkan bangsa kita tidak diberi peluang, kerana pengurusan hendak cari jalan mudah, ambil orang luar senang, ambil orang Malaysia susah – sat-ni kendurilah, bini beranaklah, yang itu yang inilah, yang ambil cuti *medical* dan sebagainya, tetapi ini budaya kita.

Jadi saya mengharapkan West Port ini minta kerajaan kaji balik, sila lihat mana ada syarikat-syarikat bumiputera, syarikat Malaysia, bagi peluang. Bekerja. Dulu pun orang Melayu boleh kerja, bumiputera dan orang Malaysia boleh bekerja, sekarang pasal apa tidak boleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lagi satu last, Tuan Pengerusi, gangguan daripada Larut tadi minta sikit dan gangguan Seputeh saya minta sikit. Di Kedah Tuan Pengerusi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan gangguan, membantu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, membantu, membantu. Gangguan masa ini.

Tuan Pengerusi: Jangan ganggu sendiri. Teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Ketawa] Saya kadang-kadang jiwa terganggu melihat begitu banyak duit rakyat..

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...menjadi terbuang begitu sahaja. Kecewa Tuan Pengerusi. [Disampuk] Ini hari Seputeh pakai lipstick, bercakap banyak sikit Tuan Pengerusi.

Projek pelabuhan Tuan Pengerusi, saya hendak IMT-GT. Saya nak mintak supaya Pelabuhan di Pulau Bunting, diadakan satu pelabuhan di Yan nama dia Pelabuhan Pulau Bunting Tuan Pengerusi. Di Yan ada kelebihan Tuan Pengerusi, satu Pulau Telok, satu Pulau Songsong, satu Pulau Bidan dan satu Pulau Bunting.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Di antara empat pulau ni, Pulau Bunting yang saya cadangkan untuk dijadikan pelabuhan, untuk perdagangan di antara Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya Datuk, apa khabar?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagus, Yang Berhormat, sebab itu saya datang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Datuk, Datuk baru masuk ya, saya baru berucap. Terima kasih. Jadi Tuan Pengerusi, saya berharap supaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, tak apalah, saya ucap terima kasih, tapi jangan bagi Seputeh kacau sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, saya bagi Kepong Yang Berhormat.

5.31 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 020000 - Pengangkutan Laut, 050000 - Pengangkutan Udara dan 060000 - Pengangkutan Darat.

Tuan Pengerusi, kita nampak ada Ops Sikap 9, dan kematiannya memang tinggi. Pada empat hari pertamanya dah mati di jalan raya 60 orang dan Tuan Pengerusi, yang penting sekali saya nak mengetahui dari pihak kementerian sebab musabab yang sebenarnya kemalangan itu, saya pun jadi mangsa jugalah satu pengalaman, satu bulan yang lepas yang menyebabkan saya tidak dapat hadir untuk berucap. Ini memang saya sakit hatilah hal ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak ada masa lagi..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat? Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersimpati dan bersetuju dengan Kepong, sebab itulah Ops Sikap - satu-satunya kereta dalam Parlimen, kereta Ahli Parlimen yang ada serombong atas bumbung adalah kereta Yang Berhormat daripada Kepong. *[Ketawa]* Kita kena bagi bahagian kat dialah, jadi dia guna untuk *emergency*, dia guna pembesar suara. Satu-satunya Ahli Parlimen yang letak pembesar suara atas bumbung kereta. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, jangan kacaulah Arau, kalau kacau sangat itu insiden atau kemalangan pun meningkat dan Tuan Pengerusi yang penting sekali saya hendak pihak kementerian mengambil tindakan yang tegas, bukan saja kita ada Ops Sikap 9, atau 10 atau 12, ini masalah daripada ujian kereta, masalah daripada peraturan-peraturan yang tertentu. Misalnya Tuan Pengerusi, di atas jalan raya kita, bas persiaran, lori, van dan sebagainya dia pasang kelajuan 80 km atau 90 km, tapi biasanya kita tengok bukan 80 km atau 90 km, kadang-kadang 120 km, 140 km, itulah masalah di seluruh jalan raya. Kalau itulah biasanya berlaku, apa gunanya dengan had 80, 90 km. Saya pening kepala, tiap-tiap kali saya tengok, 80 atau 90 tapi yang sebenarnya bukan, kelajuannya lebih dari yang dihadkan. Saya pun tak faham, kalau begitu, mengapa bertahun-tahun kita letakkan hadnya 80 atau 90. Saya berharap pihak kementerian dapat menjawab sebab apa kita buat macam itu.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, banyak lagi, lima minit macam mana nak selesai. Masalah pihak MAS, sebab saya pengguna MAS, Ipoh Timor, dan semua orang di sini ada menggunakan MAS, penerbangan *national carrier* kita, itulah masalah, jadi mesti ada sistem dulu. Baru-baru ini MAS nak kurangkan kakitangan kanan, potong gaji 15% hingga 30%.

Saya hendak tahu daripada kementerian bilangan eksekutif kanan di MAS sama ada 10 orang atau 20 orang, kalau kita kurangkan 15% hingga 30%, mungkin tidak akan membawa kekurangan kos untuk operasinya, kerana kos kebanyakannya hampir 50%, lebih tu daripada kos bahan api, *fuel cost* yang tinggi dan daripada Pengerusi, Datuk Dr. Munir Majid dan CEO baru itu Idris Jala dan juga *Executive Director*, Tengku Azmil Zahrudin Raja Abdul Aziz tu, ketiga-tiga orang itu hendaklah mereka mengemukakan satu rancangan yang berkesan, misalnya Tuan Pengerusi, *MAS Passengers use per revenue per kilometer* adalah 18.5 sen, walhal SIA 23.2 sen dan Thai International 27.1 sen dan Cathay Pacific 23.3 sen, ini satu contoh saja, *passengers use per revenue per kilometer*. Ini bermakna MAS rendah.

Yang Berhormat Menteri Parlimen tidak berminat. Ya, hasil itu sangat rendah bagi MAS. Saya hendak tahu daripada kementerian apakah sebabnya itu, sebab itu kita asingkan penerbangan *domestic* dengan *international*. Kita sudah asing dan juga besar kemungkinan operasi di dalam *domestic*nya akan ditambahkan untuk Air Asia, sebab Air

Asia lebih cekap daripada segi ini. Walau bagaimanapun, yang penting sekali, saya tidak mahu menyaksikan seperti dulu lagi, MAS mengalami masalah yang teruk.

Seterusnya Tuan Pengerusi, ini mengenai masalah Pengangkutan Laut kita, terutamanya kita ada enam pelabuhan antarabangsa, Port Klang, Penang Port, Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Kuantan Port, Kemaman dan Bintulu. Tuan Pengerusi, walaupun kita diberi tahu syarikat-syarikat perkapalan seperti Maersk daripada Denmark sudah bertapak di Tanjung Pelepas. Walau bagaimanapun, kita hendak tahulah, setakat mana kita dapat bersaing, sebab saya sering kali mendengar dari segi kecekapan *containerize cargo transportation services* seperti *Container Haulage, freight forwarding, warehousing, bunkering, distribution related services, port and custom clearance, container repair, leasing and maintenance*. Dari segi semua ini, saya diberi tahu kecekapan masih lebih di Singapura, Singapore Port, lebih dan untuk *consignees* dan *client, speedy and efficient, reliable cargo transportation*,

Kalau kita berbanding dengan Singapura, kita masih kurang walaupun ada syarikat besar yang bertapak di Tanjung Pelepas, kerana kos *matter*, kos beroperasi lebih rendah di Tanjung Pelepas. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pihak pengangkutan laut kita sudah berjaya untuk menarik syarikat-syarikat antarabangsa kecuali satu dua di Tanjung Pelepas. Saya berharaplah dengan masa yang tidak mengizinkan pihak kementerian dapat memberitahu kita macam mana kita dapat meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang sudah saya sebutkan tadi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tenom.

5.41 ptg.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 01400 - Projek Pembaikan Keretapi Negeri Sabah. Di negeri Sabah saya rasa dari Tanjung Aru hinggalah ke kawasan Tenom adalah satu-satunya yang mempunyai landasan kereta api dari dahulu hinggalah hari ini. Jadi, apa yang saya nampak berkenaan dengan kereta api ini saya rasa kereta api negeri Sabah kalau kita lihat banyak di antara stesen-stesen kereta api ini dalam keadaan yang uzur, usang dan kemudahan-kemudahan asas di stesen-stesen kereta api ini kebanyakan sudah rosak, terutama tandas. Kita lihat keperluan kemudahan awam ini apabila kita didatangi oleh para pelancong yang mungkin daripada luar negeri yang menggunakan, mereka rasa kemudahan ini tidak elok dan mereka berpendapat ini adalah tidak baik untuk kita semua.

Begitu juga dengan lokomotif, enjin kereta api itu. Saya lihat terdapat beberapa masalah dalam mengangkut penumpang ataupun barang-barang daripada Tanjung Aru ke Tenom ataupun Tenom ke Tanjung Aru terdapat beberapa kerosakan di sini. Begitu juga di kawasan saya, terdapat juga beberapa kampung yang menggunakan perkhidmatan kereta api sebagai pengangkutan utama mereka. Jadi di sini saya ingin memohon kepada pihak kementerian, supaya dapat memberitahu apakah kerja-kerja yang telah dilaksanakan dengan projek pembaikan dan saya telah difahamkan, pada tahun-tahun yang sudah kerajaan negeri Sabah juga mendapat peruntukan yang lebih besar untuk membantu meningkatkan ataupun menaik tarafkan kereta api negeri Sabah.

Jadi saya harap pihak kementerian dapat memberi jawapan yang baik dan begitu juga kerana di Tenom selain daripada perhubungan jalan raya, kereta api adalah satu-satu daya tarikan sebenarnya kepada para pelancong untuk datang ke daerah Tenom. Sebab di Tenom kita juga mempunyai pusat-pusat pelancongan yang baik dan pelancong-pelancong kebanyakan mereka juga menggunakan perkhidmatan kereta api ini sebagai salah satu pengangkutan mereka. Begitu juga dengan keadaan gerabaklah. Saya juga telah difahamkan dan saya juga apabila saya melakukan lawatan ke kampung-kampung yang menggunakan perkhidmatan kereta api ini seperti di Bangi, Rayu, Alor Gilat ada di antara gerabak-gerabak ini juga mempunyai keadaan gerabak yang sedang usang.

Jadi saya lihat di sini pihak kementerian perlulah mengambil langkah-langkah dalam kerja-kerja pembaikan ini supaya kita nampak imej kereta api negeri Sabah ini bukan sahaja kalau boleh adalah peningkatan dari semasa ke semasa. Jadi hanya itu sahaja yang dapat saya sampaikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

5.45 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Tuan Pengerusi Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Saya turut diberi peluang untuk membincang B.28 ini Butiran 050000 – Pengangkutan Udara. Sedikit saya hendak tarik perhatian oleh kerana banyak disebut peringkat internasional. Saya hendak tarik Lapangan Terbang Domestik iaitu Lapangan Terbang Sultan Yahya Petra Kota Baharu. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah bercadang dan bila untuk pembesaran lapangan terbang ataupun landasan untuk dinaikkan taraf antarabangsa. Kenapa saya mengatakan demikian kerana penduduk Kelantan hari ini 1.2 juta. Pergi Haji pun tidak kurang 5,000 setahun. Umrah memang banyak sekali. Maka saya rasa sepatutnya lagi kita terbang ke Kuala Lumpur menunggu untuk berangkat ke Tanah Suci ke Juddah. Maka saya rasa kalau boleh dipertimbangkan sama ada Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun bila-bila masa sahaja untuk meningkatkan imej walaupun Kelantan ini diperintah oleh pembangkang, bagi saya Kerajaan Barisan Nasional memandang serius dalam soal projek-projek ini.

Yang keduanya ialah soal pengangkutan darat. Saya melihat bahawa bas-bas yang membawa penumpang setiap hari, setiap malam, paling banyak ialah Pantai Timur di Kelantan. Keselamatan bas-bas ini juga perlu dilihat kerana kita tengok pemandu-pemandu cukup ghairah mengejar atau lari tanpa mengikut peraturan jalan raya yang sebenarnya. Saya pernah membawa kereta sendiri, memandu sendiri semasa balik ke Kelantan. Sekali-sekali kita hampir jatuh dalam parit, terjun dalam gaung kerana terlampau laju. Jadi inilah, saya minta supaya kita melihat balik kebenaran yang kita hendak letakkan di atas bas itu ialah untuk merekodkan bas-bas ini supaya dapat dikesan dengan sewajarnya. Jangan sahaja kita cuba untuk melengah-lengahkan perkara ini. Saya rasa itulah sahaja yang Tuan Pengerusi, saya tidak hendak bercadang banyak saya hendakkan sekali lagi supaya dapat memberi pertimbangan sewajarnya kepada kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kudat.

5.47 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk menyertai di dalam perbincangan peringkat jawatankuasa. Butiran yang saya ingin bahaskan ialah berkaitan dengan Butiran 050000 – Pengangkutan Udara, iaitu spesifik kepada pembinaan permohonan untuk meminta supaya kajian di buat untuk membesarkan Lapangan Terbang Kudat. Seperti mana yang kita tahu bahawa Kudat ialah sebuah bandar iaitu *the first state capital Of Sabah* dan ini adalah rekod bahawa Kudat telah pun memiliki lapangan terbang semenjak pada zaman British lagi. Semenjak zaman British telah wujud lapangan terbang di Kudat dan menjadi satu nadi kepada pengangkutan udara dan juga ekonomi bagi kawasan Kudat dan juga negeri Sabah secara keseluruhannya.

Apa yang menyedihkan di sini sehingga hari ini Kudat sebenarnya adalah merupakan antara bandar utama di negeri Sabah selain daripada Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan, tetapi sehingga hari ini Kudat tidak memiliki lapangan terbang yang setanding dengan bandar-bandar yang lain kerana lapangan terbang Kudat masih lagi hanya boleh digunakan untuk menggunakan pesawat Twin Halter sedangkan sekiranya ada usaha-usaha yang dibuat untuk membangunkan lapangan terbang ini, saya percaya ia akan memberikan sesuatu kebaikan khususnya kepada kawasan Kudat kerana kita melihat dari segi potensi ekonominya disebabkan baru-baru ini saya telah ditemui oleh usahawan-usahawan daripada kawasan dan ahli-ahli perniagaan yang sedang mengusahakan untuk mendapatkan *connectivity flights* daripada Palawan.

Palawan ialah sebuah bandar di Selatan Filipina yang terkenal dengan pelancongan dan dikunjungi oleh ramai pelancong daripada luar negara dan mereka mempunyai suatu hasrat untuk membawa pelancong-pelancong daripada Palawan ini terus sehingga ke Kudat, dan ini adalah merupakan suatu usaha yang akan membawa kepada kemajuan di dalam BIMP-EAGA ataupun Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina - kerjasama BIMP-EAGA. AGA.

Saya mengharapkan supaya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kerajaan mempertimbangkan untuk membesarkan lapangan terbang ini kerana untuk perjalanan jalan darat daripada Kota Kinabalu ke Kudat, ianya memerlukan sekurang-kurangnya perjalanan dua setengah jam. Penduduk Kudat sendiri telah pun melebihi 100 ribu dan kalau kita lihat penduduk Labuan hanya 60 ribu, *the population of Kudat is much larger than Labuan*. Saya percaya dengan kemajuan sektor pelancongan di Kudat dengan penemuan beberapa destinasi-destinasi baru dan juga kemudahan-kemudahan yang telah disediakan, infrastruktur seperti hotel-hotel dan juga *golf course*, demikian juga wujudnya beberapa infrastruktur-infrastruktur pelancongan seperti penemuan *Northern tip of Borneo* yang sudah menjadi satu kegemaran bagi pelancong-pelancong luar negara untuk mengunjungi tempat ini.

Tetapi yang menjadi halangan kepada mereka untuk datang ke kawasan yang begitu berpotensi, yang begitu *similar to the Cape of good hope* yang berada di Afrika ialah disebabkan masalah pengangkutan, kerana untuk ke sana, ke Kudat mereka memerlukan sekurang-kurangnya dua jam setengah dan ini adalah merupakan satu perjalanan yang melelahkan. Dan sekiranya lapangan terbang dapat dibina sekurang-kurangnya untuk membolehkan pendaratan Fokker F50 ke Kudat sudah tentu akan memberikan suatu kemajuan besar bukan sahaja untuk kepentingan pelancongan di Kudat, tetapi juga pelancongan di kedua-dua negara iaitu Filipina dan Sabah.

Kedua, saya ingin menambah tadi tentang projek pembaikan kereta api negeri Sabah. Seperti mana yang telah disebutkan di sini bahawa ia telah diperuntukkan sebanyak RM160 juta, tetapi sebenarnya perbelanjaan yang dibelanjakan hanya lebih kurang RM13 juta. Sedangkan saya dapat melihat potensi yang besar di dalam usaha untuk memajukan kereta api negeri Sabah ini, kerana kereta api negeri Sabah ini sekurang-kurangnya adalah merupakan satu permulaan awal yang boleh kita menghubungkan keseluruhan Borneo khususnya ke Indonesia juga Sarawak dan dalam usaha untuk menjalinkan perhubungan keseluruhan Pulau Borneo ini, yang kita tahu bahawa untuk menjadikan Sabah sebagai sebuah negeri yang *viable* dari segi ekonomi, kita memerlukan pasaran. Seperti mana yang kita tahu bahawa penduduk Sabah hanya 2.7 juta dan penduduk Sarawak lebih kurang dalam 2.5 juta dan ini adalah satu pasaran yang jika dibuka ianya akan memberikan faedah kepada kedua belah pihak. Demikian juga di Kalimantan Selatan ataupun di daerah Kalimantan yang mempunyai penduduk dijangka lebih kurang 20 juta.

Kawasan ini juga adalah merupakan kawasan yang berpotensi kerana kawasan ini adalah merupakan kawasan yang kaya dengan mineral dan juga dari segi pembalakan, perladangan yang sudah menjadi satu ekonomi yang begitu kukuh di kawasan Kalimantan. Sekiranya terdapat satu permulaan yang baru dalam usaha untuk menggabungkan rangkaian projek kereta api bagi Pan Borneo ini, saya percaya ianya akan memberikan manfaat yang besar kepada negeri Sabah dan juga keseluruhan masyarakat di kepulauan itu. Seperti mana yang kita tahu bahawa globalisasi adalah merupakan satu perkara yang sudah tidak dapat dielakkan kerana dunia sudah tidak mempunyai sempadan. Dan saya percaya dengan adanya jalinan ini ianya akan memberikan faedah ekonomi yang besar, dan faedah kepada negeri Sabah dan akan membuka pasaran yang lebih besar dan juga peluang-peluang ekonomi dan perniagaan yang lebih baik kepada negeri Sabah. Sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Ledang.

5.54 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 80000. Bagaimana Tuan Pengerusi jalan raya hendak selamat, pemanduan hendak berhemah dan sebagainya sekiranya daripada kecil lagi Tuan Pengerusi, daripada kanak-kanak lagi kita telah menggalakkan, ibu bapa, guru-guru sekolah telah pun menggalakkan memandu motosikal tanpa lesen, minta maaf.

Memandu motosikal tanpa lesen sama ada ibu bapa termasuklah murid-murid sekolah, jadi Tuan Pengerusi saya ingin cadangkan supaya Kementerian Pengangkutan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pelajaran supaya menguatkuasakan lebih tegas ataupun kalau perlu lebih garang terhadap pelajar-pelajar, murid-murid yang memandu motosikal tanpa lesen, tanpa insurans, tanpa motosikal yang sempurna. Saya perhatikan

Tuan Pengerusi, murid-murid di sekolah rendah pun naik motosikal di kampung-kampung tanpa lesen, tanpa motor yang sempurna apatah lagi di sekolah menengah di bandar-bandar. Kalau tidak percaya polis bolehlah buat *spot check* di mana-mana sahaja, inilah yang berlaku. Maknanya Tuan Pengerusi daripada kecil lagi daripada peringkat kanak-kanak lagi mereka telah kita galakan menggunakan motosikal tanpa lesen.

Maknanya bagaimana kita hendak mengharap, hendak menjangka mereka menghormati undang-undang jalan raya? Bagaimana mereka hendak mengubah sikap pemanduan secara berhemah kerana daripada kecil lagi kita telah pun galakan mereka menunggang motosikal tanpa lesen, satu.

Tuan Pengerusi saya terdorong kepada butiran yang berkaitan dengan MAS ini. Saya menyambut Yang Berhormat Tanah Merah, saya menyambut Yang Berhormat Arau, saya menyambut Yang Berhormat Jerai. Pada saya Tuan Pengerusi, saya tidak menentang tentang penswastan, tentang menimba kepakaran, *employed* dan sebagainya tetapi biarlah berpada-pada maknanya bayaran biarlah sewajarnya ataupun biar rasional dengan perkhidmatan yang diberikan.

Saya perhatikan di dalam perkhidmatan MAS sekarang ini banyak kepakaran ataupun perkhidmatan yang dibeli, yang disewa menggunakan bayaran ataupun mengenakan bayaran yang mahal. Seorang *manager* dibayar sampai RM60 ribu, RM250 ribu saya rasa itu satu pembaziran, jadi Tuan Pengerusi kalau perkara ini boleh dilihat semula saya percaya saudara Mr. Jala ini dia orang Sarawak walaupun dia pakar dalam minyak, beliau boleh membantu MAS untuk menyelesaikan segala masalah dan akhirnya Tuan Pengerusi saya difahamkan akan tertubuhnya Suruhanjaya Pelabuhan di dalam Malaysia. Perkara ini kepada saya Tuan Pengerusi perlu melibatkan semua kerajaan negeri. Kerajaan-kerajaan negeri yang sekarang memiliki banyak daripada pelabuhan-pelabuhan seperti Johor perlunya diberikan pandangan, perhatian dan sebagainya.

Sebagai contoh Tuan Pengerusi baru-baru ini pernah berlaku pelantikan Pengerusi Pelabuhan Johor, dilantik tanpa merujuk kepada kerajaan negeri. Saya fikir ini adalah sesuatu yang telah pun melampau, melampaui daripada yang sepatutnya, belum lagi penubuhan suruhanjaya pelabuhan, kalaulah penubuhan suruhanjaya pelabuhan ini dilakukan tanpa merujuk kepada kerajaan negeri, saya fikir ini adalah sesuatu yang mendukacitakan dan akhirnya kerajaan negeri hilang segala-galanya. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

5.57 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya ingin hendak menyentuh Butiran 20000 mengenai hal ehwal insurans. Di mana kerap kali kita dengar dan di mana bas dan motor teksi tidak diliputi oleh insurans kerana kegagalan atau keengganan pihak syarikat insurans memberi insurans untuk meliputi kenderaan-kenderaan ini kerana risikonya sangat tinggi.

Apakah yang disyorkan oleh kerajaan walaupun beberapa kali kerajaan telah mengatakan, bahawa mereka mungkin mengambil alih pengeluaran insurans supaya semua pihak yang patut diberi insurans itu mesti diliputi oleh sijil insurans supaya kenderaan-kenderaan lori, bas dan motor teksi yang sedia ada di atas jalan raya semua diliputi oleh insurans. Jikalau tidak kenderaan-kenderaan ini mungkin tidak dapat berjalan di atas jalan raya atau jika dibenarkan berfungsi tidak ada liputan insurans dan ini akan mengakibatkan kerugian yang terlampau kepada pihak-pihak yang dilanggar dan tidak dibayar apa-apa pampasan. Dalam hal ini juga saya ingin tahu dalam akta pengangkutan jalan, apakah *passenger liability*?

Adakah ia akan diubah seperti yang telah dibuat di Singapura, di mana setiap kenderaan tidak kira dia motosikal atau bas atau motor kereta semua perlu diwajibkan mengadakan *passenger liability* insurans *coverage* sebelum *road tax* dikeluarkan. Apakah kerana kerajaan yang tidak memastikan perkara ini dan ramai di antara *innocent victim* yang menjadi *passenger* dalam kenderaan, kereta atau motosikal yang terlanggar menjadi sia-sia tidak dapat apa-apa pampasan seumur hidup. Juga dalam hal ini kerap kali kita

dengar insurans terbang, di mana insurans yang dikatakan dikeluarkan oleh syarikat insurans tetapi diiktiraf oleh JPJ.

Dan selepas itu, bila kes masuk di mahkamah dikatakan syarikat insurans tidak pernah mengeluarkan insurans tersebut. Insurans terbang. Macam mana kita akan kawal selia mengenai perkara ini? Adakah apa-apa pihak dalam JPJ dengan pihak-pihak ketiga yang terlibat dalam hal ini? Mengenai JPJ dikatakan satu badan yang terkorup sekali dalam negara ini. *[Menyampuk]*

Kerap kali kita dengar mereka mengendalikan perkara yang tidak diingini oleh masyarakat. Di antaranya, saya sendiri bila ingin mendaftarkan satu kenderaan di Ipoh, bila saya sendiri pergi ke JPJ, bukan sahaja anda perlu tunggu lebih dari enam jam. Selepas itu, pengarah di sana dikatakan telah pergi ke Cameron Highlands dan timbalan pengarah pun telah pergi ke Cameron Highlands untuk menyiasat sesuatu. Tetapi bila saya menghubungi kawan saya di Cameron Highlands, saya syaki dia bermain golf di Cameron Highlands. Dan betul juga, di Kelab Golf, dia berdaftar dan bermain golf di sana. Saya hantar SMS kepada dia, dia tak jawab. Tak kisah. Tidak mementingkan tanggungjawab beliau walaupun kata dia pergi ke Cameron Highlands.

Tuan Pengerusi, apakah situasi PIAM sekarang? Apakah kawalselia yang dibuat oleh kerajaan? Kerap kali sebelum, tiba-tiba bila satu-satu *accident* berlaku, kita ada *toll truck* di sana. Macam mana dia lebih awal dari pihak Polis? *[Ketawa]* Macam mana dia tahu, lebih arif? Saya pun hairan. Kita ada, kita agihkan berbilion-bilion ringgit untuk Polis Diraja Malaysia, tetapi mereka tidak sampai ke tempat kemalangan. Ini *second hand*, *third hand* punya, *worksyop* punya motor lori boleh sampai di sana.

Boleh beri arahan kepada pihak-pihak yang kena, macam mana nak melaporkan kepada pihak-pihak berkenaan. Macam mana mahu elak? Macam mana mahu dapat insuran? Apakah ini terjadi-jadi? Seheinggakan ada orang yang mengatakan bahawa kereta mereka di tempat kemalangan ditarik ke *worksyop* yang tidak dibenarkan langsung. Apakah yang dibuat oleh kerajaan?

Dan juga, kerap kali kita dengar, dan ini betul bahawa syarikat-syarikat *worksyop* yang mengendalikan semua kenderaan-kenderaan yang kemalangan, mereka suka ria buat apa sahaja, dan mendapat *indemnity* dari pihak insurans. Dan kereta-kereta yang tidak patut berada di atas jalan raya, dibenarkan berada di atas jalan raya. Sebagai akhir, Tuan Pengerusi, mengenai kereta api dari Ipoh ke Rawang, *double tracking*, apakah terjadi perkara itu? Saya membangkitkan perkara ini, bukan baru. Pada tahun 1997, kerajaan memberi *guarantee* bahawa dalam tiga tahun, dua tahun, lima tahun akan siap.

Bilakah ia akan siap dan apakah masalah mengenai perkara ini? Dan juga kebakaran rumah-rumah pekerja-pekerja, baru-baru ini di Ipoh. Lebih kurang 4 bulan dahulu, apa terjadi kepada itu, adakah pampasan telah diberi? Adakah apa-apa lain yang rumah-rumah baru diberi kepada mereka? Juga, Tuan Pengerusi, mengenai MAS. *Beatrice Fernandez*, di mana beliau mengambil tindakan *on matter of principal*. Satu perkara yang bagus, yang berani yang dibuat oleh satu *air stewards*. Dan apa yang beliau, beliau walaupun kalah dalam kes tersebut, walaupun telah kalah, tetapi semua yang diingini telah diambil, *has been*, dengan izin, *has been taken into infact by* MAS.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apakah kita perlu paksa beliau membayar kos lagi? Saya rasa ini satu perkara yang kecil di mana dia boleh dibenarkan lepas, tak perlu dibayar apa-apa kos kepadanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebagai akhir, Tuan Pengerusi. Mengenai mati katak! *[Ketawa]* Di negara ini, kalau seorang itu lebih dari 55 umur, mati di atas jalan raya, pampasan dia RM10 ribu sahaja. Tetapi kementerian ini memberi jawapan mengatakan, bila seseorang mati atas sebab kemalangan, nilainya adalah sekurang-kurangnya RM400 ribu. *Where is the consistency?* Dengan *Civil Law Act*, dengan Akta Perjalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apakah ini satu sistem yang selaras, yang sesama, yang guna pakai supaya jangan membenarkan rakyat Malaysia yang lebih dari 55 umur, yang dapat kemalangan mati dan hanya dibayar RM10 ribu. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh kementerian tersebut? Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya nak bagi sebanyak mungkin yang bercakap. [Ketawa] Yang Berhormat kena ikut peraturan. Tidak lebih dari lima minit. [Menyampuk]. Yang Berhormat bagi Langkawi, sila.

6.05 ptg.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya terus kepada Butiran iaitu 020100, 020300, 020400. Berkaitan feri Langkawi. Tuan Pengerusi, nampaknya feri Langkawi, adalah baik tetapi ada setengahnya tak begitu menyenangkan. Ini kerana baru-baru ini saya dapat kompelin menyatakan jalan senget. [Ketawa] Apa ni? Dia pergi ke laut, lalu antara Kuala Kedah dan Port Langkawi, ia jalan senget dan juga tak selesa. ataupun tak mementingkan persepsi keselamatan.

Jadi, saya hendakkan kalau boleh pihak kementerian tentukan semua feri di Langkawi berjalan atau dikawal rapi oleh pihak kementerian dan juga pihak Jabatan Laut. Ini kerana 1.5 juta orang melancong ke Langkawi, tiap-tiap tahun, kalaulah terjadi sesuatu yang tidak diingini, masa itulah rosak habis perkara yang dilabur oleh kerajaan. Keduanya, berkenaan dengan harga. Walaupun harga naik RM18, *one way* ke Kuala Kedah dan juga ke Perlis, Kuala Perlis RM15, *one way*, tetapi *servicesnya* tak begitu, orang kata, tidak membanggakan.

Saya sendiri selalu tegur iaitu kerusi-kerusinya rosak, kerusinya koyak. Dan juga ada satu, dua feri yang hanya *skeleton*. Hanya kerusi-kerusi sahaja yang ada tetapi sitnya tak ada. Inilah kalau boleh pihak kementerian perlu perhatikan perkara ini. Yang ketiganya, berkenaan dengan laluan. Laluan ini lebih kurang, kita ada lebih kurang 5, 6 buah *company* yang *operate* sekarang ini. Begitu juga, yang lainnya. Saya baru-baru ini terdengar satu syarikat yang tidak mempunyai bot atau feri, boleh dengan begitu cepatnya dan mudah mendapat lesen untuk mencari *passengers*. Lepas dapat itu, barulah dia cari feri.

Padahal, soalan yang telah ditimbulkan oleh pengusaha-pengusaha feri ialah mereka sudah lama beroperasi dan mereka minta laluan, tambah laluan, tiada diberi. Itulah yang merupakan, saya ingat kalau dapat diberi perhatian kepada kementerian. Saya sekali lagi menyerulah, datanglah ke Langkawi, pegawai-pegawai dari Jabatan Laut. Datanglah dari Kuala Lumpur kerana dari Kuala Lumpur senang sikit. Kerana depa itu lain sikit. Kerana kalaulah dari Kuala Kedah, Kuala Perlis atau Langkawi, tentulah mereka ada kawan, rakan. Jadi, itulah saya nak katakan.

Pada saya keselamatan feri perlu diutamakan. Janganlah rakan-rakan diabaikan perkara ini kerana, minta maaf Sarawak. Jadi, feri yang digunakan sekarang ini adalah datang dari Sarawak. Sarawak dari Kuching ke, tak taulah yang digunakan untuk sungai. Tapi yang hak Langkawi ini diguna untuk laut. Mungkin berbeza sikit. Dan, sebab itulah kita kata, saya ingat bot ini disebabkan, yang lalu dekat laut, lebih orang katakan, yang menghendaki bot yang lebih tahan sikitlah. Tahan sikit, dan berbanding laluan daripada feri yang lalu dekat sungai-sungai di Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Rembau.

6.09 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 100400 - Kereta Api Tanah Melayu dan juga butiran yang lain di bawahnya. Saya lihat peruntukan yang diberi *One-off* kepada Kereta Api Tanah Melayu ini sangat besar, iaitu RM190 juta. Jadi, saya mencadangkan kalau boleh kementerian terus mempopularkan pengangkutan kereta api ini sebagai alternatif kenderaan awam, yang ekonomik selain daripada pengangkutan melalui bas dan teksi untuk rakyat berpendapatan rendah.

Saya cadangkan supaya sebahagian daripada peruntukan ini digunakan bukan sahaja untuk membeli koc-koc yang lebih baik tetapi juga untuk membaik pulih dan menaik taraf stesen yang ada termasuklah di Rembau. Baru-baru ini saya difahamkan pihak KTM telah menyambung semula perkhidmatan mengambil dan menurunkan penumpang di Rembau dan saya harap ini dapat diteruskan kerana ramai sebenarnya penduduk di Rembau, di Tampin dan juga di Gemas yang tinggal di sana tapi bekerja di Kuala Lumpur dan sebagainya. Ini sebagai salah satu cara untuk menggalakkan rakyat kita menjadikan Negeri Sembilan sebagai *second home* tetapi bekerja di Kuala Lumpur memandangkan kos hidup dan juga kos perumahan sangat tinggi.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya perkhidmatan komuter daripada Seremban ke Kuala Lumpur juga diadakan lebih kerap khususnya yang melibatkan perjalanan terus memandangkan ramai kakitangan kerajaan dan juga sektor swasta yang tinggal di Seremban tetapi bekerja di Kuala Lumpur. Sebab memandangkan sekarang ini jalan raya kita agak sesak jadi pengangkutan kereta api lah yang merupakan alternatif yang terbaik.

Selain daripada itu, dengan terus mempopularkan pengangkutan kereta api ini juga akan dapat menarik lebih ramai lagi pelancong untuk pelancongan dalam negeri.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan memikirkan semula...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Hulu Langat bangun.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Sila.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya hendak kembali sedikit berkenaan dengan perkhidmatan komuter yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau tadi iaitu satu sistem perkhidmatan awam yang menggalakkan kita menggunakan sistem ini dan meninggalkan kenderaan persendirian di pusat-pusat atau stesen komuter.

Tetapi malangnya di stesen-stesen komuter daripada Seremban, Batang Benar, Bangi, Kajang, Serdang dan sebagainya stesen-stesen komuter ini di samping menyediakan *feeder* bas untuk mengangkut penumpang-penumpang dari taman perumahan dan sebagainya tidak menyediakan tempat-tempat letak kereta yang sepatutnya disediakan lebih banyak bagi menyediakan kemudahan kepada pemandu-pemandu kereta tuan-tuan punya kereta meninggalkan keretanya di stesen komuter dan kemudiannya menaiki komuter untuk pergi ke Kuala Lumpur. Tidak ada pun kerjasama dengan pihak polis misalnya kerana kalau kita tinggalkan kereta di tepi-tepi jalan, pihak polis akan saman pula kereta-kereta yang diletakkan di tepi jalan itu.

Ini menunjukkan bahawa Kementerian Pengangkutan atau kereta api sendiri langsung tidak menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam ini bagi membantu mengurangkan kenderaan-kenderaan awam daripada memasuki Kuala Lumpur. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Saya setuju dan mungkin sebahagian daripada peruntukan RM190 juta tadi yang merupakan *one off* boleh digunakan untuk tujuan itu. Selain daripada itu saya berharap pihak Kementerian melalui KTM akan dapat berunding dengan pihak berkuasa tempatan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan lebih banyak.

Seperti yang kita sedia maklum pengangkutan melalui jalan raya sekarang ini boleh dikatakan 10 hingga 15 orang mati tiap-tiap hari di jalan raya sedangkan kalau dibandingkan secara nisbahnya mereka yang terlibat kemalangan kereta api saya ingat sangat minimum. Sebab itulah saya sarankan seperti yang dibuat oleh separuh negara seperti di Korea, pengangkutan kereta api ini sangat popular. Tetapi dalam masa yang sama perkhidmatan-perkhidmatan sampingan seperti yang disebut oleh Hulu Langat tadi seperti *feeder* bas mestilah diadakan dan usaha-usaha untuk mempromosi juga harus dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh tentang kempen keselamatan jalan raya iaitu perkara 100300. Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kempen ini diteruskan walaupun pada tahun ini nampaknya kempen tidak begitu berjaya, ramai yang mati di jalan raya melalui Ops Sikap baru-baru ini.

Tetapi kerajaan tidak harus putus asa dan selain daripada mengetatkan syarat-syarat untuk mendapatkan lesen dari segi had umur juga perlu ditingkatkan dan dalam masa yang sama juga kerajaan perlu menimbang untuk menjadikan mata pelajaran keselamatan jalan raya ini sebagai mata pelajaran di peringkat sekolah khususnya di peringkat menengah dan mungkin di peringkat sekolah rendah boleh dijadikan sebagai satu mata pelajaran sivik dan sebagainya supaya dengan itu kesedaran tentang kepentingan keselamatan jalan raya dapat diterapkan di kalangan anak-anak kita di peringkat yang lebih awal lagi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pensiangan.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada giliran Yang Berhormat.

6.15 ptg.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jangan bimbang susah *only about five minutes, to finish it*. Saya ingin mengambil perhatian iaitu Butiran 088000 mengenai Pembangunan dan Pembinaan Pelabuhan. Sebenarnya pembinaan pelabuhan ini yang amat penting sekali bila kita lihat dari segi perhubungan dan juga dari segi perjalanan dan pengangkutan.

Saya mencadangkan kepada kementerian agar satu pelabuhan dapat dibina di Teluk Kimanis yang mana kita difahamkan oleh kerajaan negeri bahawa kawasan ini amat penting sebab projek Petronas akan didirikan di sana dan juga projek-projek mengenai dengan *oil refinery* akan juga dibangunkan di dalam kawasan tersebut. Saya percaya pelabuhan Teluk Kimanis ini amat penting bagi pertumbuhan ekonomi yang pesat sekali di bahagian Kimanis dan juga di bahagian Beaufort dan termasuk juga di bahagian pedalaman bila jalan raya ini akan siap nanti daripada Keningau ke Kimanis.

Saya juga ingin mengambil perhatian mengenai dengan pengangkutan udara seperti mana yang telah disentuh oleh saudara saya iaitu Yang Berhormat bagi Kudat bahawa pengangkutan udara ini amat penting sekali dan di KeningauKita juga mempunyai satu lapangan terbang yang telah dibina semasa British memerintah.

Tetapi saya ingin membawa perhatian kepada kementerian bahawa lapangan terbang yang ada di Keningau itu adalah terlalu kecil sekali dan tidak mempunyai keluasan ataupun tidak dapat lagi dibangunkan disebabkan tempat tersebut terlalu terhad. Saya cadangkan kawasan lapangan terbang yang baru ini dapat dibina di kawasan Sook di mana ini pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kawasan ini mnejadi hub pertanian dan penternakan dan produk pertanian lain.

Selain daripada itu, pelancongan flora dan fauna juga dan kebudayaan yang sangat kaya dan yang terpenting sekali ialah mengenai dengan pertahanan dan keselamatan. Kalau kita lihat semua di kawasan Sabah ini semua lapangan terbang-lapangan terbang ini adalah di persisiran pantai tapi saya rasa belum ada lagi satu yang terdapat di kawasan pedalaman. Yang itu saya rasa adalah dari aspek pertahanan dan keselamatan negara kita yang perlu dipertimbangkan. Baru-baru ini, selepas saya membuat satu kenyataan di akhbar, syarikat Air Asia telah memberi satu tinjauan dan menelefon saya bilakah lapangan terbang ini akan dapat dibangunkan.

Perkara yang ketiga mengenai dengan kereta api. Walaupun telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Tenom dan Yang Berhormat bagi Kudat, saya ingin juga mengambil perhatian kementerian supaya membuat satu perancangan iaitu perancangan yang lebih jitu dan yang lebih memandang jauh ke hadapan iaitu landasan kereta api dibina daripada Tenom sehinggalah ke Nabawan – Sook dan terus ke Kalabakan Tawau. Ini juga akan memberi satu kesan yang baik kepada masyarakat-masyarakat yang tinggal di pedalaman

kerana mendapat prasarana yang amat baik ini akan memanfaatkan kepada rakyat di luar bandar khusus pendalaman. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Parit.

6.19 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 060000 Pengangkutan Darat dan juga 080000 Keselamatan Jalan Raya.

Ramai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah menyebut berkenaan dengan keselamatan jalan raya yang seolah-olah tidak selamat lagi. Tuan Pengerusi, sebenarnya jalan raya kita merupakan jalan raya yang terbaik jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Tetapi yang menyebabkan dan menjadikan jalan raya itu tidak selamat ialah sikap pemandu-pemandu yang tidak beretika di jalan raya.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah program-program jangka panjang yang akan dibuat oleh kementerian bagi mengatasi masalah keselamatan jalan raya ini khususnya untuk melahirkan pengguna jalan raya yang beretika sama ada pemandu-pemandu persendirian mahupun pemandu-pemandu pengangkutan awam seperti bas dan lori.

Ini amat penting bagi memastikan jalan raya kita selamat dan mengurangkan kejadian-kejadian kemalangan yang pada statistiknya tiap-tiap tahun terutamanya musim-musim perayaan meningkat. Di samping itu juga saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan peranan dan program yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya yang wujud. Kita dapati majlis ini tidak begitu agresif dalam melaksanakan dan menganjurkan program keselamatan jalan raya dan mereka juga tidak turun ke peringkat bawah. Kita dapati hanya di peringkat Pusat sahaja kurang program dibuat di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah.

Kita mengharapkan program majlis ini turun lebih kerap dan lebih agresif bagi memberi penjelasan dan mengadakan majlis-majlis pertemuan dengan semua peringkat masyarakat termasuk di sekolah-sekolah. Seperti yang disebutkan beberapa Ahli Yang Berhormat pada masa ini kanak-kanak yang di bawah umur memandu motosikal, malah baru-baru ini di kawasan saya, di kawasan parlimen Parit, saya melihat seorang kanak-kanak berumur sembilan tahun memandu traktor kecil yang mengangkut barang-barang pertanian.

Jadi saya begitu terkejut saya tengok umurnya, bila saya tanya budak yang berkenaan umur baru sembilan tahun telah membawa kenderaan berat yang membawa barang-barang pertanian. Ini sudah tentulah membahayakan bukan sahaja diri dia tetapi juga pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Jadi saya harapkan pihak kementerian melalui Majlis Keselamatan jalan Raya ini membuat program yang lebih menyeluruh termasuk seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Rembau tadi supaya mata pelajaran penggunaan jalan raya, etika jalan raya ini diajar di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching.

6.22 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berucap mengenai nahas helikopter yang telah terjadi di Sarawak yang melibatkan helikopter Hornbill Skyway Sdn. Bhd., satu syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pada 12 Julai 2004, satu nahas helikopter telah berlaku yang menyebabkan kematian tujuh orang dan di antara mereka adalah seorang Menteri Muda Sarawak dan selepas itu pada September 2004, satu lagi nahas helikopter telah berlaku dan empat orang mati. Selepas itu Hornbill Skyway Sdn. Bhd. telah digantungkan operasinya, diarah oleh DCA, *Department Civil Aviation* dan satu siasatan dijalankan. Beberapa syarat telah diberi oleh DCA supaya syarikat ini mematuhi sebelum dia boleh meneruskan operasinya dan antaranya adalah untuk mengemploy atau menggaji seorang *professional manager* untuk mengendalikan urusan syarikatnya dan *manager* ini telah digaji pada hari bulan 15 Mac 2005 tetapi dia dipecat jawatan empat bulan selepas dia digaji.

Alasan yang diberi oleh syarikat itu adalah *redundancy*. Bagaimana boleh seorang *professional manager, accountable manager* digaji tetapi selepas empat bulan dia telah dipecat kan jawatannya atas alasan *redundancy*. Selepas dia dipecat jawatannya, dua minggu selepas itu dalam Julai tahun ini, satu lagi nahas helikopter berlaku dan itu juga helikopter itu Hornbill Skyway. Apakah yang terjadi?

Menteri-menteri or ahli-ahli politik di Sarawak mereka takut untuk naik helikopter itu. Mungkin itu adalah satu sebabnya itu pilihan raya Sarawak tidak dapat diadakan dalam tahun ini kerana kejadian itu. Tetapi apa yang penting ialah pegawai-pegawai kerajaan, doktor-doktor yang harus menjalankan tugas mereka di kawasan pedalaman, mereka terpaksa menggunakan helikopter itu dengan risiko yang begitu tinggi. Saya ingin tahu kerana nahas itu pertamanya laporan sudah keluar tetapi kedua dan ketiga ini laporan belum keluar. Nahas kedua ini berlaku pada bulan September, sekarang sudah lebih daripada satu tahun.

Apakah laporannya? Apakah sebab-sebab kejadian itu berlaku? Tidak ada laporan yang telah siap dan dikeluarkan. Mengikut maklumat yang didapati oleh saya mangsa-mangsa helikopter belum dibayar itu insurans dan saya juga diberitahu dalam tahun ini *Hornbill Skyway* itu walaupun sudah berlaku beberapa itu kejadian yang tidak diinginkan, ia telah membelanjakan RM70 milion untuk membeli satu *business jet, business jet* itu yang dibuat oleh Cessna 750 Citation X dengan harga yang begitu tinggi. Citation X Business Jet bukanlah terlibat dalam *business Hornbill Skyway*, kenapa dia harus membelanjakan begitu banyak duit untuk membeli pesawat ini.

Ada orang kata itu pesawat *private jet* untuk Ketua Menteri Sarawak tetapi saya tidak tahu sama ada ini benar atau tidaklah. Tetapi saya ingin menyeru *Department Civil Aviation* untuk menyiasat sama ada itu *private jet* yang dibeli oleh syarikat ini adalah spesifiknya untuk penggunaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya akan gulung. Penggunaan oleh Ketua Menteri dan saya juga menyeru DCA, *Department Civil Aviation* memberi satu laporan atas nahas helikopter yang berlaku pada tahun lalu dan tahun ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepanggar.

6.29 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai 0100000 yang bertajuk Pengujian dan Pelesenan Pemandu di mana kita selalu tahu dan pasti bahawa lesen pemandu asas yang kita diuji selalu dibuat kajian demi kajian. Kita diberi satu kajian yang dipanggil *Competent Driving License* (CDL) dan satu lagi *Good Driving License* (GDL) di mana ini belum lagi kita dapat betul-betul satu kajian sama ada ini dapat mengurangkan kemalangan di jalan raya. Adakah kerajaan telah betul-betul memberi satu kajian yang menyeluruh dari segi kelakuan dan sikap pemandu yang mengguna jalan raya ataupun dari segi kedudukan kenderaan dan kapasiti kenderaan yang diguna di dalam jalan raya ataupun kedudukan di jalan raya ini sendiri.

Adakah ini telah diberi satu kajian yang menyeluruh supaya kita betul-betul dapat kepastian apakah kelemahan dan apakah kekurangannya bagi pemandu-pemandu. Oleh kerana pada ketika ini satu lagi yang kita difahamkan bahawa satu kajian atau satu *certificate of competency* yang akan diguna sebagai satu perjalanan bagi pemandu-pemandu memastikan untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya. Saya rasa dengan izin *certificate of competency* ini bukanlah satu-satunya jalan bagi kita untuk memberikan satu kepastian, malahan ini adalah merugikan kepada pemandu-pemandu. Kita sudah pun dilanda dengan begitu mahal harga minyak, harga kereta, sini kita juga diberi satu ujian memandu dengan tidak begitu memberi kepastian sama ada dia betul-betul dapat mengurangkan kemalangan atau tidak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Satu lagi Tuan Pengerusi, yang saya ingin utarakan di sini ialah mengenai Butiran 060500 - Penguatkuasaan Undang-undang di mana kita dapati bahawa kereta-kereta yang terpakai khasnya yang kebanyakannya teksi-teksi yang terpakai dari Semenanjung diedar ke tempat-tempat seperti di Sabah. Berita ini tidak lagi *worthwhile to be use*, dengan izin di jalan raya di Semenanjung tapi masih dijual di Sabah, di edar di Sabah. Ini sangat-sangatlah menyedihkan oleh sebab dalam kerajaan kita mahu supaya kemalangan di jalan raya dikurangkan sedangkan kita juga mempromosikan penjualan tanpa kawalan di kereta-kereta terpakai khasnya di pelosok Sabah ini.

Penyalahgunaan undang-undang ini juga kita dapati di mana dalam penguatkuasaan undang-undang ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: ... ya sikit lagi. Sebaliknya pegawai-pegawai penguat kuasa ini tidak menjalankan tugas mereka yang begitu kerap dan begitu sensitif sekali, sedangkan kita dapati bahawa kemalangan di jalan raya ini tidak ada berkurangan, malahan bertambah. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun] [Dewan riuh seketika].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Nanti, nanti, Maran dulu. Ya.

6.33 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana beri peluang untuk saya membahaskan Bajet 2006 Kementerian Pengangkutan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang pertama ialah berkenaan Butiran 13000 – Pembinaan Lapangan Terbang dan 40000 - Pembesaran Lapangan Terbang dan Pembangunan Sistem di Lapangan Terbang. Lapangan terbang adalah merupakan pintu masuk ke sebuah negeri ataupun negara terutamanya bagi pelancong-pelancong dan bagi negeri Pahang, tidak kurang terkenal dengan kawasan-kawasan pelancongan yang indah, yang baik, yang nyaman dan sebagainya termasuklah seperti Pantai Teluk Chempedak dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah pihak kerajaan bercadang untuk membesarkan lapangan terbang Kuantan, Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan yang kadang-kadang satu ketika di mana kekerapan penerbangan singgah di lapangan terbang ini agak kerap dan penumpang-penumpang sering penuh untuk menuju ke Kuantan dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian ataupun kerajaan, akibat daripada pembinaan Lebuhraya Pantai Timor ini apakah masalah berlaku kepada lapangan terbang ataupun MAS dan sebagainya sehingga mungkin menyebabkan kerajaan tidak bercadang untuk memberikan peluang kepada Lapangan Terbang Kuantan diperbesarkan bagi menarik lebih ramai pelancong-pelancong ke negeri Pahang.

Dan yang keduanya ialah saya nak menyentuh tentang cadangan pembinaan Lapangan Terbang Pulau Tioman. Tioman adalah juga salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di negeri Pahang dan baru-baru ini saya juga melawat ke Pulau Tioman dan bilangan pelancong yang datang ke Pulau Tioman amat menggalakkan. Tetapi dengan adanya sebuah lapangan terbang kecil yang hanya mampu untuk mendaratkan kapal terbang kecil maka kemungkinan lebih ramai pelancong datang ke Pulau Tioman agak terhalang. Apakah kerajaan bercadang untuk meneruskan pembinaan lapangan terbang ini ataupun pembesaran dan bilakah dijangka lapangan terbang tersebut akan dapat diselesaikan?

Yang ketiga ialah tentang Butiran 03600 - Pengangkutan Laut Semenanjung Malaysia. Saya juga Tuan Pengerusi, baru-baru ini melalui lawatan saya ke Pulau Tioman bersama orang kawasan saya, saya sempat menaiki feri daripada Tanjung Gemuk ke Pulau Tioman yang mengambil masa lebih kurang satu setengah jam ataupun hampir dua jam dan sambutan kepada feri-feri ini amat menggalakkan kerana tidak adanya lapangan terbang yang boleh menampung kapal terbang yang lebih besar tadi. Tetapi yang saya dimaklumkan dan saya dilaporkan oleh pengguna di sini bahawa tambang feri ini mungkin ada kaitan juga dengan Langkawi tadi, tambang feri ke Pulau Tioman ini telah dinaikkan

kepada RM35, kalau pergi balik ialah RM70. Saya difahamkan kadar kenaikan tambang ini dibuat secara suka hati oleh pengusaha feri ini.

Satu lagi yang dimaklumkan kepada saya ialah sebahagian daripada penumpang-penumpang ataupun pelancong yang ke Pulau Tioman ini walaupun mereka membayar tiket-tiket untuk ke Pulau Tioman, tak kira di mana destinasiya tetapi pihak pengusaha feri ini tidak berhasrat, tidak mahu menghantar pelancong-pelancong yang pergi ke destinasi yang agak jauh sedikit apabila penumpang agak berkurangan mengakibatkan pelancong-pelancong berkenaan terpaksa menyewa bot lain yang terpaksa di bayar semula untuk pergi ke kawasan-kawasan yang mereka perlukan seperti di Kampung Salang dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ada satu lagi Tuan Pengerusi, sikit sahaja tentang Kempen Keselamatan Jalan Raya. Saya memohon benar kepada kerajaan, saya minta seperti yang disebutkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasa sedih dan kecewa dengan kemalangan yang berlaku yang melibatkan kematian yang begitu besar. Saya berharap supaya kerajaan secara serius, secara kolektif bersama Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pelajaran supaya mengambil tindakan yang sungguh-sungguh bagi kita memberikan kesedaran kepada anak bangsa kita khususnya anak-anak muda, pelajar-pelajar.

Janganlah kita mengeluarkan *statement* mengatakan bahawa *syllabus* telah dimasukkan tentang keselamatan jalan raya ini tetapi pendidikan yang sebenarnya mungkin tidak ditekankan kerana pada saya apabila kita salah mendidik anak-anak kecil ini, mereka menjadi seorang dewasa yang tidak berguna, tidak berdisiplin maka sudah tentulah masalah-masalah sosial, masalah-masalah pelanggaran peraturan dan disiplin jalan raya ini mudah berlaku dan mengakibatkan kemalangan jalan raya yang lebih besar. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Gajah.

6.39 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan tentang Butiran 050000 - Pengangkutan Udara. Saya telah diminta oleh Yang Berhormat Ipoh Barat untuk membangkitkan perkara ini yang begitu beliau prihatin tetapi kesuntukan masa iaitu berkenaan Lapangan Terbang Ipoh, menurutnya bahawa sedang ada perbincangan di antara kerajaan dengan Air Asia sebab Air Asia berminat untuk mengambil alih lapangan terbang Ipoh untuk menjadikan hub utama bagi Air Asia. Jadi kami nak tahu setakat manakah kedudukan perbincangan ini.

Dan perkara kedua ialah berkenaan apakah langkah-langkah yang sedia ada oleh kementerian bagi menaikkan jadual penerbangan ke Ipoh atau dari Ipoh ke Kuala Lumpur sebab kami di Ipoh mengalami masalah, sehari hanya satu kali sahaja, 2 o'clock. Jadi masalah *night flight* semua tak ada kecuali kami ambil 2 o'clock lepas itu tinggal di KLIA sampai petang, lewat malam punya kapal terbang.

Apakah langkah sedia ada untuk meningkatkan trafik penerbangan dari Ipoh ke KLIA atau ke tempat-tempat yang lain? Perkara yang lain saya ingin bangkitkan ialah Butiran 060200 berkenaan Pendaftaran dan Pelesenan Kereta Motor.

Tuan Pengerusi, saya telah dihubungi oleh penjual-penjual kenderaan terpakai, mereka mengalami masalah sejak 22 September, apabila pihak JPJ di Ipoh menjalankan pendaftaran cara yang baru, di mana tidak mengakui lagi borang-borang yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah. Menurut mereka bahawa ramai Pesuruhjaya Sumpah di mana pemiliknya tidak menandatangani di hadapannya atau pemilik telah meninggal dunia menurut tarikh dokumen yang ditandatangani di hadapannya.

Jadi saya pohon pihak kementerian lebih memahami masalah yang mereka hadapi sebab ramai penjual kenderaan terpakai ini apabila mereka membeli daripada penjual asal, mereka tidak menukar nama kenderaan itu dengan serta-merta sebab ramai pembeli tidak

hendak, sebab ada banyak kali pindah milik. Jadi mereka akan minta pemilik asal menandatangani borang itu terlebih dahulu baru bersetuju untuk menjual kepada pihak yang lain. Jadi apabila ada pembeli yang datang kepada penjual kenderaan terpakai ini, jadi mereka tidak perlu pergi mencari pemilik yang asal. Jadi dengan penguatkuasaan ini yang hanya mengakui borang ditandatangani oleh mahkamah, jadi borang-borang yang telah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah awal-awal lagi telah tidak boleh pakai. Penjual kenderaan terpakai ini mengalami masalah untuk mencari pemilik yang asal. Jadi saya pohon, saya menyokong kita tidak hendak ada dokumen tentang ini yang ditandatangani oleh pesuruhjaya yang tidak bertanggungjawab.

Jadi pada masa yang sama ada yang baik juga, "*don't put a blanket ban on*" pesuruhjaya yang bertanggungjawab dan membawa beberapa masalah penjual kenderaan terpakai ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi terima kasih sekali lagi Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hulu Langat dahulu.

6.44 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Janganlah marah, amoi! Sabar. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi keizinan saya untuk bercakap sedikit berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan, saya ingin menyentuh Butiran 060500 berkenaan dengan Penguatkuasaan Undang-undang.

Tuan Pengerusi, polisi dan amalan yang dijalankan oleh kementerian ini bagi menempatkan stesen-stesen timbang di seluruh negara terutama dalam daerah-daerah tertentu yang agak jauh daripada pusat-pusat bandar adalah satu amalan yang baik dan sepatutnya digalakkan.

Tuan Pengerusi, dari pemerhatian yang saya lakukan kebanyakan pusat stesen timbang yang dikendalikan oleh kementerian ini di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan, tidak berfungsi dengan baik. Kebanyakan stesen ini sunyi sepi bukan sahaja tidak mempunyai pegawai-pegawai yang ditempatkan atau tidak mempunyai peralatan yang bersesuaian, malah kelihatannya seolah-olah tidak mempunyai fungsi sama sekali.

Terdapat banyak kesalahan lalu lintas yang dilakukan oleh pengguna-pengguna jalan raya langsung tidak diendahkan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa yang bertugas di stesen-stesen timbang ini. Lori-lori yang bergerak ke sana dan ke mari dengan membawa muatan yang berlebihan, secara berleluasa melalui stesen-stesen timbang tanpa mempedulikan pegawai-pegawai penguat kuasa yang berada di stesen-stesen tersebut. Ini mungkin disebabkan sama ada pegawai penguat kuasa itu sendiri tidak ingin untuk menguatkuasakan undang-undang atau sengaja tidak mempedulikan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di hadapan mata kepala mereka. Ada ketikanya pegawai-pegawai penguat kuasa yang berada di stesen-stesen timbang ini, yang membuat sekatan-sekatan jalan raya. Tetapi ada pula kenderaan-kenderaan yang kelihatannya secara nyata, secara mata kasar agak membawa muatan yang lebih dibiarkan berlaku tanpa dipedulikan. Adakah ini disebabkan bahawa pegawai-pegawai penguat kuasa ini mempunyai pilih kasih dalam menguatkuasakan undang-undang, terutama sekali kuat kuasa undang-undang berkenaan dengan membawa muatan lebih?

Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai penguat kuasa yang berada di stesen-stesen timbang di seluruh negara seharusnya lebih bertanggungjawab kerana mereka ditempatkan di situ, mereka berada di situ bagi tujuan melihat secara dekat kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Saya mengambil satu contoh yang paling hampir dengan diri saya, iaitu stesen timbang yang terletak di jalan Persekutuan, yang terletak di antara Bandar Kajang dengan Bandar Semenyih, yang betul-betul terletak di jalan keluar kepada sebuah kuari - tiap-tiap hari. Lori-lori yang membawa batu ini keluar dan masuk ke jalan yang menuju kepada kuari tersebut dan lori ini membawa batu yang cukup banyak hingga melebihi paras dinding lori tersebut. Melalui di hadapan pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan, melalui

stesen timbang ini, tidak ada satu pun lori-lori ini yang dibawa masuk untuk diuji dan untuk ditimbang, adakah lori ini membawa muatan yang berlebihan? Ini satu contoh kecil, mungkin berlaku di kawasan-kawasan lain di stesen-stesen timbang lain, saya berharap kementerian ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Sedikit, *one line...* pihak kementerian akan mengambil tindakan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: : Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Ipoh Timorlah, *you* tidak bersetujukah? [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya merujuk kepada *double track* Ipoh-Rawang. Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi masa apabila saya bangkitkan isu ini dalam penggulungan jawapan kepada saya mengenai terma *extension double tracking* kontrak ini, tetapi oleh kerana apa yang diberi sangat *vague* mengenai terma, kos dan masa tempoh dihabiskan.

Saya harap bahawa kita boleh dapat satu jawapan yang memuaskan hari ini khasnya oleh kerana *double tracking* ini RM4.6 bilion ada dua pakej, RM2.58 bilion *infrastructure works* yang diberi kepada DRB-Hicom dan RM1.9 bilion *system works* yang diberi kepada Mitsui *Company Transport System*. Masalahnya ialah *infrastructure works* dan ada perbezaan sama ada *uncompleted portion of the works* ialah 18 peratus harap nanti kita boleh tahu, *uncompleted portion*, adakah 14 peratus atau 13 peratus? Tetapi *additional cost* yang United Engineers, yang diberi kontrak yang baru ini untuk habiskan, mahu tambahan RM1.1 bilion yang bererti bahawa 43 peratus kos tambahan. Kenapa kita perlu bayar 43 kos tambahan apabila *uncompleted portion* ialah 18 atau 13 peratus, itu satu.

Yang kedua ialah kita mahu tahu sebenarnya apa telah berlaku mega skandal ini. Mega Skandal ini bukan oleh kerana sebenarnya DRB-Hicom, tetapi oleh kerana cara perantikan *fast track* yang menjadi *slow track* dan di mana ada empat *main*, di mana DRB-Hicom ialah *main contractor*, tetapi ada empat *main subcontractors* Perspec Prime, Emrail, UE Construction, UIJM dengan projek *management consultant* ialah KSKK (Kinta-Samudera Kinta Kellas) ialah subsidiary kepada United Engineers.

Masalah sebenar yang timbul ialah oleh kerana adanya percanggahan antara PMC ialah Kinta Kellas (KSKK) dengan DRB-Hicom, dan akibatnya DRB-Hicom *disput aside* dan kerajaan bersetuju dengan PMC di mana pembayaran *direct* dibuat, *direct payment*.

Sekurang-kurangnya RM225 juta *direct payment* ini dibuat. Cara yang tidak patut, satu contoh ialah *direct payment* dibuat kepada Teknik Naga. Teknik Naga sungguhpun RM19.5 juta dibayar kepada Teknik Naga satu sub kontraktor kepada Prospect Prime. Sungguhpun Prospect Prime tidak *satisfied*, tidak *approved* tetapi kenapa dibayar? Kenapa dibayar pada 14 September 2004? Pukul 5.00 KSKK beri *certificate*, malam cek sudah keluar. Wah, begitu cepat! Oleh kerana UMNO *election* RM19.5 juta ini perlu dibayar untuk *one politic* UMNO? Bukankah benar ini adalah satu contoh di mana wang digunakan untuk politik wang dan kita tahu Yang Berhormat Menteri Penerangan kata ini ialah *the worst case of money politic* dan itulah kenapa berlaku *double track* menjadi *corrupt track*. Dan sekarang kita mahu tahu kenapa dan apa siasatan akan dikenakan. Kita tahu Teknik Niaga siapa bertanggungjawab, orang UMNO, orang UMNO yang kuat. Adakah rela satu siasatan diadakan kenapa *direct payment* dibuat tanpa kelulusan oleh DRB Hicom yang *main contractor* tanpa kelulusan Prospect Prime *main sub contractor* kepada sub-sub.

Yang kedua dan ini yang mustahak oleh kerana ini menunjukkan kenapa *mega scandal*, *mega project* menjadi *mega scandal*. Dan yang kedua dengan pendek sahaja, saya pun ada timbulkan *West Port*, iaitu satu lagi *mega scandal* di mana tanah 1000 ekar yang sepatutnya berharga RM15.00 sahaja *per square foot* dijual, dibeli dengan RM25.00 *per square foot* akhirnya belanja RM3.18 bilion tambah lagi satu *development cost* RM1.3 bilion, jumlah RM3.1 bilion untuk *West Port* Pulau Indah. Siapa syarikat yang terlibat, syarikat semacam sebagai contoh *West Port* ini Syarikat Wijaya Baru adalah Kuala Dimensi Sdn. Bhd. dengan izin diberi *finance develop Port Klang Free Zone/ Transshipment Megahhub*, Kuala Dimensi Sdn. Bhd. dan Kuala Dimensi Sdn. Bhd. *wholly owned subsidiary* with Jaya Baru Building Sdn. Bhd. yang dimiliki 7% oleh Datuk Sri Tiong King Sing tetapi Kuala Dimensi Sdn. Bhd. siapa pengkerusinya? Siapa pengerusi Dimensi Sdn. Bhd? Saya ada [maklumat] di sini, pengerusi Kuala Dimensi Sdn. Bhd. ialah Bendahari UMNO Datuk Abdul Azim Datuk Mohd Zabidi, yang satu masa dahulu di *suspend* -tindakan tatatertib diambil terhadap beliau oleh kerana ada melanggar *money politic*. Selepas itu dia jadi UMNO *Treasurer* sekarang dia jadi Pengerusi Kuala Dimensi yang terlibat dalam *mega scandal West Port* RM3.1 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup masa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okay. Syarikat ini '*two dollars company*' - syarikat RM2.00! Saya rasa inilah *mega scandal* dalam ini dan kita perlulah satu penjelasan. Yang terakhir, pendek sahaja iaitu hal MAS. Kita sekarang ada banyak berita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bagi MAS *management* satu peluang yang baru untuk *turn around*, betul. Beberapa hari ini saya ada dijumpai oleh kakitangan MAS. Mereka kata, betul ada '*black sheep*' dalam MAS tetapi majoriti pekerja-pekerja MAS rajin, *responsible* dan jangan oleh kerana kecuaiian atau kesilapan *top management* mereka menjadi mangsa, mereka menjadi *victim*. Ini tidak adil. Ada *black sheep* dalam MAS *punish* mereka, ambil tindakan terhadap mereka. Tetapi tidak menjadikan majoriti pekerja-pekerja kakitangan-kakitangan dalam MAS sebagai *victim* oleh kecuaiian kegagalan *top management* dalam MAS yang sebenarnya perlu satu *overwhelm* dan kalau kita mahu satu tempat yang baru isytiharkan semua gaji *top management* berapa mereka dapat. *Open, make it open* RM1 juta ringgit satu tahun atau separuh juta, tengok satu tahun umumkan supaya kita tahu. Sekian terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekijang.

6.55 ptg.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas di bawah Kementerian Pengangkutan. Saya ingin bercakap pendek sahaja iaitu saya ingin menyentuh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit ya Yang Berhormat.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: ...perkara 06000 iaitu di bawah Pengangkutan Darat. Saya ingin menyuarakan kehendak daripada kawasan Parlimen saya dan juga bagi daerah Segamat dan juga kampung Tuan Pengerusi sendiri di mana pada masa ini Pusat Pemeriksaan Berkomputer Kenderaan (PUSPAKOM) yang terdekat bagi daerah Segamat ialah di daerah Muar yang jaraknya adalah di antara saya kira lebih kurang 100 kilometer yang jaraknya. Jadi semua pemeriksaan-pemeriksaan yang berkomputer (PUSPAKOM) ini dibuat di daerah Muar. Jadi bagi mereka yang duduk di daerah Segamat khususnya, mengalami masalah apabila mereka hendak membuat pemeriksaan dan mereka terpaksa datang ke Muar dan kadang kala apabila sampai di Muar tentunya sudah memakan masa dan kadang-kadang mengambil nombor pun mereka mendapat nombor yang terakhir dan terpaksa pula bermalam di Muar. Ini tentunya merugikan masa, wang ringgit dan tenaga bagi mereka yang datang daripada daerah Segamat. Jadi saya pohon kepada kementerian supaya melihat perkara ini dan memberi kebenaran ataupun mengarahkan kepada PUSPAKOM untuk membuka sebuah Pusat Pemeriksaan Berkomputer Kenderaan ini (PUSPAKOM) ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: ..di daerah Segamat supaya dapat memberikan keselesaan bagi bukan sahaja di dalam kawasan Parlimen saya tetapi dua Parlimen yang lain lagi iaitu kita ada tiga Parlimen dalam kawasan itu. Dengan adanya kemudahan ini saya percaya keselesaan bagi penduduk-penduduk di daerah Segamat untuk membuat pemeriksaan ini akan dapat berjalan dengan baik. Janganlah kita hanya memikir kepada untung atau rugi sahaja kita faham bahawa PUSPAKOM ini telah pun diswastakan tetapi tanggungjawab sosial juga kita harus mengambil berat dan mengambil tahu supaya masyarakat kita tidak dibiarkan dengan begitu sahaja dan kita hanya memandang ringgit sahaja. Tuan Pengerusi dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri boleh bersiap sedia sebelum saya - selepas itu ketiga-tiga ini diberi peluang berucap dan Yang Berhormat Menteri jawab. Saya bagi Bagan.

6.58 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 060000 - Pengangkutan Darat. Saya menyentuh berkenaan dengan PUSPAKOM. Tuan Pengerusi, pemeriksaan kenderaan perlu diuji dan diperiksa apabila seseorang penjual hendak menjual kereta dia kerana hendak memindah milik tetapi apabila berlaku kepada kedai kereta terpakai mereka perlu hantar kereta itu untuk diuji dan selepas dapat kelulusan dari PUSPAKOM, maka kedai kereta terpakai membeli kereta itu. Selepas simpan dalam kedai mungkin dalam masa dua tiga bulan ada pembeli baru hendak memilikinya dan ia perlu dihantar sekali lagi untuk PUSPAKOM kerana sijil kelayakan atau sijil peperiksaan hanya sah laku untuk tempoh satu bulan. Tetapi kali kedua apabila kereta yang sama dihantar ke PUSPAKOM ia didapati ada kecacatan dan tidak boleh diluluskan. Ini bukan berlaku di Pulau Pinang sahaja di rata tempat seperti kami baca dalam surat khabar yang berlaku di mana-mana tempat. Saya menyeru kerajaan supaya menyiasat mengapa ia boleh berlaku satu kali diuji lulus tetapi kali kedua diuji tidak dapat diluluskan.

Butiran 00200 - ERL, LRT dan komuter. Tuan Pengerusi, saya ingat sudah sampai masanya kerajaan perlu mengadakan satu kempen iklan mengajar penumpang-penumpang baik komuter atau LRT supaya berbaris (*queue*) di stesen-stesen semasa menunggu *coach-coach* sampai. Kita nampak penumpang-penumpang di negara lain mereka sangat tertib, mereka menunggu *queue* untuk *coach-coach* sampai dan tidak payah berebut-rebut kerusi yang mengakibatkan kemalangan.

Satu masa yang lepas ada satu iklan menunjukkan tatatertib untuk memberi kerusi atau memberi tempat kepada orang-orang yang memerlukan, itu satu iklan yang baik. Saya berharap kerajaan boleh menjalankan satu kempen untuk mengajar penumpang-penumpang berbaris untuk menunggu *Commuter coach*.

Kereta api - bilakah kereta api boleh bersaing dan setanding dengan bas ekspres, misalan saya kata dari Butterworth ke Kuala Lumpur bas-bas ekspres hanya mengambil masa 4 setengah jam tetapi kereta api memerlukan 8 hingga 9 jam untuk sampai. *Just imagine*, dengan izin, penumpang-penumpang mana yang pilih, bas ekspres atau KTM? Kalau KTM boleh setanding dengan bas ekspres maka ia boleh mengurangkan kenderaan di atas jalan demi untuk mengurangkan kesesakan di atas jalan raya.

Pengangkutan Laut Semenanjung Malaysia - 020000. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat bagi Tanjong ada menyebut berkenaan dengan *speed boat* di Pulau Pinang untuk membawa penumpang-penumpang. Saya pun sependapat dengan Yang Berhormat bagi Tanjong, supaya kerajaan boleh mengizinkan atau meluluskan pelaksanaan projek *speed boat* di Pulau Pinang ini.

Sekiranya PPSB atau Penang Port Sendirian Berhad tidak mampu atau tidak minat untuk menjalankan *business* ini maka lesen perlu diberi kepada swasta. Sekiranya ada pihak swasta yang berminat untuk menjalankan perniagaan seperti di Pulau Langkawi, seperti di Pulau Pangkor dan juga banyak *speed boat* di bahagian Sarawak dan Sabah, mengapa tidak ada orang hendak berminat di Pulau Pinang?

Saya memang tahulah bahawa ada ramai pihak swasta berminat tetapi hanya kerana PPSB atau kerajaan tidak membenarkan mereka untuk menjalankan operasi *speed boat* antara Pulau Pinang dengan Butterworth. Tuan Pengerusi, satu perkara lagi, saya menyeru kerajaan meneliti NBCT, *North Butterworth Container Terminal* sama ada tapaknya sesuai. Ini kerana saya pada beberapa tahun dahulu pernah membangkitkan bahawa NBCT diletakkan di tengah-tengah bandar Butterworth dan kini ia telah menyebabkan kesesakan lalu lintas di bandar Butterworth.

NBCT memberi perkhidmatan kepada Selatan Thai, Kedah, Kulim, Butterworth, Prai dan juga Perak Utara dan memang ada banyak *trailer container* yang keluar siang dan malam dan mereka menyebabkan kesesakan dan juga membawa bahaya-bahaya kepada pengguna-pengguna jalan yang lain seperti motokar kecil, motosikal, basikal dan juga orang-orang jalan kaki. Sekian, sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

7.04 min.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. 060000 - Pengangkutan Darat dan 060500 - Penguatkuasaan Undang-undang.

Baru-baru ini banyak kempen yang telah dibuat untuk memastikan keselamatan jalan raya tetapi masih juga jalan raya kita merupakan tempat di mana berlakunya peristiwa bermandi darah yang begitu serius sekali. Sebenarnya ada sesuatu masalah yang begitu hakiki dalam di kalangan pemandu-pemandu kita ini. Saya kira faktor inilah yang menyebabkan pemimpin kita mengatakan kebiadaban pemandu-pemandu di jalan raya ini. Saya kira ada hubungan dengan perasaan amarah di jalan raya ini.

Bila dipotong kereta mereka terus memecut ke depan dengan kadang-kadang menunjukkan keadaan pergerakan *body language* yang menimbulkan kemarahan. Dalam konteks ini semacam satu *anger management* saya kira perlu diurus, perlu diatitkan kepada pemandu-pemandu kita di jalan raya ini. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian ini supaya memikirkan tentang satu skema latihan kepada pelatih-pelatih kereta atau pemandu kereta ini dari segi mengawal perasaan dan nafsu amarah mereka, yang disebut dalam bahasa Inggeris sebagai *anger management*.

Ini kerana di negara-negara yang maju saya kira, budaya memandu di jalan raya dengan berkhemah, dengan tertib di jalan raya itu adalah merupakan sesuatu yang cukup significant dalam kehidupan mereka sedangkan kita ini begitu amarahnya dan begitu tidak cermat bila berada di jalan raya.

Kadang-kadang juga mereka menggunakan telefon di jalan raya, merokok di dalam kereta, ini adalah merupakan aktiviti-aktiviti yang cukup tidak beradab dan bersopan apabila berada di jalan raya. Satu lagi ialah ketidaksopanan kita dari segi kelambatan kita untuk membaiki jalan-jalan yang pecah, yang rosak, ini adalah berkaitan dengan budaya maintenance culture, dengan izin, iaitu budaya menyelenggarakan kerosakan-kerosakan itu yang membawa kepada parah dan padahnya.

Dalam konteks ini juga saya kira saya berharap kementerian ini mengadakan satu kerjasama dengan kementerian-kementerian yang berkaitan dengan pembinaan jalan raya supaya tidak berlaku *piecemeal treatment* tetapi satu pendekatan yang bersepadu dengan pelbagai jabatan kerajaan yang lain.

Seterusnya saya hendak kaitkan dengan insiden kereta potong. Sekarang ini sudah ada semacam satu industri menjual kereta potong yang amat berbahaya kepada pemandu-pemandu dan pemiliknya. Ini adalah merupakan satu penipuan kepada pengguna. Saya berharap supaya penguatkuasaan undang-undang diambil kepada

penjual-penjual kereta potong ini, meskipun harganya murah tetapi boleh tergadai dengan nyawa dan harta. Satu lagi ialah 010500 - Pengangkutan Udara.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ini adalah merupakan satu keperluan masa kini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya hendak berbalik kepada ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah balikkah, biar dia teruskan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi, saya sudah lari sedikit idea ini. *[Ketawa]* Sikap ini, sikap pemandu kita di jalan raya, saya berpendapat bahawa kempen keselamatan di jalan raya ini kurang tepat. Sebagai contoh, kita minta supaya pemandu berhati-hati di jalan raya. Kita rasa, Sabak Bernam rasa bahawa sepatutnya kempen itu berbunyi bertolak ansur di jalan raya, bertimbang rasa di jalan raya.

Sebagai contoh, kita dapati apabila kita memotong, umpamanya di *highway* ataupun di lebuh raya besar, kita dapati ramai di antara pemandu kita, yang kita hendak potong dia, dia tidak mahu ke tepi sebelah kiri. Maknanya, dia tidak bertimbang rasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau hendak berucap?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Jadi oleh kerana itu, ini soalnya, Tuan Pengerusi. Apakah kempen kita ini harus diperbetulkan supaya ia lebih tepat. Maksud saya tadi ialah ia harus berbunyi, kempen untuk pemandu berhemah dan bertolak ansur dan bertimbang rasa bukan berhati-hati di jalan raya. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Itu tabiat ataupun dari segi *habitnya*. Saya kira dalam kurikulum pemanduan kereta ini perlu ada tiga perkara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, habis sudah ini iaitu perkara apa itu, *the what to?* Iaitu segala tatacara panduan segala signal-signal dan isyarat di jalan raya, *the what to?* Kedua ialah *how to?* Bagaimana untuk memandu dengan cermat. Yang ketiga yang paling rumit sekali untuk kita bina ialah *the want to, the want to drive properly*, dengan cara yang tertib dan bersopan. Ini adalah merupakan perkara. Saya kira kementerian yang berkenaan harus mengambil kira tiga perkara ini dalam kurikulum kita; *The what to, the how to and the want to.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, baik! Cukup.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Habis?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Habis.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih banyak, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sejumlah 33 Ahli Yang Berhormat sudah berucap, Yang Berhormat Seputeh hendak juga?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya sudah tunggu dua jamlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua jam tunggu? Okey, baiklah! Kasi tiga minitlah, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Kesian.

7.09 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 050000 - Pengangkutan Udara, 060000 - Pengangkutan Darat, 080000 - Keselamatan Jalan Raya.

Tadi ada ramai Ahli Yang Berhormat di Dewan ini bercakap tentang keselamatan jalan raya. Sebenarnya, Ops Sikap yang selalu dilancarkan pada tempoh cuti hari perayaan itu adalah gagal. Yang gagal itu bukan Majlis Keselamatan Jalan Raya kita atau pihak penguat kuasa tidak berusaha bersungguh-sungguh. Sebenarnya masalah, *root causenya* adalah kerana kita ada terlalu banyak kereta. Kalau kita lihat dalam tahun 50'an hingga 60'an, terdapat 10 juta orang menggunakan kereta api setiap tahun, tetapi sekarang hanya 4 juta orang menggunakan kereta api setiap tahun. Ini bermaksud sekurang-kurangnya 6 juta ataupun lebih orang bila mereka balik kampung, mereka memandu kereta. Jadi inilah yang mengakibatkan kemalangan jalan raya yang selalu berlaku. Jadi kalau kerajaan ingin mengurangkan kematian dan kecederaan semasa hari perayaan dan kemalangan jalan raya itu, sepatutnya kerajaan haruslah meningkatkan perkhidmatan kereta api dan juga menambah baik sistem pengangkutan bas di negara kita.

Tuan Pengerusi, mengenai kereta api ini saya merujuk kepada di Brickfields, stesen *monorail* yang mana tidak disambung ke stesen Sentral. Kita lihat di Jalan Tun Sambanthan, stesen *monorail* di sebelah dan Sentral di sebelah yang lain. Mereka yang mengambil kereta api *monorail* itu, mereka haruslah melintas jalan raya untuk pergi ke Sentral untuk naik kereta api ataupun bas lagi untuk pergi ke tempat lain. Ini adalah keadaan yang agak aneh yang mana *connectivity* itu di antara kedua-dua stesen kereta api itu tidak disambung. Saya ingin meminta menteri menjelaskan kepada kita, kenapakah stesen *monorail* dan juga stesen Sentral tidak disambung.

Saya juga ingin tanya, di mana kalau kita lihat dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2002 di mana banyak tapak tentang pembinaan stesen LRT telah pun ditetapkan di Kuala Lumpur, tetapi yang saya ingat salah satu tempat adalah di kawasan saya Taman Desa dan juga Happy Garden. Tetapi kalau kita pergi ke dua-dua tempat kediaman di situ dan tengok, hampir setiap inci telah pun digunakan untuk membina rumah. Jadi macam manakah kerajaan akan membina atau mengadakan stesen LRT lagi?

Jadi, macam manakah Kementerian Pengangkutan menangani masalah seperti ini dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah banyak kali berkata tentang *Urban Transport Authority* yang mana kerajaan akan menyambung bas, kereta, teksi. LRT itu dalam satu badan *Urban Transport Authority* kerana mengikutnya, semua sistem pengangkutan ini berada di bawah kawalan agensi kerajaan yang berlainan. Jadi, sekarang saya ingin tanya, apakah rancangan *Urban Transport Authority* ini? Bilakah ia akan mula implementasinya? Kenapakah kesemua pengangkutan awam ini seperti bas, teksi, LRT, kenapa semua ini tidak diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan? Sehingga sekarang Kementerian Pengangkutan kita ini sebenarnya ialah... [*Bercakap dalam bahasa Cina*] yang mana tidak ada kuasa maksudnya.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin sentuh tentang MAS. Tadi ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat berucap tentang MAS. Jadi di sini saya tidak akan ulang lagi tetapi saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk MAS mengkaji semula tentang dasar mereka yang minta pramugari kita ni berhenti kerja pada umur 40 tahun. Kita lihat pada umur 40 tahun ramai wanita yang masih sihat dan mereka berpengalaman untuk memberi servis kepada penumpang kita. Kenapakah mereka diarah berhenti kerja hanya kerana mereka berumur 40 tahun? Ini bukan sahaja bercanggah dengan Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan, Akta Pekerjaan dan SECDO, tetapi ini juga amat tidak adil kepada wanita yang berkhidmat bersungguh-sungguh dengan MAS.

Jadi, di sini saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri membantu bekas pramugari MAS yang telah dipecat kerana hamil iaitu Beatrice Fernandez. Sekarang beliau telah hilang kesnya di Mahkamah Persekutuan tetapi sekarang beliau diminta bayar

kos mahkamah bagi MAS sebanyak RM1,000. Ini amatlah tidak adil. MAS adalah satu syarikat yang kita panggil GLC yang mana GLC, RM1,000 itu tidak cukup pun bagi gaji pegawai kanan di dalam MAS. Kenapakah angka yang sebegitu harus dibebankan oleh seorang pramugari yang dipecat kerana hamil dan sudah hilang kerja begitu lama. Saya rasa ini adalah amat tidak adil dan tidak hormat pada wanita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bila kita sekarang ada CEO yang baru, saya mintalah Yang Berhormat minta MAS mengkaji semula tentang perkara ini.

Last sekali tentang pramugari yang dihentikan kerja pada umur 40 tahun. Sebenarnya kalau mereka dihentikan kerja pada umur 40 tahun, MAS terpaksa mengambil lebih pramugari baru dan kos latihan terhadap pramugari baru ini sebenarnya adalah lebih tinggi daripada mengekalkan jawatan pramugari yang sedia ada dan juga berpengalaman. Saya rasa ini juga adalah salah satu langkah yang mana MAS boleh menjimatkan kosnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri silakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Menyampuk*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri ada, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

7.17 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Pengerusi, rakan di sebelah tu selalu mencari menteri.

Yang Pertama, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi pandangan dan cadangan berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai Yang Berhormat, 34 orang.

Datuk Douglas Uggah Embas: 34 orang. Jadi, saya ada beberapa perkara seperti cadangan dan komen yang mungkin saya tidak dapat jawab, tetapi kementerian akan mengambil perhatian kepada perkara-perkara yang telah disentuh dan kalau perlu kita akan memberi jawapan bertulis kepada perkara-perkara yang ditanya dalam perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of Order*, Tuan Pengerusi. Apa itu keadaan yang perlu? Tidak ada dalam Peraturan Mesyuarat yang mengatakan tidak perlu. Apabila sudah bangkit perkara di sini, perlu dijawab dalam Dewan ini. Tidak timbul keadaan yang perlu.

Seorang Ahli: Ramai pegawai ada di sini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa keadaan yang perlu ini? Tidak boleh dibenarkan. Perlu ada satu ruling, mana ada keadaan yang perlu. Semua keadaan yang perlu dijawab di sini, mana ada keadaan yang perlu, selain daripada dia tidak ada jawapan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya ada jawapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh keadaan yang perlu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya sedia menjawab apa-apa soalan yang patut kita jawab, *[Disampuk]* tetapi ada perkara, misalnya cadangan itu kita tidak perlu jawab, kita ambil maklum kepada cadangan-cadangan tersebut. Jadi, kalau kita hendak *repeat* cadangan-cadangan itu, kita akan membuang masa. Itulah maksud saya.

Tuan Pengerusi, ramai Ahli Yang Berhormat telah pun memberi pandangan tentang keselamatan jalan raya mereka telah menunjukkan kebimbangan mereka kepada masalah-masalah keselamatan jalan raya yang dihadapi di negara kita. Kerajaan juga, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah memberi pandangan bahawa

memang masalah kemalangan jalan raya ini adalah satu perkara yang membimbangkan. Maka berbagai program akan diatur, disusun dan akan dijalankan untuk menentukan bahawa masalah bersabit dengan keselamatan jalan raya atau jumlah kemalangan dan jumlah kematian di jalan raya dapat dikurangkan.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi tahu di Dewan ini bahawa kita telah juga dapat bukti pencapaian dari segi usaha-usaha kita dalam menangani masalah keselamatan jalan raya. Misalnya, indeks kematian kita telah pun turun daripada 8.4% kematian bagi 10,000 kecederaan didaftar pada tahun 1995 kepada 4.5% kematian pada tahun 2004. Inilah satu bukti di mana pelbagai program yang kita jalankan selama ini adalah berjaya. Walau bagaimanapun Kementerian belum berpuas hati dan kerajaan pun tidak berpuas hati, maka pelbagai program akan dijalankan untuk menentukan usaha ini akan diteruskan. Maka Kementerian mempunyai sasaran iaitu pada 2010, kita harap kita dapat menurunkan kadar kematian ini kepada 2% kematian bagi 10 ribu kenderaan berdaftar. Jadi ini memerlukan usaha dari semua pihak, dari pihak kerajaan juga dari pihak rakyat dan pengguna-pengguna jalan raya.

Hakikatnya adalah sekarang kereta kita telah bertambah sehingga 14 juta kenderaan berjalan di jalan raya. Jadi, ini tiap-tiap tahun bertambah dan inilah sentiasa menjadi satu masalah. Jadi satu penekanan yang kita akan dibuat pada tahun depan adalah untuk kempen penggunaan topi keledar kerana didapati bahawa dari jumlah kematian pada tahun 2004, dari 6,200 kematian kita mendapati bahawa 58% adalah penunggang dan pembonceng motosikal. Maka tahun depan sasaran kita adalah kepada kumpulan ini.

Kalau kita dapat menurunkan kematian kemalangan kepada kumpulan ini, kita harap angka di negara kita akan turun. Kita juga menyahut seruan Ahli-ahli Parlimen yang menyatakan kita harus bermula di sekolah. Di sinilah kita akan memulakan usaha-usaha kita dalam menyemai semangat menggunakan jalan raya dengan selamat dari peringkat bawah iaitu peringkat sekolah. Dengan ini kita mengharapkan dalam masa jangka panjang, kita dapat menanamkan satu semangat di mana rakyat akan menggunakan jalan raya dengan tata tertib dan cukup selamat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Santubong ada memberi pandangan bahawa penguatkuasaannya hanya dibuat bermusim dan beliau meminta undang-undang ini dikaji. Untuk maklumat Yang Berhormat, berkaitan dengan pengusaha terhadap undang-undang lalu-lintas secara bermusim, ini ditegaskan bahawa penguat kuasa JPJ dan Polis adakah dibuat sepanjang masa.

Berdasarkan statistik penguat kuasa oleh JPJ, bagi tahun 2004, JPJ Sarawak telah mengeluarkan sebanyak 23,265 saman dan mengutip denda sebanyak RM3 juta. Manakala pada tahun 2005, sehingga September sebanyak 21,800 saman telah dikeluarkan dan mengutip denda sebanyak RM2.8 juta. Jika penguatkuasaan dibuat secara bermusim, sudah tentu angka ini tidak dapat dicapai. Mengenai Kementerian untuk mengkaji peruntukan undang-undang yang sedia ada, kita sentiasa mengambil tindakan yang tegas kepada pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan trafik. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian telah mengemukakan beberapa cadangan, tuntutan serta perjawatan JPJ kepada JPA. Jika cadangan ini diluluskan tindakan penguatkuasaan dapat dipergiatkan lagi.

Mengenai kajian peruntukan undang-undang, Kementerian memang sekarang sedang mengkaji peruntukan undang-undang yang perlu dipinda selepas mengambil kira beberapa cadangan dari Yang Berhormat dan juga untuk melihat perkembangan industri kereta dan juga melihat perkembangan di jalan raya. Jadi kita hendak menentukan beberapa peraturan baru mungkin perlu untuk kita menentukan bahawa jalan raya akan dibuat lebih selamat.

Yang Berhormat bagi Santubong juga mempersoalkan mengapa kita menggunakan indeks kematian bagi 10,000 kenderaan berdaftar, tidak menggunakan indeks kematian mengikut penduduk.

Untuk makluman Dewan ini Tuan Pengerusi, kita dapat tiga indeks yang digunakan untuk mengukur tahap keselamatan jalan raya:

- (i) indeks kematian setiap 10,000 kenderaan berdaftar;

- (ii) indeks kematian setiap 100,000 populasi; dan
- (iii) indeks kematian setiap 1 juta kenderaan kilometer yang dijalankan.

Pada tahun 2004, Malaysia telah mencatatkan pelbagai indeks seperti yang saya sebutkan tadi 45 kematian setiap 10,000 dan juga untuk indeks kematian setiap 100,000 populasi adalah 24.3 dan kematian setiap satu juta *vehicle* adalah 18.5 kematian. Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk capai pada tahun 2010 seperti yang saya sebutkan tadi. Sememangnya kerajaan memantau tahap keselamatan jalan raya dan menggunakan tiga-tiga indeks ini dan dari masa ke semasa kita juga memang bertukar maklumat, bertukar pandangan dengan negara-negara lain dan kita sentiasa menimbang apakah indeks yang paling sesuai, yang paling tepat untuk kita mengukur bagaimana keadaan keselamatan jalan raya kita kalau dibandingkan dengan negara-negara lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Saya yakin parti banyak sangat ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat, mungkin apabila saya bercakap ini orang kata benda tidak logik dan sebagainya. Tetapi apabila kita ada kempen, banyak kali kita buat kempen lagi ramai mati. Sekarang ini kita biar, biar pi kat depa. Dia hendak ini dia berlaga (berlanggar), dia punya fasal. Kalau kita berkempen, belanja dan sebagainya akhirnya mati lagi ramai. Saya nampak kadang-kadang mungkin kerana kempen itu tidak kesampaian dan sebenarnya keinsafan itu harus dipupuk - tetapi Yang Berhormat bagi *rest*, minum air sedikit dahulu. [Ketawa] Beri pupuk kepada mereka bahawa keinsafan kematian itu akan membawa kesusahan kepada generasi-generasi anak bangsa. Saya ingat iklan ini diberi *touching* sedikit. Saya ini ada orang seni, jadi bagi *touching*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang punya kempen tidak *touching*?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak *touching*, dia baru *holding* sahaja. Dia mahu *touching* mahu nampak. [Ketawa] Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan pandangan saya, yang saya nampak bernas, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, seorang veteran dari Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tetapi bukan apa yang dia cakap semua betul. [Ketawa]

Datuk Douglas Uggah Embas: Memang. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat mengatakan kempen inilah menyebabkan peningkatan kemalangan jalan raya kerana kita mendapati bahawa hasil kempen inilah jumlah kemalangan jalan raya dikurangkan khususnya dalam masa-masa tertentu dan tempat-tempat tertentu. Misalnya tahun depan kita akan mempergiatkan lagi kempen untuk menggunakan topi keledar di luar bandar. Apa sebab? Kerana ramai penduduk luar bandar hanya kalau tidak silap 30% sahaja menggunakan topi keledar. Jadi ini adalah satu masalah dan kita harap kalau kadar itu dapat ditingkatkan, ia akan menyelamatkan nyawa. Cara kita untuk menggalakkan mereka ini menggunakan topi keledar adalah dengan berkempen, memberitahu dan menerangkan kepada mereka iaitu menggunakan topi keledar bukan kerana kita takut ditangkap oleh polis ataupun JPJ, tetapi adalah untuk menyelamatkan nyawa. Begitu juga kita akan berkempen di sekolah-sekolah sebagaimana Yang Berhormat cadangkan tadi, itu betul. Kita hendak membuat mereka insaf...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita kempen daripada Tadika, Tuan Pengerusi supaya dia takut. Cuma yang saya lihat Tuan Pengerusi, sesetengah negara, kereta api itu, dia orang tidak duduk di dalam, dia duduk di luar, yang duduk atas bumbung, bergayut, tetapi dia orang tidak jatuh, tidak mati. [Ketawa] Kerajaan biarkan. Kadang-kadang saya fikirkan manusia ini kalau kita kata tidak usah buat, lagi dia hendak buat. Kalau kita kata buat, dia tidak buat. Ya, sungguh. Macam anak-anak kita kata jangan naik (memanjat) pokok, larang dia naik pokok, dia akan naik. Tetapi kalau kita kata, 'naiklah pokok' dia tidak akan naik. Ini pandangan tetapi kalau dari segi manusia - *psychologically* kalau kita fikirkan, kita tengok setengah negara Tuan Pengerusi, orang

keluar ikut pintu, dia turun ikut tingkap dan bergayut, tidak ada apa. Macam sesetengah negara, kereta besar berlaga (berlanggar) dengan kereta kecil, kereta besar yang salah, kereta kecil tidak bersalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau kereta berlaga motosikal, motosikal salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cuba tengok jam sudah pukul berapa sekarang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa]* Saya beri pandangan, pasal saya beranggapan pandangan saya ini cukup baik. Mungkin kalau boleh kementerian ambil kiralah, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat ini memang menggunakan *reverse psychology*.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya tambah sedikit atau tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak tambah ucapan atau minta penjelasan?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Hendak minta penjelasan.

Sebab saya bimbang dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai ini, Tuan Pengerusi. Dalam kita kempen maknanya isu kemalangan dan kematian begitu ramai...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bererti Yang Berhormat tidak bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya lebih bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri maknanya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai. Kempen ini harus diteruskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab tadi saya sudah cakap apa yang dia kata mungkin tidak tepatlah...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Betul, betul saya setuju dengan Tuan Pengerusi. Pandangan saya ialah kempen ini sepatutnya lebih berhemah. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mencadangkan tadi supaya kempen berhati-hati di jalan raya ini diubah kepada kempen bertolak-ansur atau bertimbang rasa di jalan raya.

Sebab dalam jalan raya itu sering kali kita memandu laju jadi kita hendak memotong dia daripada sebelah kanan tetapi kita dapati ramai sangat - kalau saya ambil dalam tempoh seminggu ini, saya melalui jalan Sabak Bernam ke Shah Alam, saya lihat dalam saya hendak memotong itu saya ingat berpuluh-puluh kereta tidak membenarkan kita memotong. Oleh kerana itu kempen itu harus berbunyi pemandu harus bersikap bertolak ansur dan bertimbang rasa kerana saya beranggapan - Sabak Bernam beranggapan bahawa bila dia di kanan itu, dia *slow* itu, dia berhati-hati di jalan raya tetapi berhati-hati dia itu menyebabkan orang lain marah, yang hendak memotong itu mengikut peraturan tidak boleh dia potong sebelah kiri. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, memang itulah semangat yang kita ingin semaikan adalah semangat berhemah dan semangat sentiasa mengamalkan sikap berhati-hati di jalan raya dan kalau kita dapat menyemaikan semangat itu saya percaya di jalan raya kita semakin hari semakin selamat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Santubong juga menyentuh mengenai *personal insurance* dalam menangani isu keselamatan jalan raya. Seperti yang dilaporkan di akhbar baru-baru ini kerajaan sedang mengkaji untuk menukarkan penekanan insurans

bagi menghukum pengguna jalan raya yang sedang melakukan kesalahan dan memberi ganjaran kepada pengguna jalan raya yang mematuhi peraturan lalu lintas. Yang Berhormat bagi Santubong mengatakan kerajaan menangani isu keselamatan jalan raya ini dari satu dimensi sahaja. Sebenarnya ini tidak betul kerana kerajaan telah mengenal pasti 15 sektor untuk menangani isu keselamatan jalan raya iaitu:-

- (i) pengurusan dan kombinasi program keselamatan jalan raya;
- (ii) sistem data kemalangan;
- (iii) peruntukan kewangan untuk program keselamatan jalan raya;
- (iv) perancangan reka bentuk jalan yang selamat;
- (v) peralatan kawasan kerap berlaku kemalangan;
- (vi) pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah;
- (vii) latihan dan ujian memandu;
- (viii) kempen keselamatan jalan raya;
- (ix) piawaian keselamatan kenderaan;
- (x) peraturan lalu lintas;
- (xi) penguat kuasa undang-undang;
- (xii) bantuan kecemasan selepas kemalangan;
- (xiii) penyelidikan keselamatan jalan raya;
- (xiv) penentuan kos kemalangan jalan raya; dan
- (xv) kerjasama antara agensi dan pihak swasta.

Kalau kita melihat kepada 15 faktor ini menunjukkan bahawa pendekatan kita dalam *holistic* yang kita menggunakan segala sudut dan segala pendekatan untuk menentukan program kita akan berjaya. Yang Berhormat bagi Puchong mencadangkan bahawa *hotline* disediakan untuk aduan awam dan perlu ada penyelarasan antara JPJ dan LPKP. Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Puchong supaya diadakan *hotline* untuk aduan awam, kedua-dua agensi telah mempunyai talian *hotline* tersendiri. Walau bagaimanapun pihak kementerian sedang meneliti satu cadangan untuk menubuhkan *call center* bagi mengendalikan aduan berpusat berkaitan kesalahan lalu lintas secara elektronik dan sistematik. Aduan-aduan yang diterima dan disalurkan secara elektronik kepada agensi-agensi penguat kuasa seperti polis, JPJ, LPKP, Kementerian Pelancongan dan untuk tindakan segera agensi berkenaan. Tindakan yang telah diambil dan apa-apa kejadian yang berlaku dapat dilaporkan kepada pusat ini dan...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Datuk Douglas Uggah Embas: ...tunggu saya selesaikan ini. ...direkodkan oleh *call center* dan maklumat-maklumat ini dimajukan kepada jabatan-jabatan berkenaan untuk membantu mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berterima kasihlah kalau ada satu cadangan untuk menggabungkan semua *call center* ini tetapi persoalannya sekarang ini ialah bila? Kerana masalah-masalah sedang berlaku.

Banyak kes yang tertentu telah berlaku dan juga banyak *complain* daripada umum (*public*) ini. Saya hendak tahu bilakah dan bagaimana - adakah ini satu-satu keutamaan (*priority*) kementerian Yang Berhormat untuk menubuhkan satu *coordinator* ataupun satu *center* yang penting untuk orang ramai, masalahnya bila?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, memang sistem *integration* ini adalah satu keutamaan dari kementerian kerana kita mendapati bahawa ada beberapa kementerian ada kuasa untuk menguatkan kuasa di jalan raya misalnya LPKP, Polis, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Alam Sekitar dan juga JPJ.

Sebelum ini tidak ada satu sistem yang meng*integrate* segala maklumat-maklumat yang didapati di satu-satu jabatan, di sesuatu kementerian. Kementerian telah mendapati ataupun kerajaan telah mengarahkan bahawa satu sistem integrasi haruslah ditubuhkan. Dengan adanya sistem integrasi ini, maka segala tindakan dan usaha dari tiap-tiap jabatan ini dapat dikongsi sama oleh semua jabatan berkenaan.

Yang Berhormat bagi Puchong juga menyentuh mengenai Kempen Keselamatan Jalan Raya. Kerajaan telah mengenal pasti tiga golongan utama yang terlibat dalam kes kematian jalan raya yang saya ada sebut tadi ialah pengguna motosikal 56%, pengguna motokar 90% dan pejalan kaki 11%. Oleh yang demikian, maka kempen-kempen yang seperti yang saya sebutkan kita akan jalankan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat menyentuh mengenai bagaimana kerajaan mengawal insurans terbang. Bagi membendung masalah amalan insurans terbang, JPJ telah memperkenalkan pengguna insurans secara elektronik yang dinamakan E-Insurans. Sistem ini dinamakan E-Insurans melalui sistem dengan data-data insurans akan diperluaskan secara *online* dari syarikat insurans dan JPJ. JPJ hanya akan membenarkan pembayaran cukai yang menggunakan ataupun *road tax* melalui sistem E-Insurans ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya juga bangkitkan mengenai kajian sistem pengangkutan awam ini. Saya tidak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab atau belum sebab saya tadi keluar sekejap kerana tugas yang tertentu. Kalau belum jawab saya hendak tahu apakah status kajian dengan sistem pengangkutan terutama di Klang Valley ini ataupun di Lembah Klang ini dan kepadatan penduduk dan sebagainya, apakah jawapannya?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, sistem jawapan saya adalah mengikut bahagian-bahagian. So, yang pertama saya menjawab mengenai keselamatan jalan raya dan JPJ dan selepas itu nanti saya akan tiba masa untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Itulah sebab kita kalau dilihat saya tidak mengikut giliran Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bercakap tetapi mengikut tajuk-tajuk tertentu, harap itu lebih teratur.

Yang Berhormat bagi Tanjong bertanya kenapa kenderaan-kenderaan yang dikelaskan *total lost* masih berada di atas jalan raya sedangkan kenderaan tersebut tidak selamat disebabkan kenderaan tersebut 'potong sambung', ini masalah kereta potong. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat mana-mana kenderaan yang disahkan potong sambung akan di senarai hitam oleh JPJ dan akan membatalkan pendaftaran dan pelesenan kenderaan tersebut. Mengikut undang-undang yang sedia ada adalah menjadi tanggungjawab pemilik kenderaan untuk memaklumkan kepada Ketua Pengarah JPJ apabila kenderaan milik mereka telah di kelaskan sebagai *total lost*.

Pada masa yang sama menyerahkan kad pengakuan pendaftaran kenderaan kepada JPJ untuk memasukkan maklumat *total lost* dan senarai hitam tetapi apa yang berlaku pemilik kenderaan menyerahkan kad pengakuan kenderaan kepada pengarah JPJ kepada pihak insurans dan insurans tidak memaklumkan atau menyerahkan kad tersebut kepada JPJ. Tindakan ini menyebabkan JPJ sukar mengawal kereta 'potong sambung' malah akan disyaki dan dihantar melainkan dia di periksa oleh PUSPAKOM.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Sekijang

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Sekijang, Sekijang, Sekijang.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sebab dia jawab soalan saya. Ya, betul Timbalan Menteri? *[Ketawa]*

Datuk Douglas Uggah Embas: Bagi Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di peringkat dasar dulu saya ada membangkitkan juga tentang kereta potong ini di mana salah sebuah anak syarikat EON menjalankan operasi yang sama pada kereta baru. Tetapi saya tidak mendapat jawapan yang begitu konkrit sama ada dasar ini, cara ini dibenarkan oleh pihak kementerian ataupun kereta potong ataupun kereta sambung ini hanya kepada kereta-kereta lama sahaja, tetapi kereta-kereta baru kita tidak panggil sebagai kereta potong. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Bagi pihak PUSPAKOM iktiraf definisi kereta potong adalah jelas iaitu kereta yang disambung dengan secara haram. Jadi inilah merbahaya dan inilah saya tidak tahu apa yang disuarakan Yang Berhormat masa...

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Maksud saya, sebab kereta yang dipakai oleh Yang Berhormat sendiri pun adalah merupakan kereta potong dan disambung oleh sebuah anak syarikat EON, saya difahamkan, bahawa kereta ini pada asalnya adalah kereta Perdana. Kemudian apabila kereta ini untuk dijadikan *Executive*, dipotong semula, disambung dan dijual semula kepada pihak SPANCO, dan diguna pakai oleh menteri, timbalan menteri dan VVIP di dalam negara kita ini. Jadi, saya nak tahu sama ada yang ini dihalalkan ataupun yang satu lagi itu, yang dibuat di bengkel-bengkel yang kereta lama disambung ini tidak dihalalkan. Jadi saya inginkan penjelasan yang itu. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak pasti sama ada tuduhan Yang Berhormat itu betul atau tidak. Saya yakin bahawa teknologi yang digunakan Proton adalah teknologi yang cukup sesuai dan telah pun diiktiraf oleh kementerian bahawa kereta yang kita gunakan adalah *roadworthy*. Jadi ia bukanlah ditafsirkan sebagai kereta potong.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat..

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya fikir tidak ada manfaat kita..

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Bukan maksud itu. Saya pernah berdialog dengan pihak Proton sendiri. Sebab dia berkata bahawa kereta itu bukan kereta dia. Jadi, kereta itu dijual kepada sebuah syarikat lain, dan syarikat lain yang mengubahsuainya. Jadi itulah maksud saya. Bukan kata saya membuat tuduhan dan sebagainya. Tetapi untuk memastikan bahawa keselamatan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga keselamatan-keselamatan yang lain juga terjamin sama. Sebab kita bila berkata kepada kereta potong ini, masyarakat berkata, masyarakat bercakap tentang perkara-perkara ini. Jadi, bila ia merujuk kepada kita sebagai wakil rakyat, jadi kita pun tak menjawab pun serba salah. Yang ini dihalalkan, yang itu diharamkan. Jadi, yang mana satu ini? Jadi, sebab itu saya menyuarakan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, kita mengambil maklum apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya rasa Timbalan Menteri yang memberi jawapan kepada Yang Berhormat Sekijang, sekurang-kurangnya boleh memberi jaminan di Dewan ini bahawa kementerian akan mengarahkan satu siasatan terhadap apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sekijang. Saya pun ada sebut bahawa dalam bukan kes Perdana *Executive*, tetapi dalam kes Proton Wira eksport *edition* dan juga Gen 2 baru, juga wujud masalah kereta potong disambung.

Dalam peringkat mana tidak ada orang tahu, tetapi kereta itu baru keluar dari pengedar Proton. Jadi saya harap kementerian boleh melakukan satu siasatan terhadap apa yang disuarakan dan saya juga terima kasihlah kementerian sedar wujudnya masalah apa yang saya dan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ada sebut. Saya juga berharap kerajaan boleh ambil ketetapan untuk melakukan satu dasar yang baru di mana mewajibkan semua kenderaan persendirian yang sudah diguna bagi satu tempoh tertentu mungkin 5, 7 tahun dan sebagainya untuk menjalani pemeriksaan secara wajib di PUSPAKOM supaya dapat memastikan apa yang berada di jalan raya, *roadworthiness*nya terjamin.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang cadangan Yang Berhormat itu adalah cadangan yang baik. Kita mendapati di beberapa negara, amalan ini memang diamalkan di negara-negara tertentu di mana apabila kenderaan itu menjangkau sesuatu usia, ianya hendaklah diperlukan mengadakan pemeriksaan. Diwajibkan mengadakan pemeriksaan. Di negara kita, ini kita kena fikir dengan sedalamnya.

Kerana apabila kita menjalankan syarat-syarat tersebut, saya kluatir yang pertama akan mengambil menanggung di air keruh kawan-kawan sebelah sana. Kerana apabila kita mewajibkan pemeriksaan kenderaan, ini akan membebankan rakyat. Itulah satu tuduhan yang mungkin akan dilemparkan oleh parti pembangkang yang selalu 'menanggung di air keruh.' Sebab itulah kita kena berhati-hati. Langkah itu memang baik. Tetapi kita kena lihat, dan tengok keadaan dan bagaimana kita dapat menentukan bahawa perkara-perkara itu berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Petrajaya Yang Berhormat, Petrajaya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Petrajaya, okey.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan tanggungan. Tanggungjawab untuk memastikan kereta sama ada dipotong ataupun tidak adalah tanggung jawab pemilik seperti mana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jadi, bila katakan pemilik, kebanyakannya kereta potong adalah kereta *second-hand*. Maknanya ia dijual di syarikat-syarikat menjual kereta-kereta *second-hand*, dengan izin.

Sekarang timbul permasalahan. Bila pembeli, mereka tidak akan tahu sama ada kereta tersebut kereta potong ataupun tidak. Jadi, bila kata pemilik, adakah kita mengatakan penjual ataupun pemilik yang telah berdaftar. Sebab kadang-kadang kita akan dapati kereta potong itu telah dipindah milik kepada pembeli. Jadi di sini saya ingin dapat penjelasan sama ada pemilik tersebut dikatakan pemilik berdaftar ataupun penjual kereta tersebut.

Jadi, ikutan dengan ini, saya ingin mendapat kepastian sama ada, adakah tidak hasrat kementerian kita untuk meletakkan tanggungjawab ini kepada pemeriksa, maknanya kita ada PUSPAKOM. Kalau adanya transaksi untuk membeli kereta *second-hand*, PUSPAKOM diletakkan tanggungjawab untuk memastikan kereta tersebut adalah, ada *roadworthiness*. Jadi, kalau sekiranya setelah berdaftar, jadi pemilik ataupun pembeli tidak boleh dipersalahkan kerana mereka mungkin tahu kedudukan kereta tersebut. Yang memastikan kereta tersebut *roadworthy* ialah sama ada PUSPAKOM ataupun JPJ. Bila memeriksa untuk mendaftarkan memastikan bahawa kenderaan tersebut selamat, dan bukannya kereta potong.

Jadi di sinilah, dari segi perundangannya kita kena lihat supaya kita tidak membebankan pada pemilik atau pembeli kereta yang tidak mengetahui, rakyat yang tidak mengetahui kedudukan kereta tersebut. Kalau dapat, mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah satu masalah yang kita hadapi kerana kadang-kadang pemilik atau pembeli tidak tahu bahawa kereta itu adalah kereta potong. Mungkin pemilik yang menjual kepada pembeli, yang ketiga adalah mungkin dia telah membeli daripada orang yang lain. Jadi kalau kita mengenakan syarat mewajibkan pemeriksaan ini, ini juga kita kena timbang dengan secara berhati-hati.

Walau bagaimanapun, sekarang syarikat kewangan telah menggunakan perkhidmatan PUSPAKOM untuk memeriksa kereta-kereta yang dibiayai oleh mereka. Oleh sebab itulah ada beberapa buah yang telah dikenal pasti sebagai kereta potong.

Bagaimanapun kementerian akan melihat ataupun akan mengkaji apakah tindakan yang sebaik-baiknya, yang dapat diterima oleh seluruh masyarakat dan juga dapat menentukan keselamatan jalan raya, dan juga dari segi undang-undang mana yang dapat ditentukannya, yang dapat membantu kita mengatasi masalah kereta potong dan menentukan kereta potong ini tidak wujud di jalan raya kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Hulu Langat menyentuh mengenai mengapa kebanyakan stesen penguat kuasa tidak berfungsi dengan baik dan anggota penguat kuasa JPJ tidak mengambil tindakan terhadap kesalahan muatan lebih. Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat ini, pada umumnya stesen penguat kuasa, satu-satu stesen penguat kuasa - kedua-dua akta iaitu Akta Pengangkutan Jalan dan Akta Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Jika anggota penguat kuasa dibuktikan menyeleweng, memang tindakan tegas akan diambil, jadi kita harap Yang Berhormat dapat menolonglah kalau ada bukti-bukti yang dia tidak mempedulikan lori-lori yang nampaknya *over weight* menggunakan jalan raya melintasi stesen dan sebagainya. Kita perlu bantuan dari orang-orang awam juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat teruskan jawapan kalau boleh habis sebelum 5.30 Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Apa dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan jawapan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, okey. Yang Berhormat Parit mengatakan program jangka masa panjang bagi meningkatkan keselamatan jalan raya, Majlis Keselamatan Jalan Raya tidak agresif di peringkat negeri. Mengenai program saya dah sebut dengan panjang lebar tadi.

Mengenai kegiatan ke Majlis Keselamatan Jalan Raya, memang di beberapa negeri ia nampak kurang aktif, tetapi kita mengharapkan tiap-tiap negeri dapat mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti mereka kerana Majlis Keselamatan Jalan Raya ini adalah satu organisasi sukarela, maka mungkin itulah sebabnya ada mereka yang kurang agresif di peringkat-peringkat negeri. Itulah sebab kerajaan memutuskan bahawa kita menubuhkan satu Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan kemudian nanti dalam waktu tersingkat ini kita akan menubuhkan Jabatan Keselamatan Jalan Raya di tiap-tiap negeri di seluruh negara.

Yang Berhormat Serdang dan Maran menekankan kepada pendidikan keselamatan jalan raya, ini kita setuju dan kita pun telah sebutkan tadi. Yang Berhormat Batu Gajah menyoal soalan mengenai keputusan JPJ menolak Surat Akuan Sumpah dari Suruhanjaya Sumpah untuk kereta tukar hak milik, untuk kereta terpakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Surat Akuan Sumpah mula digunakan di JPJ mulai tahun 2002. Penggunaan Surat Akuan ini bertujuan untuk memudahkan orang ramai untuk berurusan tukar hak milik, walau bagaimanapun JPJ telah mendapati bahawa ada juga surat-surat akuan sumpah ini telah dipalsukan. Ini telah menyebabkan JPJ di beberapa tempat tidak menerima Surat Akuan Sumpah untuk tukar hak milik.

Walau bagaimanapun kementerian telah mengarahkan JPJ untuk mengkaji sama ada kita dapat balik kepada keputusan untuk menggunakan dan menerima Surat Akuan Sumpah untuk penggunaan tukar hak milik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Biasalah kita dengar kaji, kaji, masalah mereka hadapi sejak September 2002, satu saya nak tahu kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah menjalankan perniagaan menjual kenderaan terpakai, dan sekarang kenderaan itu pemilik asal telah jual kepada syarikat Yang Berhormat, pemilik asal dah keluar negeri, kenderaan telah letak di sana selama setahun, ada pembeli baru mahu beli, tapi nak pergi tukar hak milik tak boleh sebab borang ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah.

Jadi perniagaan mereka tergendala sedemikian, tanya Yang Berhormat, bagaimana perasaan Yang Berhormat dan apa Yang Berhormat akan lakukan dalam situasi ini? Ada pembeli baru untuk kenderaan terpakai tapi tak boleh hubungi pemilik asal, jadi bagaimana nak jalankan perniagaan? Tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat akan buat kalau Yang Berhormat ialah penjual, tuan punya, pemilik, penjual kenderaan terpakai? Nak panggil tunggu-tunggu, kaji-kaji.....

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya faham.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dari awal-awal sepatutnya sudah ada konsultasi, maklumat awal, notis yang terawal kepada semua pemilik kenderaan. Jadi ini semua masalah tidak akan timbul, ada yang pemilik asal di luar negeri dan juga di negeri yang lain, panggil mereka datang balik untuk tandatangani di JPJ, mereka kata, "Hey, kenderaan saya sudah jual sudah lama, duit saya sudah ambil, mengapa saya nak susah-susahkan diri bayar tol, bayar petrol." Jadi bagilah cadangan Yang Berhormat sekarang kalau Yang Berhormat ialah penjual kenderaan terpakai apa nak buat, minta kaji, kaji lagi.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Konsultasi ada.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Kita mengakui masalah yang disentuh oleh Yang Berhormat. Oleh sebab itu kita telah berbincang bagaimana untuk mengatasi masalah ini kerana dalam masa yang sama kita juga menghadapi masalah pemalsuan. Apabila berlaku masalah pemalsuan ini, ini juga jadi masalah kepada kita. Walau bagaimanapun perkara ini memang dalam perbincangan sekarang.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan mengenai jumlah pesawat yang dimiliki oleh DCA bagi membantu tugas DCA berhubung laporan mengatakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menggunakan pesawat tersebut bagi kegunaan peribadi, politik MCA. Pada masa ini DCA memiliki dua buah pesawat jenis Lear dan satu buah pesawat jenis King Air bagi menjalankan tugas dan kerja 'kaliberasi' ataupun menjalankan tugas yang bersabit dengan DCA dan kementerian.

Berhubung dengan tuduhan bahawa Yang Berhormat Menteri menggunakan pesawat ini untuk kegunaan politik, ingin saya menegaskan di sini bahawa apabila Yang Berhormat Menteri menggunakan pesawat-pesawat ini adalah memang untuk tujuan tugas-tugas rasmi beliau.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Saya rasa jawapan semacam itu, tugas-tugas rasmi, itu tidak bererti berapa kali dia gunakan dalam tempoh *election* MCA dan setiap kali untuk apa? Boleh kita mahu butir-butir, bukan ada *general statement* kata bahawa itu untuk tujuan rasmi. Apa tujuan itu? Apa? Dari mana ke mana, untuk apa sebab? Kita mahu tahu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini bagi kita ia adalah untuk kegunaan rasmi untuk Menteri. Beliau melawat lapangan terbang-lapangan terbang, melawat pejabat-pejabat di bawah kementerian, pelabuhan-pelabuhan dan sebagainya, ini semua urusan rasmi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah kita ada satu senarai mungkin secara bertulis, senarai, tempoh itu, tarikh itu, setiap kali digunakan, untuk apa, dan apa? Bolehkah diberikan satu senarai?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ha, nanti kita timbang sama ada akan bagi senarai atau tidak. Yang Berhormat Jasin.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh ada, adakah kita boleh? Atau tak boleh? Atau itu rahsia? Kita mahu bolehkah? Boleh ke tak boleh?

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya akan melihat sama ada itu rahsia atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha?

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya akan melihat sama ada itu rahsia ataupun tidak. Kalau rahsia

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oh, itu pun rahsia ke?

Seorang Ahli: Tugas rasmi, bukan rahsia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah satu *ruling* dibuat oleh Tuan Pengerusi, adakah itu rahsia atau tak rahsia, oleh sebab begitu Peraturan Mesyuarat sama ada rahsia tak rahsia, perlulah satu keputusan dibuat. Lawatan pun rahsia?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri dah jawab Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri dah jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan jawab, kita mahu senarai, dia kata, "Tak tahu" rahsia ke tak rahsia, itu perkara. Adakah itu rahsia, itu bukan rahsia. Atau kita mahu rujuk kepada Perdana Menteri sama ada ia rahsia atau tak rahsia.

Datuk Douglas Uggah Embas: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jadual lawatan Menteri adalah tidak rahsia, jadi kita dapat jadual lawatan dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jadual? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri rujuk balik kalau perlu tanya pada menteri, kalau perlu tanya Perdana Menteri dan laporkan balik kepada Dewan sama ada jadual itu rahsia. Boleh ke?

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, baik. Bila? Bila boleh? Bila boleh, esok boleh? Atau minggu depan? Kita mahu tahu kita profesional, serius boleh?

Datuk Douglas Uggah Embas: Kita juga serius.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, serius bila? Esok tak boleh, depan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Kita kena tunggu, kita akan mengambil masa untuk lihat program senarai itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minggu depan boleh?

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya tidak boleh janji.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Atau mahu tahun depan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, tahun depan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tahun depan? Atau mahu Parlimen depan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Parlimen depan pun boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini tahun depan. Apa tahun depan apa guna? Dua bulan ini buat apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Ipoh Timor. Menteri, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan main-main, kita mahu tahu, bolehkah minggu depan? Bolehkah atau mahu tahun depan? Satu perkara mahu siasat mahu tahun depan? Kita mahu tahu, minggu depan, boleh tak boleh. Boleh?

Datuk Douglas Uggah Embas: Mungkin saya tak dapat janji minggu depan mungkin awal bulan depan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Awal bulan depan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat dia dah bagi jawapan. Yang Berhormat Menteri....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu tengok kecekapan, kecekapan. Kita sini tak puas hati, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional semua puas hati, mereka perlu rela menerima *fourth rate, fifth rate, ninth rate* jawapan. Oleh kerana mereka *tenth rate* Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan jawapan Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Jasin menanya mengenai naik taraf lapangan terbang Melaka, apakah seharusnya, seterusnya kini. Makluman Yang Berhormat Jasin projek menaik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka sedang dalam proses penyediaan cadangan teknikal dan kewangan oleh pihak kontraktor yang terlatih. Rundungan hanya akan dilakukan sebaik sahaja penilaian ke atas cadangan teknikal dan kewangan ini dibuat. Adalah dijangkakan projek ini akan dapat dimulakan pada bulan Januari 2006, apabila siap nanti dapat menampung pesawat B737.

Yang Berhormat Jasin juga menyentuh mengenai 50 peratus pekerja di KLIA adalah buruh asing. Kita mengakui memang terdapat tenaga kerja buruh asing di KLIA. Namun begitu, tenaga kerja buruh asing ini menjalankan tugas-tugas manual dan diambil kerja oleh kontraktor-kontraktor yang mempunyai kontrak perjanjian dan syarat-syarat penerangan atau syarikat pengendalian lapangan terbang.

Tugas seperti di kaunter-kaunter, *check in*, kaunter penerbangan dan kedai-kedai masih menggunakan anak-anak tempatan dan kita juga tidak mengorbankan keselamatan lapangan terbang kita maka kita menentukan bahawa ada tempat-tempat memang hanya menggunakan anak tempatan.

Yang Berhormat Beluran sama ada selamat atau tidak menaiki penerbangan Air Asia. Untuk makluman Yang Berhormat setiap pesawat perlu melalui pemeriksaan oleh bahagian *Airworthiness*, Jabatan Penerbangan Awam selaras dengan artikel 26(1) *Civil Aviation Regulation* 1996.

Ini adalah untuk memastikan bahawa ia mematuhi *international standard* yang telah ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization (ICAO)*. Oleh yang demikian, penerbangan Air Asia adalah selamat untuk digunakan.

Yang Berhormat daripada Sandakan ada ...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih penjelasan yang telah diberikan mengenai regulasi yang sepatutnya dipatuhi setiap oleh sesuatu syarikat penerbangan. Saya nak tahu berapa jam penerbangan kita terpaksa untuk *ground* servis sekali mengikut kategori moral kapal terbang sebagai contoh Boeing 737, 747 dan Airbus dan seterusnya. Kalau Yang Berhormat tak ada data sekarang bolehkah Yang Berhormat bagi saya secara bertulis?

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya tak ada angka terperinci tetapi syarat-syarat yang dikenakan oleh ICAO adalah memang ada protokolnya sendiri menentukan waktu pemeriksaan mesti diwajibkan dan protokol-protokol *pre-departure flight* dan sebagainya. Jadi semua ini adalah dijalankan mengikut ICAO *standard*.

Yang Berhormat bagi Sandakan mencadangkan bahawa menaikkan Lapangan Terbang Sandakan, Kementerian Pengangkutan akan setakat sekarang kita tidak ada rancangan untuk menaiktarafkan Lapangan Terbang Sandakan.

Yang Berhormat Mambong ada menyentuh mengenai keadaan di KLIA, beliau persoalan keputusan untuk menambahkan kedai-kedai di KLIA. Untuk makluman Yang Berhormat inilah satu inisiatif untuk meningkatkan keupayaan KLIA untuk bersaing dengan lapangan terbang yang lain. Di samping itu adalah penting untuk KLIA untuk meningkatkan daya tariknya kepada penumpang-penumpang di seluruh dunia. KLIA tidak pernah dan tidak akan mengubah konsep *forest in the airport*, malah ia juga merupakan tarikan utama penumpang asing untuk terus menggunakan KLIA. Ini juga menyahut seruan sebahagian daripada masyarakat bahawa ruang-ruang di KLIA sebelum ini adalah terlalu kosong, maka ianya tidak mencerminkan imej yang baik, maka itulah kerajaan telah memutuskan memberi arahan kepada MAB untuk mengadakan banyak lagi ruang untuk kedai-kedai di KLIA.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Mengenai satu perkhidmatan baik untuk pelawat-pelawat dari luar negara. Saya mempunyai pengalaman, bila ada dua tiga kapal terbang yang besar daripada luar negara turun tetapi ruang-ruang imigresen, masih tinggal enam atau tujuh ruang sahaja sehingga pelawat-pelawat dari luar negara terpaksa tunggu sehingga mungkin satu jam, dua jam untuk imigresen *clearance* ini. Adakah Yang Berhormat untuk bercadang kepada MAB ini berdialog dengan Jabatan Imigresen supaya kalau ada penerbangan-penerbangan yang besar dengan jumlah penumpang yang ramai itu, bila datang dengan sekali gus, kita akan buka lebih kaunter lagi imigresen itu supaya *clearance* itu dapat dipercepatkan.

Saya bagi contoh, kalau kita pergi ke lapangan terbang di Hong Kong. Hong Kong ini merupakan satu lapangan terbang yang sibuk dalam dunia ini, bila ada dua tiga atau empat kapal terbang yang besar daripada luar negara, mereka cepat-cepat mengarahkan pegawai-pegawai imigresen itu membukakan ruang lebih lagi untuk mempercepatkan lagi imigresen *clearance*. Saya berharap Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada MAB ini supaya satu sesi dialog berkenaan dengan Jabatan Imigresen, kalau tenaga atau pegawai imigresen tak cukup, kita boleh tambahkan supaya imigresen *clearance* dapat dipercepatkan dan ini akan memberi keselesaan kepada pelawat-pelawat dari luar negara. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang perkara ini kita selalu timbang, sebenarnya kelmarin kita mengadakan mesyuarat di KLIA untuk melihat pelbagai masalah termasuk masalah keselamatan di KLIA. Jadi cadangan Yang Berhormat ini kita akan ambil kira.

Tuan Pengerusi Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah pun menanya mengenai penggunaan pesawat Fokker F50 di Sabah dan Sarawak. Pesawat Fokker dan Twin Otter yang digunakan oleh MAS memenuhi standard dan tahap keselamatan yang ditetapkan. Namun demikian, MAS juga mempunyai perancangan untuk membuat kajian mengenai pesawat-pesawat yang sesuai yang boleh digunakan di kawasan-kawasan tersebut. Yang Berhormat bagi Putatan ada memberitahu bahawa tanah-tanah yang dimiliki oleh DCA, di roboh, diceroboh oleh setinggan, mengapakah DCA membenarkan setinggan berada di atas tanah milik DCA.

Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan tidak pernah membenarkan mana-mana setinggan untuk membina penempatan di tanah-tanah milik kerajaan. Sebaliknya tanah-tanah ini dicerobohi oleh setinggan-setinggan. Bagi mengatasi masalah ini mana-mana tanah milik DCA yang kosong akan di pagar bagi mengelakkan pencerobohan oleh setinggan.

Yang Berhormat bagi Bukit Mas juga bertanya mengenai pembinaan lapangan terbang di PaK Dali. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah menerima surat daripada kerajaan negeri bahawa mengikut pandangan kerajaan negeri, pembinaan lapangan terbang di Pak Dali ini perlu ditangguh sementara dengan tujuan untuk menaikkan taraf lapangan terbang di Bario.

Yang Berhormat bagi Putatan telah bertanya mengenai pembesaran Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Kontraktor telah membina *site office* walaupun belum dilantik. Kontraktor yang dilantik bukannya dari Sabah. Yang pertama kontraktor tersebut memang telah pun dikeluarkan surat niat. Walaupun demikian, kementerian telah meminta kontraktor tersebut untuk membuat pembaikan segera ke atas landasan yang rosak demi keselamatan. Itulah sebabnya ada *site office* Yang Berhormat nampak tadi. Kerja-kerja menaik taraf di Lapangan Terbang Kota Kinabalu dibuat tiga pakej, pakej yang ketiga adalah infrastruktur, ini akan ditentukan untuk rakyat dari Sabah.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh membuat cadangan untuk membesarkan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, Kelantan kepada taraf lapangan terbang antarabangsa. Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, Kelantan telah dinaik taraf pada tahun 2002 yang boleh menampung operasi pesawat B737. Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menaik taraf lapangan terbang ini kepada lapangan terbang antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Kudat menyentuh mengenai cadangan menaik taraf Lapangan Terbang Kudat yang beroperasi pesawat F50 - kementerian juga tidak ada cadangan untuk menaik taraf lapangan terbang ini. Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah bertanya tadi sama ada Air Asia bercadang untuk menjadikan Lapangan Terbang Ipoh sebagai *hub* dan sedang ada rundingan dengan kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tidak ada perbincangan ataupun cadangan diterima daripada Air Asia oleh Kementerian Pengangkutan untuk tujuan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Maran bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan pembinaan Lapangan Terbang Pulau Tioman dan bilakah ia akan bermula. Projek pembinaan Lapangan Terbang Pulau Tioman adalah akan diteruskan sebagaimana yang telah dirancang. Status terkini adalah kementerian sedang menyediakan keperluan bagi mematuhi syarat-syarat kajian kesan alam sekitar. Adalah dijangka projek ini dapat dimulakan awal tahun 2006. Yang Berhormat bagi Maran juga mencadangkan mengenai membesarkan Lapangan Terbang Kuantan. Adakah pembukaan Lebuhraya Pantai Timur akan memberi kesan kepada penumpang-penumpang menggunakan lapangan terbang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian tidak bercadang untuk menaik taraf Lapangan Terbang Kuantan Pahang. Lapangan terbang ini boleh mengendalikan Airbus 330 pada masa sekarang. Memang pembukaan Lebuhraya Pantai Timur telah memberi kesan kepada jumlah penumpang di lapangan terbang tersebut. Jumlah penumpang telah pun berkurang. Mengikut statistik kita pada tahun 2000 ada 400,019 penumpang telah pun turun kepada 300,049 pada tahun 2004.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah mencadangkan bahawa menambahkan kekerapan penerbangan di antara Kuala Lumpur dan Ipoh. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan yang disediakan oleh MAS adalah berdasarkan kepada permintaan. Jika permintaan meningkat MAS akan mempertimbangkan cadangan untuk menambahkan kekerapan penerbangan. Untuk makluman Yang Berhormat, permintaan untuk penerbangan antara Kuala Lumpur dan Ipoh menurun secara mendadak apabila Lebuhraya Utara Selatan dibuka.

Yang Berhormat bagi Bandar Kuching bertanya mengenai nahas Helikopter Hornbill Skyway di Kuching pada September 2004. Laporan siasatan nahas Helikopter Hornbill Skyway di Kuching sedang di peringkat terakhir. Jabatan Pertahanan Awam menyatakan laporan siasatan akan dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri sebaik sahaja selesai untuk pengumuman secara rasmi. Yang Berhormat juga tadi bertanya mengenai pembelian sebuah *business jet* yang berharga RM70 juta sama ada itu khas untuk Ketua Menteri Sarawak, sama ada kita akan menyiasat. Apa yang dibuat oleh Hornbill Skyway adalah satu keputusan komersial. Hornbill adalah sebuah syarikat, jadi dia boleh buat keputusan untuk beli kapal terbang kerana saya pasti mereka akan menimbang sama ada pembelian itu adalah ekonomik atau tidak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai siasatan itu, saya harap Timbalan Menteri akan mempercepatkan siasatan itu dan ada satu soalan yang saya ingin tanya sama ada syarikat yang membina Helikopter Bell iaitu jenis helikopter yang terhempas itu sama ada mereka ada insurans dan sama ada insurans pampasan itu telah dibayar kerana mengikut maklumat saya, Syarikat Bell itu belum bayar pampasan insurans atas kelakuan ini. Ini soalan pertama.

Kedua adalah mengenai Syarikat Hornbill Skyway Sdn. Bhd. Ia bukan satu syarikat *private company*. Saya akan menunjukkan iaitu pemegang sahamnya adalah Yayasan Sarawak iaitu satu *investment* am Kerajaan Negeri Sarawak dan satu lagi adalah Sarawak Timber Industry Development Corporation yang juga ada kaitan dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh itu, ia bukanlah 100% *commercial company*, tapi ada kaitan yang rapat dengan kerajaan dan sama ada sebagai seorang Ketua Menteri dia...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ... *entitled to private jet or not*. Oleh itu saya ingin menyeru supaya kementerian boleh mengambil satu siasatan dan mengemukakan hasil siasatan ini.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat, tapi saya ingin mengingatkan Yang Berhormat bahawa tanggungjawab kementerian adalah

mengawal selia. Jadi apa-apa perkara di luar pengawal selia yang diperlukan termaktub dalam undang-undang itu kita tidak dapat mengambil tindakan. Jadi mungkin Yang Berhormat memerlukan forum yang lain kalau Yang Berhormat masih memerlukan siasatan dibuat untuk pembelian pesawat tersebut.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai pampasan insurans.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, mengenai insurans ini memang dia ada insurans, tapi saya tidak pasti sama ada dia telah dibayar ataupun belum. Saya akan *check* dan beri maklumat kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, apa jawapan itu? Memang dia ada insurans tapi tidak tahu dia bayar atau tidak bayar. Apa jawapan itu? Kalau tidak bayar, tidak ada insurans! Apa jawapan ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tidak dengarkah? Saya kata memang ada insurans, tetapi sama ada dia telah bayar ataupun belum...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak bayar...

Datuk Douglas Uggah Embas: ...saya tidak ada maklumat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...ia tidak ada insurans!

Datuk Douglas Uggah Embas: Tidak fahamkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau insurans sudah *expired* tidak bayar, ini tidak ada insurans.

Datuk Douglas Uggah Embas: Macam mana Yang Berhormat tahu insuransnya *expired*?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa yang begitu *simple* pun tidak faham?

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat yang tidak faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan. Dia ada insurans atau tidak ada insurans?

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Bandar Kuching dah faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh faham?

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Bandar Kuching dah faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Bankrupt!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat!

Tuan Chong Chieng Jen [Ipoh Timor]: Mana boleh faham!

Seorang Ahli: Boleh faham, boleh faham, boleh faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Teruskan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya fikir Yang Berhormat ini perlu pergi jumpa doktor.

[Dewan menjadi gamat seketika]

Beberapa Ahli: Betul! Betul!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa doktor? Mahu jumpa doktor. Lebih baik Yang Berhormat pergi jumpa doktor.

[Dewan menjadi gamat seketika]

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, ramai Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Malaysian Airline System (MAS). Kementerian dan juga kerajaan

juga memahami masalah yang dihadapi oleh MAS dan saya harap kita sama-sama mengikut nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita sabar untuk menunggu pelbagai tindakan yang akan diambil khasnya oleh pengurusan MAS yang baru. Oleh yang demikian maka beberapa perkara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat saya tidak hendak mengulas di sini kerana jawapan mengenai MAS ini memang banyak telah dijawab semasa jawapan dasar tempoh hari. Bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai langkah akan diambil oleh pengurusan MAS untuk menentukan bahawa MAS dapat untung kembali:

- (i) menyusun semula kapasiti dan kekerapan operasi - Tindakan ini melibatkan kajian secara menyeluruh dan terperinci kerana operasi ke setiap destinasi dengan mengambil kira kos operasi dan keperluan trafik. Namun sebarang tindakan yang diambil sama ada untuk mengurangkan kekerapan penerbangan akan di bincang dengan kerajaan setelah mengambil kira kepentingan destinasi antara fasa berkenaan dari segi pelancongan;
- (ii) meningkatkan pendapatan MAS bagi setiap destinasi MAS - Tindakan ini melibatkan peningkatan kadar tambang secara menyeluruh. Walau bagaimanapun MAS akan berhati-hati dalam pelaksanaan dengan mengambil kira, kadar tambang yang dikenakan oleh pesaing-pesaingnya supaya menentukan tambang MAS adalah menarik kepada penumpang-penumpang;
- (iii) pengurangan kos operasi - MAS telah mula membuat kajian secara menyeluruh dan objektif mengurangkan kos operasi di semua peringkat syarikat. Ini termasuk pendekatan-pendekatan baru serta cara-cara untuk mengurangkan kos operasi tanpa kesan-kesan negatif ke atas perkhidmatan kepada penumpang. Mengenai *capital expenditure* MAS hanya akan melaksanakan projek-projek yang penting sahaja dan dapat memperoleh pulangan-pulangan kepada beberapa pelaburan positif. Selain daripada itu MAS juga akan membuat keputusan terhadap aset-aset tertentu yang mungkin boleh dijual dengan mendapat pulangan yang positif tanpa menjejaskan kedudukan syarikat bagi jangka masa panjang;
- (iv) MAS akan melaksanakan pendekatan *fuel hedging* yang lebih efektif supaya memastikan syarikat tidak menghadapi kerugian yang ketara akibat kenaikan bahan bakar yang mendadak dan berterusan; dan
- (v) langkah-langkah lain - MAS akan terus melaksanakan langkah-langkah yang strategik untuk meningkatkan kedudukan kewangannya untuk melibatkan aktiviti secara berikut:-
 - (a) meningkatkan penjualan *goal in holidays* sertapenjualan tempatan *temptation product*;
 - (b) meningkatkan aktiviti *maintenance repair* dan *overhaul* dengan izin, kepada syarikat-syarikat penerbangan;
 - (c) memasarkan kemudahan-kemudahan latihan MAS kepada akademi, kepada syarikat-syarikat penerbangan yang lain;
 - (d) meningkatkan pendapatan *ground and link services* kepada syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa.

Jadi itulah beberapa langkah yang diambil oleh MAS dan kita berharap...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: ...engan beberapa tindakan yang akan diambil itu kita berharap masalah ini dapat diatasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mana satu hendak bagi Yang Berhormat, Kepong atau Puchong?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kepong boleh... *senior* sekejaplah, bagi *junior* dahulu

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat? Puchong dahulu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus kan Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih. Saya memang mengalu-alukan langkah-langkah yang diambil oleh MAS ini untuk memperbaiki prestasi dalam masa yang akan datang tetapi kalau ada pegawai-pegawai dari MAS ini saya ingin memberi sedikit pandangan ataupun pengalaman saya. Ini mengenai *more on the ticketing, operational issue* di mana *ticketing* ini telah membolehkan MAS mendapat pendapatan.

Semasa saya ada di New York baru-baru ini, semasa saya hendak *confirm* tiket hendak balik ke Malaysia ini saya telah diberikan satu jawapan yang orang kata sangat aneh binti ajaib. Saya telah diberitahu bahawa pegawai MAS di New York, dia kata kalau hendak *confirm* tiket itu *you* terpaksa *call agent* di Malaysia dan inilah masalah-masalah operasi bagi saya yang tidak mesra pelanggan (*customer friendly*). Saya sebagai, Ahli Parlimen yang *have to* memperkenalkan diri sebagai Ahli Parlimen pun mendapat layanan semacam ini. Saya tidak tahu bagaimana cara dia untuk *handling* orang ramai (*customer*) yang di luar itu. Saya berharap supaya MAS memberi satu strategi atau langkah tertentu untuk memberikan perhatian kepada *details* macam ini kerana ini akan memberikan satu impak yang negatif kepada pelanggan ataupun prestasi di masa yang akan datang. Saya hendak tanya apa komen Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh MAS dan ramai juga Yang Berhormat di dalam Dewan ini semasa perbincangan dasar dan perbincangan jawatankuasa ini telah pun menengokkan pelbagai masalah dan kekurangan yang dihadapi oleh MAS, maka kita akan mengambil perhatian semua perkara ini dan saya harap kita yakin bahawa *management* yang baru ini dapat mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masalah-masalah supaya MAS dapat bersaing dengan *airline* yang lain. Kita juga jangan lupa bahawa MAS juga ada peranan memainkan peranan sosial untuk membantu pelancongan dan membantu negara kita serta membawa bendera kita ke seluruh dunia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Selain daripada langkah-langkah yang diambil untuk menjadikan MAS yang lebih kukuh, lebih untung, apakah sekarang *fleet* untuk pelbagai pesawat di dalam MAS sekarang. Adakah pihak MAS bercadang untuk membeli pesawat-pesawat yang baru termasuk *airbus* dan sebagainya - *airbus* yang terbaru yang kononnya yang terbesar sekali, ST0 ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Soalannya? Soalanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini minta penjelasan, bukan nya....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya minta penjelasan. Itu penjelasanlah itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Ya, saya hendak tahu, apakah pihak MAS hendak mengeluarkan yang wang begitu banyak untuk membeli pesawat-pesawat, adakah pesawat yang ada sekarang cukup untuk menampung keperluan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, ini yang berkaitan, sambung sedikit lagi. Timbalan menteri, saya minta maaf. Oleh kerana pada saya *simple* sahaja, yang hendak datang ini adakah Timbalan Menteri menganggap bahawa segala kurap yang ada pada MAS ini - kurap-kurap ini penyakit kulit, kita ada doktor pakar kulit di sini - akan dapat dibaiki oleh pakar yang baru ini Mr. Jalal daripada Sarawak, bukan daripada Kepong. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Inilah yang kita harapkan bahawa *management* baru dan dengan apa-apa tindakan yang positif kita harap dapat membolehkan MAS untuk memulihkan imejnya dan kemudian mendapat keuntungan dan mengatasi segala masalah yang disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini. Kementerian pun merasa bimbang dengan masalah ini, malah bukan sahaja kementerian tetapi juga kerajaan keseluruhannya.

Mengenai pembelian kapal terbang-kapal terbang, untuk maklumat Yang Berhormat kapal terbang-kapal terbang kita adalah dimiliki oleh Penerbangan Malaysia Berhad. Jadi pelaburan untuk membeli *hardware* ini adalah dibuat oleh Penerbangan Malaysia Berhad.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, berapa lama lagi boleh dihabiskan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Masih panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Douglas Uggah Embas: Panjang lagi.

Beberapa Ahli: Sambung esok, esok!

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, sambung esok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, tidak apalah Yang Berhormat kalau hendak sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.